



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

TAHUN 2014

Siri 1

MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI



MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2014 MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN SERTA AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI

ISI KANDUNGAN

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2014

SENARAI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
2	**JABATAN PERDANA MENTERI** • **Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan (ICU)** - Pengurusan Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sabah Dan Sarawak (PKGBM)	3 – 12
3	**KEMENTERIAN KEWANGAN** • **Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia** - Pengurusan Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) BR1M 2012, BR1M 2013 dan BR1M 2014	13 – 20
4	**KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** - Projek Pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan	21 – 33
5	**KEMENTERIAN KESIHATAN / KEMENTERIAN KERJA RAYA** - Pengurusan Projek Pembinaan *Specialist Complex And Ambulatory Care Centre* Di Hospital Kuala Lumpur	34 - 46
6	**KEMENTERIAN KESIHATAN** - Pengurusan Perkhidmatan Klinik Bergerak	47 - 60

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
7	**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** - Pembinaan Dan Pengurusan Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Negeri Sabah	61 - 71
8	**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** - Projek Infrastruktur Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP) Di Sabah Dan Sarawak	72 – 83
9	• **Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)** - Pengurusan Perkhidmatan Pemancar Oleh Telekom Malaysia	84 – 97
10	**KEMENTERIAN PERTAHANAN** - Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur	98 – 118
11	- Pengurusan Prasarana Dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur	119 – 129
12	- Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara (KTU) Di Kepala Batas, Kedah	130 – 139
13	**KEMENTERIAN DALAM NEGERI** • **Polis DiRaja Malaysia** - Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor	140 – 150
14	- Pengurusan Kuarters Polis Diraja Malaysia	151 - 166
15	• **Jabatan Imigresen Malaysia** - Pengurusan Kuarters Di Jabatan Imigresen Malaysia	167 - 186

MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 1 TAHUN 2014

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
17	**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** - Pengurusan Perbadanan Nasional Berhad	189 - 212
18	**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** - Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd	213 - 234
19	**KEMENTERIAN KEWANGAN** - Pengurusan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd	235 - 244

(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

JABATAN PERDANA MENTERI

Unit Penyelarasan Dan Pelaksanaan (ICU)

Perenggan 2 : Pengurusan Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sabah Dan Sarawak (PKGBM)

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.1.b	**Prestasi Dan Pengurusan PKGBM Di Sarawak - Projek Akuakultur, Batang Ai - Pemilihan Peserta Projek - Asas Pemilihan Peserta Yang Kurang Jelas** Salah satu objektif projek ini adalah untuk memastikan setiap peserta boleh mencapai pendapatan melebihi RM5,000 sebulan pada tahun 2020. Semakan Audit mendapati 4 dari 13 peserta sedia ada telah memperoleh pendapatan bulanan melebihi RM5,000 sebulan sebelum membuat permohonan. Bagaimanapun, Garis Panduan Projek Akuakultur (GPPA) tidak menyatakan dengan jelas tentang had pendapatan mereka sebelum menerima bantuan. Pendapatan bulanan yang diterima oleh 4 peserta ini adalah antara RM5, 460 hingga RM429,636. Pihak audit dimaklumkan bahawa pemilihan 4 peserta tersebut adalah atas asas mereka sebagai mentor. Pada pendapat Audit, GPPA perlulah ditambah baik bagi memastikan kriteria yang jelas bagi pemilihan peserta dan peranan peserta mentor yang terlibat. Peserta mentor juga perlu dimaklumkan tentang peranan dan tanggungjawab mereka. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Garis Panduan Projek Akuakultur (GPPA) asal tidak menyatakan dengan jelas tentang had pendapatan peserta sebelum ditawarkan bantuan. Daripada segi pemilihan peserta, terdapat seramai 4 peserta yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM5,000. Pemilihan 4 peserta tersebut adalah bertujuan sebagai mentor kepada peserta-peserta lain. Bagaimanapun, GPPA ini telah ditambah baik dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Strategik Jabatan Bil.1/2015 pada 26 Februari 2015. Elemen berkaitan konsep mentoring yang dilaksanakan dalam pelaksanaan projek perintis akuakultur ini*	Garis Panduan Projek Akuakultur (GPPA) disediakan oleh Jabatan Pertanian Sarawak (DOA). GPPA asal ini disediakan pada bulan Jun 2012 tetapi tidak menyatakan dengan jelas tentang had pendapatan peserta sebelum ditawarkan bantuan. Daripada segi pemilihan peserta, terdapat seramai 4 peserta yang mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM5,000.Ini adalah kerana, prinsip asal pemilihan 4 peserta tersebut adalah bertujuan sebagai mentor kepada peserta-peserta lain. Bagaimanapun, GPPA ini telah ditambah baik dan diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Strategik Jabatan Bil.1/2015 pada 26 Februari 2015. Elemen berkaitan konsep mentoring yang dilaksanakan dalam pelaksanaan projek perintis akuakultur ini juga telah dimasukkan di dalam GPPA berkenaan. Kriteria pemilihan mentor adalah pengusaha tempatan akuakultur yang aktif dan sedang mengusahakan projek sendiri; mempunyai pengalaman; mencapai pendapatan purata bulanan yang melebihi RM5,000; dan bersedia berkongsi pengalaman dengan peserta-peserta projek akuakultur baru dan yang belum lagi mencapai tahap pendapatan yang ditetapkan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	juga telah dimasukkan di dalam GPPA berkenaan. Kriteria pemilihan mentor adalah pengusaha tempatan akuakultur yang aktif dan sedang mengusahakan projek sendiri; mempunyai pengalaman; mencapai pendapatan purata bulanan yang melebihi RM5,000; dan bersedia berkongsi pengalaman dengan peserta-peserta projek akuakultur baru dan yang belum lagi mencapai tahap pendapatan yang ditetapkan.	
2.5.2.1.c	**Agensi Peneraju Projek Masih Belum Dilantik** Agensi Peneraju Projek berperanan sebagai agensi pemasaran, pembekal input serta mengurus akaun projek. Setiap peserta projek perlu memasarkan tidak kurang daripada 80% hasil ikan daripada projek ini secara kontrak kepada agensi peneraju projek yang dilantik oleh DOA. Bagi setiap hasil pengeluaran daripada projek ini, agensi peneraju projek akan membeli mengikut harga minimum ladang iaitu RM9 sekilogram. Harga minimum ladang ini akan disemak semula dari semasa ke semasa dalam tempoh pelaksanaan projek ini. Semakan Audit mendapati agensi peneraju projek masih belum dilantik lagi oleh DOA walaupun projek ini telah bermula pada tahun 2013. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak telah mengenal pasti Sarawak Land Consolidation & Rehabilitation Authority (SALCRA) sebagai agensi peneraju Projek Akuakultur Batang Ai. Antara peranan dan tanggungjawab agensi peneraju adalah untuk merancang pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil daripada peserta projek dan mewujudkan rekod untuk setiap peserta bagi urusan jualan hasil dan modal pusingan. Pelaksanaan SALCRA sebagai agensi peneraju Projek Akuakultur Batang Ai telah dimulakan pada Januari 2015.* Pada pendapat Audit, peranan agensi peneraju penting kerana selain membantu dalam proses pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran, maklumat daripada agensi tersebut boleh digunakan untuk mengukur prestasi pencapaian objektif dan *outcome* projek ini. Memandangkan projek telah mula mengeluarkan hasil, agensi peneraju perlu segera melaksanakan peranannya.	Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak pada 23 Mac 2011 telah mengenal pasti Sarawak *Land Consolidation & Rehabilitation Authority* (SALCRA) sebagai agensi peneraju Projek Akuakultur Batang Ai. Antara peranan dan tanggungjawab agensi peneraju adalah untuk merancang pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil daripada peserta projek dan mewujudkan rekod untuk setiap peserta bagi urusan jualan hasil dan modal pusingan.Sejak dimulakan pada tahun 2012, projek akuakultur ini diterajui oleh DOA kerana SALCRA belum bersedia untuk menerajui projek akuakultur tersebut. Pelaksanaan SALCRA sebagai agensi peneraju Projek Akuakultur Batang Ai telah bermula pada Januari 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.2.1.d.i	**Proses Permohonan, Kelulusan Dan Pelaksanaan** Semakan Audit terhadap 15 borang permohonan PABA/12/1 mendapati borang permohonan ini tidak diisi dengan lengkap. Memandangkan maklumat yang tidak diisi adalah maklumat bantuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa, ketiadaan maklumat tersebut menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan bantuan yang diterima bertepatan dengan kelulusan. Pada pendapat Audit, maklumat bantuan yang diluluskan bagi setiap permohonan adalah penting untuk memastikan ketelusan proses kelulusan di samping menentukan nilai bantuan sebenar yang diluluskan oleh Jawatankuasa. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Maklumat yang perlu dilengkapkan di Bahagian B borang permohonan adalah khusus untuk projek sedia ada (yang dilaksanakan oleh 11 orang peserta sedia ada). Bagi 15 orang peserta baru, maklumat di Bahagian B tersebut tidak perlu diisi. Mengambil kira pandangan Audit, maklumat bantuan yang diluluskan bagi 15 orang peserta baru telah dilengkapkan.*	Bagi 15 orang peserta baru, maklumat bantuan tidak diisi di dalam borang permohonan PABA /12/1 kerana catatannya telah ada dalam Minit Mesyuarat Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti Sarawak yang telah dilaksanakan oleh DOA pada 11 Oktober 2012. Mengambil kira pandangan Audit, maklumat bantuan yang diluluskan bagi 15 orang peserta baru telah dilengkapkan.
2.5.3.1.a	**Program Pengukuran Tanah Hak Adat - Sasaran Pengukuran Tanah NCR** Didapati sasaran asal pengukuran tanah NCR sejumlah 730,000 hektar tidak dapat dicapai di mana hanya 521,965 hektar (72%) dapat diukur bagi tempoh 2010 hingga 2014. Antara sebab sasaran ini tidak dapat dicapai adalah kerana penduduk menuntut kawasan yang lebih luas, pertikaian kawasan dan persetujuan untuk pengukuran, kes mahkamah, pertindihan dengan Surat Hak milik Sementara, penduduk memohon pengukuran lot secara individu dan isu persempadanan. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Sehingga 31 Januari 2015, pengukuran tanah NCR yang telah berjaya diukur adalah seluas 552,803 hektar (75.73%). Pelbagai tindakan penyelesaian telah diambil dan dilaksanakan secara berterusan untuk mencapai sasaran pengukuran tanah NCR. Antaranya melalui penambahbaikan sesi dialog, penggunaan "Dialogue Kit", mendapatkan kerjasama daripada pihak berkuasa setempat (Pejabat Residen, Pejabat Daerah, PDRM, JKKK, Ketua Masyarakat*	Program Pengukuran Tanah Hak Adat (NCR) telah dimulakan pada tahun 2010 dan skop pelaksanaan pengukuran tanah NCR adalah meliputi pengukuran perimeter dan individu. Sehingga 31 Januari 2015, pengukuran perimeter tanah NCR yang telah berjaya diukur adalah seluas 552,803 hektar (75.73%). Kelewatan pengukuran ini adalah kerana pihak Kerajaan Negeri juga telah mengambilkira pengukuran lot individu.Sehingga 31 Januari 2015, pengukuran lot individu tanah NCR yang telah berjaya diukur adalah seluas 2,249 hektar. Pelbagai tindakan penyelesaian telah diambil dan dilaksanakan secara berterusan untuk mencapai sasaran pengukuran tanah NCR. Antaranya melalui penambahbaikan sesi dialog, penggunaan "*Dialogue Kit*", mendapatkan kerjasama daripada pihak berkuasa setempat (Pejabat Residen, Pejabat Daerah, PDRM, JKKK, Ketua Masyarakat dan lain-lain) dan Divisional Land Committee, meningkatkan aktiviti promosi dan pemerkasaan pemantauan melalui penubuhan NCR *Task Force Committee*.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan lain-lain) dan Divisional Land Committee, meningkatkan aktiviti promosi dan pemerkasaan pemantauan melalui penubuhan NCR Task Force Committee.	
2.5.3.1.b	**Prestasi Pewartaan Tanah NCR** Setiap tanah NCR yang telah siap diukur akan diwartakan sebagai tanah NCR dan dikeluarkan geran hak milik tanah tersebut. Pihak Audit mendapati bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014, sejumlah 271,438 daripada 521,965 hektar tanah NCR yang telah diukur telah selesai diwartakan. Antara sebab tanah NCR masih belum diwartakan ialah pertindihan dengan tanah yang disukat dan tanah NCR tersebut dimiliki lebih dari satu komuniti. Kelewatan mewartakan Tanah NCR ini boleh menjejaskan perancangan pembangunan tanah-tanah NCR tersebut. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Sehingga 31 Januari 2015, kawasan yang telah diwartakan adalah berjumlah 285,617 hektar (51.67%) daripada kawasan yang telah diukur seluas 552,803 hektar. Antara sebab tanah NCR masih belum diwartakan ialah pertindihan dengan kawasan yang telah diluluskan untuk projek NCL Development dan pertindihan tuntutan lebih dari satu komuniti. NCL Development merupakan satu projek yang berlainan daripada program Pengukuran Perimeter NCR dan berada di bawah penyeliaan Kementerian Pembangunan Tanah Sarawak. Kebenaran untuk mengukur/mewartakan kawasan NCR di kawasan NCL Development adalah tertakluk kepada Kementerian tersebut. Proses pewartaan melibatkan beberapa peringkat semakan yang teliti ke atas kawasan yang telah diukur. Pewartaan tanah berjumlah 542,393 hektar (98.11%) daripada keluasan tanah yang diukur dijangka dapat disiapkan pada bulan Jun 2015.* Pada pendapat Audit, program ini belum dapat mencapai objektifnya kerana faktor-faktor di luar kawalan agensi pelaksana.	Pewartaan tanah NCR telah dimulakan pada tahun 2010. Antara sebab tanah NCR masih belum diwartakan ialah berlaku pertindihan dengan kawasan yang telah diluluskan untuk projek *Native Customary Land* (NCL) *Development* dan pertindihan tuntutan lebih dari satu komuniti. NCL *Development* yang diselia oleh Kementerian Pembangunan Tanah Sarawak dan telah dilaksanakan sebelum program pengukuran NCR. Kebenaran untuk mengukur/mewartakan kawasan NCR di kawasan NCL *Development* adalah tertakluk kepada Kementerian tersebut. Proses pewartaan melibatkan beberapa peringkat semakan yang teliti ke atas kawasan yang telah diukur. Sehingga 31 Januari 2015, kawasan yang telah diwartakan adalah berjumlah 285,617 hektar (51.67%) daripada kawasan yang telah diukur seluas 552,803 hektar. Pewartaan baki tanah seluas 267,186 hektar daripada keluasan tanah yang diukur dijangka dapat disiapkan pada bulan Jun 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.4.b	**Projek Pembinaan/Aktiviti Di *Rural Service Centre* (RSC) - Kemudahan Tidak Digunakan** Lawatan Audit pada 24 Januari 2014 ke RSC Apau Nyaring, Miri, Sarawak mendapati tiada sebarang aktiviti komuniti diadakan sejak ia siap pada 28 Jun 2013. Sebaliknya, aktiviti komuniti kepada penduduk di kawasan ini hanya diadakan apabila pasukan Audit membuat lawatan ke kawasan tersebut. Aktiviti komuniti pada waktu tersebut melibatkan beberapa agensi Kerajaan seperti DOA Sarawak, Perbadanan Kraftangan Malaysia, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kesihatan dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM). Semasa lawatan Audit dijalankan di RSC Long Apau Nyaring mendapati masih belum ada perancangan aktiviti yang telah dilaksanakan di RSC tersebut. Sebagai contoh, temu bual pihak Audit dengan wakil KEMAS menjelaskan tabika KEMAS tidak dapat diwujudkan pada masa itu disebabkan tiada calon guru tabika yang layak dan sesuai untuk ditempatkan lagi di Apau Nyaring. Pada pendapat Audit, pelaksanaan RSC dapat ditingkatkan keberkesanannya jika perancangan dan pemantauan aktiviti dapat ditentukan dengan jelas oleh setiap agensi pelaksana yang terlibat. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Tabika KEMAS di Apau Nyaring telah dibuka pada Julai 2014 dan pada masa ini telah beroperasi seperti jadual persekolahan biasa. Pada 24 Oktober 2014, Pihak Ibu Pejabat KEMAS telah mengadakan lawatan rasmi ke RSC Apau Nyaring untuk memberi penerangan tentang operasi KEMAS kepada penduduk Apau Nyaring. Bagi agensi-agensi yang lain seperti Perbadanan Kraf tangan Malaysia satu program akan diadakan untuk mempromosikan produk kraf tangan dari kawasan tersebut. Selain itu, DOA juga telah melaksanakan Kursus Modal Insan pada 14 hingga 16 Julai 2014 yang melibatkan penduduk Apau Nyaring. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti di RSC bagi tahun 2015 juga telah dirancang yang melibatkan SPU, DMO, Perbadanan Kraf tangan Malaysia dan KEMAS. Semua pelaksanaan aktiviti di RSC ini perlu dilaporkan kepada DMO.*	Tabika KEMAS di Apau Nyaring telah dibuka pada Julai 2014 dan pada masa ini telah beroperasi seperti jadual persekolahan biasa. Pada 24 Oktober 2014, pihak Ibu Pejabat KEMAS telah mengadakan lawatan rasmi ke RSC Apau Nyaring untuk memberi penerangan tentang operasi KEMAS kepada penduduk Apau Nyaring. Selain itu, DOA juga telah melaksanakan Kursus Modal Insan pada 14 hingga 16 Julai 2014. Perbadanan Kraf tangan Malaysia juga telah mengadakan aktiviti bimbingan teknikal untuk menaiktaraf produk kraf dari kawasan tersebut. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti di RSC bagi tahun 2015 juga telah dirancang yang melibatkan *State Planning Unit* (SPU), *Delivery Managemet Office* (DMO), Perbadanan Kraf tangan Malaysia dan KEMAS. Semua pelaksanaan aktiviti di RSC ini perlu dilaporkan kepada DMO.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.5.a	**Program Pembangunan Tanah Hak Adat (NCR) - Prestasi Pelaksanaan Program Pembangunan Tanah NCR** Mengikut perancangan, sebanyak 6 lokasi telah dicadangkan untuk dilaksanakan Program Pembangunan Tanah NCR ini. Bagaimanapun, hanya 2 lokasi sahaja telah melaksanakan program ini. Punca utama projek masih belum dilaksanakan di lokasi yang dikenal pasti adalah kerana masalah mendapatkan persetujuan penduduk kampung bagi membangunkan tanah mereka. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Projek penanaman kelapa sawit di Murud, Segenam oleh SALCRA telah selesai ditanam mengikut jadual. Bagi projek penanaman kelapa sawit di Sibauh, Serian, kontraktor asal gagal menyiapkan projek dan kontrak tersebut telah ditamatkan. Kontraktor baru telah dilantik pada 25 Ogos 2014. Projek ini dijangka selesai pada 24 Mac 2016. Bagi projek penanaman kelapa sawit di Sg. Bakong, Miri dan Lunchong Stumbin, Sri Aman, pelaksanaan projek masih belum bermula. Namun begitu, aktiviti dialog dan lawatan secara intensif dibuat bagi mendapatkan persetujuan pemilik tanah. Cadangan pelaksanaan projek tersebut dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke 11. Bagi Projek Penanaman getah di Lio Matu, Miri ia dijangka dilaksanakan pada suku tahun pertama 2015.*	Projek penanaman kelapa sawit di Murud, Segenam oleh SALCRA dan di Skuduk, Padawan oleh SLDB telah selesai ditanam mengikut jadual. Bagi projek penanaman kelapa sawit di Sibauh, Serian, kontraktor asal gagal menyiapkan projek dan kontrak tersebut telah ditamatkan. Kontraktor baru telah dilantik pada 25 Ogos 2014. Projek ini dijangka selesai pada 24 Mac 2016. Sementara itu, projek penanaman getah di Lio Matu, Miri dijangka dilaksanakan pada bulan April 2015. Bagi projek penanaman kelapa sawit di Sg. Bakong, Miri dan Lunchong Stumbin, Sri Aman, pelaksanaan projek masih belum bermula. Kelewatan pelaksanaan projek-projek ini adalah disebabkan oleh tentangan daripada penduduk setempat dan keluasan kawasan yang kecil dan tidak dapat dimajukan secara besar-besaran. Pada masa yang sama, aktiviti dialog dan lawatan secara intensif dibuat bagi mendapatkan persetujuan pemilik tanah. Cadangan pelaksanaan projek tersebut dijangka dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke 11.
2.5.5.b	**Sebahagian Anak Pokok Getah Lewat Ditanam** Mengikut syarat kontrak, projek penanaman anak pokok getah oleh SLDB ini perlu disiapkan pada 14 November 2013. Lawatan Audit pada 28 Januari 2014 mendapati sebahagian anak pokok getah ini masih belum ditanam. Tiada bukti yang menunjukkan ada lanjutan masa diberikan kepada kontraktor untuk menyiapkan kerja penanaman tersebut. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Lanjutan masa (Extension of Time) selama 98 hari telah diberikan kepada kontraktor melalui surat bertarikh 5 Februari 2014. Berdasarkan lanjutan masa tersebut, projek penanaman anak pokok getah ini akan disiapkan pada 31 Mac 2014. Projek penanaman getah ini telah siap sepenuhnya pada penghujung Mac 2014.*	Lanjutan masa (*Extension of Time*) selama 98 hari telah diberikan kepada kontraktor melalui surat bertarikh 5 Februari 2014. Projek penanaman anak pokok getah di Skuduk telah siap dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Mac 2014.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.7.1.a	**Prestasi PKGBM Di Sabah - Pembinaan Projek Mahkamah Anak Negeri (MAN) - Prestasi Pelaksanaan Projek** Sehingga 31 Oktober 2014, sebanyak 3 projek pembinaan MAN di Penampang, Keningau dan Kudat yang sepatutnya disiapkan pada tahun 2013, tidak dapat disiapkan pada tahun tersebut. Manakala 3 lagi projek pembinaan MAN di Sandakan, Tuaran dan Lahad Datu masih lagi dalam pelaksanaan serta lewat daripada jadual yang telah ditetapkan. Pada pendapat Audit, prestasi projek pembinaan MAN adalah kurang memuaskan. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *ICU JPM selaku penyelaras kepada pelaksanaan PKGBM Sabah termasuk projek-projek pembinaan Mahkamah Anak Negeri (MAN) telah melaksanakan pelbagai kaedah pemantauan untuk memastikan projek-projek tersebut dapat disiapkan dan seterusnya dimanfaatkan oleh kumpulan sasar. Antaranya seperti mesyuarat penyelarasan dengan agensi pelaksana, lawatan ke tapak, intervensi teknikal, mesyuarat tapak, pelaporan prestasi projek secara berkala setiap minggu dan pelaporan prestasi bergambar khusus untuk projek-projek fizikal setiap dua minggu sekali. Selain itu, pengurusan tertinggi ICU JPM bersama stake holders juga telah melaksanakan lawatan pemantauan ke tapak projek bermula pada bulan Jun 2014. Lawatan pemantauan diadakan sekurang-kurang sekali pada setiap bulan. Sehingga kini, sebanyak 10 lawatan pemantauan telah dilaksanakan ke atas projek-projek tersebut.*	Penyelarasan dan pemantauan projek-projek fizikal Program Khas Golongan Bumiputera Minoriti (PKGBM) di Sabah dilaksanakan oleh UPEN manakala agensi pelaksana projek-projek tersebut adalah JKR Sabah. ICU JPM terlibat sebagai penyelaras PKGBM Sabah termasuk projek pembinaan MAN, memberi input dan nasihat bagi mempercepat pelaksanaan projek-projek tersebut. ICU JPM juga sentiasa membuat pemantauan dan setiap kali pemantauan, pelan pemulihan telah dikemukakan untuk tindakan UPEN dan agensi pelaksana. Usaha-usaha lain yang telah dilaksanakan oleh ICU JPM adalah seperti mesyuarat penyelarasan dengan agensi pelaksana, lawatan ke tapak, intervensi teknikal, mesyuarat tapak, pelaporan prestasi projek secara berkala setiap minggu dan pelaporan prestasi bergambar khusus untuk projek-projek fizikal setiap dua minggu sekali. Kelewatan pelaksanaan 3 projek pembinaan MAN di Penampang, Keningau dan Kudat dan status semasa projek-projek ini adalah seperti berikut:- **MAN Penampang:** Kelewatan adalah disebabkan oleh pengalihan utiliti, pemasangan paip dan kabel telekom dan perubahan reka bentuk dan kerja-kerja tambahan. Prestasi fizikal terkini adalah 74.22% berbanding jadual 100%. **MAN Keningau:** Kelewatan adalah disebabkan oleh perubahan reka bentuk, pengalihan utiliti dan kerja-kerja tambahan. Prestasi fizikal terkini adalah 62.15% berbanding jadual 75.43% **MAN Kudat:** Kelewatan adalah disebabkan oleh kelewatan mengemukakan *lay out* asas cerucuk, lukisan pembinaan rumah pam dan pondok pengawal, kerja-kerja tambahan dan kelewatan pengesahan kerja-kerja fabrikasi bumbung. Prestasi fizikal terkini adalah 81.7% berbanding jadual 100%.
2.5.7.2.a	**Projek Pembinaan Institut Latihan Mahkamah Anak Negeri (ILMAN) - Prestasi Pelaksanaan Dan Kewangan Projek** Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Tapak ke-11 yang telah diadakan pada 4 Disember 2013 mendapati peratus sebenar kerja fizikal projek adalah 5.43% berbanding mengikut jadual iaitu 17.44% yang melibatkan prestasi perbelanjaan projek mencapai sejumlah RM1.8 juta. Ini menunjukkan kelewatan sebanyak 12.01%. Bagi keseluruhan kerja tanah, kelewatan adalah	Perancangan, penyelarasan dan pemantauan projek ILMAN dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah dan Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (PHEANS). Agensi pelaksana bagi projek ILMAN adalah JKR Sabah. Kelewatan di peringkat awal pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh arahan penyediaan *Laporan Environmental Impact Assessment* (EIA), pemindahan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebanyak 30%. Lawatan Audit pada 10 Februari 2014 ke lokasi projek mendapati projek ini masih lagi dalam peringkat pelaksanaan. Semakan selanjutnya mendapati satu Lanjutan Masa (EOT) yang melibatkan tempoh selama 121 hari telah diluluskan atas sebab keperluan penyediaan Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi projek ini. Merujuk kepada Minit Mesyuarat Intervensi Bagi Projek Pembinaan ILMAN Sabah Bil. 1 Tahun 2013, pihak JKR Sabah tidak dimaklumkan oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS) tentang keperluan penyediaan laporan EIA tersebut. Oleh itu, pihak kontraktor telah melantik perunding untuk menyediakan laporan tersebut dalam masa 3 minggu. Kelewatan penyediaan laporan ini juga adalah disebabkan oleh pelan kerja tanah (*earth work plan*) yang ada pada pihak kontraktor telah hilang. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Kelewatan di peringkat awal pelaksanaan projek ILMAN adalah disebabkan oleh arahan penyediaan Laporan Environmental Impact Assessment (EIA), pemindahan rumah setinggan dan pengalihan utiliti. Prestasi terkini projek ILMAN ialah 39.61% berbanding jadual 40.8%. Projek dijangka siap pada 11 Disember 2015.* Pada pendapat Audit, masalah yang menyebabkan kelewatan projek ini dapat dielakkan sekiranya perancangan dibuat dengan teliti.	rumah setinggan, pengalihan utiliti dan rotation bangunan yang memerlukan perubahan reka bentuk. Prestasi fizikal terkini projek ILMAN ialah 39.61% berbanding jadual 40.8%. Projek dijangka siap pada 11 Disember 2015.
2.5.7.3.a	**Program Latihan Kraftangan - Kumpulan Yayasan Sabah** i. Kumpulan Yayasan Sabah (KYS) menjalankan PLK di Pusat Kraftangan Sabah (PKS) yang terletak di Keningau, Sabah. PKS merupakan pusat sehenti untuk latihan dan pemasaran produk kraftangan. Selain itu juga, PKS berperanan untuk membangun dan mengasah kemahiran peserta dengan harapan untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Pengurusan PKS adalah di bawah kendalian Kristal Handal Sdn. Bhd. ii. Semakan Audit terhadap pencapaian pelaksanaan kursus serta pembabitan pelatih PLK adalah memuaskan. iii. Semakan Audit mendapati KYS telah menerima peruntukan berjumlah RM24.5 juta bagi tahun 2011 hingga 2013 untuk melaksanakan PLK di bawah PKGBM ini. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM23.9 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan PLK ini.	Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012 telah menetapkan supaya agensi melaksanakan penilaian *outcome* ke atas projek-projek yang telah dilaksanakan. Bagi program Latihan Kraftangan, ICU JPM telah melakasanakan penilaian outcome ke atas program Latihan Kraftangan tahun 2011 melibatkan seramai 379 peserta program dan 38 orang kakitangan institusi latihan. Berdasarkan penilaian *outcome* program yang dilaksanakan pada tahun 2011, cadangan penambahbaikan program telah dibuat iaitu berkaitan dengan *traceability* peserta. Berdasarkan cadangan tersebut, kajian awal mengenai impak program latihan kraftangan yang dilaksanakan sejak tahun 2011 hingga 2014 telah dilaksanakan. Kajian tersebut meliputi bidang pekerjaan yang diceburi oleh bekas pelatih, pendapatan dan peningkatan taraf hidup masing-masing. Kajian impak tersebut melibatkan 903 orang bekas peserta. Antara dapatan kajian adalah seramai 379 orang terlibat sebagai pembuat kraf, 431 orang sebagai usahawan kraf manakala 93 orang sebagai jurulatih. Kajian juga mendapati jumlah pendapatan yang

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.7.3.b	**Kolej Yayasan Sabah** i. Kolej Yayasan Sabah telah memulakan program kemahiran dalam Pembuatan Kraftangan Lukisan Batik, Blok Batik, Batik Alam, Sulaman dan Kraftangan pada Oktober 2011. Ia juga mempunyai sebuah galeri di Pusat Kraftangan Keningau dan Bengkel Kraftangan KYS di Likas untuk memperagakan hasil produk-produk pelatih. Sehubungan dengan itu, mesyuarat *Penyelarasan Program Khas Bumiputera Minoriti Sabah Bil. 1/2013* yang telah diadakan pada 5 Februari 2013, telah memberi kelulusan kepada Kolej Yayasan Sabah untuk menjalankan PLK di bawah PKGBM Negeri Sabah bagi tahun 2013. ii. Semakan Audit terhadap pencapaian pelaksanaan kursus serta pembabitan pelatih PLK adalah memuaskan. iii. Sehingga 31 Disember 2013, Kolej Yayasan Sabah telah menerima peruntukan dan telah membelanjakan sejumlah RM11.5 juta.	diterima bekas peserta adalah di antara RM450.00 sehingga RM4,500.00.
2.5.7.3.c	**Tidak Mengukur Pencapaian *Outcome*** Berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2012, telah menetapkan setiap agensi perlu membuat penilaian *outcome* dan impak program pembangunan masing-masing. Semakan Audit mendapati ICU ada membuat penilaian *outcome* bagi program ini bagi tahun 2011. Bagaimanapun, penilaian ini masih tidak mencukupi kerana rekod dan maklumat pelajar yang telah tamat program tidak dapat dikesan dan dinilai pencapaian mereka. Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi PLK ini adalah memuaskan di mana sasaran bilangan kursus dan pelatih telah dapat dicapai. Bagaimanapun, ia boleh ditambah baik sekiranya PLK menyimpan rekod dan maklumat lengkap pengesanan pelajar-pelajar yang telah tamat program bagi membolehkan keberkesanan pencapaian *outcome* program dinilai sepenuhnya. Maklum Balas ICU Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Berdasarkan penilaian outcome program ini bagi tahun 2011, cadangan penambahbaikan program telah dibuat iaitu berkaitan dengan traceability peserta. Berdasarkan cadangan tersebut, pengumpulan data dan maklumat bekas-bekas pelatih telah dan sedang dibuat khususnya daripada segi*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perusahaan yang diceburi selepas tamat latihan seperti berkecimpung dalam bidang keusahawanan, kejurulatihan atau pembuat Kraf. Pihak Yayasan Sabah juga sedang dalam proses mendapatkan maklumat purata pendapatan bekas pelatih bagi melaksanakan penilaian outcome program pada masa akan datang. Pihak Yayasan Sabah telah mengumpulkan data berkaitan tracebility dan dijangka boleh digunakan untuk melaksanakan penilaian outcome pada bulan Jun 2015.	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Perenggan 3 : Pengurusan Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) BR1M 2012, BR1M 2013 dan BR1M 2014

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.i	**Pengurusan Aktiviti - Penerimaan Permohonan Dan Pendaftaran** Proses pendaftaran dan penerimaan permohonan daripada golongan sasar diuruskan melalui kaunter di semua cawangan dan Pusat Khidmat Hasil LHDNM. Kaunter di luar cawangan dikendalikan berdasarkan perancangan yang telah dipersetujui bersama oleh LHDNM dan SUK/JPP.	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 3.5.2.ii
3.5.2.ii	**Pembayaran** Urusan bayaran dikendalikan oleh SUK/JPP dengan pihak yang terlibat di peringkat negeri, iaitu Pemimpin Tempatan Persekutuan, Pegawai Pelaksana Zon dan LHDNM. SUK/JPP akan menyerahkan surat makluman pembayaran kepada pemohon yang layak. Penyerahan baucar tunai kepada pemohon mengikut nilai yang telah ditetapkan dibuat mengikut kawasan Parlimen/ADUN di majlis penyerahan baucar. Penerima BR1M boleh menunaikan baucar di bank-bank terpilih pada masa yang ditetapkan dan mereka juga boleh menunaikan baucar di kaunter bank bergerak yang disediakan semasa majlis penyerahan baucar. Tindakan Penambahbaikan Terkini Oleh Kementerian Kewangan Bagi Pelaksanaan BR1M 2014 *Mulai tahun 2014, satu unit khas telah ditubuhkan oleh MOF khusus untuk pelaksanaan dan pemantauan BR1M, iaitu Sekretariat BR1M Kementerian Kewangan yang diketuai oleh Pengarah Belanjawan Negara bagi menguruskan BR1M 2014. Selain itu, penambahbaikan sistem telah dibuat, iaitu proses verifikasi pemohon BR1M 2014 disemak dengan lebih telus berdasarkan data daripada 11 agensi seperti berikut:*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	i. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) *ii. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)* *iii. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)* *iv. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)* *v. Polis Diraja Malaysia (PDRM)* *vi. Jabatan Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)* *vii. Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)* *viii. Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)* *ix. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)* *x. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)* *xi. Kementerian Pendidikan Malaysia*	
3.5.2.1	**Penunaian BR1M Lebih Dari Sekali** MOF telah melantik Bank Simpanan Nasional (BSN), CIMB Bank Berhad (CIMB) dan Maybank (MBB) untuk membuat pembayaran BR1M 2012 dan penambahan Public Bank Berhad (PBB) semasa pelaksanaan BR1M 2013. Pemohon yang telah menerima baucar BR1M boleh menuntut bayaran secara tunai di kaunter bank-bank berkenaan termasuk kaunter bergerak yang dibuka semasa majlis pengagihan baucar diadakan. Semakan Audit mendapati seramai 2,188 orang penerima BR1M 2012, 2,490 orang penerima BR1M 2013 dan 1,899 orang penerima Fasa 1, BR1M 2014 telah membuat penunaian lebih daripada sekali. Jumlah yang terlibat adalah RM1.11 juta atau 0.05% daripada jumlah keseluruhan peruntukan BR1M 2012, RM1.14 juta atau 0.04% daripada jumlah keseluruhan peruntukan BR1M 2013 dan RM1.09 juta atau 0.03% daripada jumlah keseluruhan peruntukan BR1M 2014. Selain itu, hasil temu bual bersama pegawai penyelaras yang menguruskan BR1M secara langsung, didapati bahawa semasa diadakan majlis penyerahan baucar BR1M, pihak bank membuka kaunter bergerak di luar talian (secara *off line*). Pihak bank hanya membawa senarai penerima berjaya, wang tunai dan cop pengesahan. Bayaran dibuat kepada penerima BR1M yang menuntut bayaran dengan menyemak senarai nama tanpa membuat semakan lanjut melalui sistem *online database*. Tindakan ini memberi ruang kepada penerima BR1M untuk mengambil kesempatan dengan melakukan tuntutan bayaran lebih dari sekali. Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 3.5.2.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	29 April 2014 *Buat masa ini, perkongsian data di antara bank tidak dibuat secara langsung (live). Justeru semakan penunaian secara langsung di antara bank tidak dapat dibuat. Kekangan dari segi sumber manusia di peringkat pengagihan baucar adalah faktor utama memandangkan jumlah penerima BR1M yang banyak serta perlu diselesaikan dengan segera.* Tindakan Penambahbaikan Terkini Oleh Kementerian Kewangan Bagi Pelaksanaan BR1M 2014 *Pelaksanaan BR1M 2014 memperlihatkan 60 peratus pengagihan bantuan kepada penerima BR1M adalah secara atas talian terus ke akaun bank penerima. Bagaimanapun, kes penunaian lebih daripada sekali menggunakan baucar masih berlaku semasa pengagihan BR1M 2014, Fasa 1 yang melibatkan 1,899 penerima dengan nilai bantuan berjumlah RM1.90 juta. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan telah segera mengambil tindakan penambahbaikan bagi Fasa 2 dengan memperkenalkan penggunaan surat kelulusan BR1M 2014 yang mempunyai ciri-ciri keselamatan anti-copy bagi menggantikan penggunaan baucar BR1M.* *Surat kelulusan tersebut dihantar terus kepada penerima dan bagi tujuan penunaian, penerima bantuan perlu membawa surat tersebut bersama kad pengenalan ke bank-bank yang telah ditetapkan. Keratan Akuan Penerimaan BR1M pada surat berkenaan akan disimpan oleh pihak bank apabila wang telah diserahkan kepada penerima. Ciri-ciri keselamatan anti-copy yang dilengkapkan pada surat kelulusan membantu mencegah berlakunya penyalinan surat untuk tujuan penunaian lebih daripada sekali. Kementerian Kewangan memaklumkan tiada sebarang kejadian penunaian lebih daripada sekali untuk pengagihan Fasa 2, BR1M 2014 selepas pengenalan surat kelulusan berkenaan.* Pada pendapat Audit, pengagihan bantuan secara terus ke dalam akaun penerima bagi yang mempunyai akaun bank seperti yang dilaksanakan dalam BR1M 2014 merupakan tindakan yang amat baik dan perlu diteruskan. Dalam hal ini, penggunaan baucar BR1M perlu digantikan dengan penggunaan surat kelulusan BR1M sepenuhnya dalam pelaksanaan BR1M pada masa hadapan bagi mengelakkan kes penunaian BR1M lebih daripada sekali berulang semasa pengagihan dibuat kepada penerima yang tidak mempunyai akaun bank. Ketiadaan sebarang kes baru penunaian lebih daripada sekali dalam	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Fasa 2, BR1M 2014 selepas penggunaan surat kelulusan tersebut merupakan justifikasi terbaik untuk meneruskan penggunaannya semasa pengagihan BR1M kepada penerima yang tidak mempunyai akaun bank. Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 *Bagi BR1M 2015, hanya 823,089 orang atau 11.3% penerima sahaja yang tidak mengemukakan maklumat akaun. Pembayaran BR1M 2015 diagihkan secara 3 peringkat bayaran bagi setiap penerima. Walau bagaimanapun, hanya peringkat pertama sahaja melibatkan baucar bayaran manakala pembayaran peringkat kedua dan ketiga adalah melalui surat kelulusan (anti-copy). Bagi memastikan baucar tersebut menepati piawaian keselamatan, baucar berkenaan juga dilengkapi ciri-ciri keselamatan, iaitu nama dan nombor kad pengenalan telah dicetak di atas baucar serta dilengkapi ciri-ciri anticopy yang sama seperti surat kelulusan (anti-copy).*	
3.5.2.2	**Bilangan Penerima BR1M Yang Belum Membuat Bayaran Balik** Pembayaran BR1M 2012 dibuat kepada ketua isi rumah yang layak memohon, merujuk kepada seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga. Pemberian BR1M 2013 pula diperluaskan dengan bantuan sejumlah RM250 kepada individu bujang yang tiada tanggungan tetapi berumur 21 tahun dan ke atas dengan jumlah pendapatan kasar tidak melebihi RM2,000 sebulan. BR1M 2014 ditambah baik dengan bantuan berjumlah RM450 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000 serta pengenalan caruman Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Nilai bantuan kepada isi rumah pendapatan kasar bulanan RM3,000 dan ke bawah dinaikkan kepada RM650 sementara kepada individu bujang dinaikkan kepada RM300. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2014, penerima yang membuat penunaian BR1M lebih daripada sekali dan belum membuat bayaran balik kepada Kementerian Kewangan Malaysia adalah masing-masing seramai 1,555 orang bagi BR1M 2012, 1,850 orang bagi BR1M 2013 dan 1,401 orang bagi BR1M 2014. Antara sebab penerima BR1M belum membuat bayaran balik adalah seperti berikut:-	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 3.5.2.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	i. penerima mengemukakan surat kepada MOF dan mengaku mereka tidak menerima BR1M; ii. penerima mengemukakan surat rayuan kepada MOF; iii. penerima berjanji untuk membayar balik; dan iv. selainnya, penerima tidak memberikan sebarang maklum balas. Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 29 April 2014 *Tindakan yang diambil ke atas penunaian lebih dari sekali:-* *i. Mengeluarkan surat peringatan kepada penerima untuk mengembalikan lebihan wang BR1M yang telah diambil; dan* *ii. Tindakan menyenarai hitam penerima yang tidak mengembalikan lebihan terimaan BR1M dibuat bagi memastikan penerima tidak dapat menerima BR1M pada tahun-tahun seterusnya.* Pada pendapat Audit, pihak MOF perlu mengambil tindakan berbentuk pencegahan seperti meningkatkan usaha untuk mewujudkan kesedaran kepada penerima BR1M yang masih belum mengemas kini atau mengemukakan maklumat akaun bank bagi pengagihan BR1M pada masa hadapan. Ini kerana pengagihan secara terus ke akaun penerima dapat menghalang kes pengambilan BR1M lebih daripada sekali dan membantu pihak MOF menguruskan program BR1M dengan lebih berkesan. Selain itu, tindakan yang lebih tegas seperti tindakan undang-undang perlu diambil sekiranya masih berlaku kes penerima BR1M lebih daripada sekali dalam pelaksanaan BR1M 2015 dan seterusnya. Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 *Bagi pelaksanaan BR1M 2015, Sekretariat BR1M telah menghantar surat dan juga borang kemas kini kepada semua penerima BR1M 2014 untuk mengemas kini maklumat serta mengemukakan maklumat akaun bagi memudahkan pembayaran BR1M 2015. Mengikut statistik terkini BR1M 2015, 6,463,718 atau 88.7% penerima BR1M telah mengemukakan maklumat akaun bagi tujuan pembayaran.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.2.3.a	**Kelemahan Kawalan Dalaman Semasa Proses Pengagihan Baucar BR1M 2012 dan BR1M 2013** MOF telah mengeluarkan Manual Prosedur Kerja BR1M sebagai panduan kepada pegawai penyelaras untuk menguruskan pengagihan baucar BR1M. Bagaimanapun, mekanisme pengagihan baucar kepada pemohon yang layak tidak dinyatakan dengan lengkap untuk tujuan pemantauan. Pihak Audit telah menjalankan pengauditan di peringkat pejabat penyelaras di 3 buah negeri yang dipilih sebagai sampel pengauditan, iaitu di Selangor, Johor dan Sabah. Semakan Audit mendapati terdapat beberapa kelemahan tentang kawalan dalaman semasa menguruskan pengagihan baucar BR1M dalam program BR1M 2012 dan BR1M 2013 seperti berikut:- Semua peringkat pejabat penyelaras termasuk pejabat daerah tidak mempunyai satu mekanisme yang seragam untuk mengagihkan baucar kepada penerima BR1M walaupun dalam negeri yang sama. Berdasarkan sampel yang disemak oleh pihak Audit terdapat kelemahan seperti berikut:- • terdapat *master listing* senarai nama penerima BR1M tidak dikemas kini dengan lengkap semasa majlis pengagihan baucar kerana kekerapan majlis pengagihan BR1M diadakan serentak di beberapa buah lokasi dengan bilangan pegawai bertugas yang tidak mencukupi. • pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada baucar tersebut telah diberikan kepada penerima yang layak kerana tidak semua senarai penerima ditandakan apabila baucar telah diserahkan. Tindakan Penambahbaikan Terkini Oleh Kementerian Kewangan Bagi Pelaksanaan BR1M 2014 *Pihak MOF telah mengeluarkan Standard Operating Prosedur (SOP) bagi pelaksanaan program BRIM 2014 yang menjelaskan dengan lebih terperinci tanggungjawab pejabat penyelaras dan tanggungjawab Bank yang dilantik untuk membuat pembayaran. Selain itu, SOP tersebut dengan jelas menyatakan tiada lagi penggunaan baucar BR1M mulai Fasa 2 BR1M 2014, sebaliknya penerima bantuan yang tidak mempunyai akaun bank untuk penyaluran bantuan secara atas talian, akan menerima surat kelulusan BR1M yang mempunyai ciri-ciri keselamatan.*	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 3.5.2.3.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 *Sekretariat BR1M setiap tahun telah mengemas kini SOP BR1M dan telah mengambil kira pandangan setiap agensi terlibat seperti pihak Bank, Pejabat SUK Negeri dan Pejabat SDO.*	
3.5.2.3.b	Jumlah pengagihan baucar kepada penerima BR1M hanya diperoleh setelah mengambil kira bilangan baki baucar sahaja termasuk bilangan penerima yang telah menuntut baucar lebih dari sekali. Jumlah sebenar baucar yang telah diagihkan tidak dapat ditentukan dengan tepat mengikut bilangan penerima.	Maklumbalas adalah sama seperti di perenggan 3.5.2.3.e
3.5.2.3.c	Baucar gantian yang dituntut oleh peringkat zon negeri di Ibu pejabat negeri tidak mencatatkan dengan lengkap nombor siri baucar yang hendak diganti. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menyemak ketepatan jumlah baucar gantian tersebut.	
3.5.2.3.d	Tiada makluman/arahan untuk tindakan lanjut baki baucar BR1M 2012 dan BR1M 2013 yang telah luput tarikh kerana tiada Manual Prosedur Kerja yang seragam ditetapkan. Semakan Audit mendapati masih terdapat pejabat penyelaras yang menyimpan semua baki baucar serta dokumen yang berkaitan dan ada pejabat penyelaras yang telah melupuskan dokumen tersebut.	
3.5.2.3.e	Proses pengagihan semasa majlis pengagihan baucar perlu dibuat dengan teratur supaya dapat dikawal dengan baik terutamanya di pusat pengagihan yang mempunyai bilangan penerima yang ramai. Berdasarkan temu bual bersama pegawai penyelaras, pihak Audit dimaklumkan berlaku kes di mana pengagihan yang tidak teratur menyebabkan orang ramai bersesak-sesak dan terpaksa menunggu terlalu lama. Pada pendapat Audit, pelaksanaan BR1M 2012 buat pertama kali menampakkan beberapa kelemahan. Bagaimanapun sebahagian besar kelemahan tersebut telah diatasi dan diperbetulkan semasa pelaksanaan BR1M 2014. Bagi pelaksanaan program BR1M pada masa akan datang, kelemahan mahupun kesilapan yang sama perlu dipastikan tidak akan berulang. Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 29 April 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	MOF telah mengambil tindakan penambahbaikan dalam pelaksanaan BR1M 2014 seperti berikut:- *i. Penyaluran BR1M terus ke akaun penerima dengan menggalakkan pemohon untuk mengemukakan nombor akaun bank semasa mengemas kini permohonan atau semasa membuat permohonan bagi pemohon baru.* *ii. Bagi pelaksanaan BR1M 2014, 60 peratus permohonan berjaya disalurkan terus secara kredit ke akaun penerima manakala baki disalurkan melalui pengagihan di majlis bergerak. Langkah ini telah dapat mengurangkan bilangan majlis yang perlu dibuat justeru kawalan pemberian semasa majlis juga dapat dipertingkatkan.* *iii. Bagi BR1M yang akan datang, pihak MOF akan terus membuat hebahan media bagi menggalakkan penerima BR1M mengemas kini maklumat dengan memasukkan maklumat akaun bank.* *iv. Pada masa akan datang, penggunaan baucar BR1M akan diminimumkan dan digantikan dengan satu surat kelulusan yang mempunyai dua bahagian di mana bahagian atas surat mengandungi maklumat peribadi penerima manakala bahagian bawah mengandungi keratan slip akuan penerimaan pembayaran. Nama penerima dan nilai bantuan telah pun dicetak di bahagian slip akuan pembayaran. Surat kelulusan tersebut mengandungi ciri keselamatan "anti-copy" di mana penerima tidak boleh membuat salinan semula surat tersebut.*	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Perenggan 4 : Projek Pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.1.1.b.i	**Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal - Notis Pemberhentian Kerja Oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Puteh, Kelantan** Pihak Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP), Kelantan telah mengeluarkan satu Notis Amaran supaya kontraktor menghentikan kerja pembinaan pada 10 Mei 2010 kerana mendirikan bangunan tanpa kebenaran mengikut Akta Jalan, Parit Dan Bangunan (Akta 133). Pihak perunding iaitu Linea Architect telah mengemukakan permohonan Kelulusan Pelan Bangunan kepada MDPP pada 21 Mac 2010. MDPP hanya meluluskan pembinaan diteruskan pada 14 September 2010.	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.1.1.b.iii
4.5.1.1.b.ii	**Perubahan Reka Bentuk** Beberapa reka bentuk telah dipinda menyebabkan kerja-kerja pembinaan ditangguhkan. Antara perubahan reka bentuk adalah perubahan tangga keselamatan di bangunan pentadbiran dan makmal sains, keperluan struktur dan skop mekanikal/elektrik di bangunan *chiller plant*.	
4.5.1.1.b.III	**Kerja Tambahan Dan Perubahan Kerja** Kerja-kerja tambahan dan perubahan kerja adalah disebabkan oleh tambahan skop kerja bagi *built in furniture*, perabot makmal dan kerja ICT selepas mendapat kelulusan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi pertambahan skop kerja dalam Fasa 1. Pada pendapat Audit, walaupun projek ini telah dapat disiapkan, namun ia telah mengalami *time overrun* selama 24 bulan. Tempoh menyiapkan projek ini boleh dipercepatkan sekiranya perancangan dan pelaksanaan dibuat dengan lebih teliti dan teratur. Kelewatan disebabkan oleh kegagalan mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan sebelum memulakan pembinaan sepatutnya tidak berlaku kerana ini merupakan prosedur asas yang wajib dipatuhi.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Sebab-sebab kelewatan di atas adalah memenuhi klausa 43 syarat-syarat kontrak dan di luar kawalan JKR. JKR berusaha untuk mengatasi masalah kelewatan tersebut dengan mengeluarkan surat arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) berkenaan dengan Penyeragaman Dokumen Perjanjian Dan Bayaran Bagi Pihak Perunding dan Penjadualan Kerja Peringkat Pra Pembinaan Bangunan.*	
4.5.1.2	**Pencapaian Kewangan Projek** Siling peruntukan keseluruhan asal yang telah diluluskan oleh EPU adalah berjumlah RM130 juta di bawah RMKe-9. Bagaimanapun, siling peruntukan RM213.29 juta telah dimuktamadkan pada 6 Februari 2009. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2014, sebanyak 30 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah diluluskan berjumlah RM0.26 juta manakala 7 APK berjumlah RM1.16 juta masih belum diluluskan. Sebanyak 7 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang telah diluluskan berjumlah RM10.65 juta manakala 4 PHK yang belum diluluskan berjumlah RM3 juta. Selepas mengambil kira APK dan PHK, nilai kontrak asal berjumlah RM160.28 juta (termasuk perjanjian tambahan skop *built in furniture*) telah meningkat kepada RM175.35 juta iaitu peningkatan sejumlah RM15.07 juta atau 9.40%. Selain daripada nilai kontrak, KPM juga menanggung kos lain yang terlibat dengan projek ini berjumlah RM24.57 juta. Semakan Audit juga mendapati kontraktor telah membuat tuntutan berkaitan dengan kerja-kerja *Industrialised Building System* (IBS) berjumlah RM6.41 juta. Asas tuntutan kontraktor ini adalah berdasarkan kepada reka bentuk komponen IBS tidak ditetapkan secara khusus yang membolehkan IBS skor dicapai semasa peringkat tender. Kontraktor telah menerima tender dengan menganggap bahawa kos IBS ini akan dituntut sebagai kerja-kerja tambahan. Mesyuarat Jawatankuasa Tuntutan Di Peringkat Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 9 Tahun 2014 pada 5 November 2014 telah meluluskan tuntutan kontraktor berjumlah RM1.60 juta (PHK No. 6). Pihak Audit mendapati pelaksanaan reka bentuk IBS ada dinyatakan dalam arahan kepada petender. Pada pendapat Audit, prestasi kewangan bagi projek ini adalah memuaskan. Sehingga 31 Disember 2014, kos projek berjumlah RM199.92 juta didapati tidak melebihi peruntukan yang diluluskan iaitu berjumlah RM213.29 juta. Nilai	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.1.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kontrak asal dijangka akan berubah setelah mengambil kira perubahan kerja yang diluluskan dan dimuktamadkan keseluruhannya. Selain itu, terdapat perubahan kerja yang masih belum diluluskan. Kelulusan perubahan kerja oleh JKR hendaklah dipercepatkan memandangkan Perakuan Siap Kerja telah pun dikeluarkan. Kelewatan kelulusan perubahan kerja ini boleh menyebabkan kelewatan menyediakan akaun dan bayaran muktamad. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Sebanyak 30 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah dimuktamadkan bersama kontraktor/perunding manakala 7 APK masih lagi belum diluluskan. Kesemua perubahan kerja adalah disebabkan oleh kelemahan reka bentuk yang disediakan oleh perunding dan kebanyakan arahan diberikan oleh wakil perunding kepada pihak kontraktor di tapak. Pihak perunding sering kali diberi peringatan supaya mengemukakan APK kepada Pegawai Penguasa secepat mungkin untuk kelulusan. Klausa dalam Memorandum Of Agreement menerangkan dengan jelas peranan Perunding tidak dipenuhi. Kesemua APK telah dikemukakan oleh Perunding kepada Pegawai Penguasa di peringkat akhir tempoh kontrak dan ini telah menyebabkan kelewatan kelulusan APK. Mesyuarat Pemantauan dan Pelarasan Arahan Perubahan Kerja dibuat sebanyak 7 kali sebelum dan selepas Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan untuk memantau kontraktor dan Perunding. Penyediaan Akaun Muktamad dijangka selesai pada bulan Julai 2015.*	
4.5.1.3	**Pencapaian *Outcome*** Pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan sepatutnya siap pada 3 Oktober 2011. Bagaimanapun, ia hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada 14 Oktober 2013. Kolej ini telah diserahkan kepada Bahagian Matrikulasi, KPM pada 27 Oktober 2014 dan sesi kemasukan pertama 2014/2015 akan bermula pada 25 Mei 2015. Mengikut perancangan asal, KMKt boleh menempatkan seramai 3,000 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia. Bagaimanapun, bagi sesi kemasukan sesi 2014/2015, KMKt hanya dapat menempatkan seramai 2,000 pelajar. Ini adalah disebabkan 2 blok asrama tidak dapat dibina kerana peruntukan yang terhad. Kemudahan lain yang tidak dapat dibina adalah surau dan kemudahan sukan. Pada pendapat Audit, walaupun projek KMKt telah siap dan mula beroperasi namun sasaran untuk menempatkan seramai 3,000 pelajar juga tidak dapat tercapai kerana 2 blok asrama tidak dapat dibina. KPM perlu berusaha untuk	**Maklum Balas Daripada Kementerian Pendidikan Malaysia** Permohonan Pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan Fasa 2 telah disediakan melalui Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11). Jumlah kos dipohon ialah RM280 juta merangkumi skop berikut:- (a) Bangunan Serbaguna; (b) Bangunan Astaka, Padang dan Gelanggang Permainan; (c) Surau; - Ruangan sembahyang lelaki dan perempuan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	memohon peruntukan kewangan untuk membina kemudahan tambahan ini supaya tercapai objektif menempatkan seramai 3,000 pelajar di KMKt. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 *Permohonan Pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan Fasa 2 telah disediakan melalui Sistem Pemantauan Projek bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Jumlah kos yang dimohon ialah RM280 juta. Antara skop yang akan dibina adalah Bangunan Serbaguna, Bangunan Astaka, Gelanggang Permainan, Surau dan 2 Blok Asrama.*	- Ruang legar - Bilik Imam - Bilik Kitab dan Alatan (d) 2 Blok Asrama dan Warden; - Bilik Bacaan - Bilik Gosok - Bilik Pelajar - Bilik Pelajar Disable - Bilik Penyelia Asrama - Bilik Rekreasi - Bilik Sakit - Bilik Tetamu - Bilik TV - Pejabat Warden - Rumah Felo (e) Bungalow – kelas 'C' (Pengarah); (f) Bangunan Kediaman; dan - Jenis 'C' (Timbalan Pengarah dan Ketua Jabatan) (g) 4 blok Bangunan Kediaman. - Jenis 'D' (Staff Pengurusan dan Pensyarah)
4.5.2.1.a	**Pengurusan Pembinaan - Kelewatan Memuktamadkan Rundingan Harga** Kementerian Kewangan Malaysia melantik syarikat Promosi Mantap Sdn. Bhd. secara rundingan terus pada 26 Mac 2007. Surat Niat telah dikeluarkan pada 29 Ogos 2007 dan Surat Setuju Terima (SST) telah ditandatangani oleh kontraktor pada 16 September 2009. Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003, bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga dan tempoh siap serta lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan bagi nilai projek yang melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui.	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.1.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.2.1.b	Semakan Audit mendapati siling peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 12 Jun 2006 untuk projek ini berjumlah RM130 juta. Pra-rundingan harga telah diadakan pada 11 September 2008. Manakala rundingan harga telah dimuktamadkan pada 30 Disember 2008. Pada rundingan tersebut, tiada persetujuan mengenai harga antara JKR dan kontraktor di mana anggaran harga oleh JKR berjumlah RM310 juta berbanding harga kontraktor berjumlah RM340 juta. JKR telah memohon kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk memuktamadkan harga tersebut. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan Malaysia telah memutuskan supaya JKR mengkaji semula skop siling dan harga dirundingkan semula.	
4.5.2.1.c	Rundingan harga kedua telah diadakan pada 19 Jun 2009 selepas mengambil kira siling peruntukan baru berjumlah RM213.29 juta. Pada rundingan tersebut, pihak kontraktor telah bersetuju dengan harga yang ditawarkan oleh JKR iaitu RM155 juta. Kementerian Kewangan Malaysia pada 11 Ogos 2009 telah bersetuju untuk meluluskan harga rundingan tersebut. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tempoh masa yang diambil untuk memuktamadkan harga dan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia adalah selama 21 bulan daripada tarikh Surat Niat dikeluarkan. Kelewatan memuktamadkan rundingan adalah selama 15 bulan dari tempoh masa yang ditetapkan dan ini telah menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Kelewatan Rundingan Harga adalah disebabkan oleh permohonan perubahan skop kerja antara pelanggan dan agensi pelulus. JKR hanya mengambil masa 52 hari sahaja untuk memuktamadkan rundingan harga iaitu daripada tarikh kelulusan skop kerja terakhir.*	
4.5.2.2.a	**Kelewatan Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan Perunding** Projek ini telah dilaksanakan secara konvensional di mana Kerajaan telah melantik perunding bagi menyediakan reka bentuk dan lukisan serta memantau pelaksanaan kerja semasa tempoh pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan. Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju meluluskan pelantikan perunding bagi mengendalikan projek ini pada bulan Mac 2008 dengan pembahagian skop kerja (bergabung) sebanyak 60/40 peratus. Kos keseluruhan perkhidmatan perunding adalah berjumlah RM20.36 juta. Jumlah ini telah mengambil kira perjanjian tambahan perunding kerana	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.2.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pertambahan skop baru. Perbelanjaan yang telah dibuat kepada perunding sehingga bulan Julai 2014 berjumlah RM15.53 juta atau 76.28%.	
4.5.2.2.b	Mengikut Manual Pelantikan Perunding Tahun 2006, Perjanjian Perolehan Perkhidmatan Perunding hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan daripada tarikh kos perkhidmatan perunding diluluskan. Manakala SST hendaklah dikeluarkan kepada perunding secepat mungkin. Semakan Audit mendapati kelewatan antara 67 hingga 116 hari dalam menandatangani Perjanjian Perolehan Perkhidmatan Perunding. Manakala SST telah dikeluarkan antara 19 hingga 59 hari daripada tarikh kelulusan kos perkhidmatan perunding. Pada pendapat Audit, perjanjian perolehan perkhidmatan perunding hendaklah dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan perunding terpelihara. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Kelewatan memuktamadkan perjanjian perolehan perkhidmatan perunding adalah disebabkan oleh pengiraan semula kos perkhidmatan perunding berikutan perubahan skop kerja yang ketara dan pengurangan kos siling projek.*	
4.5.2.3.a	**Syarat Pemberian Kerja Kepada Kontraktor Kelas F Tidak Dipatuhi** Mengikut Peruntukan Khas Kepada Syarat Kontrak, Kontraktor hendaklah mengagihkan 10% daripada nilai kontrak kepada kontraktor Kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor. Semasa proses menender, Kontraktor hendaklah mengenal pasti bahagian kerja untuk diagihkan kepada Kontraktor Kelas F dan menyediakan anggaran senarai agihan kerja.	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.3.c
4.5.2.3.b	Kontraktor telah memberi Aku Janji bersetuju mengagihkan sebanyak 13 kerja kepada 32 Kontraktor Kelas F yang diluluskan oleh Kerajaan berjumlah RM14.37 juta. Setelah menerima SST, kontraktor dikehendaki mengemukakan kepada Pegawai Penguasa senarai nama kontraktor Kelas F yang akan melaksanakan bahagian-bahagian kerja dan diberi Aku Janji oleh kontraktor tidak lewat dari Tarikh Milik Tapak.	
4.5.2.3.c	Semakan Audit mendapati hanya 6 Kontraktor Kelas F telah diberikan agihan kerja bagi Kerja Membekalkan, Membina, Menyiapkan Pejalan Kaki berjumlah RM1.98 juta iaitu 13.78% daripada jumlah yang telah diluluskan oleh Kerajaan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berjumlah RM14.37 juta. Ini berdasarkan kepada Surat Setuju Terima subkontrak kepada Kontraktor Kelas F. Semakan Audit juga mendapati tiada senarai nama Kontraktor Kelas F dikemukakan kepada Pegawai Penguasa selepas SST diterima oleh Kontraktor Utama. Pada pendapat Audit, kontraktor utama yang dilantik perlu mengagihkan kerja kepada kontraktor Kelas F selaras dengan Aku Janji yang ditandatangani. Pegawai Penguasa pula, perlu memastikan bahawa kontraktor utama mematuhi Aku Janji ini. Ini bagi memastikan bahawa dasar Kerajaan terhadap kontraktor Kelas F tercapai dan memberi peluang kepada lebih ramai kontraktor Kelas F untuk bergiat sama dalam projek pembangunan negara. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Kontraktor utama tidak terikat kepada pengagihan 10% daripada nilai kontrak kepada Kontraktor Kelas F kerana Menteri Kerja Raya telah mengumumkan bahawa dasar pengagihan kerja kepada Kontraktor Kelas F ditangguhkan buat sementara waktu bagi mengenal pasti segala permasalahan yang dihadapi dan mengkaji semula mekanisme pelaksanaannya pada 7 Mei 2008. Pegawai Penguasa telah menangguhkan pelaksanaan dasar ini dalam projek Pembinaan Kolej Matrikulasi Kelantan.*	
4.5.2.4.a	**Reka bentuk Gelanggang *Squash* Yang Tidak Mengikut Piawaian Yang Ditetapkan** Mengikut Garis Panduan Dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Standard Dan Kos Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Edisi Tahun 2008, spesifikasi saiz gelanggang *squash* yang telah ditetapkan oleh Persatuan Squash Malaysia dan The World Squash Federation bagi perseorangan ialah 9.75m x 6.4m x 8.0m x 5.64m. Lebar gelanggang *squash* yang ditetapkan ialah 6.4 meter.	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.4.b
4.5.2.4.b	Bagaimanapun, pihak Audit mendapati lebar sebenar gelanggang *squash* yang telah dibina berdasarkan reka bentuk daripada perunding adalah 8 meter, iaitu 1.6 meter melebihi daripada lebar yang ditetapkan. Kesilapan reka bentuk pembinaan gelanggang *squash* ini telah menyebabkan tambahan kos sejumlah RM339,250 bagi memasang dinding kaca untuk 2 gelanggang *squash*. Mengikut surat pemberitahuan sebut harga bertarikh 21 April 2014, tempoh masa bagi membina dan menyiapkan dua buah gelanggang ini adalah selama 8 minggu iaitu bermula 28 April 2014 hingga 23 Jun 2014.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagaimanapun, gelanggang tersebut hanya disiapkan pada 21 Oktober 2014 iaitu kelewatan selama 3 bulan 27 hari daripada tarikh siap mengikut sebut harga. Pada pendapat Audit, Perunding Senibina sepatutnya berkomunikasi dengan pihak pelanggan bagi memastikan pembinaan gelanggang squash mematuhi piawaian yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kos tambahan. Perkara ini dapat dielakkan sekiranya terdapat koordinasi yang cekap dan berkesan antara semua pihak yang terlibat. Maklum Balas JKR Yang Diterima pada 5 Mac 2015 *Perbezaan saiz gelanggang adalah disebabkan oleh kegagalan pihak perunding Senibina menyediakan perincian lukisan yang lengkap mengikut spesifikasi World Squash Federation. Pembetulan kepada reka bentuk telah dilaksanakan oleh Pegawai Pengawal dengan kos ditanggung oleh perunding.*	
4.5.2.5	**Pengaliran Keluar Air Daripada Kolam Takungan Ke Tanah Milik Persendirian** Tujuan kolam takungan air dibina adalah bagi mengawal masalah banjir. Air yang berlebihan akan disalirkan keluar dari Kolam Takungan. Menurut pihak Kolej Matrikulasi Kelantan, tanah bersebelahan merupakan tanah hak milik persendirian. Bagaimanapun, semasa pemeriksaan Audit didapati pengaliran keluar air daripada kolam takungan telah dialirkan keluar ke kawasan yang tidak sesuai kerana air terus mengalir ke tanah hak milik persendirian. Pada pendapat Audit, aliran air daripada takungan kolam air hendaklah dialirkan kepada satu saluran yang sesuai. Ini bagi mengelakkan isu alam sekitar dan mengganggu kawasan tanah hak milik persendirian. Perunding yang dilantik perlu mengambil kira masalah aliran air ini pada peringkat awal supaya tidak timbul sebarang masalah pada masa hadapan. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Kerja pembinaan aliran air adalah mengikut lukisan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan.*	**Maklum Balas Daripada Kementerian Pendidikan Malaysia** Lawatan dan mesyuarat telah diadakan pada 24 November 2014. Lawatan dan mesyuarat telah dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP), Bahagian Matrikulasi, Kolej Matrikulasi Kelantan, Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan, kontraktor dan perunding sivil dan struktur. Mesyuarat tersebut telah memutuskan JKR Kelantan untuk mengemukakan maklumat seperti berikut kepada Kementerian iaitu:- i) Cadangan Teknikal dan Kos bagi penyelesaian sementara iaitu melibatkan pembinaan laluan keluar air dari *outlet* ke *natural stream* terhampir beserta anggaran kos. JKR perlu melakukan koordinasi untuk mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah terlibat bagi pembinaan laluan air sementara; dan ii) Cadangan Teknikal dan Kos bagi penyelesaian kekal iaitu melibatkan pembinaan laluan keluar air dari *outlet* ke *natural stream* terhampir, kawasan yang melibatkan pengambilan tanah dan beserta anggaran kos (Mesyuarat lanjutan bersama Seksyen Tanah, BPP dan agensi-agensi berkaitan akan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 *Lawatan dan mesyuarat telah diadakan pada 24 November 2014 dan telah dihadiri oleh wakil daripada Bahagian Pembangunan Pelajaran, Bahagian Matrikulasi, Kolej Matrikulasi, Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan dan kontraktor serta Perunding Sivil dan Struktur. Mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa JKR Negeri Kelantan mengemukakan maklumat kepada KPM seperti berikut:-* *a. Cadangan Teknikal dan Kos bagi penyelesaian sementara iaitu melibatkan pembinaan laluan keluar air dari outlet ke natural stream terhampir berserta dengan anggaran kos. JKR perlu melakukan koodinasi untuk mendapatkan kebenaran daripada pemilik tanah terlibat bagi pembinaan laluan air sementara.* *b. Cadangan Teknikal dan Kos bagi penyelesaian kekal iaitu melibatkan pembinaan laluan keluar air dari outlet ke natural stream terhampir kawasan yang melibatkan pengambilan tanah berserta dengan anggaran kos. Mesyuarat lanjutan bersama Seksyen Tanah, Bahagian Pembangunan Pelajaran dan agensi berkaitan akan diadakan bagi memperincikan cadangan ini.* *Perkara ini sedang dalam tindakan JKR Negeri Kelantan.*	diadakan bagi memperincikan cadangan ini).
4.5.2.6.a	**Keretakan Pada Longkang Dan Apron Di Blok Asrama Blok B** Lawatan fizikal Audit pada 22 Mei 2014 mendapati terdapat keretakan pada longkang dan apron di Blok Asrama B. Kedudukan blok ini adalah berhampiran dengan cerun dan terdapat runtuhan pada cerun serta pengaliran air di bahagian kaki cerun. Kerja-kerja penyiasatan dan pembaikan cerun ini perlu dilakukan bagi memastikan cerun tersebut selamat dan tidak mengancam bangunan serta penghuni kolej. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Struktur longkang bangunan di Asrama Blok B dibina di atas tanah tambak dan bersebelahan dengan cerun yang direka bentuk. Keretakan pada longkang perimeter adalah berpunca dari mendapan tanah dan reka bentuk apron bangunan jenis non suspended slab. Keretakan yang dikenal pasti telah pun dilaporkan kepada pihak KMKt sebagai kecacatan yang perlu diperbaiki*	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.6.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dalam tempoh tanggungan kecacatan. Tindakan pembaikan struktur longkang adalah dalam tindakan pihak kontraktor. Cadangan pembinaan R.C Retaining Wall dan mengawal water seepage telah dikemukakan kepada pihak KPM bagi memastikan keselamatan cerun di Blok Asrama A dan B. Cadangan ini telah dipersetujui dan perunding telah diminta untuk mereka bentuk struktur berkenaan. Reka bentuk dan pembinaan retaining wall tidak dimasukkan dalam skop kontrak bagi Asrama A dan B. Pemantauan keselamatan cerun akan dibuat secara berterusan oleh pihak JKR dan perunding. Kecacatan telah selesai dibaiki oleh kontraktor.	
4.5.2.6.b	Pada 20 November 2014, kejadian tanah runtuh akibat hujan lebat telah berlaku pada bahagian cerun di Bangunan Asrama. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 24 Disember 2014 *Kegagalan cerun ini berlaku merupakan kombinasi spread failure dan circular failure. Kandungan air dalam tanah yang tinggi di toe slope telah menyebabkan soil material menjadi saturated dan bergerak secara spread. Tanah yang digunakan untuk tambak cerun adalah dari jenis sandy di mana tidak mempunyai kejelikatan. Dalam kontrak tiada imported material bagi kerja-kerja tanah. Pergerakan toe ini telah menyebabkan berlaku circular failure di pertengahan berm dan di berm kedua. Ketiadaan perparitan menyebabkan aliran air permukaan melalui sole surface telah menjadikan keadaan lebih teruk. Tindakan sementara telah diambil di mana semua permukaan cerun ditutup dengan plastik kalis air bagi mengelakkan pergerakan tanah. Pembaikan cerun ini masih dalam tanggungjawab kontraktor utama. Kecerunan tambakan dikurangkan dengan pengesyoran reka bentuk daripada perunding dan dijangka siap pada 15 Januari 2015. Bagaimanapun, ia adalah bergantung kepada keadaan cuaca.*	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.6.b
4.5.2.6.c	Selain daripada itu, tembok penahan yang dibina tidak disediakan *railing*/pagar bagi tujuan keselamatan memandangkan kedudukannya yang hampir dengan asrama penginapan pelajar. Maklum Balas KPM Yang Diterima Pada 10 Mac 2015 *Kelulusan skop tambahan (luar kontrak) melibatkan skop pembinaan railing sebagai pagar keselamatan pada semua dinding penahan konkrit yang dibina telah diluluskan oleh KPM pada 8 Julai 2014. Skop ini sedang dilaksanakan*	**Maklum Balas Daripada Kementerian Pendidikan Malaysia** Kelulusan skop tambahan (luar kontrak) melibatkan skop pagar keselamatan pada semua dinding penahan konkrit yang dibina telah diluluskan oleh Kementerian pada 8 Julai 2014. Skop ini sedang dilaksanakan secara sebut harga oleh JKR. Proses sebut harga dijangka selesai menjelang Jun 2015

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	secara sebut harga oleh JKR dan proses sebut harga ini dijangka selesai menjelang bulan Jun 2015. Pada pendapat Audit, keadaan cerun ini perlu diberi perhatian sewajarnya. Pihak JKR perlu memastikan bahawa keselamatan cerun adalah terjamin untuk tempoh jangka masa panjang bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Selain daripada itu, *railing/*pagar hendaklah dibina di bahagian atas tembok penahan sebagai langkah keselamatan.	
4.5.3	**Kelewatan Mengemukakan Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*)** Lukisan Siap Bina adalah lukisan bagi pembinaan yang telah siap dilaksanakan secara keseluruhan merangkumi semua sistem perkhidmatan dan fasiliti termasuk dokumen sokongan berkaitan seperti Manual Operasi Dan Penyenggaraan serta Sijil Pengujian dan Pentauliahan. Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Edisi Ketiga yang dikeluarkan oleh JKR, satu set lukisan siap bina mesti diserahkan kepada Pegawai Penguasa dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja untuk perekodan dan penyenggaraan. Satu set lukisan tersebut hendaklah dihantar kepada pelanggan dan cawangan yang berkenaan di Ibu Pejabat JKR bagi memudahkan tindakan dan rujukan apabila timbul perkara berbangkit berkenaan pelan bangunan dan kerja sebenar. Semakan Audit mendapati semasa penyerahan projek kepada pelanggan, Lukisan Siap Bina serta Manual Operasi dan Penyenggaraan tidak dikemukakan kepada pelanggan. Pada pendapat Audit, Lukisan Siap Bina dan Manual Operasi Penyenggaraan hendaklah dimuktamadkan dan dikemukakan kepada pihak Kolej Matrikulasi dengan segera bagi membolehkan pihak kolej merancang kerja penyenggaraan dengan sempurna dan berkesan. Maklum Balas JKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Sebahagian Lukisan Siap Bina telah diserahkan kepada pihak pelanggan. Lukisan Siap Bina dan Manual Operasi Penyenggaraan akan dimuktamadkan pada bulan Mei 2015. Bayaran muktamad kepada kontraktor hanya dibuat setelah semua Lukisan Siap Bina disempurnakan.*	**Maklum Balas Daripada Jabatan Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.4.1	**Kualiti Pembinaan - Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Sesuai** Reka bentuk pembinaan perlu mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Reka bentuk yang dihasilkan mestilah sesuai dan memenuhi keperluan pengguna. Lawatan Audit pada 21 dan 22 Mei 2014 mendapati tiga (3) reka bentuk pembinaan yang dihasilkan oleh perunding adalah tidak sesuai.	
4.5.4.2.a	**Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan** JKR bersama dengan perunding yang dilantik hendaklah menjalankan pemeriksaan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor untuk mengenal pasti sama ada terdapat kerosakan dan kecacatan. Pemeriksaan Audit mendapati ada kerja pembinaan yang kualitinya tidak memuaskan. Berdasarkan maklum balas daripada JKR yang diterima pada 31 Oktober 2014, masih terdapat kerja yang sedang dan akan diambil tindakan serta sebahagian lagi telah diambil tindakan pembaikan selepas teguran Audit. Pada pendapat Audit, JKR dan perunding perlu memastikan semua kerja yang kurang sempurna atau tidak memuaskan diambil tindakan pembaikan dengan segera oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan sebelum Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan dikeluarkan. Selain itu juga, kerja-kerja mekanikal dan elektrik perlu dipantau dengan teliti bagi memastikan kesempurnaan pemasangannya. Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Semua perkara yang dibangkitkan telah selesai dibaiki kecuali kecacatan berulang yang masih dalam tanggungan kontraktor.*	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.4.2.a
4.5.5.1	**Pemantauan** Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan lancar dan memuaskan, pendekatan pemantauan yang telah dilakukan oleh JKR bersama kontraktor serta perunding adalah seperti mengadakan Mesyuarat Tapak Bina dan Mesyuarat Teknikal. Mesyuarat Tapak Bina diadakan untuk membincangkan masalah semasa pelaksanaan kerja pembinaan. Mesyuarat Teknikal pula bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah teknikal yang berkaitan dengan kerja pembinaan.	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.5.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.5.5.2	Semakan Audit mendapati Mesyuarat Tapak telah diadakan sebanyak 35 kali dari tahun 2009 hingga 2013. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh JKR, Bahagian Matrikulasi KPM, kontraktor, perunding yang dilantik, Majlis Daerah Pasir Puteh dan pihak utiliti (Telekom Malaysia Berhad dan Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd.). Selain daripada itu, Mesyuarat Koordinasi dan Mesyuarat Teknikal antara Perunding dan Kontraktor juga telah diadakan bagi membincangkan isu dan masalah yang dihadapi oleh kontraktor dan juga perunding (arkitek, struktur dan awam, elektrik, mekanikal dan ukur bahan). Selain daripada itu, Mesyuarat Pelarasan Tanggungan Kecacatan juga telah diadakan yang bertujuan untuk membincang mengenai kerosakan yang berlaku di tapak pembinaan. Pada pendapat Audit, walaupun mekanisme pemantauan telah diwujudkan namun masih berlaku kelemahan antaranya koordinasi yang kurang berkesan, kelewatan pengesahan reka bentuk oleh pihak perunding, kerja yang tidak sempurna dan kesilapan reka bentuk. Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Penambahbaikan dalam mekanisma pemantauan, koordinasi, pengesahan reka bentuk dan kualiti kerja telah dipertingkatkan dan dilaksanakan.*	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Perenggan 5 : Pengurusan Projek Pembinaan *Specialist Complex And Ambulatory Care Centre* Di Hospital Kuala Lumpur

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.1.1	**Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal Projek** Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan pada 14 Disember 2011 iaitu dalam tempoh 30 bulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 15 Jun 2009. Projek ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual di mana kontraktor telah diluluskan 2 *EOT* selama 338 hari (37.6%) disebabkan faktor di luar kawalan kontraktor. Bagaimanapun, projek ini akhirnya dapat disiapkan pada 31 Oktober 2012 dan bangunan SCACC mula diduduki keesokannya. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas JKR mengikut rekod, didapati bangunan pencawang telah diserah milik kepada TNB pada 16 Mei 2011 dan cas sambungan telah dijelaskan oleh JKR pada 29 Julai 2011. Selain itu, permohonan permit pemotongan jalan telah dikemukakan oleh TNB kepada DBKL pada 17 Oktober 2011. Kejadian kebakaran yang berlaku pada 14 Mei 2012 telah menyebabkan kontraktor tidak berjaya menyiapkan keseluruhan kerja di dalam tempoh kontrak. Kontraktor telah memohon lanjutan masa berdasarkan alasan berlakunya kebakaran tersebut berserta laporan daripada Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia ada menyatakan bahawa punca kebakaran adalah disebabkan oleh accidental fire, di mana kontraktor serta Kerajaan tidak boleh dipersalahkan terhadap kejadian tersebut. Bagaimana pun, Condition of Contract for Design & Build and Turnkey Project (PWD Form DB/T Rev 2002) tidak memperuntukkan pemberian lanjutan masa yang berpunca daripada kejadian kebakaran. CKK JKR telah merujuk perkara tersebut kepada Penasihat Undang-Undang, Kementerian Kerja Raya dan telah menasihati untuk mendapatkan kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk memberikan lanjutan masa selama 149 hari menggunakan Perjanjian Tambahan. Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan tersebut melalui surat bertarikh 31 Disember 2012.*	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.1.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Oleh itu, kontraktor layak mendapat EOT 2 dengan adanya perjanjian tambahan. Pada pendapat Audit, kelewatan penyiapan projek ini adalah di luar kawalan kontraktor kerana ia berpunca daripada kelewatan permohonan permit pengorekan jalan oleh Tenaga Nasional Berhad dan kejadian kebakaran yang berlaku semasa kerja-kerja pembinaan di Aras 7 dan Aras 8, SCACC.	
5.5.1.3.b	**Penilaian Tahap Kepuasan Pengguna - Tahap Kepuasan Kakitangan SCACC** Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan penyediaan kemudahan tandas kakitangan; bilik *pantry*; kemudahan telekomunikasi; surau dan bilik latihan ICT/*Skill Lab*. Bagaimanapun, analisis menunjukkan masih terdapat beberapa responden tidak berpuas hati dengan penyediaan kemudahan telekomunikasi dan server serta latihan pengendalian peralatan yang dianjurkan oleh pihak kontraktor. Bagi kemudahan telekomunikasi, 14 responden (14%) tidak berpuas hati dengan kemudahan telekomunikasi yang disediakan kerana tiada kemudahan telefon awam walaupun *booth* telah dibina dan masalah gangguan talian telefon serta internet. Selain itu, sebanyak 9 (16.4%) daripada 55 responden tidak berpuas hati dengan kemudahan bilik *server* yang disediakan kerana ia tidak dapat menampung aplikasi *Hospital Information System* yang mengandungi banyak modul berhubung pengurusan aktiviti hospital. Di samping itu, sebanyak 10 (15.6%) daripada 64 responden tidak berpuas hati dengan latihan pengendalian peralatan yang disediakan oleh kontraktor kerana masih terdapat kakitangan yang tidak berpeluang menghadiri sesi terlibat. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, jumlah pesakit yang menerima rawatan pakar di bangunan SCACC adalah di dalam lingkungan 1,500 hingga 2,000 orang sehari. Jumlah tempat letak kereta di SCACC adalah 331 lot iaitu 185 lot untuk pelawat dan 146 lot untuk kakitangan SCACC. Selain itu, terdapat 240 lot lagi tempat letak kereta terbuka disediakan di tempat letak kereta berdekatan SCACC. Bagi memudahkan pergerakan pesakit dan waris pesakit sebanyak 4 buah kenderaan disediakan untuk pengangkutan pesakit/waris pesakit dari tempat letak kereta ini ke bangunan SCACC. Sebanyak 1,060 lot tambahan akan disediakan untuk pelawat di bangunan*	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kesihatan Malaysia** Parkir Bertingkat baru di HKL yang mempunyai sebanyak 1,060 lot parking tambahan telah disediakan kepada pelawat. Kos pembinaan parkir bertingkat ini adalah sebanyak RM64.8 juta dan telah beroperasi pada 15 Februari 2015. Penyerahan bangunan Parkir Bertingkat dari JKR ke KKM telah dilaksanakan pada 5 Mac 2015 yang lalu. Selain itu, terdapat 1,419 lot lagi tempat letak kereta terbuka di HKL disediakan untuk kegunaan pelawat dan kakitangan. **PEMASANGAN TELEFON AWAM** KKM melalui HKL telah mendapat nilai sewaan bagi pemasangan telefon awam dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 11 Mac 2015 dan akan mengiklankan tawaran penyewaan ruang bagi pemasangan telefon awam dijangka pada akhir bulan Mac 2015. **SISTEM PABX HKL** Kerja naiktaraf sistem PABX HKL sedang dilaksanakan dengan *back up battery*, *server rack*, *main distributor frame* telah pun dihantar ke tempat yang terlibat. Selain itu, pembekal baru iaitu Toshiba akan mengadakan perbincangan dengan NEC untuk mengintegrasikan sambungan antara PABX Bangunan Utama dan PABX Bangunan SCACC HKL dan dijangka siap pada bulan Julai 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	parkir bertingkat ini. Di samping itu, latiihan pengendalian peralatan oleh kontraktor telah pun dilaksanakan tetapi kekerapan pertukaran pegawai/kakitangan yang telah dilatih dan tiada kesinambungan latihan diberikan oleh pegawai/kakitangan lama kepada baru menyebabkan terdapat kakitangan tidak berpuas hati dengan perkara ini. Bagi kemudahan pemasangan telefon awam pula, KKM melalui HKL telah memohon kepada Telekom Malaysia Berhad (TM) untuk pemasangan kabel telefon awam dan TM telah datang ke lokasi membuat pemeriksaan pada 17 Januari 2015. Sementara itu, Cawangan Teknologi Maklumat HKL telah membuat permohonan untuk menaiktaraf talian 1GovNet daripada 20Mbps kepada 40Mbps bagi tujuan mempertingkatkan capaian internet. Manakala bagi permohonan naiktaraf talian 1GovNet di HKL, ia hanya diluluskan setakat 30Mbps bermula Julai 2014. Selain itu, kerja-kerja naiktaraf Sistem PABX HKL sedang dilaksanakan di bawah Projek Naiktaraf HKL dan semua masalah gangguan talian telefon dijangka selesai apabila projek ini dijangka siap pada Julai 2015. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya orang awam dan kakitangan berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan. Bagaimanapun, SCACC perlu mempertimbangkan cadangan penambahbaikan yang diutarakan oleh orang awam dan kakitangan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.	
5.5.2.a	**Pelantikan Kontraktor** Mengikut Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) bertarikh 2 Julai 2003, bagi memastikan pelaksanaan projek secara rundingan terus tidak mengalami kelewatan, Agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga, tempoh siap dan lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan bagi projek bernilai melebihi RM10 juta. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui. Adalah didapati Surat Niat bagi projek ini telah dikeluarkan pada 4 Jun 2007 dan tempoh sepatutnya memuktamadkan rundingan harga adalah pada 3 Disember 2007. Bagaimanapun, didapati mesyuarat rundingan harga di antara JKR dengan kontraktor hanya dimuktamadkan pada 28 Februari 2009 iaitu lewat selama 452 hari dari tempoh rundingan harga sepatutnya dimuktamadkan. Perkara ini berlaku kerana kontraktor kerap mengemukakan perubahan tawaran harga disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan ekoran kenaikan harga petrol pada bulan Jun 2008; perubahan keperluan *medical* dan bilik *consultation examination*; pertukaran spesifikasi;	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.2.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pertambahan bilangan peralatan yang diminta oleh Kementerian dan pertambahan keperluan *I-Supervision* bagi projek melebihi RM50 juta ke atas. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, antara faktor yang menyebabkan tempoh rundingan harga yang lama adalah kerana skop kerja menjadi lebih kompleks dan memerlukan input daripada JKR dan Kementerian untuk menilai tawaran atau reka bentuk yang dikemukakan oleh kontraktor. Maka, proses memuktamadkan skop projek adalah antara tempoh Februari sehingga November 2008 iaitu selama 10 bulan. Sepanjang tempoh tersebut, kontraktor telah meminda harga tawaran sebanyak empat kali bagi mengambil kira kenaikan harga bahan binaan, petrol dan perubahan skop projek. Siling projek ini pada asalnya diluluskan RM70 juta dengan fungsi sebagai klinik biasa. Namun begitu semasa proses rundingan harga, skop ini telah dipinda untuk membina klinik pakar memandangkan keperluan untuk memindahkan peralatan pakar dari bangunan sedia ada ke bangunan baru. Justeru itu, kos bangunan ini meningkat kepada RM234 juta.* Pada pendapat Audit, Kementerian dan kontraktor mengambil masa yang lama untuk memuktamadkan harga rundingan dalam tempoh ditetapkan kerana berlaku kekerapan perubahan skop kerja.	
5.5.3.1	**Pentadbiran Kontrak - Perjanjian Tambahan Lewat Ditandatangani** Pada asalnya, kontraktor menjangkakan Bangunan SCACC dapat diserahkan pada 20 Jun 2012. Bagaimanapun, satu kejadian kebakaran telah berlaku di Dewan Bedah 9 dan 10, Aras 7 serta Ruang AHU Aras 8 pada 14 Mei 2012. Ekoran itu, kontraktor telah membuat permohonan EOT 2 pada 30 Mei 2012. JKR telah memohon kelulusan khas lanjutan masa menggunakan perjanjian tambahan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 7 November 2012 dan Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskannya pada 31 Disember 2012. Adalah didapati perjanjian tambahan telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kerja Raya dan kontraktor pada 13 Mei 2013 iaitu selepas 4 bulan dari tarikh kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia walaupun tarikh kontrak dikuatkuasakan adalah mulai 15 Mei 2012 sehingga 16 November 2012.	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.3.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas Kementerian dan JKR, permohonan bagi Extension of Time (EOT) telah dikemukakan kepada Jawatankuasa EOT dan Mesyuarat Jawatankuasa EOT telah diadakan pada 7 September 2012. Bagaimanapun, Jawatankuasa telah memaklumkan JKR agar merujuk kepada Penasihat Undang-Undang, Kementerian Kerja Raya (PUU KKR). JKR telah merujuk kepada PUU KKR melalui surat bertarikh 19 September 2012 dan telah dinasihatkan untuk mendapatkan kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Setelah melalui beberapa siri perbincangan dan proses semakan draf Perjanjian Tambahan antara JKR dan PUU KKR, permohonan kelulusan khas EOT telah dikemukakan ke Kementerian Kewangan Malaysia pada 7 November 2012. Seterusnya Kementerian Kewangan Malaysia telah meminta JKR mengemukakan beberapa maklumat tambahan melalui surat bertarikh 14 November 2012. JKR telah mengemukakan maklumat tambahan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 3 Disember 2012. Akhirnya, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan tersebut melalui surat bertarikh 31 Disember 2012. Bagaimanapun, Perjanjian Tambahan tersebut perlu mendapat kelulusan daripada Bahagian Dasar Perundangan JKR dan PUU KKR sebelum ia ditandatangani. Seterusnya draf terakhir perjanjian tambahan telah dikemukakan oleh JKR kepada PUU KKR untuk kelulusan pada 15 April 2013. Akhirnya perjanjian tambahan tersebut telah diluluskan oleh PUU KKR pada 24 April 2013. Oleh itu, Perjanjian Tambahan tersebut hanya dapat ditandatangani pada 13 Mei 2013. Mengikut KKR lagi, dalam keadaan biasa Perjanjian Tambahan sepatutnya ditandatangani sebelum kontraktor melaksanakan kerja bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. JKR telah mengambil tindakan untuk memastikan kepentingan Kerajaan dilindungi dengan mengeluarkan surat Perakuan Kerja Tidak Siap pada 19 Jun 2012 dan mengenakan Ganti Rugi Tertentu Yang Ditetapkan (LAD) sebanyak RM 43,266.60 sehari bermula 21 Jun 2012 sehingga 31 Oktober 2012, yang mana jumlah LAD sebanyak RM 5,754,457.80. Bagaimanapun, LAD tersebut telah dikecualikan apabila Perjanjian Tambahan ditandatangani.* Pada pendapat Audit, perjanjian tambahan perlu ditandatangani sebelum kontraktor melaksanakan kerja bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara. Justeru itu, proses kelulusan EOT dan semakan draf Perjanjian Tambahan sepatutnya dibuat sebelum kerja tersebut mula dilaksanakan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.3.2	**Lukisan Siap Bina Lewat Dikemukakan** Mengikut klausa 36.3, kontraktor perlu mengemukakan Lukisan Siap Bina kepada PP untuk persetujuan. Berdasarkan klausa 36.2 jika PP bersetuju dengan Lukisan Siap Bina yang dihantar, maka kontraktor perlu mengemukakan 2 set CD-Rom dan 4 set lukisan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh 1 November 2012 iaitu tarikh CPC dikeluarkan. Adalah didapati kelewatan penyerahan Lukisan Siap Bina ada dibangkitkan oleh JKR dalam Mesyuarat Penyenggaraan Dan Tanggungan Kecacatan No. 3 hingga No. 13 iaitu pada 21 Februari 2013 sehingga 25 Mac 2014. Bagaimanapun, kontraktor tidak mematuhi arahan JKR dan didapati Lukisan Siap Bina lewat diserahkan kepada SCACC iaitu selama 174 sehingga 343 hari dari tarikh ia sepatutnya dikemukakan pada 1 Februari 2013. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas JKR, kontraktor terpaksa mengambil masa untuk menyerahkan Lukisan Siap Bina kepada JKR selepas beberapa pindaan dan teguran diberikan. Selain itu, JKR akan memastikan kontraktor menyediakan dan mengemukakan Lukisan Siap Bina secara berperingkat sebaik sahaja sesuatu kerja dilaksanakan dalam tempoh pembinaan.* Pada pendapat Audit, JKR perlu memastikan kontraktor mengemukakan Lukisan Siap Bina dengan segera mengikut peraturan yang ditetapkan supaya semakan dan pindaan dapat dikemaskini serta memudahkan perancangan kerja penyenggaraan.	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.3.2
5.5.5.2	**Kemasan Lantai Di Stor Bekalan Dialisis** Wakil/pengguna Jabatan bersama kontraktor dan perunding perlu memastikan setiap spesifikasi/perubahan baru yang dikemukakan bagi sesebuah bilik/lokasi perlu mengambil kira faktor berkaitan seperti fungsi dan kekerapan penggunaannya. Semakan Audit mendapati laporan kerosakan dan kecacatan ada disediakan dan tindakan telah diambil oleh kontraktor terhadap perkara yang dilaporkan dalam tempoh tanggungan kecacatan. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit pada bulan September 2014 mendapati kemasan lantai jenis *tiles* kurang sesuai di Stor Bekalan Dialisis memandangkan kekerapan penggunaan alat pengendalian stok berat menyebabkan ia mudah pecah.	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.5.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas kontraktor kepada JKR sehingga 18 November 2014, penggunaan jubin lantai adalah untuk memudahkan kerja pembersihan dilakukan memandangkan bilik ini adalah Bilik Stor Cecair dan ia telah dipersetujui semasa Mesyuarat Room Data Interaction serta pemasangan yang dibuat adalah mengikut kontrak. Mengikut KKR, pada pandangan JKR pemilihan jenis bahan yang digunakan di Bilik Stor Cecair adalah bersesuaian dengan fungsi ruang. Bentuk kerosakan pada jubin iaitu berlaku pecahan-pecahan kecil di beberapa lokasi bukan menunjukkan lantai jubin berkenaan tidak dapat menampung beban yang dikenakan pada lantai. Kerosakan/keretakan tersebut disebabkan oleh 'wear & tear' yang berlaku antara permukaan besi tayar troli (lapisan getah telah haus) dengan permukaan jubin semasa pergerakan troli tersebut. Kerosakan-kerosakan kecil telah dibaiki oleh kontraktor pada 29 Januari 2015.* Pada pendapat Audit, kontraktor dan SCACC perlu memastikan spesifikasi yang dikemukakan adalah bersesuaian dengan fungsi sesebuah bilik/lokasi terlibat bagi memastikan bangunan yang diduduki adalah kondusif dan selamat.	
5.5.5.3	**Perubahan Spesifikasi Bilik** Mesyuarat *Room Data Interaction* memberi peluang kepada wakil/pengguna Jabatan/Klinik Pakar untuk mengemukakan spesifikasi baru bagi sesebuah bilik/lokasi dan perubahan yang ingin dilaksanakan terhadap spesifikasi asal. Kontraktor bersama perunding akan menyediakan lakaran lukisan bagi mana-mana perubahan spesifikasi yang ingin dilaksanakan dan seterusnya perlu disahkan oleh mereka serta wakil Jabatan/Klinik Pakar. Mesyuarat ini juga dihadiri oleh JKR, SCACC, wakil setiap Jabatan/Klinik Pakar serta kontraktor. Seterusnya, minit mesyuarat tersebut akan ditandatangani oleh pihak terlibat. Di samping itu, wakil/pengguna Jabatan/Klinik Pakar boleh mengemukakan perubahan spesifikasi bilik/lokasi selepas sesi lawatan *mock-up* dibuat atau membuat permohonan perubahan melalui Pengarah HKL. Semakan Audit mendapati Jabatan Oftalmologi dan Jabatan Otorinolaringologi mendakwa kerja pembinaan yang dibuat tidak mengikut sepertimana permohonan yang telah dibuat. Bagaimanapun, dakwaan yang dibuat tersebut tidak dibincangkan dalam mesyuarat *Room Data Interaction* bertarikh pada 6 Ogos dan 10 Ogos 2010. Keadaan ini berlaku kerana dokumen perubahan	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Ujian semula tahap kebisingan bagi tiga bilik audiometri berkenaan telah dilaksanakan oleh Unit Pakar Bunyi & Getaran, JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal pada 17 Februari 2015. Wakil-wakil dari JKR, HKL dan kontraktor telah dipelawa untuk hadir sama. Keputusan ujian telah menunjukkan bahawa tahap kebisingan pada bilik-bilik berkenaan telah mematuhi Jadual Kedua Peraturan 20(4) (c), Akta Kilang dan Jentera di bawah Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Bising) 1989. Keputusan ujian laporan no. CKM/SD/NV/LT/03/2015 adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>spesifikasi yang dimohon oleh wakil Jabatan terdahulu tidak disimpan secara teratur di peringkat Jabatan terlibat dan oleh kerana itu ia tidak dapat dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015

<u>Jabatan Oftalmologi</u>

Berdasarkan maklum balas JKR, Bilik 24 sepatutnya ialah Bilik Prosedur yang tidak sepatutnya ditempatkan printer dan scanner. Berdasarkan Minit Mesyuarat Room Data Interaction bertarikh 6 Ogos 2010, Jabatan tidak memaklumkan sebarang pertambahan soket di bilik tersebut. Selain itu, kontraktor mendapati bahawa kesemua kuantiti dan kedudukan soket untuk setiap bilik SCACC telah dipersetujui dalam Mesyuarat Room Data Interaction yang dihadiri oleh kontraktor, perunding dan HKL. Mengikut Pengarah HKL dalam mesyuarat penutup bertarikh 4 Februari 2015, printer dan scanner yang ditempatkan di Bilik 24 telah dipindahkan ke Bilik Pengurusan Jabatan Oftalmologi. Selain itu, Bilik 24 telah ditukarkan semula kepada Bilik Rawatan dengan menempatkan sebuah katil dan satu perisian komputer untuk tujuan pemeriksaan pesakit.

<u>Jabatan Otorinolaringologi</u>

Berdasarkan maklum balas JKR, Mesyuarat Room Data Interaction terakhir yang diadakan pada 6 Ogos dan 10 Ogos 2010 yang dihadiri oleh Jabatan tidak membangkitkan masalah Bilik Audiometri 1, 2 dan 3 yang tidak dilengkapi sound proof dan selepas itu, ia ditukar kepada sound treated. Berdasarkan spesifikasi asal bilik audiometri, ciri utama adalah room to be acoustically treated to be less than 20dB noise level requirement. Mengikut Pengarah HKL dalam mesyuarat penutup bertarikh 4 Februari 2015, pengesahan kepada Ketua Jabatan ORL dan Pegawai Audiometri akan dibuat bagi memastikan bilik audiometri berfungsi sepenuhnya.

Pada pendapat Audit, sebarang permohonan perubahan spesifikasi berhubung binaan fizikal oleh wakil Jabatan perlu dibuat secara teratur dan disahkan dalam Mesyuarat Room Data Interaction supaya tindakan susulan dapat diambil oleh pihak terlibat. Selain itu, dokumen perubahan spesifikasi</td>
<td>Paras Tekanan Bunyi Octave Maksimum Untuk Bilik Ujian Audiometri

<table>
<tr><th rowspan="2">FREQ. (Hz)</th><th colspan="4">DALAM BILIK AUDIOMETRI (DATA TERTINGGI) dB</th></tr>
<tr><th>PERATURAN KILANG DAN JENTERA 1989</th><th>ROOM NO.25</th><th>ROOM NO. 29</th><th>ROOM NO. 30</th></tr>
<tr><td>500</td><td>27</td><td>16.5</td><td>16.1</td><td>14.4</td></tr>
<tr><td>1000</td><td>30</td><td>15.6</td><td>19.2</td><td>16.5</td></tr>
<tr><td>2000</td><td>35</td><td>17.8</td><td>15.8</td><td>17.8</td></tr>
<tr><td>4000</td><td>42</td><td>17.5</td><td>15.4</td><td>17.0</td></tr>
<tr><td>8000</td><td>41</td><td>14.1</td><td>12.7</td><td>16.4</td></tr>
</table>
</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perlu disimpan teratur di peringkat Jabatan bagi memudahkan pemantauan terhadap tindakan susulan yang telah dilaksanakan oleh pihak terlibat.	
5.5.6.1	**Kualiti Pembinaan - Lukisan Siap Bina Berbeza Dengan Binaan Fizikal** Lukisan Siap Bina hendaklah dikemas kini sepanjang pelaksanaan projek secara berperingkat. Semakan Audit terhadap Lukisan Siap Bina yang melibatkan bilik-bilik di 16 (51.6%) Jabatan/Unit tidak termasuk Bilik Elektrik serta Bilik Pam Sistem Kebakaran mendapati Lukisan Siap Bina berbeza dengan binaan fizikal. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas KKR, Lukisan Siap Bina bagi bilangan soket di Bilik Nerve Conduction Study, Jabatan Neurologi telah dikemas kini oleh kontraktor sebagaimana pemasangan alatan di tapak. Smoke Detector and Fire Extinguisher juga telah dipasang oleh kontraktor di Bilik Elektrik Aras 9 mengikut Lukisan Siap Bina.* Pada pendapat Audit, Lukisan Siap Bina yang dikemukakan oleh kontraktor tidak disemak oleh perunding secara menyeluruh kerana terdapat perbezaan ketara antara lukisan dengan binaan fizikal.	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.6.1
5.5.6.2.a.i	**Kesempurnaan Kerja Pembinaan - Bunyi Bising Di Bilik Audiometri, Jabatan Otorinolaringologi** Pada 29 Ogos 2014 didapati Bilik No. 30 (audiometri) mengeluarkan bunyi bising daripada penyaman udara yang dipasang khusus dalam bilik tersebut. Aduan berhubung bunyi bising tersebut telah dibuat pada 21 Ogos 2014 dan masalah tersebut telah diselesaikan oleh kontraktor pada 11 September 2014. Berdasarkan minit mesyuarat Jabatan Otorinolaringologi pada 16 Mei 2014, Pegawai Audiometri memaklumkan bahawa pemeriksaan pesakit audiologi masih terganggu kerana bunyi panggilan nombor sistem digital di luar bilik dapat didengari dari dalam bilik.	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.6.2.a.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.6.2.a.ii	Pada 3 Oktober 2014, Jabatan ORL telah menjalankan ujian pengukuran tahap kebisingan ambien dalam Bilik No. 30 melalui syarikat yang dilantik. Hasil ujian tersebut menunjukkan bilik terlibat tidak sesuai digunakan untuk ujian audiometri serta pengubahsuaian perlu dilakukan untuk mematuhi Jadual Kedua, Peraturan 20 (4) (c), Akta Kilang Dan Jentera di bawah Peraturan-peraturan Kilang Dan Jentera (Pendedahan Bising) 1989.	
5.5.6.2.a.iii	Kontraktor telah melantik syarikat bagi pihaknya untuk menjalankan ujian pengukuran tahap kebisingan ambien pada 4 September 2012 sebelum bilik audiometri ini diserahkan kepada wakil/pengguna Jabatan pada 1 November 2012. Adalah didapati ketepatan bacaan *sound pressure level* yang diperoleh tidak dapat disahkan kerana tiada maklumat *octave band centre frequency* dicatat selepas ujian pada tahap 4000 Hz dibuat. Perkara ini berlaku kerana semasa ujian dilaksanakan, ianya hanya dihadiri oleh wakil JKR dan *Technical Support Engineer* bagi mengesahkan keputusan ujian tersebut tanpa merujuk kepada mana-mana Pegawai Audiometri Jabatan ORL. Salinan keputusan ujian tersebut tidak dikemukakan kepada Pegawai Audiometri Jabatan ORL. Selain itu, tiada ujian pengukuran tahap kebisingan ambien dibuat oleh kontraktor pada tahun 2013. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas KKR, kontraktor telah mengambil langkah untuk mengurangkan gangguan bunyi bising pada Bilik Audiometri berkenaan dengan cara memperlahankan kadar bunyi pada sistem panggilan nombor dan membaiki semula seal pada bingkai pintu berkenaan. Setelah pembaikan dilakukan, ujian semula tahap kebisingan telah dilaksanakan oleh Unit Pakar Bunyi & Getaran, JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal pada 17 Februari 2015. Wakil-wakil dari JKR, HKL dan kontraktor telah dipelawa untuk hadir sama. Keputusan ujian telah menunjukkan bahawa tahap kebisingan pada Bilik Audiometri No. 30 telah mematuhi Jadual Kedua Peraturan 20(4) (c), Akta Kilang dan Jentera di bawah Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Pendedahan Bising) 1989 iaitu dalam linkungan 12.9 sehingga 17.8 dB di mana tidak melebihi paras tekanan bunyi maksimum yang ditetapkan iaitu antara 27 sehingga 41 dB.* Pada pendapat Audit, penglibatan wakil Jabatan ORL dan Unit Kejuruteraan (Operasi) HKL adalah penting semasa ujian pengukuran tahap kebisingan ambien dijalankan bagi memastikan ia mengikut peraturan yang ditetapkan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan. Tindakan JKR mengurangkan gangguan bunyi bising dan mengadakan ujian semula pengukuran tahap kebisingan dengan mempelawa semua pihak yang terlibat adalah baik.	
5.5.6.2.b	**Ujian *Particulate Count* Melebihi Tahap Bacaan yang Ditetapkan Di Dewan Bedah No.10** Masalah suhu, *humidity* dan *particulate count* melebihi tahap bacaan ditetapkan di dewan bedah kerap berlaku sepanjang bulan Januari hingga Mac 2014. Mengikut keputusan *ujian particulate count* pada Mac 2014, bacaan menunjukkan *particulate count* melebihi tahap bacaan ditetapkan di semua dewan bedah kecuali Dewan Bedah No. 6 dan Dewan Bedah No. 8. Kontraktor diminta menyediakan program kerja untuk menyelesaikan isu tersebut dan mendapati kontraktor telah menukar *hepa filter* di semua dewan bedah sebelum ujian *particulate count* dibuat semula pada bulan Julai 2014. Adalah didapati bacaan keputusan ujian tersebut memuaskan di semua dewan bedah kecuali *centre operating table* di Dewan Bedah No. 10 yang mana ia menunjukkan 466,153.50 *count* melebihi bacaan yang ditetapkan (352,000 bagi *particle 0.5 um)*. Sehubungan itu, JKR melalui Mesyuarat Tanggungan Kecacatan pada bulan September 2014 telah meminta kontraktor menjalankan ujian *particulate count* semula dan mengenal pasti punca *particulate count* masih melebihi tahap bacaan ditetapkan. Sehingga akhir bulan September 2014, pengesahan seperti diminta oleh JKR masih belum dikemukakan. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas Kementerian, Dewan Bedah No.10 merupakan Future OT yang masih tidak dilengkapi dengan peralatan Kategori I atau Kategori III. Pada peringkat awal perancangan, dewan bedah yang dilengkapi peralatan Kategori I adalah Dewan Bedah No. 1 hingga No. 9 sahaja. Bagaimanapun, ujian particulate count tetap dijalankan di Dewan Bedah No. 10 kerana kontraktor telah mengganti hepa filter bagi semua dewan bedah. Berdasarkan keputusan ujian yang dibuat, didapati Dewan Bedah No. 1 sehingga No. 9 lulus di dalam ujian tersebut kecuali Dewan Bedah No. 10. Sehubungan itu, ujian particulate count akan dijalankan sekali lagi bagi Dewan Bedah No. 10 setelah perolehan peralatan perubatan dan kelengkapan dewan bedah telah lengkap dan pembersihan secara menyeluruh akan dilaksanakan.*	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kesihatan Malaysia** Ujian *particulate count* di Dewan Bedah No. 10 akan dilaksanakan sebaik sahaja kedua-dua peralatan **OT Table** dan **OT Light** dibekal dan dipasang di Dewan Bedah tersebut. Status pelaksanaan perolehan bagi kedua-dua alat berkenaan adalah seperti berikut:- **Perolehan OT *Table***: Surat Setuju Terima (SST) kepada pihak syarikat yang bertarikh 5 Februari 2015 telah dikeluarkan bagi 1 unit OT Table. Dijangkakan OT *table* ini dapat dibekalkan pada bulan April 2015. **Perolehan OT *Light***: HKL telah menyediakan spesifikasi bagi OT *Light* dan sebut harga telah diiklankan pada 13 Februari 2015. Dijangkakan Jawatankuasa Sebutharga peringkat HKL akan bermesyuarat pada akhir Mac 2015 dan peralatan tersebut dijangka dapat dibekalkan pada bulan April 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, tindakan susulan segera perlu diambil bagi memastikan kualiti udara di Dewan Bedah No. 10 tidak melebihi tahap bacaan *particulate count* yang ditetapkan tidak melewati 3 bulan daripada tarikh berakhirnya tempoh DLP.	
5.5.7.2	**Mesyuarat Penyenggaraan Dan Tanggungan Kecacatan** Mesyuarat ini diadakan setiap bulan dan dihadiri oleh Bahagian Perancangan Kementerian, JKR, Cawangan Pembangunan HKL, pihak konsesi, kontraktor dan perunding. Tujuan mesyuarat tersebut diadakan untuk membincangkan masalah berkaitan kecacatan yang berlaku di SCACC serta kemajuan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor SPSB. Di samping itu, laporan baki aduan yang belum diselesaikan turut dilaporkan oleh perunding bagi setiap disiplin. Lanjutan daripada kekerapan kejadian siling jatuh di SCACC, kontraktor diminta mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem gantungan siling melalui Mesyuarat Penyenggaraan Dan Tanggungan Kecacatan No. 6 bertarikh 30 Mei 2013. Mesyuarat seterusnya bertarikh 28 Jun 2013 sehingga 8 September 2014, JKR sentiasa memantau kerja-kerja penambahbaikan sistem gantungan siling yang dibuat oleh kontraktor dan akhirnya ia dapat disiapkan pada bulan Ogos 2014. Berdasarkan Mesyuarat Penyenggaraan Dan Tanggungan Kecacatan No. 7 bertarikh 28 Jun 2013, kontraktor telah diberi peringatan agar semua kerja penyenggaraan dilaksanakan mengikut jadual ditetapkan kerana pemotongan bayaran akan dibuat jika ia gagal berbuat demikian. Maklum Balas Kementerian Dan KKR Yang Diterima Pada 15 Januari 2015 Dan 2 Mac 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Dan 27 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas JKR, pemeriksaan akhir kecacatan telah dijalankan oleh JKR, Bahagian Perancang Kementerian, Unit Kejuruteraan (Operasi) dan Cawangan Pembangunan & Penswastaan HKL serta Radicare Sdn. Bhd. Pada 18 November 2014. Sehingga 18 November 2014, kontraktor sedang mengambil tindakan pembaikan terhadap kecacatan yang dikenalpasti semasa pemeriksaan akhir tersebut dijalankan. Selain itu, baki kecacatan telah dimasukkan dalam Senarai Akhir Kecacatan dan ia perlu diselesaikan oleh kontraktor dalam tempoh 3 bulan 28 hari selepas tarikh tamat tempoh tanggunggan kecacatan iaitu pada 28 Februari 2015. Mengikut KKR berdasarkan surat yang diterima pada 2 Mac 2015, semua kerja dalam senarai kecacatan akhir telah disempurnakan oleh kontraktor.*	**Maklum Balas Daripada Kementerian Kerja Raya** Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 5.5.7.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pemantauan yang diadakan oleh JKR, Kementerian dan HKL melalui mesyuarat serta laporan pemeriksaan adalah memuaskan kerana telah dapat menyelesaikan isu utama seperti kekerapan siling jatuh dan masalah kulat di beberapa dewan bedah. Bagaimanapun, JKR dan HKL perlu memastikan rekod-rekod berkaitan seperti Lukisan Siap Bina, laporan kecacatan dan laporan penyenggaraan berkala hendaklah sentiasa dikemas kini.	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Perenggan 6 : Pengurusan Perkhidmatan Klinik Bergerak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.1.1.a	**Prestasi Program - Pencapaian Petunjuk Prestasi PKB** Mulai tahun 2011 Kementerian telah menetapkan KPI bagi PKB dengan peningkatan 10% jumlah kedatangan pesakit pada tahun semasa berbanding tahun sebelum. KPI ini dinilai berdasarkan jenis PKB iaitu KB sedia ada atau KB1M.	Penetapan KPI yang baru berdasarkan kepada indikator-indikator yang telah dipersetujui dijangka dapat dikeluarkan pada penghujung tahun 2015.
6.5.1.1.b	Pada tahun 2012 dan 2013 berlaku penurunan kedatangan pesakit ke PKB antara 0.5% hingga 77.8% di daerah yang dilawati. Penurunan tertinggi didapati berlaku pada tahun 2013 di Pulau Langkawi, Kedah. Penurunan ini disebabkan oleh pembukaan Klinik 1Malaysia (K1M) Pulau Tuba pada 2 Mei 2012 dan penutupan operasi PKB Pulau Dayang Bunting. Penutupan operasi PKB adalah kerana sebuah jambatan telah dibina bagi memberikan akses kepada penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan di K1M. Dengan adanya kemudahan jambatan ini telah memudahkan perhubungan di antara kedua-dua buah pulau. Selain itu, kedatangan pesakit juga telah berkurangan di KB Pulau Tuba Langkawi berikutan penghijrahan penduduk ke Pekan Kuah atas faktor ekonomi (mendapat peluang pekerjaan) di Pekan Kuah dan masalah tambang bot yang mahal menyebabkan mereka sukar berulang-alik. Bagi daerah-daerah yang dilawati di Negeri Sarawak peningkatan kedatangan pesakit berlaku antaranya disebabkan oleh pasukan KB menerima kenderaan dan peruntukan khas serta pertambahan jenis perkhidmatan. Manakala penurunan kedatangan pesakit disebabkan tiada pertambahan penduduk di lokaliti dan populasi adalah statik dengan golongan umur produktif berhijrah ke bandar. Bagi daerah-daerah yang dilawati di Negeri Sabah penurunan kedatangan pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh insiden pencerobohan di Lahad Datu yang telah memberi kesan di semua daerah pantai timur Negeri Sabah dari Tawau sehingga ke Kudat. Atas faktor keselamatan, perkhidmatan KB di daerah berkenaan terpaksa ditangguhkan beberapa bulan. Pencerobohan berkenaan juga telah menyebabkan penduduk di lokasi yang dilawati berpindah ke kawasan lain sehingga menjejaskan jumlah kedatangan. Selain itu, penurunan kedatangan pesakit di Sandakan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	disebabkan pembahagian semula kawasan operasi KB sedia ada di mana sebahagian kawasan operasi Sandakan diserahkan kepada Daerah Kinabatangan selaras dengan penubuhan KB1M Bot Sg. Kinabatangan.	
6.5.1.1.c	Bagi daerah lain, secara keseluruhannya penurunan kedatangan pesakit adalah disebabkan oleh perkhidmatan yang ditawarkan terhad iaitu penjagaan kesihatan ibu dan anak sahaja, skop rawatan tidak menyeluruh (antenatal, postnatal, imunisasi dan perancang keluarga) dan PKB dilaksanakan di lokasi yang sama di mana jumlah penduduk berkurangan akibat penghijrahan ke bandar. Bagaimanapun bagi Daerah Gombak, Selangor berlaku peningkatan kadar kedatangan pesakit hasil daripada perkhidmatan rawatan pesakit luar yang ditawarkan. Bagi Daerah Klang, Selangor pula peningkatan kehadiran disebabkan perkhidmatan penjagaan kesihatan ibu dan anak yang ditawarkan lebih menyeluruh. Selain itu, bagi perkhidmatan KB1M Bas Hulu Selangor, penurunan jumlah kedatangan pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 adalah disebabkan oleh kerosakan bas yang berkaitan bateri, enjin dan penghawa dingin.	
6.5.1.1.d	Analisis lanjut mendapati berlaku peningkatan mendadak bilangan pesakit yang menerima rawatan pada tahun 2012 sebanyak 2,838% bagi Daerah Bentong, Pahang dan 393% bagi Daerah Padang Terap, Kedah. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan ini menimbulkan keraguan berikutan data kedatangan yang diselenggara oleh PKBhg./PKD/PKK adalah berbeza dengan data yang diselenggara di JKN. Perbezaan data kedatangan pesakit ini adalah disebabkan oleh pegawai yang bertanggungjawab merekodkan data kedatangan pesakit sering bertukar ganti. Kedatangan pesakit di KB pula tidak direkodkan secara berasingan sebaliknya direkodkan di dalam daftar klinik kesihatan induk. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan 17 Februari 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian mengambil maklum dan bersetuju dengan pendapat Audit untuk meneliti semula penetapan sasaran KPI dengan mengambil kira faktor penyumbang kedatangan pesakit. Hasil mesyuarat dengan anggota pelaksana di lapangan pada 12 Februari 2015, beberapa indikator bagi Perkhidmatan Klinik Bergerak telah dibincangkan. Mesyuarat bersetuju untuk menilai semula asas penetapan KPI dan mengkaji kebolehupayaan (feasibility) pelaksanaan indikator-indikator yang dicadangkan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Kementerian telah mengambil langkah yang baik dengan mewujudkan KPI bagi mengukur pencapaian perkhidmatan klinik bergerak. Asas penetapan KPI hendaklah sesuai dengan mengambil kira faktor yang menyumbang kepada peningkatan dan penurunan kedatangan pesakit.	
6.5.1.2.c.i	**Prestasi Kewangan - Caj Perkhidmatan** Semua pasukan KB yang melaksanakan PKB di Negeri Sarawak tidak mengenakan caj perkhidmatan kepada pesakit warga negara dan bukan warga negara yang mendapatkan rawatan di lokasi PKB sejak ia dilaksanakan.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.1.2.c.iii
6.5.1.2.c.ii	Dua daripada 29 (7%) pasukan KB iaitu KB Kg. Delek Klang, Selangor dan Kg. Bambangan Sandakan, Sabah masih mengenakan caj perkhidmatan. KB Kg. Delek mengenakan caj perkhidmatan kepada warganegara dan bukan warganegara. Manakala di KB Kg. Bambangan mengenakan caj perkhidmatan hanya kepada bukan warganegara. Perkara ini berlaku kerana pasukan KB tidak maklum berkenaan Surat Pekeliling di atas yang telah mengecualikannya bermula bulan Jun 2013. Kadar caj rawatan yang dikenakan adalah RM1 (warganegara) dan RM15 (bukan warganegara). Mengikut PKD Klang selepas teguran Audit, kutipan caj perkhidmatan telah diberhentikan bermula 26 Jun 2014.	
6.5.1.2.c.iii	Semakan terhadap Surat Pekeliling di atas mendapati perenggan berhubung Pengecualian Caj Bayaran tidak menyatakan dengan jelas sama ada pengecualian tersebut melibatkan bukan warganegara. Pada pendapat Audit, caj rawatan PKB adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling yang berkuat kuasa. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Berdasarkan perenggan 3, Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 1 Tahun 2013 pengecualian bayaran caj perkhidmatan perubatan dan kesihatan di luar Hospital/Fasiliti KKM seperti perkhidmatan KB sedia ada dan KB1M adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia. Bagi warga asing, caj rawatan hendaklah dikenakan seperti yang telah dijelaskan di dalam*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 1 Tahun 2014 mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan 2014). Kementerian telah memaklumkan semua PTJ terlibat berkaitan Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 1 Tahun 2013 dan Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil. 1 Tahun 2014.	
6.5.2.1.a	**Pengurusan Program - Perjawatan Dan Latihan** Perjawatan khusus untuk PKB ada diwujudkan tetapi hanya untuk pasukan KB1M sahaja iaitu sebanyak 63 perjawatan manakala bagi pasukan KB sedia ada, anggota perubatan yang terlibat adalah secara guna sama dari PKBhg./PKD/PKK dan KK/KD.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.2.1.c
6.5.2.1.b	Semakan terhadap 5 sampel pasukan iaitu KB1M Bas di Hulu Selangor, Selangor dan Bentong Pahang, KB1M Bot Sg. Kinabatangan, Sabah, Sg. Marudi dan Sg. Rejang, Sarawak mendapati hanya 30.2% perjawatan yang diluluskan telah diisi. Bagi perjawatan yang belum diisi anggota perubatan tersebut dipinjamkan dari KK yang berhampiran. Selain itu jawatan Pembantu Laut di bawah KB1M Bot Sg. Kinabatangan telah diisi secara *Contract For Service* dengan Syarikat Sara Chem Sdn. Bhd. di mana kontraktor dikehendaki menyedia dan melantik seorang nakhoda, seorang jurutera dan 2 orang krew kapal dengan kos dan perbelanjaan sendiri.	
6.5.2.1.c	Anggota pasukan KB air di Negeri Sarawak tidak diberikan latihan secara khusus untuk menghadapi situasi kecemasan/kemalangan semasa menjalankan tugas bagi tahun 2012 hingga bulan Jun 2014. Keperluan untuk mendapat latihan kecemasan/kemalangan di air adalah kritikal kerana 46 (47%) daripada 97 pasukan PKB di Sarawak menggunakan pengangkutan air yang berisiko tinggi. Pada pendapat Audit, kekosongan perjawatan bagi PKB memberi kesan kepada keberkesanan perkhidmatan dan menambahkan beban kerja kepada anggota perubatan sedia ada di KK/KD. Bagi PKB air di Negeri Sarawak anggota perlu didedahkan dengan kursus/latihan keselamatan bagi mengurangkan risiko kemalangan air. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan 17 Februari 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian mengambil maklum mengenai ketiadaan dan kekosongan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perjawatan bagi PKB yang akan memberi kesan kepada keberkesanan perkhidmatan dan menambahkan beban kerja kepada anggota perubatan sedia ada di KK/KD. Kementerian akan mengadakan perbincangan lanjut bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada 18 Februari 2015 bagi memastikan pengisian jawatan bagi jawatan-jawatan berkaitan yang telah dimohon melalui e-pengisian dibuat dengan kadar yang segera. Perjawatan diagihkan kepada JKN/PKD/KK berdasarkan keupayaan Kerajaan mewujudkan jawatan berkenaan. Bagi melaksanakan sebarang perkhidmatan di peringkat KK/KD, Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkenaan bertanggungjawab untuk memastikan keutamaan agihan jawatan/pengisian dilaksanakan secara teratur. *Selain itu, Kementerian juga mengambil maklum mengenai anggota KB air di Negeri Sarawak tiada latihan keselamatan bagi mengurangkan risiko kemalangan air. Kementerian melalui JKN Sarawak telah mengenal pasti sebuah syarikat yang mengendalikan latihan keselamatan bagi mengurangkan risiko kemalangan air. Memandangkan terdapat ramai anggota yang terlibat, pemilihan anggota untuk dihantar berkursus berkaitan keselamatan akan dibuat secara berperingkat.*	
6.5.2.2	**Tempat Pemeriksaan Dan Rawatan Pesakit** Kemudahan tempat pemeriksaan yang bersesuaian adalah penting bagi memastikan rawatan dan pemeriksaan dapat dibuat dengan sempurna dan menyeluruh kepada pesakit. Pemeriksaan Audit mendapati tempat operasi KB adalah pelbagai seperti di KD, dalam bot/bas KB1M, dewan orang ramai, balai raya, rumah ketua kampung, *ruai* rumah panjang dan kawasan terbuka. Pihak Audit juga mendapati sebahagian premis perkhidmatan KB tidak mempunyai ruang pemeriksaan khas/tertutup. Ini menyebabkan skop perkhidmatan terutamanya bagi rawatan ibu dan anak seperti antenatal, postnatal dan papsmear tidak dapat dilaksanakan di lokasi PKB kecuali PKB yang dilaksanakan di KD. Selain itu, di lokasi KB1M Bot Sg. Kinabatangan Kg. Abai, laluan pesakit bagi mendapatkan rawatan hanya menggunakan tangga kayu yang menghubungkan jeti dengan bot yang mana tidak selamat kepada pesakit khususnya wanita yang mengandung dan membawa anak kecil, kanak-kanak serta orang tua. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan	KKM melalui PKK Kinabatangan telah menempah tangga dari binaan logam (aluminium) bagi menggantikan tangga kayu berkenaan dan tangga tersebut dijangka dapat digunakan pada bulan April 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *PKB merupakan sebuah perkhidmatan yang memerlukan penglibatan komuniti di mana ruang bagi perkhidmatan ini dijalankan dan disediakan dengan kerjasama mereka. Keperluan dan keselesaan tempat kerja sentiasa dibincangkan di peringkat lapangan dengan ketua masyarakat, di peringkat daerah dalam Jawatankuasa Bertindak Daerah dan di peringkat Kementerian melalui pendekatan kolaborasi pelbagai agensi. Sebagai contohnya JKN Pahang telah membina tiga buah fasiliti untuk orang asli bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan melalui klinik bergerak iaitu di Pos Menson, Pos Leryar dan Kampung Sg. Tiang, Jerantut dengan kaedah National Blue Ocean Strategy (NBOS) bersama Angkatan Tentera Malaysia.* Pada pendapat Audit, kemudahan ruang pemeriksaan masih kurang memuaskan di mana ia memberi kesan terhadap skop perkhidmatan kesihatan yang boleh dilaksanakan dan memberi imej kurang baik kepada Kementerian dan Kerajaan.	
6.5.2.3.a.i	**Pengurusan Kenderaan/Bot - Perkhidmatan Bot KB1M - KB1M Bot Sg. Kinabatangan Dan KB1M Bot Sg. Baram** Perkhidmatan pengoperasian bot bagi KB1M Sg. Kinabatangan dan perkhidmatan penyewaan bot bagi KB1M Sg. Baram dibuat secara rundingan terus dengan Sara Chem Sdn. Bhd. bagi tempoh dua tahun. Bagi KB1M Bot Sg. Kinabatangan tempoh perkhidmatan pengoperasian adalah mulai 2 Januari 2014 hingga 1 Januari 2016 dengan nilai kontrak RM1.07 juta. Manakala bagi perkhidmatan dan penyewaan bot bagi KB1M Sg. Baram adalah pada 1 Mei 2013 hingga 30 April 2015 dengan nilai kontrak RM0.96 juta. Semakan Audit mendapati:- • **Kontrak Lewat Ditandatangani** Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 [1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 4/2013], menyatakan tempoh bagi menandatangani kontrak hendaklah dibuat secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima (SST). Adalah didapati kontrak perkhidmatan pengoperasian KB1M Bot Sg. Kinabatangan telah ditandatangani pada 2 Julai 2014 iaitu lewat 63 hari selepas 4 bulan dari tarikh SST dikeluarkan iaitu pada 30 Disember 2013. Manakala bagi kontrak perkhidmatan dan penyewaan bot KB1M di	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.2.3.a.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sg. Baram telah lewat ditandatangani selama 265 hari di mana SST telah dikeluarkan pada 29 April 2013 dan kontrak hanya ditandatangani pada 19 Mei 2014. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian memaklumkan kontrak perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan outsourcing yang merupakan pertama kali dilaksanakan oleh Kementerian, di mana bot tersebut dihadiahkan oleh Y1MDB dan kemudian perkhidmatan di outsource kepada syarikat swasta. Oleh kerana tiada template kontrak yang serupa, penggubalan draf kontrak oleh pihak pengguna dan Bahagian Perolehan & Penswastaan mengambil lebih masa dari biasa bagi memastikan klausa berkenaan pematuhan terhadap kontrak seperti skop kerja, denda dan lain-lain dibuat dengan teratur. Bon Pelaksanaan hanya diserahkan kepada Kementerian pada 6 Februari 2014 (lewat 38 hari) yang merupakan sebahagian daripada kontrak perjanjian. Bot berkenaan adalah merupakan aset Kerajaan dan perlu ditentukan spesifikasi yang jelas untuk dimasukkan di dalam kontrak. Bagi tujuan mengelakkan kelewatan yang sama berulang, draf Kontrak Perjanjian bagi KB1M yang telah dibangunkan untuk KB1M Bot Sg. Kinabatangan digunakan sebagai template dan rujukan kepada Kontrak Perjanjian yang sama pada masa hadapan.* *Bagi KB1M Bot Sg. Baram pula Kementerian memaklumkan kelewatan menandatangani kontrak berkenaan adalah disebabkan oleh keperluan masa untuk memuktamadkan terma dan syarat kontrak berikutan kontrak ini merupakan kontrak penyewaan perkhidmatan bot untuk klinik bergerak yang pertama kali dilaksanakan di Kementerian. Draf kontrak perjanjian yang telah dipersetujui oleh BPKK dan JKN Sarawak hanya dapat dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang (PUU) pada 22 Julai 2013. Draf kontrak perjanjian hanya dapat dikemukakan kepada JKN Sarawak dan Sara Chem Sdn. Bhd. untuk semakan dan pengesahan pada 30 Januari 2014 setelah pindaan dan semakan oleh PUU.* *Selain itu, pengesahan terhadap pindaan maklumat spesifikasi bot yang dikemukakan oleh Sara Chem Sdn. Bhd. turut menyumbang kepada kelewatan ini. Pengesahan spesifikasi bot hanya dapat diselesaikan oleh JKN Sarawak pada 18 Mac 2014. Sara Chem Sdn. Bhd. kemudiannya mengemukakan dokumen perjanjian pada 9 April 2014 namun kontrak perjanjian tersebut tidak sempurna untuk ditandatangani oleh pihak Kerajaan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kontrak perjanjian yang sempurna hanya dikembalikan oleh Sara Chem Sdn. Bhd. kepada Kerajaan pada 29 April 2014.	
6.5.2.3.a.i	• **Syarat-Syarat Kontrak Tidak Dipatuhi - Peralatan Tidak Dibekalkan** Klausa 9, Spesifikasi Dan Skop Kerja KB1M Bot Sg. Kinabatangan menetapkan bagi tujuan komunikasi dan pemantauan perkhidmatan, pihak kontraktor dengan kos perbelanjaan sendiri hendaklah menyediakan 1 unit telefon satelit, 2 unit radio VHF dan 1 set radio HF. Bagaimanapun, didapati kontraktor hanya membekalkan 1 unit radio VHF sahaja. Semakan lanjut mendapati tiada potongan terhadap bayaran bulanan perkhidmatan KB1M ini. Ianya adalah tidak selaras dengan perenggan 4.6 syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan. Kerajaan berhak untuk membuat penolakan kepada bayaran perkhidmatan mengikut budi bicara pihak Kerajaan dan mengikut jumlah yang akan ditetapkan oleh Kerajaan sekiranya kontraktor gagal mematuhi skop kerja dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Selain itu, didapati tiada formula atau kadar ditetapkan bagi mengira nilai kos yang perlu ditolak atas sebab ketidakpatuhan terhadap spesifikasi dan skop kerja. Nilai penolakan yang ditetapkan di dalam klausa 4.6 syarat-syarat kontrak hanya bergantung kepada budi bicara pihak Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan 17 Februari 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian sedang dalam tindakan untuk menuntut sejumlah RM10,002.52 dari pihak Sara Chem Sdn. Bhd. sebagai bayaran denda bagi peralatan yang tidak dibekalkan. Jumlah ini adalah 2% daripada kadar bayaran perkhidmatan harian bagi setiap ketidakpatuhan yang dilakukan. Klausa denda ini juga telah dimasukkan dalam perjanjian Kontrak Tambahan ke atas Kontrak Perjanjian Ibu yang dimeterai bersama Sara Chem Sdn. Bhd. pada 15 Disember 2014.* Pada pendapat Audit, Kementerian tidak mematuhi peraturan berkaitan pentadbiran kontrak kerana lewat menandatangani kontrak selepas surat setuju terima dikeluarkan. Selain itu, syarat kontrak yang tidak jelas dan bayaran sepenuhnya terhadap sebahagian perkhidmatan yang tidak dilaksanakan adalah tidak teratur serta tidak menjamin kepentingan Kerajaan.	Kutipan bayaran denda ke atas pihak Sara Chem. Sdn. Bhd oleh KKM dijangka dapat diselesaikan pada bulan Jun 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.2.3.a.ii	**KB1M Bot Sg. Rejang** • **Proses Perolehan Bagi Mendapatkan Perkhidmatan Operasi Bot KB1M Lewat Dimuktamadkan** JKN Sarawak telah mempelawa sebut harga untuk mendapatkan perkhidmatan operasi bot KB1M pada 22 Januari 2014. Mesyuarat Pemilihan Sebut harga diadakan pada 24 Februari 2014 telah memilih Sara Chem Sdn. Bhd. dengan harga tawaran bernilai RM41,000 sebulan untuk tempoh 12 bulan. Bagaimanapun, bayaran perkhidmatan operasi bot adalah berdasarkan kepada inbois/perbelanjaan sebenar bagi sesuatu bulan. Surat tawaran telah dikeluarkan pada 26 Februari 2014 kepada Sara Chem Sdn. Bhd. yang kemudiannya mengembalikan SST pada 3 Mac 2014. Pada 14 Mei 2014, Sara Chem Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat permohonan untuk menarik diri dari memberikan perkhidmatan berkenaan. Pihak JKN Sarawak bersetuju dengan penarikan diri Sara Chem Sdn. Bhd. bermula 14 Jun 2014. JKN Sarawak kemudiannya pada 18 Jun 2014 telah mempelawa sebut harga baru dan seterusnya pada 12 September 2014 bersetuju memilih Sara Chem Sdn. Bhd. untuk melaksanakan perkhidmatan operasi bot KB1M Sg. Rejang bermula pada 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2015. Adalah didapati JKN Sarawak mengambil masa yang lama iaitu 92 hari untuk memuktamadkan proses perolehan bagi mendapatkan perkhidmatan operasi bot KB1M ini. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian memaklumkan proses perolehan bagi mendapatkan perkhidmatan operasi bot KB1M baru pertama kali dilaksanakan oleh JKN Sarawak pada waktu itu. Kementerian akan merancang perolehan perkhidmatan operasi bot KB1M lebih awal pada masa depan.* Pada pendapat Audit, kelewatan JKN Sarawak dalam memuktamadkan urusan perolehan bagi pengendalian bot KB1M Sg. Rejang menyebabkan perkhidmatannya terhenti melebihi 3 bulan. JKN Sarawak sepatutnya telah merancang perolehan perkhidmatan operasi bot KB1M lebih awal sebelum tamat tempoh pembiayaan oleh Y1MDB.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.2.3.a.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.2.3.a.ii	• **Pembayaran Terhadap Kerja Penyenggaraan Dan Pembaikan Bot** Pada 22 April 2014, JKN Sarawak telah mengiklankan notis sebut harga untuk kerja/perkhidmatan *docking charges* bot KB1M Sg. Rejang. Sebanyak 3 pembida telah menyertai sebut harga ini dan Jawatankuasa Sebut Harga JKN Sarawak yang bermesyuarat pada 27 Mei 2014 memutuskan untuk memilih pembida yang menawarkan harga paling rendah, iaitu Syarikat Suara Baru dengan harga RM38,130. Susulan itu, surat tawaran dikemukakan kepada Syarikat Suara Baru pada 28 Mei 2014. Pesanan tempatan kemudiannya dikeluarkan kepada Syarikat Suara Baru pada 11 Jun 2014 dan tempoh penyenggaraan bot di antara 11 Jun 2014 hingga 11 Ogos 2014. Manakala invois dikeluarkan oleh Syarikat Suara Baru pada 12 Jun 2014. Pembayaran bagi perkhidmatan *docking charges* ini dibuat pada 30 Jun 2014 berjumlah RM38,130. Bagaimanapun, mengikut Penolong Pegawai Perubatan KK Belaga, bermula 15 Jun 2014 hingga 30 September 2014, bot KB1M Sg. Rejang hanya berlabuh di jeti persendirian di Belaga dengan kadar sewa RM600 sebulan. Ini berdasarkan borang permohonan untuk mendapatkan Pesanan Tempatan bagi bayaran sewa jeti persendirian kepada PKBhg. Kapit pada 25 Jun 2014. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Sara Chem Sdn. Bhd. pada 6 Januari 2014 telah memaklumkan JKN Sarawak bahawa bot KB1M Sg. Rejang perlu dilaksanakan penyenggaraan dengan segera ke atas beberapa peralatan dan perlu dihantar ke dockyard di Sibu. Unit Kejuruteraan, JKN Sarawak telah dipanggil untuk membuat pemeriksaan ke atas bot berkenaan pada 24 Januari 2014.* *Lanjutan daripada itu, Syarikat Suara Baru telah memaklumkan JKN Sarawak bahawa kos bagi penyenggaraan bot tersebut pada waktu itu adalah berjumlah RM49,000. JKN Sarawak tidak bersetuju dengan jumlah kos penyenggaraan tersebut dan beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi mendapatkan jumlah kos yang lebih murah dan dapat dilaksanakan melalui pembelian terus. Pesanan tempatan bagi kerja penyenggaraan tersebut tidak dapat dikeluarkan sehingga jumlah kos tersebut dipersetujui oleh kedua-dua pihak.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.2.3.a.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Namun begitu, keadaan telah berubah kerana Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014 yang berkuat kuasa 18 Februari 2014 telah menetapkan perolehan secara pembelian terus tidak boleh melebihi RM20,000 maka pembelian terus daripada Syarikat Suara Baru tidak dapat dijalankan. Oleh sebab itu, proses sebut harga terpaksa dilakukan walaupun kerja sudah siap pada bulan Februari 2014. *Proses sebut harga telah dilaksanakan pada 28 Februari 2014 dan dibuat pemilihan pada 17 April 2014. Bagaimanapun proses sebut harga tersebut tidak berjaya kerana JKN Sarawak tidak bersetuju dengan harga yang telah diberikan oleh pihak Syarikat Suara Baru. Proses sebut harga telah dibuat semula pada 22 April 2014 dan akhirnya diputuskan pada 27 Mei 2014.* *Oleh yang demikian, berdasarkan kepada laporan pemeriksaan oleh Unit Kejuruteraan, JKN Sarawak pada 24 Januari 2014 tersebut, Penolong Pegawai Perubatan dari Seksyen Pembangunan Kesihatan Keluarga telah membuat pengesahan bahawa kerja penyenggaraan dan pembaikan bot KB1M Sg. Rejang, Kapit dilakukan dengan memuaskan sebelum bayaran dibuat pada 30 Jun 2014.* Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 17 Februari 2015 *Siasatan lanjut oleh KKM ke atas perkara ini dijangka dapat diselesaikan pada bulan April 2015.* Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan dan pembaikan bot KB1M Sg. Rejang adalah tidak teratur kerana telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum proses perolehan dimuktamadkan. Selain itu, terdapat percanggahan maklumat berkenaan tarikh penyenggaraan siap dilaksanakan di dalam maklum balas Kementerian.	
6.5.2.3.b	**Perkhidmatan KB1M Bas** Perkhidmatan KB1M Bas Hulu Selangor mula beroperasi pada tahun 2010. Bas yang didaftarkan pada tahun 2009 ini dihadiahkan kepada Kementerian pada 26 Jun 2012. Bagaimanapun semasa lawatan Audit pada 26 Jun 2014 didapati peralatan di dalam bas seperti *Welchallyn Lamp, Fully Digital Diagnostic Ultra Sound System* dan *Nebulizer Machine* tidak dapat digunakan kerana kerosakan *generator*. Bilangan kekerapan dan jenis kerosakan yang	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.2.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berlaku tidak dapat dipastikan berikutan rekod penyenggaraan bas tidak diselenggara dengan terperinci. Semakan lanjut mendapati kos penyenggaraan bas yang telah dibelanjakan oleh PKD Hulu Selangor pada tahun 2013 adalah sejumlah RM59,050 dan sehingga Mei 2014 berjumlah RM10,189. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian memaklumkan pembaikan generator telah dibuat pada 26 Disember 2014 dan peralatan-peralatan tersebut telah dapat digunakan. Manakala rekod penyenggaraan bas telah dilaksanakan dengan terperinci selepas teguran Audit.* Pada pendapat Audit, pemberian kenderaan daripada pihak luar adalah satu usaha yang baik bagi meningkatkan mutu PKB. Di samping itu, Kementerian perlu merancang peruntukan untuk menyenggara kenderaan tersebut. Kementerian disarankan memperluaskan strategi pelaksanaan PKB dengan mendapatkan sumbangan daripada pihak luar yang berminat sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial bagi membiayai kos operasi, kemudahan pengangkutan dan tempat rawatan.	
6.5.2.3.c.i	**Kenderaan/Bot Untuk Pasukan Klinik Bergerak Sedia Ada** Di PKD Langkawi, Kedah PKB dijalankan dengan menggunakan sebuah bot jenis *fiber glass* dengan kapasiti 2 enjin berkuasa 225cc yang diperoleh pada tahun 2010. Bot tersebut bernilai RM320,000 dan dapat menampung seramai 12 orang penumpang. Bagaimanapun, bot tersebut tidak dapat digunakan kerana mengalami kerosakan pada enjin dan bahagian dalam bot seperti lantai dan tempat duduk sejak pertengahan bulan Ogos 2014. Ini menyebabkan PKB terpaksa menggunakan bot guna sama PKD Langkawi. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan 17 Februari 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Pemeriksaan telah dilaksanakan oleh JKN Kedah dan pihak PKD Langkawi dan hasil pemeriksaan mendapati ianya mengalami masalah overheating. Sebut Harga bagi pembaikan enjin dan bahagian lain bot tersebut telah diperolehi. Di jangka proses pembaikan bot dan enjin bot akan mengambil*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.2.3.c.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	masa dua bulan untuk disiapkan.	
6.5.2.3.c.ii	Lawatan Audit ke PKB Kg. OA Sungai Kurau, Teluk Panglima Garang, Selangor mendapati van yang digunakan sejak bulan Disember 2009 adalah kurang sesuai kerana perjalanan ke kampung tersebut perlu melalui ladang kelapa sawit dan jarak klinik terdekat iaitu KK Teluk Panglima Garang adalah sejauh 45 kilometer. Keadaan jalan akan bertambah buruk apabila musim hujan yang menyebabkan jalan becak, tanah lembut dan licin.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.2.3.c.iii
6.5.2.3.c.iii	Di Negeri Sarawak, semasa lawatan Audit pada 12 dan 13 Ogos 2014 mendapati dua pasukan KB, iaitu KK Song dan KK Sekuau menggunakan perahu panjang yang disewa daripada pihak luar untuk menjalankan PKB ke lokasi. Pihak Audit dimaklumkan perahu panjang KK Song telah rosak manakala KK Sekuau tidak mempunyai perahu panjang. Manakala, lawatan Audit ke KK Tubau, Sarawak mendapati enjin sangkut Yamaha Enduro berkuasa 15HP yang digunakan untuk menjalankan PKB telah hilang dan laporan polis telah dibuat pada 14 Januari 2010. Perkara ini telah dimaklumkan kepada PKBhg. Bintulu pada 18 Januari 2010. Sehingga tarikh lawatan Audit pada 15 Ogos 2014 enjin tersebut belum diganti lagi. Ini menyebabkan KK Tubau terpaksa meminjam enjin sangkut daripada KK Sebauh bagi melaksanakan PKB yang menggunakan laluan sungai. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan 17 Februari 2015 Serta Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian mengambil maklum berkenaan penggunaan kenderaan yang kurang sesuai di PKB Kg. Orang Asli Sg. Kurau. Kementerian melalui PKD berkaitan telah mengatur kenderaan pacuan 4 roda (Toyota Hilux) untuk menggantikan van klinik bergerak semasa setiap lawatan ke kawasan Kg. OA Sungai Kurau. Kementerian juga memaklumkan penggantian perahu panjang untuk KK Song telah dilakukan pada bulan Disember 2014. Manakala penggantian perahu untuk KK Sekuau dan enjin sangkut 15HP bagi KK Tubau akan dilakukan pada tahun 2015.* Pada pendapat Audit, kenderaan bagi PKB perlulah sesuai dan berkeadaan baik bagi membolehkan PKB dilaksanakan dengan lancar dan selamat. Bot yang rosak perlu dibaiki segera bagi menggelakkan kerosakan menjadi bertambah teruk. Kementerian juga perlu mempertimbangkan dan memperuntukkan kenderaan yang sesuai mengikut sesuatu lokasi perkhidmatan PKB.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.3.1	**Pemantauan - Pemantauan Terhadap Perkhidmatan Klinik Bergerak** Di peringkat negeri dan daerah, pemantauan berkenaan pencapaian kedatangan pesakit ke PKB dibuat menerusi Mesyuarat Pencapaian Unit Primer atau Mesyuarat Penolong Pegawai Perubatan (Kinabatangan sahaja) dengan kekerapan antara 2 hingga 4 kali setahun. Selain daripada pemantauan menerusi mesyuarat dan laporan pencapaian kedatangan pesakit, penyeliaan terhadap operasi PKB hanya dilaksanakan di beberapa PKBhg./PKD/PKK sahaja. Semakan selanjutnya mendapati perkara ini berlaku kerana tiada peraturan/arahan/garis panduan khusus yang menghendaki lawatan penyeliaan dibuat terhadap PKB di peringkat negeri/daerah/kawasan dikeluarkan. Lawatan penyeliaan yang dibuat bergantung kepada inisiatif JKN/PKBhg./PKD/PKK. Ketidakseragaman dan kelonggaran di dalam aspek pemantauan boleh menyebabkan masalah pada peringkat akar umbi tidak dapat dikenal pasti dan diselesaikan lebih awal. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Januari 2015 Dan Mesyuarat Penutup Pada 4 Februari 2015 *Kementerian memaklumkan bahawa Garis Panduan Klinik Bergerak yang diedarkan pada bulan Disember 2014 mengandungi kaedah pemantauan dan penilaian yang perlu dilaksanakan oleh PKB. Kementerian akan sentiasa memastikan pemantauan dan penyeliaan PKB ini dilaksanakan oleh semua PKB selaras dengan garis panduan yang telah disediakan.* Pada pendapat Audit, Kementerian telah mewujudkan kaedah pemantauan terhadap program PKB melalui mesyuarat dan pengumpulan data pencapaian di peringkat negeri dan daerah/kawasan. Bagaimanapun ia perlu ditambah baik terutamanya dari segi kekerapan penyeliaan semasa pasukan KB beroperasi di lapangan di peringkat PKBhg./PKD/PKK.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 6.5.3.1

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Perenggan 7 : Pembinaan Dan Pengurusan Program Perumahan Rakyat (PPR) Di Negeri Sabah

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>7.5.1.1.b.i</td><td>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal Projek - Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa (Certificate Of Delay And Extension Of Time [EOT])

Semakan Audit mendapati ketiga-tiga projek telah diluluskan EOT di antara 614 hari hingga 2,504 hari daripada tarikh siap asal setelah mengambil kira sebab-sebab kelewatan seperti isu sempadan tanah, masalah kekurangan bahan, keadaan cuaca luar biasa, perubahan reka bentuk dan prosedur kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan/agensi seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB).</td><td rowspan="3">Ketiga-tiga projek telah disiapkan dengan tempoh lanjutan masa (EOT) antara 614 hingga 2,504 hari. Namun begitu, pemberian EOT ini adalah mengikut klausa dan prosedur yang ditetapkan di dalam dokumen kontrak. Klausa pemberian EOT adalah seperti berikut:-

<table><tr><th>Bil.</th><th>PPR</th><th>Klausa Pemberian EOT di dalam Dokumen Kontrak</th></tr><tr><td>1.</td><td>PPR Kg. Semarak</td><td>Klausa 43</td></tr><tr><td>2.</td><td>PPR Pekan Kinarut</td><td>Klausa 45</td></tr><tr><td>3.</td><td>PPR Lintas Sibuga</td><td>Klausa 49</td></tr></table>
Bagi semua projek-projek baru yang melebihi RM50 juta adalah tertakluk kepada Makmal Pengurusan Nilai supaya ia menepati keperluan-keperluan cadangan pemajuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi teknikal. Bagi projek-projek di bawah RM50 juta, juga tertakluk kepada tindakan Pra-makmal Pengurusan Nilai bagi mengelakkan ketidakpatuhan syarat-syarat PBT dan jabatan teknikal.

Bagi projek PPR Pekan Kinarut, projek ini telah disiapkan dan pemberian EOT tidak diluluskan kerana ianya tidak menepati syarat-syarat EOT. Sehubungan itu, LAD dikenakan kepada Kontraktor bagi projek PPR Pekan Kinarut bagi memastikan hak dan kepentingan Kerajaan sentiasa diutamakan.

LAD berjumlah RM 2,747,335.00 bagi Pekan Kinarut telah dipotong melalui bayaran interim no.36 hingga interim no.45 dan Penyata Akaun Muktamad telah disediakan pada 6 September 2012.

KPKT berpandangan pemberian EOT bagi ketiga-tiga PPR ini adalah wajar kerana</td></tr>
<tr><td>7.5.1.1.b.ii</td><td>Semakan Audit mendapati, projek pembinaan PPR Pekan Kinarut tidak dapat disiapkan selepas EOT 4 tamat pada 26 Mei 2011. Berdasarkan Perakuan Siap Kerja (certificate of practical completion [CPC]), projek tersebut hanya dapat disiapkan pada 16 Mac 2012 iaitu 9 bulan selepas tamat EOT 4 dan Sijil Layak Menduduki telah dikeluarkan oleh Majlis Daerah Papar pada tarikh yang sama. Semakan Audit terhadap rekod Wilayah 6 mendapati pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan bagi EOT 5 pada bulan September 2011. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak mendapat kelulusan dan kontraktor dikenakan Liquidated And Ascertained Damages (LAD) berjumlah RM2.74 juta.</td></tr>
<tr><td>7.5.1.1.b.iii</td><td>Bagi PPR Kg. Semarak, semakan Audit terhadap Perakuan EOT mendapati sebab utama EOT diluluskan adalah kelewatan agensi utiliti iaitu SESB untuk melaksanakan penyambungan bekalan elektrik dan kerja-kerja lain yang berkaitan (EOT 7, 9 dan 10) dengan kelulusan hari terkumpul sebanyak 1,096 hari (3 tahun). Selain itu, faktor kekurangan bahan dan cuaca buruk turut menjadi sebab utama EOT diluluskan (EOT 3, 4, 5 dan 6) dengan hari terkumpul diluluskan sebanyak 762 hari (2 tahun). Projek pembinaan PPR Kg. Semarak bagaimanapun telah diperaku siap dalam tempoh lanjutan masa yang ditetapkan iaitu pada 1 Julai 2011.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td>7.5.1.1.b.iv</td><td>Semakan Audit bagi PPR Lintas Sibuga mendapati projek telah diperaku siap dalam tempoh lanjutan masa yang ditetapkan pada 1 Julai 2013.

Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal projek pembinaan PPR Kg. Semarak dan Lintas Sibuga adalah memuaskan kerana projek telah siap secara praktikal dalam tempoh lanjutan masa yang ditetapkan. Bagaimanapun, kelulusan EOT yang panjang bagi PPR Kg. Semarak telah menyebabkan kelewatan penyiapan projek melebihi 6 tahun dan golongan sasaran lewat mendapat manfaat dari projek tersebut. Bagi PPR Pekan Kinarut, pencapaian fizikal projek adalah tidak memuaskan kerana projek tidak siap meskipun telah diberi 4 lanjutan masa meliputi 799 hari. Penguatkuasaan LAD terhadap kontraktor bagi projek pembinaan PPR Pekan Kinarut adalah wajar untuk memastikan hak dan kepentingan Kerajaan sentiasa diutamakan.

Maklum Balas KPKT Yang Diterima Pada 16 Januari 2015

Pemilihan kontraktor adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Kontraktor yang dipilih sememangnya memiliki sekurang-kurangnya Sijil G7. Pada pendapat KPKT, kebanyakan masalah kelewatan berlaku disebabkan oleh kontraktor tidak dapat menampung kos-kos yang meningkat selepas EOT diluluskan. Kontraktor yang pada awalnya mampu melaksanakan projek berdasarkan harga kontrak/kos semasa rundingan harga, bagaimanapun selepas 4 ke 5 tahun, peningkatan kos bahan mentah dan guna tenaga telah menyebabkan masalah kewangan kepada kontraktor dan seterusnya menyumbang kepada kelewatan penyiapan projek.

Maklum Balas Terkini Daripada KPKT Yang Diterima Pada 9 Mac 2015

Ketiga-tiga projek telah disiapkan dengan tempoh lanjutan masa (EOT) antara 613 hingga 2,504 hari. Namun begitu, pemberian EOT ini adalah mengikut klausa dan prosedur yang ditetapkan di dalam dokumen kontrak. Bagi semua projek-projek baru yang melebihi RM50 juta adalah tertakluk kepada Makmal Pengurusan Nilai supaya ia menepati keperluan-keperluan cadangan pemajuan Pihak berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi-agensi teknikal. Bagi projek-projek di bawah RM50 juta, juga tertakluk kepada tindakan Pra-makmal Pengurusan Nilai bagi mengelakkan ketidakpatuhan syarat-syarat PBT dan jabatan teknikal.</td><td>kepentingan Kerajaan Persekutuan adalah dijaga. Sekiranya pemberian EOT tidak diluluskan, kontrak ditamatkan dan pelantikan kotraktor penyiap dilaksanakan, kemungkinan kos projek akan meningkat. Senario perbandingan adalah seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Projek</th><th>Bil. EOT</th><th>Tarikh EOT Terakhir</th><th>Tarikh Siap Sebenar</th><th>LAD dikenakan</th></tr>
<tr><td colspan="5">(A) Senario sebenar</td></tr>
<tr><td>PPR Pekan Kinarut (725 unit)</td><td>4 (799 hari)</td><td>26 Mei 2011</td><td>16 Mac 2012</td><td>RM 2,747,335</td></tr>
<tr><td>PPR Kg. Semarak (500 unit)</td><td>10 (2,504 hari)</td><td>1 Julai 2011</td><td>1 Julai 2011</td><td>0</td></tr>
<tr><td>PPR Lintas Sibuga (500 unit)</td><td>4 (612 hari)</td><td>2 Julai 2013</td><td>2 Julai 2013</td><td>0</td></tr>
<tr><td colspan="5">(B) Senario sekiranya kontrak ditamatkan dan lantik Kontraktor Penyiap</td></tr>
<tr><th>Projek</th><th>EOT Terakhir</th><th>Harga Asal</th><th>** Andaian Harga Baru</th><th>Perbezaan</th></tr>
<tr><td>PPR Pekan Kinarut (725 unit)</td><td>EOT No. 3 (31.12.2010)</td><td>RM 50.34 juta</td><td>RM 71.99 juta</td><td>RM 21.65 juta</td></tr>
<tr><td>PPR Kg. Semarak (500 unit)</td><td>EOT No. 9 (31.12.2009)</td><td>RM 28.4 juta</td><td>RM 30.95 juta</td><td>RM 2.55 juta</td></tr>
<tr><td>PPR Lintas Sibuga (500 unit)</td><td>EOT No. 2 (31.12.2012)</td><td>RM 62.25 juta</td><td>RM 75.45 juta</td><td>RM 13.2 juta</td></tr>
<tr><td></td><td>JUMLAH</td><td>RM140.99 juta</td><td>RM178.39 juta</td><td>RM 37.4 juta</td></tr>
</table>

** Catatan:
(1) Andaian Harga Baru = (Kos Penyiapan + Jumlah Bayaran Kerja Terdahulu sehingga Tarikh Andaian Kontrak ditamatkan)

(2) Andaian Harga Baru berdasarkan kadar kenaikan harga setelah pelantikan kontraktor penyiap bagi beberapa projek PPR yang telah ditender semula bagi pelantikan kontraktor penyiap</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Dari senario yang diterangkan di atas, Kerajaan telah berjaya menjimatkan RM37.4 juta kos penyiapan projek dengan meluluskan EOT-EOT tersebut. KPKT sentiasa memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan dibawah seliaan kementerian melalui beberapa kaedah seperti berikut:- i. Mesyuarat Pemantauan Tapak secara berkala di antara JPN, PIMB, Kontraktor dan PBT diadakan setiap bulan . ii. Lawatan Turun Padang KSU iii. Mesyuarat JTPK sebulan sekali. iv. Mesyuarat JPPPP sebulan sekali.
7.5.2.1.a	**Pelaksanaan Projek - Kualiti Kerja Tidak Memuaskan** Kerja pembinaan perlu berkualiti selaras dengan objektif Kerajaan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang kondusif kepada rakyat selain mendapat *best value for money*. Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian sepatutnya agar bangunan yang dibina dapat digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Apabila projek diserahkan kepada Kerajaan, pihak kontraktor dan perunding perlu memastikan ianya menepati spesifikasi dan kualiti kerja pembinaan dengan sewajarnya.	Tindakan pembaikan telah selesai dilaksanakan dan *Certifcate Making Good Defect* (CMGD) telah dikeluarkan bagi 2 PPR iaitu PPR Pekan Kinarut (4 September 2014) dan PPR Kg. Semarak (22 Mei 2013). Bagi projek PPR Lintas Sibuga, ianya masih dalam tempoh DLP (mulai 1 Julai 2013 sehingga 30 Jun 2015) dan dipantau kerja-kerja pembaikan apabila pengisian dibuat oleh pihak MPS. JPN telah mengadakan pemeriksaan pra penyerahan bagi projek PPR Kg. Semarak pada 15 Disember 2011 dan senarai kecacatan telah diserahkan kepada pihak kontraktor melalui surat daripada BPPP, KPKT pada 3 Februari 2012. Semakan semula pada 9 Mei 2013 mendapati kerja-kerja membaiki kecacatan telah dilaksanakan dan berikutan dengan itu, sijil CMGD telah dikeluarkan pada 22 Mei 2013.
7.5.2.1.b	Pemeriksaan Audit ke PPR yang dipilih mendapati beberapa kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun, ianya telah diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor setelah lawatan dan pemerhatian Audit dikeluarkan. Pada pendapat Audit, kerja pembinaan hendaklah berkualiti, dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang ditetapkan. Sebarang kecacatan dan kerja tidak memuaskan yang dilaksanakan oleh kontraktor hendaklah segera dibaiki/dikemaskan sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat. Projek yang diserahkan kepada Kerajaan hendaklah dalam keadaan yang baik, memuaskan, selamat dan selaras dengan objektif sesebuah projek dilaksanakan. Maklum Balas Wilayah 6Bagi PPR Pekan Kinarut Yang Diterima Pada 25 April 2014 Dan PPR Lintas Sibuga Yang Diterima Pada 28 November 2014 *Berdasarkan kepada pemantauan berkala yang dilaksanakan pejabat ini,*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebarang kualiti kerja yang tidak memuaskan oleh pihak kontraktor, arahan akan dikeluarkan serta merta sama ada secara lisan atau bertulis untuk melaksanakan pembaikan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Namun sehingga tarikh pengauditan di PPR Pekan Kinarut masih terdapat kecacatan kerja yang belum dibaiki. Sehubungan itu, pejabat ini telah mengarahkan pihak kontraktor untuk mengambil tindakan pembetulan bagi senarai penemuan Audit tersebut bersama senarai kecacatan lain melalui surat bertarikh 16 April 2014. Bagi projek PPR Lintas Sibuga, Sandakan, ianya masih dalam tempoh DLP dan Wilayah 6, KPKT akan sentiasa memantau kerja pembaikan yang dibuat oleh kontraktor agar ia segera dibaiki/dikemaskan dalam tempoh DLP tersebut.	
7.5.3.a	**Reka Bentuk Pembinaan Tidak Praktikal/Tidak Sesuai** Reka bentuk dan binaan projek PPR seharusnya selari dengan objektif pengwujudan PPR iaitu untuk memberikan kemudahan perumahan yang selesa kepada golongan sasar yang layak. Reka bentuk tersebut juga perlu mengambil kira kepuasan dan keselesaan yang optimum kepada penghuni, berfungsi dengan baik, selamat, praktikal dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan pada masa hadapan. Kelemahan reka bentuk bukan sahaja akan menimbulkan ketidakselesaan kepada penghuni bahkan akan menyukarkan proses penyenggaraan yang berkemungkinan melibatkan peningkatan jumlah perbelanjaan penyenggaraan.	<u>Lantai Koridor Tidak Mempunyai *Scupper Drain*</u> Penambahbaikan reka bentuk bagi menyediakan pengaliran air yang sempurna di bahagian koridor telah dilaksanakan di projek-projek PPR yang baru. Sebagai contoh, reka bentuk saluran air yang telah dilaksanakan di projek PPR Sg. Melana, Johor Bahru, Johor. <u>*Gutter* di PPR Kg. Semarak</u> Bagi projek PPR yang baru, pemasangan *gutter* dan *rain water downpipe* telah dimasukkan di dalam skop kerja dan dibuat penambahbaikan. Sebagai contoh di PPR Lintas Sibuga, Sandakan, pemasangan *gutter* dan *rain water downpipe* telah disediakan. Bagi projek-projek semasa, semakan reka bentuk akan dilaksanakan berdasarkan MS ISO 9001:2008 - Prosedur Penyemakan Reka Bentuk Projek. Bagi projek PPR Kg Semarak dan PPR Pekan Kinarut, penambahbaikan *Gutter, Rain Water Downpipe,* dan *Scupper Drain* boleh dipertimbangkan di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP). KPKT sentiasa memastikan aspek perancangan projek-projek pembangunan dibawah seliaan kementerian diberi perhatian terperinci bagi memastikan rekabentuk pembinaan praktikal dengan menggunapakai beberapa kaedah seperti berikut:- • *Project Brief* disediakan secara terperinci; • Makmal Pengurusan Nilai dilaksanakan untuk mengenalpasti skop
7.5.3.b	Pemeriksaan Audit di PPR yang dipilih mendapati sebahagian reka bentuk pembinaan yang dilaksanakan adalah tidak praktikal, tidak lengkap dan tidak sesuai. Beberapa komponen tidak dipasang/tidak disediakan disebabkan ianya tiada dalam skop kerja kontrak. Pada pendapat Audit, reka bentuk projek PPR hendaklah mengambil kira pelbagai aspek seperti keselesaan, keselamatan dan kesesuaian spesifikasi. Pihak JPN/KPKT hendaklah meneliti lukisan pelan yang dicadangkan oleh kontraktor sebelum ianya diluluskan. Penelitian terhadap skop dan spesifikasi kerja tersebut perlulah mengambil kira keselesaan penghuni, lengkap, sesuai dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan pada masa akan datang bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan mengelakkan tambahan perbelanjaan pada masa akan datang. Maklum Balas KPKT Bagi PPR Pekan Kinarut Yang Diterima Pada 7 Julai 2014 Dan PPR Kg. Semarak Serta PPR Lintas Sibuga Yang Diterima	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada 28 November 2014 <u>*Lantai Koridor Tidak Mempunyai Scupper Drain*</u> *Penambahbaikan reka bentuk bagi menyediakan pengaliran air yang sempurna di bahagian koridor telah dilaksanakan di projek-projek PPR yang baru. Sebagai contoh, reka bentuk saluran air yang telah dilaksanakan di projek PPR Sg. Melana, Johor Bahru, Johor.* <u>*Gutter di PPR Kg. Semarak*</u> *Bagi projek PPR yang baru, pemasangan gutter dan rain water downpipe telah dimasukkan di dalam skop kerja dan dibuat penambahbaikan. Sebagai contoh di PPR Lintas Sibuga, Sandakan, pemasangan gutter dan rain water downpipe telah disediakan.* *JPN/KPKT mengambil maklum terhadap pandangan Audit berhubung reka bentuk projek PPR terutama yang melibatkan aspek keselesaan dan keselamatan penghuni. Reka bentuk projek PPR yang disediakan oleh perunding telah pun disemak dan dipersetujui berdasarkan spesifikasi, keperluan dan kos. Bagi projek-projek semasa, semakan reka bentuk akan dilaksanakan berdasarkan MS ISO 9001:2008-Prosedur Penyemakan Reka Bentuk Projek.*	projek; • Semakan ke atas reka bentuk untuk memastikan pematuhan dan keperluan projek dan menepati *Uniform Building By Law* (UBBL)/ Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS); dan • Sekiranya berlaku ketidakpatuhan, *Non-Compliance Report* (NCR) akan dikeluarkan kepada perunding.
7.5.4.1.c	**Prestasi Pengurusan PPR - Pemilihan Penghuni Dan Pengisian Unit Rumah PPR** Semakan Audit bagi PPR Pekan Kinarut mendapati penyerahan PPR oleh JPN kepada KKTP Sabah telah dibuat pada 9 Mac 2013. Lawatan fizikal ke PPR Pekan Kinarut yang dijalankan pada bulan Disember 2013, mendapati PPR belum diisi dan senarai pemohon yang berjaya masih belum dimuktamadkan. Senarai tersebut hanya dimuktamadkan pada 16 April 2014 dengan menyenaraikan sebanyak 293 penama bagi tujuan pengisian Fasa Pertama di Blok A dan B. Seterusnya, sebanyak 42 penama lagi telah dimuktamadkan menjadikan jumlah sebanyak 335 penama. Kemasukan penghuni ke PPR Pekan Kinarut mula dilaksanakan pada 29 September 2014. Setakat bulan November 2014, baki sebanyak 390 (54%) unit rumah lagi masih dalam proses pemilihan penghuni di peringkat KKTP Sabah.	Cadangan KPKT terhadap pengurusan dan penyenggaraaan PPR adalah seperti berikut:- i. Pihak PBT dinasihatkan untuk menyediakan senarai penghuni muktamad sekurang-kurangnya pada penyiapan projek 50% atau setahun sebelum tarikh jangka siap. ii. Pihak PBT dinasihatkan untuk memberikan tumpuan kepada penyelenggaraan rumah PPR dengan menggunakan hasil sewaan yang dibayar oleh penghuni unit PPR. Penyambungan bekalan elektrik telah dibuat oleh SESB pada pertengahan

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.4.1.d	Semakan Audit bagi PPR Kg. Semarak dan Lintas Sibuga mendapati penyerahan PPR oleh JPN kepada KKTP Sabah/PBT yang berkenaan telah dilaksanakan pada 3 Mac 2012 dan 1 Julai 2013. Semakan terhadap senarai penghuni mendapati ianya telah dimuktamadkan oleh KKTP Sabah masing-masing pada 11 Februari 2013 dan 2 Oktober 2013 seterusnya dikemukakan kepada MPT dan MPS untuk tujuan penyediaan tawaran menduduki rumah. Pengisian unit rumah telah mula dilaksanakan masing-masing pada 1 Julai 2013 di PPR Kg. Semarak dan 7 Oktober 2013 di PPR Lintas Sibuga. Sehingga bulan Oktober 2014, sebanyak 446 unit (89%) rumah di PPR Kg. Semarak dan 474 unit (95%) rumah di PPR Lintas Sibuga telah pun diisi.	Julai 2014 dan *Consumer Contribution* telah dibayar oleh Majlis Daerah Papar (MDP) pada 9 Julai 2014. JPN telah membuat perakuan pembayaran balik kepada pihak MDP pada 17 Mac 2015.
7.5.4.1.e	Analisis Audit mendapati pengisian di PPR Pekan Kinarut dan Taman Semarak unit rumah telah lewat dilaksanakan sehingga mengambil masa melebihi satu tahun dari tarikh penyerahan oleh JPN kepada KKTP Sabah/PBT yang berkenaan. Sehingga bulan Oktober 2014, terdapat sebanyak 390 unit di PPR Pekan Kinarut dan 54 unit di PPR Kg. Semarak belum diisi meskipun jumlah permohonan yang diterima adalah melebihi jumlah unit yang ditawarkan di PPR tersebut. Pihak KKTP Sabah/PBT yang berkenaan memaklumkan bahawa kelewatan pengisian adalah disebabkan oleh kelewatan pemilihan dan memuktamadkan senarai penghuni selain pemohon yang berjaya tidak dapat dihubungi atau pemohon sendiri menolak tawaran menduduki unit rumah PPR tersebut. Di samping itu, kelewatan kemajuan kerja pembaikan kecacatan oleh kontraktor turut menjadi salah satu daripada sebab kelewatan pengisian berlaku.	
7.5.4.1.f	Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai dan latar belakang penghuni yang diluluskan bagi PPR yang dipilih mendapati penama terdiri daripada golongan sasar iaitu penduduk kawasan setinggan, mangsa bencana, ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah serta menepati kriteria-kriteria keutamaan pemilihan penghuni yang ditetapkan. Pada pendapat Audit, pemilihan penghuni dan pengisian unit rumah yang dilaksanakan oleh KKTP Sabah/PBT di PPR Lintas Sibuga adalah baik kerana ianya telah dilaksanakan segera selepas penyerahan oleh JPN. Pengisian unit rumah dalam tempoh tanggungan kecacatan di PPR Lintas Sibuga juga dapat memberi manfaat kepada penghuni. Bagaimanapun, proses pemilihan dan pengisian unit rumah adalah tidak memuaskan bagi PPR Pekan Kinarut dan Taman Semarak memandangkan tempoh pengisian mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan. Proses pemilihan penghuni dan memuktamadkan senarai penghuni seharusnya dilaksanakan oleh KKTP Sabah/PBT lebih awal bagi membolehkan pengisian unit rumah dibuat segera selepas penyerahan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	PPR oleh JPN. Kelewatan ini menunjukkan proses pemilihan adalah tidak cekap menyebabkan golongan sasaran tidak mendapat manfaat daripada projek yang disediakan oleh Kerajaan. Selain itu, tempoh memuktamadkan senarai penghuni oleh KKTP Sabah/PBT perlu ditambah baik bagi mengelakkan prasangka negatif orang awam terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Maklum Balas Bagi PPR Pekan Kinarut Yang Diterima Daripada Majlis Daerah Papar Pada 7 Julai 2014 *Seramai 293 orang pemohon telah diluluskan dalam senarai nama fasa pertama daripada bilangan pemohon 3,093 orang. Seramai 197 orang telah membuat pembayaran deposit. Bagaimanapun, para penghuni tidak boleh menduduki unit rumah disebabkan perkara berikut:-* *i. <u>Bekalan Elektrik</u> Pihak kontraktor belum menjelaskan Consumer Contribution sejumlah RM12,259 kepada pihak SESB. Bekalan elektrik tidak boleh disambung kepada unit rumah selagi Consumer Contribution tersebut tidak dijelaskan. Pihak MD Papar telah menghantar surat bertarikh 20 Jun 2014 dan 1 Julai 2014 kepada pihak JPN berhubung perkara ini dan belum mendapat maklum balas.* *ii. <u>Kerosakan Pada Tangki Air (Bahagian Tower)</u> Tangki air telah mengalami kebocoran dan kontraktor dalam proses pembaikan. Tangki air tersebut juga masih belum boleh digunakan.* *iii. <u>Kerja-kerja Pembaikan Kecacatan</u> Pihak kontraktor sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecacatan dan kunci unit masih berada di tangan pihak pemaju.* *iv. <u>Kelewatan Prestasi Kerja-kerja Pembaikan Kecacatan</u> Pihak kontraktor telah selesai melaksanakan pembaikan di tiga blok (Blok A, B dan C). 5 blok lain (Blok D, E, F, G dan H) masih belum dibuat pembaikan.* Maklum Balas Pengisian PPR Pekan Kinarut Daripada Majlis Daerah Papar Yang Diterima Pada 20 November 2014	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Seramai 42 orang pemohon lagi telah diluluskan dalam senarai nama fasa kedua. Setakat bulan Oktober 2014, seramai 335 penghuni telah pun diluluskan. Pengisian unit rumah telah mula dilaksanakan pada 29 September 2014. Maklum Balas Berkenaan Pengisian Yang Diterima Daripada PBT Berkenaan Semasa *Exit Conference* Pada 16 Januari 2015 *PPR Pekan Kinarut - Senarai 390 orang penghuni telah pun dipilih dan akan diangkat kepada KKTP Sabah untuk endorsement oleh Menteri KKTP Sabah pada mesyuarat yang akan diadakan pada minggu hadapan. Mesyuarat bersetuju pengisian akan dilaksanakan sepenuhnya selewat-lewatnya pada awal bulan Februari 2015.* *PPR Kg. Semarak - Surat Tawaran menduduki rumah telah diserahkan kepada 500 senarai penghuni yang diluluskan. Bagaimanapun masih terdapat 54 orang belum memberi maklum balas terhadap tawaran tersebut. Pihak MPT perlu melaksanakan beberapa prosedur sebelum menawarkan rumah tersebut kepada senarai menunggu yang lain. Pengisian unit akan dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Februari 2015.* *PPR Lintas Sibuga - Sehingga tarikh exit conference pada 16 Januari 2015, sebanyak 19 unit rumah belum diisi. Tawaran bagi menduduki rumah telah dibuat bagaimanapun masih menunggu maklumbalas daripada pemohon yang berjaya. Pengisian sepenuhnya unit tersebut akan diselesaikan pada bulan Februari 2015.* Maklum Balas Terkini Daripada KPKT Berkenaan Pengisian Yang Diterima Pada 9 Mac 2015 *Tindakan pengisian telah dilaksanakan bagi PPR yang berkenaan seperti berikut:-*	

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><th>Ppr</th><th>Jumlah Unit</th><th>Jumlah Unit Telah Diisi Setakat Februari 2015</th><th>(%)</th><th>Jumlah Unit Belum Diisi</th><th>(%)</th></tr>
<tr><td>PPR Pekan Kinarut</td><td>725</td><td>583</td><td>80.4</td><td>142</td><td>19.6</td></tr>
<tr><td>PPR Kg. Semarak</td><td>500</td><td>482</td><td>89.6</td><td>18</td><td>10.4</td></tr>
<tr><td>PPR Lintas Sibuga</td><td>500</td><td>500</td><td>100</td><td>-</td><td>-</td></tr>
</table>
</td><td></td></tr>
<tr><td>7.5.4.2.b</td><td>Kebersihan Dan Keselesaan PPR

Lawatan Audit ke PPR Pekan Kinarut mendapati kerja pemotongan rumput dan pembersihan kawasan tidak dilaksanakan menyebabkan keadaan persekitaran PPR Pekan Kinarut terbiar dan dipenuhi semak samun.</td><td rowspan="3">KPKT mengambil perhatian dan tindakan susulan diambil seperti berikut-

a) Pengurusan PPR dicadangkan diuruskan oleh KPKT. Kertas pertimbangan kepada Kerajaan akan menyusul.

b) Penyenggaraan bagi unit-unit PPR yang mengalami kecacatan dan kerosakan selepas diduduki, akan dipertimbangkan dibawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP).</td></tr>
<tr><td>7.5.4.2.c</td><td>Semakan Audit di PPR Taman Semarak mendapati pihak MPT telah melantik JPHS Property Management Sdn. Bhd. sebagai syarikat pengurusan (management company [MC]) pada 6 Disember 2007. Berdasarkan kontrak, pelaksanaan tanggungjawab oleh MC akan bermula selepas pengisian unit rumah PPR dilaksanakan. Selaras dengan kontrak tersebut, MC telah mula melaksanakan tugas-tugas pengurusan PPR selepas tarikh pengisian dimulakan oleh MPT pada 1 Julai 2013. Lawatan fizikal Audit di PPR Taman Semarak mendapati pihak syarikat telah melaksanakan tanggungjawab penjagaan kebersihan, penyenggaraan unit dan kemudahan PPR serta kawalan keselamatan dengan memuaskan.

Beberapa kerosakan dan kecacatan telah ditemui semasa lawatan fizikal Audit seperti tumbuhan liar pada dinding dan bumbung serta lumut yang tidak dibersihkan pada saluran paip dan soffit slab bangunan. Bagaimanapun, kesemuanya telah diambil tindakan pembersihan oleh pihak MC selepas lawatan dan pemerhatian Audit dikeluarkan.</td></tr>
<tr><td>7.5.4.2.d</td><td>Semakan Audit di PPR Lintas Sibuga pula mendapati, tanggungjawab pengurusan PPR dilaksanakan sendiri oleh MPS. MPS akan melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan, penyenggaraan bangunan dan unit rumah, penyenggaraan kemudahan awam serta kawalan</td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	keselamatan. Setakat tarikh lawatan Audit, MPS telah pun melantik syarikat kawalan keselamatan bagi mengawal dan menjaga keselamatan PPR. Bagaimanapun kontrak pembersihan masih belum dilantik menyebabkan kawasan persekitaran PPR terbiar kotor dan tumbuhan landskap yang dibekalkan oleh kontraktor juga telah rosak/mati. Wakil pihak MPS memaklumkan kontrak bagi pembersihan PPR sedang dalam proses tender dan perkhidmatan pembersihan dijangka akan bermula pada bulan September 2014. Pada pendapat Audit, pengurusan PPR hendaklah dilaksanakan dengan baik bagi memastikan PPR yang disediakan oleh Kerajaan dapat dimanfaatkan dengan sewajarnya serta memberi keselamatan dan keselesaan kepada penghuni. Pihak pengurusan PPR hendaklah memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan sebaiknya selain mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas bagi memastikan kebersihan dan keselesaan perumahan PPR. Bagi PPR yang diurus sendiri oleh PBT, perkara-perkara asas pengurusan PPR seperti kebersihan, kawalan keselamatan dan penjagaan landskap hendaklah sentiasa diberi keutamaan. Maklum Balas Bagi PPR Pekan Kinarut Daripada Majlis Daerah Papar Yang Diterima Pada 2 Jun 2014 *Pihak MC telah dilantik bagi melaksanakan proses kawalan keselamatan dan penyenggaraan kebersihan. Seramai 4 orang pengawal keselamatan ditempatkan bagi menjaga keselamatan bangunan bagi sesi siang dan malam. Ini secara tidak langsung mengawal atau mencegah kecurian dan vandalisme dari terus berlaku di samping mengelakkan kerugian kepada pihak Majlis. Pihak Majlis akan membuat pemantauan dari segi laporan dan pemantauan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan masalah.* Maklum Balas Bagi PPR Taman Semarak Daripada Majlis Perbandaran Tawau Yang Diterima Pada 27 November 2014 *Kerja-kerja pembersihan telah dilaksanakan oleh pihak MC pada 19 November 2014. Tumbuhan liar pada bumbung bangunan dan lumut pada soffit slab telah pun dibersihkan.* Maklum Balas Bagi PPR Lintas Sibuga Daripada Majlis Perbandaran	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Sandakan Yang Diterima Pada 8 Disember 2014 *Pelantikan kontraktor pembersihan telah pun dilaksanakan berkuat kuasa pada 4 September 2014 dengan tempoh kontrak selama 3 tahun. Kerja-kerja pembersihan kawasan PPR Lintas Sibuga telah mula dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik.*	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Perenggan 8 : Projek Insfrastruktur Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP) Di Sabah Dan Sarawak

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.1.2.a	**Prestasi Fizikal** Syarat kontrak menetapkan kontraktor perlu menyiapkan 77 sambungan rangkaian gentian optik dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penerimaan Surat Setuju Terima (SST) iaitu sehingga 16 Julai 2013. Semakan Audit mendapati setakat 16 Julai 2013, bilangan sambungan rangkaian gentian optik yang telah sempurna adalah berjumlah 41 (53.3%) sambungan, 35 (45.5%) sambungan masih dalam pelaksanaan dan 1 (1.2%) sambungan telah dibatalkan pelaksanaannya. Tempoh kelewatan yang dikenal pasti bagi 35 sambungan yang dalam pelaksanaan adalah antara 2 hingga 5 bulan. Antara punca-punca kelewatan adalah disebabkan faktor muka bumi serta kesukaran mendapatkan izin lalu dari pemilik tanah.	KKMM mengakui terdapat kekeliruan dalam interpretasi penurunan kuasa oleh Pegawai Pengawal kepada Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan BBGP bagi meluluskan pelanjutan tempoh masa pelaksanaan 35 sambungan dan pembatalan pelaksanaan 1 sambungan. Bagi membetulkan keadaan, perkara ini telah dibawa ke dalam mesyuarat Lembaga Perolehan A KKMM yang dipengerusikan oleh KSU pada 17 Mac 2015. Tindakan susulan akan diambil bagi memperbetulkan sebarang kesilapan yang telah berlaku berdasarkan keputusan Lembaga Perolehan A tersebut.
8.5.1.2.b	Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga menetapkan lanjutan masa hendaklah diluluskan oleh Pegawai Penguasa sebelum tamat tempoh kontrak. Semakan Audit tidak menemukan bukti kelulusan Pegawai Pengawal berhubung pelanjutan tempoh masa bagi 35 sambungan rangkaian. Sebaliknya, hanya ada permohonan lanjutan masa bagi 35 sambungan rangkaian gentian optik yang diperakukan oleh Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Projek BBGP. Bagaimanapun, perakuan berkenaan dibuat sebulan selepas kontrak tamat iaitu pada 27 Ogos 2013.	
8.5.1.2.c	Arahan Perbendaharaan 202 menetapkan sebarang pengurangan senarai kuantiti kontrak perlu diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus / Pegawai Penguasa. Semakan Audit mendapati pembatalan satu sambungan rangkaian gentian optik dari Kampung Paris ke IOI Syrimo 7, Sabah sepanjang 62 fkm bernilai RM4.84 juta hanya diperakukan oleh Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Projek BBGP. Tiada bukti menunjukkan pembatalan tersebut telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 5 Februari 2015	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pegawai Pengawal telah menurunkan kuasa kepada Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan (JKPP) BBGP bagi meluluskan pelanjutan tempoh masa serta perubahan spesifikasi. Penurunan kuasa tersebut ada dinyatakan dalam terma rujukan JKPP BBGP melalui surat pelantikan bernombor rujukan KPKK/CPP/2.107Jld.5(3) bertarikh 21 November 2012. Pelanjutan tempoh masa berkenaan diluluskan dalam tempoh kontrak yang berkuat kuasa selama 10 tahun sehingga tahun 2023. *Penurunan kuasa ini didapati masih mengikut Ordinan Perwakilan Kuasa 1956. Pegawai Pengawal boleh menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai untuk membuat sesuatu pertimbangan dan keputusan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermaksud Pegawai Pengawal boleh melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada jawatankuasa atau pegawai yang diturunkan kuasa.* Pada pendapat Audit, walaupun Ordinan Perwakilan Kuasa 1956 membenarkan Pegawai Pengawal menurunkan kuasa kepada mana-mana pegawai untuk membuat sesuatu pertimbangan dan keputusan tanpa melepaskan tanggungjawab sebenar Pegawai Pengawal, KKMM perlu merujuk kepada Lampiran A - Bidang Tugas JKKP BBGP yang dilampirkan bersekali dengan surat pelantikan JKKP BBGP bernombor rujukan KPKK/CPP/2.107Jld.5(3) bertarikh 21 November 2012 yang mana penurunan kuasa yang dibuat oleh Pegawai Pengawal kepada JKKP BBGP adalah terhad bagi memperakukan semua permohonan perlanjutan masa yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Pemantauan Teknikal untuk kelulusan Pegawai Pengawal. Ini bermaksud perakuan perlanjutan masa oleh JKKP BBGP tidak mewakili kelulusan oleh Pegawai Pengawal. Selain itu, permohonan perlanjutan masa perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal dalam tempoh tahun pertama kontrak iaitu sebelum atau pada 16 Julai 2013 yang diperuntukkan khusus untuk pembinaan infrastruktur. Tempoh 9 tahun berikutnya iaitu sehingga tahun 2023 telah diperuntukkan khusus untuk kerja-kerja operasi dan penyenggaraan. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 17 Februari 2015 *Isu perlanjutan tempoh masa bagi 35 sambungan rangkaian dan pembatalan pelaksanaan satu sambungan rangkaian akan dibawa untuk semakan dan kelulusan Pegawai Pengawal. Isu ini dijangka dapat diselesaikan pada bulan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Februari 2015.	
8.5.2.3.a	**Syarat Kelayakan Kontraktor - Pemilikan Lesen "*Network Facilities Provider*" (NFP) Dan "*Network Services Provider*" (NSP)** Skop pelaksanaan projek BBGP termasuklah pembinaan, pemilikan infrastruktur rangkaian gentian optik dan pengoperasian serta penyenggaraan infrastruktur berkenaan. Selaras dengan Akta Komunikasi Dan Multimedia Malaysia 1998, kontraktor utama yang dilantik hendaklah mempunyai dua jenis lesen iaitu NFP sebagai penyedia/pemilik infrastruktur dan juga NSP sebagai syarikat operasi infrastruktur yang menyediakan perkhidmatan rangkaian. Semakan Audit mendapati semua kontraktor mempunyai kedua-dua lesen berkenaan yang masih berkuatkuasa kecuali Esajadi Sdn. Bhd.. Berdasarkan semakan terhadap rekod pendaftaran SKMM, Esajadi Sdn. Bhd. hanya yang mempunyai lesen NFP yang diwartakan pada 8 Februari 2012. Tiada bukti menunjukkan Esajadi Sdn. Bhd. memiliki lesen NSP bagi membolehkan kontraktor berkenaan melaksanakan skop kerja operasi dan penyenggaraan infrastruktur. Pada pendapat Audit, KKMM perlu memastikan kontraktor yang dilantik mempunyai lesen yang ditetapkan dalam Akta Komunikasi Dan Multimedia Malaysia 1998. Ini bagi mengelakkan sebarang implikasi negatif semasa pelaksanaan projek dan memelihara kepentingan Kerajaan. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 17 Februari 2015 *Berdasarkan maklum balas daripada Esajadi Sdn. Bhd. (merujuk kepada surat bernombor rujukan ESB/KKMM-BBGP/300115 bertarikh 30 Januari 2015), syarikat menyatakan tidak mempunyai keupayaan untuk memberi perkhidmatan yang berkaitan dengan lesen NSP. Sehubungan itu, KKMM akan mengambil tindakan pembatalan kontrak dengan syarikat berkenaan. Isu ini dijangka selesai pada bulan Jun 2015.*	Berdasarkan ulasan daripada Ketua Jabatan Pelesenan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melalui surat SKMM(S)07-LICD/KKMM/100/12/1/1/2015/V3(16)-NAA bertarikh 3 Mac 2015, pihak SKMM telah memaklumkan bahawa Syarikat Esajadi Sdn. Bhd. (Esajadi) tidak melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dalam pembangunan projek ini kerana telah diluluskan permohonan ubah syarat khas lesen NFP(I) oleh Y.B.Menteri pada 15 Oktober 2014. Esajadi juga telah mengadakan perjanjian komersial bersama pemegang lesen NSP(I) iaitu dengan Syarikat Fibercomm Network(M) Sdn. Bhd. (Fibercomm) bagi membolehkan Fibercomm menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan rangkaian di bawah lesen NSP(I) bagi pihak Esajadi secara sah. Dalam masa yang sama, melalui emel bertarikh 12 Mac 2015, Esajadi juga bersetuju untuk memohon lesen NSP ekoran daripada keputusan Mesyuarat Pemantauan Pelaksanaan BBGP pada 26 Februari 2015.
8.5.3.1	**Pentadbiran Kontrak - Pengurusan Kontrak Formal** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak formal hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan dari tarikh SST. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 17 Julai 2012.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 8.5.3.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagaimanapun, kontrak formal hanya ditandatangani oleh KKMM dan 6 kontraktor pada bulan Oktober dan Disember 2013 serta bulan Januari 2014. Tempoh kelewatan menandatangani kontrak dikenal pasti antara 10 hingga 12 bulan. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 17 Februari 2015 *Pihak KKMM telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan memastikan perkara ini tidak berulang pada masa hadapan.*	
8.5.3.2	**Pengurusan Bon Pelaksanaan** Merujuk kepada Garis Panduan Perolehan Kerajaan Di Bawah Sistem Satu Pendaftaran Kontraktor (SSPK), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah mentafsirkan kerja-kerja pembinaan sebagai pembinaan, penyambungan, pemasangan dan penyenggaraan apa-apa kerja elektrik, mekanikal atau telekomunikasi. Berdasarkan definisi berkenaan, projek BBGP dikategorikan sebagai kontrak kerja dan kadar bon pelaksanaan yang sepatutnya dikenakan kepada kontraktor adalah sebanyak 5% daripada nilai kontrak selaras dengan penetapan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007. Semakan Audit mendapati kadar bon pelaksanaan yang telah dikenakan kepada kontraktor projek BBGP adalah sebanyak 5% daripada nilai purata kontrak berbanding nilai sebenar kontrak. Ini kerana KKMM telah mengkategorikan projek BBGP sebagai kontrak perkhidmatan bermasa. Perbezaan nilai bon pelaksanaan yang dikenakan oleh KKMM dengan nilai bon pelaksanaan yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM11.24 juta. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 17 Februari 2015 *KKMM telah mengeluarkan surat arahan kepada semua syarikat yang terlibat untuk mengemukakan bon pelaksanaan dengan nilai yang disarankan oleh pihak Audit. Tempoh masa yang diberikan oleh KKMM adalah sehingga bulan April 2015.*	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 8.5.3.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
8.5.3.3	**Kandungan Kontrak** Buku Pentadbiran Kontrak Kerja Raya menetapkan dokumen kontrak hendaklah lengkap dengan spesifikasi piawai, pengukuran, perincian dan faktor yang menghasilkan senarai kuantiti, senarai kuantiti dan jadual kadar harga. Selain itu, kontrak hendaklah mempunyai peruntukan yang nyata dan muktamad. Semakan Audit mendapati dokumen kontrak yang ditandatangani oleh KKMM dan kontraktor adalah kurang lengkap. Dokumen kontrak berkenaan tidak mengandungi butiran spesifikasi piawaian bagi pembinaan rangkaian gentian optik, kaedah pembinaan, senarai kuantiti pembekalan peralatan dan perincian jadual harga. Penentuan harga telah dibuat secara pukal berdasarkan jarak sambungan rangkaian gentian optik yang dibina. Keadaan ini akan menyukarkan proses pengesahan kesempurnaan kerja serta kewajaran bayaran. Selain itu, spesifikasi peralatan yang dibekalkan adalah tidak muktamad. Terdapat klausa penafian yang menyatakan spesifikasi yang ditetapkan adalah berdasarkan kepada tahap penilaian tertinggi dan akan dimuktamadkan setelah perbincangan dengan semua kontraktor terlibat. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 5 Februari 2015 *<u>Kandungan Kontrak</u>* *Projek ini adalah projek usahasama antara syarikat dengan Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan sambungan backhaul di mana teknologi, kelajuan dan lokasi yang diperlukan telah ditetapkan dan bukan projek perolehan biasa. Perincian spesifikasi penyelesaian teknikal (total solution) ditentukan oleh syarikat. Jumlah kos yang ditetapkan bagi setiap sambungan dipersetujui melalui Jawatankuasa Rundingan Harga. Ini tidak melibatkan perincian kos peralatan yang digunakan. Sekiranya melibatkan tambahan kos bagi menyiapkan setiap sambungan, kos tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat.* *Mesyuarat khas bersama syarikat pada 21 Januari 2015 di Putrajaya dan 27 Januari 2015 di Kota Kinabalu memutuskan semua syarikat bersetuju supaya membekalkan secara terperinci spesifikasi piawai - kaedah pembinaan infrastruktur dan lukisan teknikal; perincian dan faktor menghasilkan senarai*	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 8.5.3.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kuantiti serta senarai kuantiti dan jadual harga. Walau bagaimanapun, pihak syarikat memaklumkan mereka hanya dapat membekalkan harga pukal sahaja memandangkan banyak kos-kos lain yang terpaksa ditanggung oleh kontraktor dalam pelaksanaan projek. *<u>Klausa Penafian Dalam Dokumen Kontrak</u>* *Kewujudan klausa tersebut adalah kerana ia terdapat dalam SST yang menjadi sebahagian daripada lampiran kontrak. Kementerian bersetuju dengan pemerhatian Audit dan mengambil tindakan susulan bagi mengeluarkan lampiran tersebut serta menyediakan lampiran baru yang menyatakan spesifikasi teknikal yang terperinci.* *Berdasarkan mesyuarat khas bersama syarikat pada 21 Januari 2015 di Putrajaya dan 27 Januari 2015 di Kota Kinabalu, semua syarikat telah bersetuju untuk mengeluarkan klausa penafian tersebut dan digantikan dengan senarai terperinci seperti di atas.* Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 17 Februari 2015 *KKMM sedang menyediakan perjanjian tambahan terhadap kontrak sedia ada seperti yang telah dipersetujui oleh semua syarikat. Perjanjian tambahan ini dijangka selesai pada bulan Jun 2015.*	
8.5.3.4	**Hak Pemilikan Infrastruktur BBGP** Lembaga Perolehan A (LPA) KKMM yang bersidang pada 16 November 2011 memutuskan infrastruktur BBGP adalah hak milik Kerajaan manakala kontraktor yang dilantik bertindak sebagai pegawai operasi sahaja. LPA KKMM telah mengarahkan TKSU (Komunikasi) KKMM untuk membuat perbincangan lanjut dengan kontraktor berhubung keputusan berkenaan. Rundingan dengan kontraktor yang dipengerusikan oleh TKSU (Komunikasi) KKMM bertarikh 22 November 2012 selanjutnya memutuskan pemberian hak milik infrastruktur BBGP kepada kontraktor. Sekiranya kontraktor berhenti beroperasi dalam tempoh 10 tahun, hak milik infrastruktur BBGP akan dikembalikan kepada Kerajaan. Antara justifikasi pemberian hak milik infrastruktur BBGP kepada kontraktor termasuklah bagi memudahkan kerja-kerja penyenggaraan, membolehkan	Dalam tindakan dan dijangka selesai April 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kontraktor untuk mendapatkan perlindungan insurans terhadap infrastruktur dan memudahkan kerja-kerja naik taraf pada masa akan datang. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan keputusan rundingan antara TKSU (Komunikasi) KKMM dengan kontraktor telah dirujuk dan dipersetujui oleh LPA KKMM. Selain itu, klausa hak pemilikan infrastruktur BBGP dalam kontrak adalah tidak selaras dengan keputusan yang telah dipersetujui. Kontrak menetapkan hak pemilikan infrastruktur BBGP adalah hak eksklusif kontraktor termasuklah harta intelek. Klausa berkenaan menjejaskan kepentingan dan kawalan Kerajaan terhadap infrastruktur BBGP. Di samping itu, berdasarkan penelitian Audit terhadap kontrak, antara skop pelaksanaan BBGP yang telah dipersetujui oleh kontraktor adalah termasuk kerja-kerja penyenggaraan dan perlindungan insurans terhadap infrastruktur BBGP. Spesifikasi infrastruktur BBGP juga telah mengambil kira penggunaan teknologi terkini dan keupayaan untuk dinaiktaraf pada masa hadapan. Sehubungan itu, kontraktor sepatutnya tidak menggunakan alasan berkenaan dalam perundingan terma hak milik infrastruktur BBGP. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 17 Februari 2015 *<u>Persetujuan LPA KKMM Terhadap Hasil Rundingan</u>* *Perkara ini akan dibawa semula ke LPA KKMM bagi pengesahan dan persetujuan lanjut. Isu ini dijangka dapat diselesaikan pada bulan Mac 2015.* *<u>Hak Pemilikan Infrastruktur BBGP</u>* *Tempoh pelaksanaan kontrak adalah 10 tahun. Walau bagaimanapun Kerajaan berhak mengambil alih keseluruhan projek sekiranya syarikat gagal beroperasi atau gagal mematuhi mana-mana klausa dalam kontrak. Perkara ini ada dinyatakan pada <u>para 12.5 kontrak - Consequences of Termination</u>.* *Di samping itu, jika berlaku kerosakan atau kehilangan infrastruktur rangkaian tersebut dalam tempoh kontrak, pihak syarikat akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyenggaraan. Sekiranya infrastruktur rangkaian tersebut menjadi hak milik Kerajaan sepenuhnya dalam tempoh kontrak, Kerajaan terpaksa menanggung kos-kos penyenggaraan.* *Dalam tempoh pelaksanaan syarikat mempunyai hak milik eksklusif seperti dinyatakan bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar. Sungguhpun demikian, ia tertakluk kepada pengawasan Kementerian.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Berdasarkan keputusan mesyuarat khas bersama syarikat pada 21 Januari 2015 di Putrajaya dan 27 Januari 2015 di Kota Kinabalu, semua syarikat bersetuju memaklumkan semula justifikasi yang lebih jelas dan terperinci mengenai isu pemilikan secara eksklusif yang pernah dirundingkan oleh syarikat-syarikat dengan KKMM sebagai satu syarat penerimaan syarikat untuk melaksanakan projek BBGP. Semua syarikat juga bersetuju dengan cadangan KKMM untuk menambah klausa yang melindungi kepentingan Kerajaan seperti syarikat tidak boleh menjual infrastruktur kepada pihak lain dan Kerajaan berhak mengambil alih sekiranya syarikat gagal beroperasi. Pada pendapat Audit, cadangan penambahan klausa kontrak bagi melindungi kepentingan Kerajaan adalah sangat baik dan hendaklah disegerakan.	
8.5.5.a	**Pengurusan Bayaran** Semakan Audit mendapati pengurusan bayaran kemajuan pertama dan akhir adalah mematuhi terma yang ditetapkan dalam kontrak. KKMM telah membuat bayaran kemajuan kedua setelah mendapat verifikasi daripada Jawatankuasa Pemantauan Teknikal BBGP dan perakuan oleh Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Projek BBGP. Bagaimanapun, berikutan penetapan harga yang dibuat secara pukal dan ketiadaan perincian pembekalan peralatan dalam kontrak, kewajaran dan ketepatan bayaran tidak dapat disahkan oleh pihak Audit.	**<u>Pandangan dan ulasan Penasihat Undang-Undang KKMM bagi isu di perenggan 8.5.5.b</u>** Pejabat ini telah diminta oleh Jawatankuasa Siasatan Audit untuk memberi tafsiran dan pandangan dari sudut perundangan ke atas kontrak BBGP. Isu yang dibangkitkan ialah sama ada di bawah Kontrak BBGP tersebut "jarak" merupakan faktor utama bagi penentuan pembayaran kontrak. Pejabat ini telah meneliti isu ini dan berpandangan seperti berikut:- a) Merujuk kepada Klausa 5.3.3 Perjanjian BBGP antara lain membawa maksud bahawa sesuatu kontrak dikira selesai atau lengkap apabila:- i. Penghantaran lengkap ii. *Completion of link* b) Bagi tujuan rujukan, klausa 5.3.3 Perjanjian BBGP memperuntukkan seperti yang berikut:- i. *Completion of the Works shall be determined as follows: Completion of the delivery of the related Equipment to main distribution point/store, each in the BBGP Areas and at such location to be determined by the Parties; and* ii. *Completion of the Link on per Link basis.*
8.5.5.b	Berdasarkan penerangan pegawai KKMM, salah satu kriteria penetapan harga kontrak adalah jarak sambungan rangkaian gentian optik yang dibina. Semakan Audit terhadap butiran hasil pengujian OTDR mendapati jarak sebenar keseluruhan sambungan rangkaian gentian optik bagi 3 kontraktor hanya sepanjang 890.23 fkm (95.2%) berbanding jarak yang ditetapkan dalam kontrak iaitu sepanjang 935.60 fkm. Bagaimanapun, bayaran penuh berjumlah RM88.13 juta telah dibuat kepada ketiga-tiga kontraktor berkenaan. Pembayaran yang dibuat menunjukkan tiada wujudnya pengurangan dalam jarak sebenar sambungan rangkaian gentian optik yang dibina walaupun rekod pengujian SKMM menunjukkan sebaliknya. Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 5 Februari 2015 *Pembayaran dilakukan adalah mengikut nilai setiap sambungan yang telah dipersetujui dan ditentukan di dalam Surat Setuju Terima (SST) dan kontrak.*	

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>
Nilai kontrak adalah dibahagikan mengikut lokasi sambungan dan bukan jarak fiber kilometer (fkm). Perbezaan jarak yang wujud ini adalah disebabkan beberapa faktor seperti perubahan laluan bagi sambungan semasa pelaksanaan sebenar dan perancangan, dan juga disebabkan perancangan pada peringkat awal bagi mendapatkan jarak di dalam SST adalah berdasarkan Desktop Planning. Kesemua sambungan seperti di SST telah disempurnakan dengan jarak keseluruhan sepanjang 2,505.33 fkm. Perincian adalah seperti di jadual berikut:-
<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SYARIKAT</th><th>JARAK SEBENAR (fkm)</th><th>JARAK DI SST (fkm)</th><th>BEZA (fkm)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>TM</td><td>886.54</td><td>794.60</td><td>91.94</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>CELCOM</td><td>490.79</td><td>521.60</td><td>(30.81)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>JARING</td><td>74.90</td><td>82.00</td><td>(7.10)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>SACOFA</td><td>409.39</td><td>502.10</td><td>(92.71)</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>SEDCO</td><td>319.17</td><td>230.00</td><td>89.17</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>ESAJADI</td><td>324.54</td><td>332.00</td><td>(7.46)</td></tr>
<tr><td colspan="2">JUMLAH</td><td>2,505.33</td><td>2,462.30</td><td>43.03</td></tr>
</table>
Celcom, Jaring, Sacofa dan Esajadi telah bersetuju untuk menyediakan sambungan rangkaian tambahan untuk mencukupkan kekurangan jarak tersebut tanpa melibatkan kos tambahan kepada Kerajaan. Syarikat Sacofa telah menyediakan sambungan tambahan dan pengujian pada 19 Januari 2015 mendapati jarak tambahan berkenaan adalah 98.5 fkm berbanding hanya 92.71 fkm yang kurang.

Perbincangan dengan Celcom telah diadakan pada 4 September 2014 dan terakhir pada 21 Januari 2015. Celcom akan memuktamadkan lokasi tambahan jarak secepat mungkin. Jaring mencadangkan penambahan jarak sebanyak 12 fkm semasa mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan pada 15 Disember 2014. Tindakan susulan telah dibuat pada 21 Januari 2015 meminta agar Jaring dapat menyegerakan perkara ini. Tindakan susulan
</td>
<td>
Berdasarkan peruntukan Klausa ini adalah jelas sekiranya penghantaran equipment adalah lengkap dan kesemua link telah disempurnakan maka kerja di bawah kontrak adalah dikira selesai. "Link" ditafsiran sebagai "means point-to-point fiber broadband bandwith backhaul connection within the BBGP Areas as more particularly specified in Schedule 4 hereto and reference to "Links" shall be construed accordingly"

Pejabat ini berpandangan sekiranya kesemua link telah dicapai dan setelah diuji terdapat connection, maka regardless ukuran jarak, maka kontrak adalah dianggap selesai. Justeru itulah pembayaran dibuat di bawah Klausa 8 mengguna pakai pembayaran mengikut percentage 10%, 40% dan 50% dan tidak berasaskan perincian jarak. Dalam erti kata lain, ukuran jarak yang tercatat dalam Jadual hanyalah anggaran semata-mata.

Malahan dari segi praktikalnya pun lokasi penetapan pemasangan equipment hanya boleh ditentukan oleh pihak-pihak setelah mengenal pasti tapak. Ini juga salah satu faktor mengapa jarak tidak boleh menjadi faktor pengukur memandangkan point pemasangan adalah bergantung dengan connectivity dan ia berubah-ubah. Oleh sebab itu di bawah kontrak hanya nama tempat dan daerah sahaja dicatat bukannya secara nama tempat secara khusus.

Anggaran jarak perlu bagi pihak kontraktor menjalankan kerja dan pembelian alat-alat yang diperlukan tetapi jarak itu sendiri tidak menjadi pengukur bagi tujuan pembayaran kontrak memandangkan point pemasangan adalah bergantung pada connection yang ada dan ini hendaklah ditentukan oleh pihak-pihak kepada perjanjian. Sebagai contoh pemasangan point di Sekolah A tidak mempunyai connection dan perlu ditukar ke point B (yang ada connection) dalam daerah yang sama maka sudah pasti jarak akan berubah dan ini hanya boleh ditentukan setelah semua equipment dipasang dan bukannya sebelum kontrak ditandatangani.

<u>Maklumat tambahan</u>

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Projek BBGP Bil.3/2013 pada 21 November 2013 iaitu sebelum pemeriksaan audit dilakukan telah memutuskan agar KKMM dan SKMM mengadakan perbincangan dan semakan semula dengan Syarikat Sacofa Sdn. Bhd. (Sacofa) sebelum bayaran terakhir dilakukan memandangkan sambungan-sambungan yang telah diuji terdapat jumlah perbezaan jarak yang ketara berbanding jarak yang dicadangkan sebelum ini.

Selanjutnya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Projek BBGP
</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr>
<td></td>
<td>
bersama Esajadi dijadualkan diadakan pada Februari 2015.

Pada pendapat Audit, nilai kontrak tidak boleh ditentukan berdasarkan lokasi sambungan semata-mata. Sebaliknya, nilai kontrak perlu diperincikan berdasarkan jarak sambungan fiber yang dibina dan kaedah pembinaan yang digunakan. Selain itu, lokasi tambahan rangkaian gentian optik perlu segera dimuktamadkan dan tempoh masa perlu ditetapkan kepada setiap kontraktor berkenaan bagi menyempurnakan pembinaan. Denda pada kadar yang bersesuaian perlu dikenakan terhadap kontraktor yang gagal menyempurnakan pembinaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 17 Februari 2015

KKMM bersetuju dengan pendapat Audit. KKMM akan melaksanakan kajian terperinci dan pemantauan yang rapi bagi pelaksanaan projek seumpama ini pada masa hadapan. Selain itu, KKMM juga memerlukan kepakaran khusus atau khidmat juru perunding semasa pelaksanaan projek.

Setakat 16 Februari 2015, Sacofa Sdn. Bhd. telah menyempurnakan pembinaan sambungan rangkaian baru sepanjang 98.5 fkm. Jadual perbezaan jarak telah dikemaskini seperti berikut:-
<table>
<tr><th>BIL.</th><th>SYARIKAT</th><th>JARAK SEBENAR (fkm)</th><th>JARAK DI SST (fkm)</th><th>BEZA (fkm)</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>TM</td><td>886.54</td><td>794.60</td><td>91.94</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>CELCOM</td><td>490.79</td><td>521.60</td><td>(30.81)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>JARING</td><td>74.90</td><td>82.00</td><td>(7.10)</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>SACOFA</td><td>507.89</td><td>502.10</td><td>5.79</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>SEDCO</td><td>319.17</td><td>230.00</td><td>89.17</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>ESAJADI</td><td>324.54</td><td>332.00</td><td>(7.46)</td></tr>
<tr><td colspan="2">JUMLAH</td><td>2,603.83</td><td>2,462.30</td><td>141.53</td></tr>
</table>
</td>
<td>
Bil.4/2013 pada 16 Disember 2013, Sacofa telah bersetuju memberikan undertaking sambungan sepanjang 95 fKm mematuhi keputusan yang dibuat.

Sambungan tambahan 98.5fKM oleh Sacofa telah diuji dan didapati berfungsi dengan baik pada 19 Januari 2015.

Pada 26 Februari 2015, Esajadi telah melaporkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantau Pelaksanaan Projek BBGP bahawa mereka telah menambah sejauh 12.5fkm. Ujian ke atas sambungan tersebut dijangka akan dibuat awal April 2015.

Pada 26 Februari 2015, Jaring Communications Sdn.Bhd. telah melaporkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantau Pelaksanaan Projek BBGP bahawa mereka akan melaksanakan pemanjangan jarak sejauh 7.10fKM.
</td>
</tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Selain itu, Celcom Axiata Sdn. Bhd. telah membentangkan cadangan sambungan rangkaian baru dengan jarak sepanjang 31.3 fkm seperti berikut: *i. Pending – TM Ware Road – Sacofa Satok = 6.5 fkm* *ii. Jalan Salim – TM Sibu – Sacofa Jalan Keranji = 7.0 fkm* *iii. Bkt Nyabau – S. Medan Jaya – TM Bintulu = 10.5 fkm* *iv. Tjg Lobang – Sacofa Bintang Jaya – TM MyExch = 6.0 fkm* *v. TM Telupid – Pekan Telupid = 1.3 fkm* *Jaring Communication Sdn. Bhd. dan Esajadi Sdn. Bhd. dijadualkan akan mengemukakan cadangan sambungan rangkaian baru pada 26 Februari 2015. Kesemua pembinaan sambungan rangkaian baru dijangka dapat diselesaikan pada bulan Ogos 2015.*	
8.5.6.a	**Pemantauan** Bagi memastikan projek berjalan dengan lancar, KKMM perlu memantau pelaksanaan projek dari semasa ke semasa. KKMM juga perlu memastikan kerja-kerja fizikal yang dilaksanakan memenuhi spesifikasi output dan konsep reka bentuk terperinci, pematuhan kepada peraturan dan undang-undang yang berkaitan serta jadual pelaksanaan kerja yang ditetapkan. Bagi maksud berkenaan, KKMM telah menubuhkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Projek dan Jawatankuasa Pemantauan Teknikal Projek pada November 2012 bagi memastikan projek BBGP dilaksanakan mengikut spesifikasi dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dengan sempurna dan telus. Berdasarkan semakan terhadap rekod minit mesyuarat, pihak Audit mendapati kedua-dua jawatankuasa telah mematuhi terma pelantikan seperti yang disenaraikan. Sungguhpun demikian pihak Audit mendapati pada umumnya pemantauan terhadap kerja-kerja operasi dan penyenggaraan masih perlu dipertingkatkan. Ini kerana berdasarkan semakan rekod, didapati tiada peningkatan yang ketara dalam penyampaian perkhidmatan jalur lebar di kawasan-kawasan yang berkenaan. Pada pendapat Audit, kedua-dua jawatankuasa yang ditubuhkan telah mematuhi terma dan bidang tugas yang ditetapkan dari aspek pemantauan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pelaksanaan projek BBGP. Bagaimanapun, KKMM perlu merangka bentuk pelaporan dan pemantauan yang efektif bagi kerja-kerja operasi dan penyenggaraan.	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Jabatan Penyiaran Malaysia

Perenggan 9 : Pengurusan Perkhidmatan Pemancar Oleh Telekom Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.1.1	**Prestasi Penyenggaraan - Pencapaian Fizikal** Penyenggaraan hendaklah dibuat berdasarkan pelan penyenggaraan yang telah diperuntukkan dalam kontrak melibatkan penyenggaraan secara harian, bulanan dan tahunan. Semakan Audit terhadap pelan dan laporan penyenggaraan harian, bulanan dan tahunan yang disediakan oleh TM mendapati kerja penyenggaraan telah dilaksanakan mengikut ketetapan kontrak dan direkodkan kecuali bagi kerja yang melibatkan perkara berikut:- i. kerja penyenggaraan seperti dalam kontrak tidak dapat disesuaikan dengan peralatan di stesen pemancar; ii. tiada mekanisme untuk mengesahkan item bagi beberapa kerja penyenggaraan yang dilaksanakan; dan iii. sebahagian kerja penyenggaraan tidak relevan untuk dilaksanakan di stesen pemancar *unmanned*. Antara faktor yang menyumbang kepada ketidakpatuhan kerja penyenggaraan harian dan bulanan adalah seperti berikut: i. skop kerja penyenggaraan yang dinyatakan dalam kontrak tidak mengambil kira keadaan/situasi peralatan semasa yang memerlukan penyenggaraan; ii. tiada bukti menunjukkan bahawa kerja penyenggaraan secara fizikal telah dilaksanakan; dan iii. pegawai TM tidak jelas mengenai skop kerja penyenggaraan seperti ketetapan kontrak menyebabkan pelaksanaan penyenggaraan tidak	Penyelarasan semula pelan penyenggaraan dalam fasa terakhir, dijangka siap sebelum April 2015 dan akan dibentangkan untuk kelulusan jabatan sebelum dimajukan kepada Penasihat Undang-Undang KKMM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menyeluruh. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *i. Skop kerja penyenggaraan di dalam kontrak sedia ada adalah untuk semua jenis peralatan pemancar dan bukan khusus untuk satu jenis pemancar sahaja. Stesen-stesen pemancar yang dikendalikan oleh TM terdiri daripada beberapa kategori:-* *a) Manned dan unmanned stations* *b) High power, medium power dan low power stations* *c) Air-cooled, force air-cooled, air-condition, dan liquid-cooled equipment* *d) Jenama-jenama peralatan penyiaran yang berbeza* *Skop penyenggaraan yang disenaraikan adalah secara menyeluruh dan tidak menjurus kepada mana-mana kategori di atas. Jabatan telah menambah baik pelan penyenggaraan sedia ada bersesuaian dengan kategori-kategori stesen seperti di atas untuk diguna pakai segera bermula pada Januari 2015.* *ii. Jika semua kerja-kerja penyenggaraan yang dilakukan oleh TM perlu disahkan dengan mewujudkan mekanisme pengesahan, ini akan melibatkan kos yang tinggi dan merugikan Kerajaan. Memadai pengesahan daripada:* *a) Laporan Bulanan Service Availability (mengikut kontrak 99.97%)* *b) Jangka hayat peralatan penyiaran (RTM) melebihi anggaran jangka hayat dimaklumkan pembekal* *c) Mesyuarat Operasi Jawatankuasa Pemancar RTM-TM* *d) Pemantauan bulanan/lawatan mengejut* *Mekanisme ini dianggap mencukupi untuk menjaga kepentingan RTM/Kerajaan dalam pelaksanaan kontrak ini.* *iii. Skop penyenggaraan untuk stesen manned dan unmanned adalah sama. Terdapat aktiviti penyenggaraan yang tidak perlu dibuat secara harian. Perkara ini disebut dalam klausa Schedule A2 (e) dan Schedule A3 (e) menyatakan "For unmanned station, the Monthly Maintenance and Annual Maintenance are applicable. The Daily Maintenance scopes shall be*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	incorporated in the Monthly Maintenance." *RTM dan TM telah pun mengubahsuai klausa tersebut dengan mengadakan Appendix A Schedule A2-1 dan Schedule A3-1 bagi stesen unmanned dan ianya telah digunapakai bermula pada 15 Januari 2015 dan dimasukkan dalam Supplemental Agreement 1.* *Penyelarasan semula pelan penyenggaraan dijangka siap pada bulan Jun 2015 untuk dimajuka kepada Penasihat Undang-Undang bagi kontrak baru.* Pada pendapat Audit, Kementerian dan RTM perlu menyemak dan menyelaras semula pelan penyenggaraan yang diperuntukkan dalam kontrak dengan kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh TM. Ini adalah untuk menjaga kepentingan kedua-dua pihak.	
9.5.2.1	**Pengurusan Kontrak - Tempoh Menandatangani Kontrak** Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menghendaki kontrak ditandatangani dalam tempoh 4 bulan daripada tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST bagi Kontrak Pemancar TM dikeluarkan pada 3 Ogos 2012. Bagaimanapun kontrak hanya ditandatangani pada 26 Ogos 2014 iaitu kelewatan selama 21 bulan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *Kelewatan adalah disebabkan oleh kontrak yang disemak melibatkan banyak isu teknikal yang perlu dijelaskan dan dipertimbangkan. Justeru itu, beberapa siri rundingan telah berjalan yang melibatkan banyak pihak dan menyebabkan tempoh masa semakan juga berlanjutan. Tindakan ini bukanlah disengajakan oleh mana-mana pihak tetapi diambil demi memastikan kepentingan Kerajaan dalam kontrak adalah terjamin.* *Kementerian pada awalnya tidak memikirkan keperluan untuk merujuk kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan pengecualian pematuhan pekeliling berkenaan ataupun mendapatkan kelulusan perlanjutan masa untuk menandatangani kontrak selepas tempoh 4 bulan. Jika tindakan ini diambil lebih awal, mungkin tidak timbul isu kelewatan sekiranya kelulusan Kementerian Kewangan diperolehi. Menyedari hakikat ini, Kementerian telah pun mengambil tindakan awalan iaitu mulai tahun 2014 di mana semua*	Status terkini sama dengan maklum balas yang diberikan pada 4 Mac 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kontrak yang difikirkan memerlukan tempoh masa yang panjang untuk tujuan semakan serta perbincangan dengan pihak-pihak lain maka tindakan untuk mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan bagi tujuan menandatangani kontrak melebihi 4 bulan dilaksanakan. Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan kehendak peraturan yang berkuat kuasa. Ini bagi memastikan TM dapat memenuhi semua obligasinya sebagai pembekal tunggal.	
9.5.2.2.a	**Pematuhan Kepada Syarat Kontrak - Perkhidmatan *Video News Gatherings Services* (VNGS)** Kontrak Pemancar TM menyatakan perkhidmatan VNGS akan dilaksanakan di 24 lokasi dengan jumlah RM8.49 juta setahun. Schedule G2 menetapkan perkhidmatan ini akan dilaksanakan antara 1 Januari 2012 hingga 1 Januari 2013. Para 4.3 Appendix G, menetapkan TM perlu menjalankan ujian *end-to-end* selepas pemasangan peralatan dan penyambungan talian VNGS dilengkapkan. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati *User Acceptance Test* (UAT) bagi 8 lokasi VNGS hanya dilaksanakan antara 20 hingga 51 hari selepas tarikh perkhidmatan sepatutnya dimulakan. Berdasarkan perkiraan Audit, sejumlah RM71,287 LAD perlu dikenakan kepada TM bagi tempoh kelewatan dalam melaksanakan perkhidmatan VNGS. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *RTM telah mengeluarkan notis pemakluman kepada TM bertarikh 15 Januari 2015 berkenaan caj LAD kerana kelewatan menyediakan perkhidmatan VNGS selama 20 hingga 51 hari berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui. TM telah bersetuju membayar rebat RM71,287.46. Bayaran akan dibuat bagi bil suku tahun pertama 2015 dan akan dimasukkan ke dalam Akaun Hasil.* Pada pendapat Audit, pematuhan kepada syarat kontrak perlu bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan mengikut ketetapan tempoh yang dipersetujui dan memastikan RTM mendapat manfaat daripada perkhidmatan yang diberikan. LAD bagi kelewatan dalam melaksanakan perkhidmatan VNGS perlu dikenakan kepada TM.	Status terkini sama dengan maklum balas yang diberikan pada 4 Mac 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.2.b	**Program Latihan Dan Teknologi** Kontrak Pemancar TM menyatakan, pelaksanaan Program Latihan Dan Teknologi sekali setahun merangkumi perbelanjaan perjalanan dan penginapan di mana perbelanjaan ditanggung sepenuhnya oleh TM. Program ini melibatkan 2 orang wakil teknikal Kerajaan bagi menghadiri kursus/seminar yang berkaitan tidak melebihi tempoh 8 hari (termasuk hari perjalanan) sama ada di dalam atau di luar negara. Bagaimanapun, pada tahun 2012 dan 2013 tiada Program Latihan Dan Teknologi dilaksanakan oleh TM kepada wakil teknikal Kerajaan. Program Latihan Dan Teknologi hanya mula dilaksanakan pada tahun 2014. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *TM telah mengadakan latihan/technology update pada 7 April 2014 di Palm Garden, IOI Resort Putrajaya dan pada 1 November 2014 di Colmar Tropicale. Taklimat adalah mengenai Content Delivery Network (CDN) dan perbezaan di antara service provider AKAMAI dan AMAZON CLOUDFRONT.* *Bagi perancangan Program Latihan dan Teknologi Update tahun 2015, TM telah mengadakan "Virtual Private Cloud"/ "Virtual Meeting/Seminars as a Service" untuk 70 orang Jurutera RTM di Auditorium P Ramlee, Angkasapuri pada 3 Mac 2015. TM juga akan menaja 2 orang pegawai teknikal RTM menghadiri National Association of Broadcasters (NAB) Convention di Las Vegas pada 11 hingga 16 April 2015 dan juga menaja 2 orang pegawai teknikal RTM menghadiri International Broadcasters Convention (IBC) di Amsterdam pada 10 hingga 16 September 2015.* Pada pendapat Audit, Program Latihan Dan Teknologi perlu dilaksanakan oleh TM kepada wakil teknikal Kerajaan sebagai medium perkongsian pengetahuan dan membantu menambahkan kemahiran dalam bidang perkhidmatan rangkaian penghantaran isyarat siaran, operasi serta penyenggaraan alat pemancar.	Status terkini sama dengan maklum balas yang diberikan pada 4 Mac 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.3.a	**Bayaran Kontrak - Bayaran Sebelum Kontrak Ditandatangani** SPP Bil. 10 Tahun 1995 menetapkan bayaran kemajuan boleh dibayar hingga 3 bayaran kemajuan dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum perjanjian ditandatangani secara rasmi bagi perolehan kerja. Kontrak Pemancar TM merupakan kontrak perolehan kerja di mana bayaran hanya boleh dibuat selepas kontrak ditandatangani. Semakan Audit mendapati, 8 bayaran berjumlah RM103.14 juta telah dibayar kepada TM sebelum kontrak ditandatangani. Semakan juga mendapati Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bernombor rujukan S/K.KEW/PK/KKMM/OK3/06SK.5(2) bertarikh 22 Julai 2014 telah mengambil maklum bahawa bayaran kepada TM telah dibuat tanpa kontrak dan memohon Ketua Setiausaha Kementerian untuk memberi teguran secara pentadbiran kepada pegawai yang terlibat agar mematuhi peraturan perolehan semasa yang berkuat kuasa. Maklum balas Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat bernombor rujukan S/K.KEW/PK/KKMM/ OK3/06SK.5(4) bertarikh 27 Januari 2015 kepada pihak Audit telah mengesahkan bahawa surat bertarikh 22 Julai 2014 bukan merupakan kelulusan khas tetapi sebagai mengambil maklum atas pembayaran yang telah dilaksanakan tanpa kontrak. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *Bayaran telah dibuat selepas perkhidmatan yang telah disempurnakan oleh TM. Kementerian akan menubuhkan jawatankuasa siasatan bagi menyemak isu bayaran sebelum kontrak ditandatangani. Tindakan sewajarnya akan diambil ke atas perkara ini.*	Status terkini sama dengan maklum balas yang diberikan pada 4 Mac 2015.
9.5.2.3.b	**Caj Elektrik Terlebih Bayar** Kontrak Pemancar TM menetapkan bayaran tahunan bagi caj elektrik (TV dan FM) adalah berjumlah RM9.42 juta setahun yang dibuat secara *lump sum*. Semakan Audit di Stesen Pemancar Bukit Lima, Sarawak mendapati jumlah tuntutan caj elektrik TM kepada RTM adalah berjumlah RM0.16 juta (sehingga Julai 2014) iaitu 20.2% melebihi jumlah sebenar caj elektrik yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan. Caj tersebut meliputi caj penggunaan elektrik oleh pengguna stesen penyiaran yang lain di bangunan yang sama.	Status terkini sama dengan maklum balas yang diberikan pada 4 Mac 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *Berdasarkan kiraan penggunaan tenaga elektrik oleh peralatan pemancar RTM di Bukit Lima, kos elektrik setahun adalah RM323,643. Kerana itu, kadar caj elektrik untuk stesen Bukit Lima dipersetujui pada kadar RM310,000 setahun adalah munasabah. RTM mengguna pakai format/formula perkiraan yang telah dipersetujui bersama untuk mengira anggaran caj guna tenaga elektrik. Bagaimanapun, RTM telah mengarahkan TM untuk membuat semakan bersama semula di stesen tersebut dengan:-* *a) Mengukur arus/voltan masukan (incoming current/voltage);* *b) Mengira jumlah beban sebenar yang digunakan oleh peralatan RTM; dan* *c) Menyemak bil-bil elektrik terkini (Ogos hingga Disember 2014) dan perbandingan dengan bil sebelumnya (Januari hingga Julai 2014).* *Hasil semakan di Stesen Pemancar Bukit Lima yang dibuat bersama oleh RTM dan TM pada 21 hingga 22 Januari 2015 mendapati bacaan beban adalah 62.94KWH dan bil elektrik setahun berdasarkan beban adalah RM276,825.60, berbanding caj tahunan RM310,000.* *TM telah bersetuju membayar rebat RM161,588.93 dan bayaran rebat ini akan dibuat semasa bayaran bil sukuan tahun pertama (Jan - Mac 2015). Wang ini akan dimasukkan sebagai Akaun Hasil.*	
9.5.2.3.c	**Keluasan Ruang Lantai** Kontrak Pemancar TM menetapkan bayaran tahunan bagi sewaan ruang lantai dan tanah (TV dan FM) adalah berjumlah RM2.05 juta setahun bagi 43 stesen dengan kadar bayaran sewaan RM120 per kaki persegi. Semakan Audit bersama pegawai RTM dan TM di stesen pemancar Bukit Singgalang, Gunung Pulai, Pulau Tioman dan Bukit Sungai Kecil mendapati ukuran sebenar ruang lantai dan tanah adalah 1,016 kaki persegi (TV dan FM) lebih kecil berbanding ketetapan ruang yang dinyatakan dalam kontrak. Berdasarkan perkiraan Audit, terdapat lebihan bayaran sewaan ruang lantai dan tanah sejumlah RM48,480 setahun. Sehingga suku kedua tahun 2014, sejumlah RM121,200 telah terlebih bayar iaitu 28.4% melebihi jumlah yang ditetapkan dalam kontrak.	Sehingga 18 Mac 3 2015, kesemua 22 buah *manned stations* di Semenanjung dan 8 buah stesen di Sabah telah selesai dibuat semakan ruang.

<table>
<tr><th>Perenggan</th><th>Penemuan Audit</th><th>Status Terkini</th></tr>
<tr><td></td><td>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015
<table>
<tr><th>BIL.</th><th>STESEN</th><th>KONTRAK (KP)</th><th>SEBENAR (KP)</th><th>PENJELASAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Bukit Singgalang (FM)</td><td>360</td><td>216</td><td>Ukuran untuk kontrak berasaskan ukuran keseluruhan bangunan yang hanya diguna pakai untuk keperluan RTM (pemancar, combiner dan PIE), termasuk ruang untuk sistem codec yang dipasang di luar partition (144kp). Tiada pengurangan ruang.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Gunung Pulai (FM)</td><td>720</td><td>696</td><td>Perbezaan 24kp adalah untuk heat exchanger yang dipasang di atas bumbung bangunan. Tiada pengurangan ruang.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Pulau Tioman, Pahang (TV)</td><td>250</td><td>89</td><td>Keseluruhan ruang pemancar, pada asalnya (2007) digunakan dan dikenakan caj kepada RTM sahaja. Pengguna-pengguna lain mula ditempatkan di kawasan yang sama bermula dari 20.08.2012, menjadikan ruang penggunaan RTM hanyalah 190 kp sahaja (TVRO 100kp + TX 90kp). Keperluan sebenar adalah 190kp</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
</table>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini

				sahaja. Jabatan telah memaklumkan TM untuk mendapatkan rebat sebanyak 60kp x RM120 setahun bermula dari 20.08.2012.
4.	*Bukit Sg Kecil, Kedah (FM)*	*90*	*15*	*Disahkan keperluan sebenar ialah 90kp dengan mengambil kira ruang pengudaraan/bekerja di hadapan dan di belakang pemancar serta mengambil kira pemasangan air-cond berhampiran pemancar.*

Jabatan telah bersetuju untuk menyemak dan menanda semula semua ruang lantai/tanah yang diguna oleh Jabatan bersama semakan aset yang akan dimulakan pada bulan Januari 2015. Data-data ini akan disimpan sebagai rujukan selepas dipersetujui dalam mesyuarat dwi bulanan Jawatankuasa Pemancar. TM telah bersetuju membayar rebat berjumlah RM24,232.25 bagi perbezaan sewaan ruang di Stesen Pemancar Pulau Tioman dan bayaran rebat ini akan dibuat semasa bayaran bil sukuan tahun pertama (Januari - Mac 2015). Wang ini akan dimasukkan sebagai Akaun Hasil.

Pada pendapat Audit, Pegawai Pengawal perlu memastikan Kementerian/Jabatan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Semakan semula ketepatan butiran nilai kerja dalam kontrak perlu dibuat bagi memastikan sebarang lebihan bayaran dikutip daripada pihak TM.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.3.2.a	**Penyenggaraan Pencegahan - Penyenggaraan Harian** Bagi penyenggaraan harian TV dan FM, pihak TM perlu melaksanakan kerja berikut:- i. *checking and cleaning of air filter;* ii. *checking and maintenance of AVR supply;* iii. *checking and recording incoming AV signal level;* iv. *monitoring of video and audio at PIE;* v. *off-air monitoring*; vi. *record meter reading at least 2 times daily day time and night readings;* vii. *checking output Coaxial Equipment including dehydrator;* viii. *checking air blower/liquid-cooled system;* ix. *record of abnormalities;* dan x. *fault clearing.* Secara keseluruhannya 5 (i, v, vii, viii dan x) daripada 10 kerja di atas tidak dapat disahkan kerana tiada mekanisme bagi membuktikan kerja-kerja tersebut telah dilaksanakan. Bagi item kerja (vi), bacaan meter perlu direkodkan 2 kali sehari iaitu bacaan pada waktu siang dan malam. Bagaimanapun, bagi Stesen Pemancar Bukit Lima, Sarawak (FM), Stesen Pemancar Gunung Pulai dan Gunung Ledang, Johor (TV dan FM), Stesen Pemancar Bukit Pelindung, Pahang (TV dan FM), Stesen Pemancar Penara, Pulau Pinang (TV dan FM) dan Stesen Pemancar Gunung Jerai, Kedah (TV dan FM) mendapati bacaan meter tidak dilaksanakan pada waktu siang dan malam seperti kehendak kontrak. Selain itu, bacaan meter 2 kali sehari dan kerja *off-air monitoring* tidak relevan untuk diaplikasikan di stesen *unmanned*.	
9.5.3.2.b	**Penyenggaraan Bulanan** Skop penyenggaraan bulanan bagi TV di semua stesen pemancar adalah melibatkan kerja seperti *general cleaning of all equipment inclusive of air filter, log book examination/analysis* dan *interruption report and spare updating*. Manakala bagi skop kerja penyenggaraan FM pula adalah melibatkan kerja *general cleaning of all equipment, monthly testing of auto change over of RF coaxial switch and standby system (N+1), log book examination/analysis, FM transmitter output power, audio frequency response, FM noise level* dan *recording of spare*. Semakan Audit mendapati skop kerja penyenggaraan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bulanan TV dan FM bagi *general cleaning of all equipment* tidak dapat disahkan pelaksanaannya memandangkan tiada rekod yang diselenggara oleh pihak TM.	
9.5.3.2.c	**Penyenggaraan Tahunan** Skop penyenggaraan tahunan bagi TV adalah melibatkan kerja *calibration of output power meter, visual measurement* dan *aural measurement.* Semakan Audit mendapati kerja tersebut telah dilaksanakan oleh pihak TM. Bagaimanapun, skop penyenggaraan tahunan bagi FM yang melibatkan kerja *cleaning* tidak dapat disahkan pelaksanaannya kerana tiada bukti menunjukkan kerja tersebut telah dilaksanakan. Pemeriksaan lanjut Audit di Stesen Pemancar Gunung Ledang, Johor dan Bukit Penara, Pulau Pinang mendapati kawasan dan peralatan di bilik pemancar tidak dibersihkan. Terdapat puntung rokok di kawasan bilik pemancar, peralatan berhabuk dan bersawang. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *RTM membayar kerja penyenggaraan secara lump sum dengan pengesahan secara tidak langsung melalui Service Level Agreement (SLA) 99.97%. Bagaimanapun, pengesahan dapat disahkan melalui kapasiti peralatan dan sistem pemancar masih dapat beroperasi dengan baik kerana sistem penyejukan masih tidak terhalang akibat dari kekotoran air-filter. Tahap kebersihan kawasan adalah dalam julat yang tidak mengganggu peralatan penyiaran. RTM juga telah memaklumkan penemuan Audit ini dan mengarahkan TM untuk menentukan tahap kebersihan kawasan peralatan penyiaran sentiasa memuaskan.* Pada pendapat Audit, penyenggaraan pencegahan perlu dipatuhi selaras dengan kehendak kontrak bagi memastikan peralatan yang disenggara dapat berfungsi dengan baik dan mengelakkan berlakunya kerosakan yang besar di samping memberi *value for money* kepada Kerajaan. Di samping itu, kebersihan kawasan dan peralatan di stesen pemancar perlu dijaga dan dipantau bagi memastikan kawasan persekitaran dan kondisi peralatan berada pada tahap yang baik. Persekitaran yang bersih juga dapat memberi keselesaan dan keselamatan kepada pegawai yang bertugas di stesen tersebut.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.3.3	**Penyenggaraan Pembaikan** Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) menjelaskan penyenggaraan pembaikan adalah kerja pembaikan apabila berlaku kerosakan/kegagalan supaya aset dapat berfungsi semula mengikut piawaian yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit di stesen pemancar Bukit Pelindung, Gunung Jerai dan Gunung Pulai mendapati sebanyak 5 unit alat pemancar FM, 2 unit TV *Color Monitor* dan 1 unit *Waveform Monitor* telah rosak dan dalam proses pembaikan. Semakan mendapati tempoh respon yang diambil oleh pihak TM terhadap kerosakan peralatan tersebut adalah di antara 1 hingga 13 bulan. Bagaimanapun, semasa pemeriksaan Audit dijalankan peralatan tersebut masih belum selesai dibaiki iaitu dalam tempoh antara 10 hingga 50 bulan. Dalam tempoh pembaikan tersebut, pihak TM dan RTM telah membuat penggantian peralatan sementara (alat pemancar FM dan TV *Color Monitor*) bagi memastikan siaran TV dan FM RTM berfungsi dengan baik. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *RTM telah maklum tempoh respon yang diambil oleh pihak TM. Pembaikan peralatan yang rosak yang telah melebihi tempoh hayat adalah menjadi tanggungjawab RTM. Peralatan rosak masih belum dibaik pulih semasa lawatan Audit, adalah kerana peralatan tersebut telah usang dan telah digantikan dengan peralatan gantian. Pembaikan waveform monitor dan professional TV colour monitor di PIE tersebut adalah di bawah tanggungjawab RTM, kerana peralatan ini telah mencapai tempoh hayatnya – dibekalkan sejak tahun 1994 (tempoh hayat dalam kontrak hanyalah 10 tahun). Bagaimanapun:-* • *Ketiadaan waveform monitor dapat diatasi dengan menggunakan portable waveform monitor yang digunakan sebagai alat ujian (test equipment) yang telah pun dibekalkan. Peralatan tidak disimpan di stesen pemancar tetapi diletakkan di bawah sistem zon TM (Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak);* • *Ketiadaan professional TV colour monitor dapat diatasi setelah dibekalkan LED/LCD TV receiver. Receiver ini tidak diletakkan di dalam ruangan rak asal tetapi berada dalam stesen pemancar untuk pemantauan kualiti video siaran oleh petugas TM; dan* • *Bagi peralatan pemancar SIEL yang dibekalkan sejak tahun 2007,*	Status terkini sama dengan maklum balas yang diberikan pada 4 Mac 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	syarikat induk SIEL di Itali telah di tutup dan tidak beroperasi lagi. RTM dan TM telah berbincang dan telah pun mengambil tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi mengatasi masalah ini dengan penggunaan peralatan gantian yang compatible. *RTM telah pun mengambil tindakan sejak awal tahun 2000 bagi mengatasi isu-isu peralatan yang obsolete ini dengan penggantian alternatif yang lebih menjimatkan.* Pada pendapat Audit, pembaikan peralatan pemancar perlu dibuat dalam kadar segera bagi memastikan peralatan dapat digunakan secara optimum. SOP berkaitan tempoh masa respon dan pembaikan perlu disediakan/dipatuhi serta pemantauan daripada pihak RTM perlu dilaksanakan bagi memastikan peralatan dapat dibaiki dalam tempoh yang ditetapkan.	
9.5.3.4	**Penyelenggaraan Rekod** Penyelenggaraan rekod adalah penting untuk dijadikan bahan rujukan dan membantu dalam membuat keputusan yang lebih berkesan. Selain itu, penyelenggaraan rekod juga dapat membuktikan bahawa kerja/tindakan telah dilaksanakan mengikut keperluan organisasi. Semakan Audit mendapati secara amnya laporan penyenggaraan harian, bulanan dan tahunan telah diselenggara. Bagaimanapun, semakan di Stesen Pemancar Gunung Pulai, Johor dan Stesen Pemancar Bukit Penara, Pulau Pinang mendapati laporan penyenggaraan harian bagi tahun 2012 tidak dapat disahkan oleh pihak Audit berikutan dokumen telah dilupuskan mengikut kehendak prosedur ISO TM. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *RTM maklum keperluan pematuhan prosedur ISO oleh TM bagi kes-kes yang terdahulu. Bagaimanapun, TM telah mengarahkan kepada kakitangan stesen untuk menyimpan rekod-rekod penyenggaraan bagi kontrak semasa yang masih berkuat kuasa.* Pada pendapat Audit, rekod-rekod penyenggaraan perlu disimpan dengan teratur dan selamat selaras dengan tempoh kontrak berkuat kuasa bagi tujuan pengesanan dan rujukan apabila diperlukan. Penyelenggaraan rekod secara konsisten penting bagi membuktikan syarat-syarat dalam kontrak telah dipatuhi.	Status terkini sama dengan maklum balas yang diberikan pada 4 Mac 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.3.5	**Pemeriksaan Aset Tidak Dilaksanakan** Aset perlu direkod, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran dan penyalahgunaan. Pemeriksaan aset hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun oleh Pegawai Pemeriksa dengan menyatakan tarikh pemeriksaan dijalankan dan status aset sama ada sedang digunakan atau tidak digunakan. Semakan Audit terhadap KEW.PA-2 bagi 189 aset di semua 13 stesen yang dilawati mendapati ruangan pemeriksaan tidak diisi oleh pegawai pemeriksa. Semakan lanjut terhadap KEW.PA-10 bagi tahun 2013 di peringkat Kementerian mendapati tiada pemeriksaan aset dilaksanakan terhadap kesemua aset tersebut. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 4 Mac 2015 *Persetujuan telah dibuat untuk mengadakan cross-checking oleh pegawai Stesen Teknikal Rangkaian dan Pegawai Aset di negeri di mana stesen tersebut berada. Ianya telah mula dilaksanakan pada Januari 2015 dan akan berterusan. Semakan dan laporan akan dimaklumkan dalam mesyuarat penyelarasan RTM/TM dan dalam mesyuarat JKPAK Aset Alih Operasi Penyiaran.* Pada pendapat Audit, RTM perlu memastikan semua aset didaftarkan dan rekod diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun terhadap keseluruhan aset. Ini adalah supaya kedudukan aset dilaporkan dengan tepat dan betul ke arah penyediaan sistem perakaunan akruan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.	Sehingga 18 Mac 2015, kesemua 22 buah *manned stations* di Semenanjung telah selesai dibuat semakan aset.

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Perenggan 10 : Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.1.3.a.i	**Pencapaian *Outcome* Projek - Penggunaan Dan Kemudahan Wisma Perwira ATM** Antara fungsi cadangan pembinaan WP ATM adalah bertujuan untuk memberi kemudahan hospitaliti dan penginapan kepada pegawai yang layak serta memudahkan perancangan ATM dalam membangunkan keupayaan sumber manusianya melalui kemudahan penginapan; sajian; seminar; mesyuarat dan aktiviti rejimental Pegawai. Kemudahan ini dijangka dapat menjimatkan kos bagi mengadakan latihan dan juga kemudahan untuk keperluan ATM yang sebelum ini perlu disewa dari hotel. Sejak beroperasi dari Mac 2014 hingga September 2014, penggunaan WP ATM adalah melibatkan majlis rasmi, majlis persendirian/perkahwinan dan seminar/mesyuarat.	
10.5.1.3.a.ii	Bagi mencapai *outcome* pembinaan WP ATM, Kementerian telah menjalankan perbandingan kos bagi menilai sejauh mana kemudahan ini dimanfaatkan dan menjimatkan kos.	
10.5.1.3.b.i	**Kepuasan Pengguna** Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 120 borang soal selidik iaitu 100 bagi pengguna WP ATM yang terdiri daripada pegawai yang mendiami WP ATM dan 20 borang soal selidik bagi pengguna yang menggunakan kemudahan WP ATM. Ini bertujuan untuk menganalisis maklum balas kepuasan pengguna terhadap bilik penginapan, bilik seminar, lobi utama dan kemudahan yang disediakan di WP ATM. Pada pendapat Audit, berdasarkan ulasan responden kemudahan WP ATM perlu dipertingkatkan dan segala aduan kerosakan hendaklah dibaiki segera bagi kepuasan pengguna.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.1.a	**Pengurusan Pembinaan - Penetapan Lokasi** WP ATM dibina semula di atas tapak bangunan yang sedia ada yang digunakan pada peringkat awalnya sebagai Asrama Arakan iaitu tempat tinggal pelajar-pelajar anak tentera British dan *Staf Bourne School High Gate*. Oleh kerana bangunan-bangunan yang diduduki itu tidak selamat lagi untuk didiami oleh pegawai ATM dan kediaman *alternative* tidak dapat disediakan, Kementerian telah memulakan pembinaan Bangunan WP ATM baru.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.1.b
10.5.2.1.b	Kontraktor/Jurutera Perunding perlu menjalankan kerja-kerja *soil treatment* untuk mengelak dan membasmi serangga perosak seperti anai-anai di tapak pembinaan. Bagaimanapun semasa lawatan Audit dijalankan, didapati bangunan yang baru 2 tahun siap dibina telah diserang oleh anai-anai. Pada pendapat Audit, segala laporan ujian dan penyiasatan tanah hendaklah diserahkan kepada pihak Kementerian kerana kerja berkenaan termasuk di dalam skop kerja projek. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Bisraya Construction Sdn. Bhd. (BCSB) juga telah mengambil tindakan ke atas laporan kerosakan di lokasi yang telah diserang anai-anai pada 13 November 2014 (Bilik Rehat VVIP) manakala Menara Rezeki Sdn. Bhd. (MRSB) telah memperbaiki panel yang rosak akibat dimakan anai-anai pada 12 Januari 2015. Sijil Jaminan bagi kerja-kerja rawatan anai-anai selama lima (5) tahun bermula daripada 19 Mac 2012 dan akan tamat tempoh pada 18 Mac 2017 oleh Syarikat DYNA Pest Control Services. Kementerian akan mewujudkan kontrak pembasmi anai-anai dan makhluk perosak selepas tempoh jaminan BCSB dan kontrak pengoperasian oleh VPSB tamat. Pemeriksaan Berkala akan diadakan setiap bulan bagi memastikan tiada serangan anai-anai di keseluruhan bangunan.*	
10.5.2.2.a.i	**Pelantikan Kontraktor - Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Sistem Dan Peralatan Dapur** Ingenious Air Cycle Engineering Sdn. Bhd. (IACESB) telah dipilih secara tender terbuka bagi membekal; memasang; menguji dan mentauliah sistem dan peralatan dapur serta kerja lain yang berkaitan dengan kos berjumlah RM5.45 juta. IACESB merupakan syarikat yang berdaftar di Kelantan dengan modal berbayar RM1 juta. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.2.a.iv

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ada menetapkan semua tender kerja hendaklah dipanggil secara tempatan kecuali sekiranya kontraktor tempatan tidak mempunyai kepakaran.	
10.5.2.2.a.ii	SST telah dikeluarkan pada 3 Disember 2010 dengan tarikh milik tapak pada 20 Disember 2010 dan tempoh siap kerja sepatutnya adalah pada 14 Mac 2011. Pada 12 Januari 2011, satu *Deed of Assignment* telah ditandatangani bersama Allied Foodservice Equipment Sdn. Bhd. (AFESB) dengan harga kerja yang ditawarkan berjumlah RM4.50 juta dan membenarkan Kementerian membuat pembayaran secara terus bagi menjalankan kerja tersebut. Pada 22 Mac 2011, Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) dikeluarkan terhadap kontraktor ini dan sebanyak 3 *EOT* diluluskan berdasarkan kerja di luar kawalan kontraktor, skop kerja yang tidak jelas dan berlakunya kelewatan penyerahan tapak menyebabkan tarikh siap dilanjutkan sehingga 21 September 2011.	
10.5.2.2.a.iii	Pemeriksaan Pra Ambil Alih yang sepatutnya dilaksanakan pada 10 Nov 2011 ditunda ke tarikh 22 Disember 2011 kerana kegagalan IACESB menghadirkan diri dan menyediakan segala dokumen dan manual operasi. Laporan Pemeriksaan Pra Ambil Alih dikeluarkan pada 28 Disember 2011. *CPC* telah dikeluarkan pada 16 Mei 2012 dan *DLP* adalah dari 21 September 2011 sehingga 20 September 2012. *CMGD* dikeluarkan pada 21 Januari 2013 dan dilepaskan bersama WJP sejumlah RM0.14 juta.	
10.5.2.2.a.iv	Semasa pengauditan dijalankan, pihak Audit tidak dikemukakan Laporan Pemeriksaan Lembaga Ambil Alih. Bagaimanapun, melalui semakan fail, pihak Audit mendapati tarikh serah ambil alih dapur adalah pada 30 November 2013 manakala serah ambil alih peralatan dapur adalah pada 2 Disember 2013 kepada VPSB. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Pemilihan bagi kerja Membekal, Memasang, Menguji Dan Mentauliah Sistem Dan Peralatan Dapur Wisma Perwira ATM dilaksanakan melalui tender terbuka. Sehubungan itu, kontraktor dari setiap negeri boleh menyertai tender ini dan tiada syarat khas yang ditetapkan. Kementerian mengambil maklum akan cadangan dan saranan pihak Audit dalam pemilihan kontraktor tempatan dengan membuat semakan yang lebih terperinci mengenai latar belakang dan kemampuan kewangan syarikat kepada Lembaga Perolehan B untuk dijadikan sebagai panduan semasa pemilihan kontraktor bagi sesuatu tender.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah mengkaji secara terperinci status kontraktor bagi memastikan kontraktor yang dilantik adalah berwibawa, berkelayakan dan berkemampuan dan memberi sepenuh komitmen supaya kerja yang ditawarkan siap mengikut tarikh di dalam kontrak.	
10.5.2.2.b.i	**Kemasan Dalaman & Perabot Lekap; Perabot Mudah Alih; Peralatan AV *Audio/Sound & PA System*; Lampu-lampu Hiasan; Peralatan Hidangan Dan *House Keeping* Serta *M&E* Hiasan Dalaman** Sejumlah RM16.90 juta peruntukan Belanja Mengurus telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi Kemasan Dalaman & Perabot Lekap; Perabot Mudah Alih; Peralatan AV *Audio/Sound & PA System*; Lampu-lampu Hiasan; Peralatan Hidangan dan *House Keeping* serta *M&E* secara tender terbuka kepada Menara Rezeki Sdn. Bhd. (MRSB). Semakan Audit mendapati surat Kementerian Kewangan bertarikh 7 Ogos 2012 telah memberi teguran keras kepada Kementerian kerana keputusan tender yang dibuat tidak sebulat suara dan tidak teratur dengan mengubah kaedah penilaian daripada kaedah *cut off* berdasarkan analisis statistik kepada kaedah perbandingan Anggaran Jabatan serta penilaian kedua yang dibuat oleh Bahagian Pembangunan tidak diberi kuasa membuat Penilaian Tender. Tertakluk kepada projek perlu disegerakan Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan permohonan untuk menawarkan tender kepada MRSB dengan harga tawaran RM16.90 juta dan tempoh siap selama 24 minggu.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.2.b.ii
10.5.2.2.b.ii	Bagi keperluan rekaan perabot yang berkonsepkan *high end* dan mempunyai kemasan yang berkualiti tinggi terutamanya bilik VVIP, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan pengecualian khas bagi perolehan perabot *loose furniture* berjumlah RM2.30 juta bagi projek ini. Ia dilaksanakan secara rundingan terus dengan kontraktor yang diperakukan iaitu MRSB pada bulan Ogos 2012. Mesyuarat Rundingan Harga pada Januari 2013 telah memuktamadkan harga yang dipersetujui adalah berjumlah RM2.29 juta iaitu pengurangan sejumlah RM0.82 juta (27%) dari tawaran asal kontrak RM3.11 juta. Semakan Audit mendapati keseluruhan proses rundingan harga mengambil masa yang lama iaitu 5 bulan mengakibatkan kelewatan semasa pelaksanaan projek. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Proses rundingan mengambil masa atas dasar Kementerian berhasrat untuk merundingkan harga ke paras berpatutan dan munasabah serta*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menguntungkan pihak Kerajaan. Beberapa siri perbincangan yang diadakan, pihak kontraktor enggan untuk mengurangkan harga. Rundingan seterusnya diadakan pada Januari 2013 sehingga mencapai persetujuan dikedua-dua pihak dengan harga yang berpatutan selaras dengan konsep best value for money. Walaupun mengambil masa 5 bulan, secara keseluruhan, Kementerian berjaya menjimatkan sejumlah RM0.82 juta (27%) dari tawaran asal kontrak RM3.11 juta kepada RM2.29 juta. Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor hendaklah dibuat penilaian secara terperinci dengan mengambil kira semua aspek meliputi sumber iaitu keperluan bahan binaan, tenaga kerja, keperluan peralatan serta perancangan aliran tunai projek. Kementerian perlu memastikan kontraktor menyediakan jadual perancangan projek secara terperinci sebelum kebenaran memiliki tapak disamping meneliti perhitungan harga yang tidak tepat atau rendah disebabkan terlalu ingin memenangi tender projek berkenaan. Perhitungan harga yang tidak terperinci menyebabkan kesukaran untuk menyediakan perancangan kos pelaksanaan projek disamping kemungkinan berlakunya pembaziran yang ketara. Kebergantungan kepada sub kontraktor dan tidak menyediakan teknik pemantauan yang sempurna juga boleh menyumbang kelewatan projek siap. Mesyuarat Rundingan Harga hendaklah dilaksanakan secepat mungkin bagi mengelakkan kelewatan pelaksanaan projek. Perancangan awal dari pengguna juga perlu diambilkira.	
10.5.2.3	**Perjanjian Kontrak** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas SST dikeluarkan. Semakan Audit terhadap kontrak pembinaan dan hiasan dalaman mendapati kedua-dua kontrak ini telah ditandatangani, bagaimanapun tidak ditarikhkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Kementerian mengambil maklum akan teguran ini dan telah membuat semakan semula dengan dokumen sedia ada. Untuk memastikan tidak lagi berlaku isu seperti ini Urusetia bertanggungjawab untuk memastikan tarikh kontrak direkodkan sebaik sahaja dokumen kontrak ditandatangan oleh Pegawai Pengawal.* Pada pendapat Audit, kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	selewatnya empat bulan dari tarikh keluarnya SST dan tarikh kuat kuasa kontrak hendaklah dinyatakan. Maklumbalas berkaitan dengan tarikh kontrak ditandatangani tidak disokong dengan bukti.	
10.5.2.4.b	**Pentadbiran kontrak - Arahan Perubahan Kerja Dan Pelarasan Harga Kontrak** Pada dasarnya tiada perubahan kerja sepatutnya dalam kontrak Reka dan Bina. Bagaimanapun syarat kontrak memperuntukkan 3 keadaan yang membolehkan perubahan kerja yang akan melibatkan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) seperti berikut:- • Perubahan kepada kehendak Kerajaan; • Perubahan yang disebabkan oleh keadaan fizikal atau halangan yang tidak dapat dijangka secara munasabah oleh seorang kontraktor; dan • Perubahan kerja reka bentuk yang dibuat atas kesesuaian atau keselamatan kerja. Perenggan 16.2.8(d) Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi 3 menetapkan perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja dilanjutkan. Perubahan kerja hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati sebanyak 7 Arahan Perubahan Kerja (APK) telah dipohon semasa proses pembinaan WP ATM, satu APK semasa *Installation work for kitchen equipment & related works* dan satu APK semasa kerja-kerja *ID*. APK 6 dan 7 adalah dituntut oleh kontraktor di bawah Tuntutan Belas Kasihan (ex gratia) kerana tidak diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan sedang mendapat pertimbangan dari Jawatankuasa Tuntutan Kementerian. Semakan Audit selanjutnya mendapati pelarasan bagi APK 6 disebabkan oleh kontraktor telah mengambil tindakan untuk mengubah reka bentuk *porch* dengan membesarkan dari saiz asal yang diterima dan diluluskan semasa pembinaan atas teguran Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) semasa itu. Pembesaran ini melibatkan pembesaran bumbung, penambahan *built up area* untuk bilik siber dan bilik senggaraan serta penambahan kuantiti bagi *dome composite panel* yang berjumlah RM0.65 juta. Manakala bagi APK 7 pula ianya melibatkan skop kerja menaik taraf kemasan lantai lobi utama, lobi aras	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.4.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	satu dan lobi lif yang reka bentuk asalnya jubin seramik. Memandangkan permohonan pengguna bagi menaik taraf jubin seramik kepada *marble* dan setaraf sejajar dengan imej WP ATM sebagai wisma induk ATM, maka KSU semasa itu bersetuju dan arahan secara lisan dikeluarkan kepada kontraktor untuk pertukaran spesifikasi kemasan lantai. Semakan Audit mendapati hasil dari arahan lisan tersebut, kontraktor telah melaksanakan perubahan kerja tanpa arahan secara bertulis dari Pengarah Projek, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP). Manakala BCSB pula tidak mengemukakan notis pengesahan APK kepada BPKP dalam tempoh 7 hari sebagaimana yang disyaratkan dalam kontrak klausa 23 dan 24.4. Permohonan APK 6 dan 7 ini telah diangkat ke Lembaga Perolehan 'A' sebanyak 2 kali namun tidak diluluskan. Bahagian Pembangunan juga telah memohon kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia dan ia tidak diluluskan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Projek ini merupakan projek reka dan bina(Design & Built) yang memerlukan SST dikeluarkan terlebih dahulu untuk mewujudkan satu ikatan secara rasmi di antara Kementerian dan kontraktor sebelum perbincangan lanjut mengenai reka bentuk dan spesifikasi kerja. Di samping itu, Kementerian akur dengan saranan audit bagi menjaga imej Kerajaan, pihak Kementerian telah mengemukakan surat rayuan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 10 Februari 2015 untuk menimbang semula Arahan Pembayaran Di Bawah AP59 supaya pembayaran dapat dibuat secara teratur.* Pada pendapat Audit, Kementerian dan kontraktor sepatutnya memuktamadkan reka bentuk dan spesifikasi kerja sebelum SST dikeluarkan bagi mengelak pertambahan perubahan kerja yang menyebabkan peningkatan kos projek. Kementerian juga perlu berbincang dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi menyelesaikan masalah pembayaran APK6 dan APK7 dengan segera bagi menjaga imej Kerajaan.	
10.5.2.4.c.i	**Lanjutan Masa** Apabila *EOT* diluluskan, Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa (PKLM) sebelum tamat tempoh kontrak yang dibenarkan. Semakan Audit mendapati 2 *EOT* telah diberikan kepada BCSB iaitu *EOT* 1 selama 114 hari dan *EOT* 2 selama 275 hari. Bagi IACESB, 3 *EOT* telah dikeluarkan iaitu *EOT* 1 selama 35 hari, *EOT* 2 selama 88 hari dan *EOT*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	3 selama 68 hari manakala satu *EOT* kepada MRSB selama 153 hari.	
10.5.2.4.c.ii	Semakan Audit mendapati sepanjang proses pembinaan WP ATM, kelemahan BCSB dalam penyediaan segala dokumen yang diperlukan semasa membuat permohonan kelulusan yang berkaitan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyebabkan kelewatan memasuki tapak. DBKL hanya menerima kedua-dua permohonan berkenaan masing-masing pada 10 Oktober 2008 dan 21 November 2008 dan kedua-dua kelulusan berkenaan diterima masing-masing pada 18 November 2008 dan 16 April 2009. Semakan Audit selanjutnya mendapati masih ada perubahan reka bentuk dan spesifikasi kerja dalaman atas permintaan Kementerian semasa rundingan terus dijalankan dan selepas SST dikeluarkan. Pada pendapat Audit, Kementerian dan kontraktor sepatutnya memuktamadkan rekabentuk dan spesifikasi kerja sebelum SST dikeluarkan bagi mengelak pertambahan perubahan kerja yang menyebabkan peningkatan kos projek.	
10.5.2.4.c.iii	BCSB terpaksa menangguhkan kerja-kerja *M&E* dan pemasangan *plaster ceiling* di ruang *Ballroom* bagi pemasangan sistem penyokong lampu *Chandelier* serta penambahan sistem pendawaian terhadap lampu berkenaan yang tidak termasuk di dalam kontrak. Selain itu penangguhan kerja binaan di ruang dapur bagi pemasangan peralatan dapur oleh IACESB menyebabkan Kementerian bersetuju meluluskan *EOT* ke-2 selama 275 hari. Pihak Audit berpendapat kerja pemasangan lampu *Chandelier* sepatutnya diambilkira di dalam skop kerja BCSB. Kementerian juga perlu menyediakan pelan koordinasi di antara kontraktor bangunan dan kontraktor dapur supaya tidak berlaku pertindihan masa dan ruang kerja. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Perubahan reka bentuk dan spesifikasi kerja dalaman berlaku disebabkan oleh kekangan peruntukan yang menyebabkan skop kerja asal terpaksa dikecilkan iaitu dengan mengeluarkan skop utama seperti ID; Perabot Mudah Alih; Peralatan AV Audio/Sound &PA System; Lampu-lampu Hiasan; Peralatan Hidangan dan House Keeping serta M&E.* *i) Pihak Kementerian mendapati skop kerja yang dikeluarkan itu masih diperlukan untuk memastikan WP ATM beroperasi sepenuhnya.*	Perubahan reka bentuk dan spesifikasi kerja dalaman berlaku disebabkan oleh kekangan peruntukan yang menyebabkan skop kerja asal terpaksa dikecilkan iaitu dengan mengeluarkan skop utama seperti ID; Perabot Mudah Alih; Peralatan AV Audio/Sound &PA System; Lampu-lampu Hiasan; Peralatan Hidangan dan *House Keeping* serta M&E. i) Pihak Kementerian mendapati skop kerja yang dikeluarkan itu masih diperlukan untuk memastikan WP ATM beroperasi sepenuhnya. ii) Perubahan terpaksa dibuat bagi memberi *added-value* kepada WP ATM selaras dengan imej wisma induk ATM yang sering menerima kunjungan VVIP dalam dan luar negara. iii) Walaupun terdapat pertambahan perubahan kerja, kos keseluruhan projek oleh BCSB adalah RM103,072,980.94 berbanding kos asal RM145,000,000.00. <u>Langkah Pencegahan:-</u> i. Pada masa ini, bagi projek-projek yang melebihi RM50 juta akan dibincangkan di *value management lab* terlebih dahulu. Penglibatan banyak pihak termasuk PBT dan pengguna semasa vm lab dapat membantu menghasilkan skop kerja dan reka bentuk optima bagi mengelakkan sebarang perubahan kerja semasa

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ii) Perubahan terpaksa dibuat bagi memberi added-value kepada WP ATM selaras dengan imej wisma induk ATM yang sering menerima kunjungan VVIP dari dalam dan luar negara. *iii) Walaupun terdapat pertambahan perubahan kerja, kos keseluruhan projek oleh BCSB adalah RM103,072,980.94 berbanding kos asal RM145,000,000.* *<u>Langkah Pencegahan:</u>* *i) Pada masa ini, bagi projek-projek yang melebihi RM50 juta akan dibincangkan di value management lab (vm lab) terlebih dahulu. Penglibatan banyak pihak termasuk PBT dan pengguna semasa vm lab dapat membantu menghasilkan skop kerja dan rekabentuk optima bagi mengelakkan sebarang perubahan kerja semasa pembinaan.* *ii) Perubahan kerja yang besar semasa pembinaan hanya akan dipertimbangkan setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Panglima Perkhidmatan masing-masing.* *iii) Perubahan kerja terpaksa dilaksanakan kerana ianya tidak dapat dikenalpasti di peringkat perancangan. Perubahan kerja adalah bagi memastikan tidak berlakunya double handling works.* *Skop kerja pemasangan lampu Chandelier tidak diambilkira dalam skop kerja BCSB kerana ianya lebih menjurus kepada kerja hiasan dalaman.* *Koordinasi antara kontraktor bangunan dan kontraktor dapur sentiasa dilaksanakan sepanjang tempoh pembinaan projek. Walau bagaimanapun ia juga bergantung kepada komitmen semua kontraktor untuk melaksanakan kerja.* *Pertindihan masa dan ruang kerja tidak dapat dielakkan kerana kedua-dua projek harus dilaksanakan serentak bagi memastikan keseluruhan bangunan dan kemudahan siap dan sedia digunakan oleh pengguna.*	pembinaan. ii. Perubahan kerja yang besar semasa pembinaan hanya akan dipertimbangkan setelah mendapat kelulusan bertulis daripada Panglima Perkhidmatan masing-masing. iii. Perubahan Kerja terpaksa dilaksanakan kerana ianya tidak dapat dikenalpasti di peringkat perancangan. Perubahan kerja adalah bagi memastikan tidak berlakunya *double handling works*. Skop kerja pemasangan lampu *Chandelier* tidak diambilkira dalam skop kerja BCSB kerana ianya lebih menjurus kepada kerja hiasan dalaman.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.4.d	**Pengeluaran Sijil Kerja Tidak Siap** Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) diperuntukkan dalam klausa 45 syarat-syarat kontrak. Sekiranya Pengarah Projek menjangkakan kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja pada tarikh siap asal kontrak atau pada tarikh yang dilanjutkan dalan kontrak, maka Pengarah Projek hendaklah mengeluarkan notis untuk tujuan mengenakan LAD kepada kontraktor sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum tarikh siap yang ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja pada tarikh siap kontrak asal/tarikh yang dibenarkan dalam kontrak, maka CNC hendaklah dikeluarkan serta-merta kepada kontraktor dan LAD dikenakan. Semakan Audit mendapati semasa tempoh pembinaan dilaksanakan sebanyak 4 CNC dikeluarkan masing-masing satu kepada BCSB, 2 kepada IACESB dan satu kepada MRSB. Semakan Audit selanjutnya mendapati Kementerian telah lewat mengeluarkan CNC kepada BCSB dan IACESB. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Notis kelewatan kepada BCSB telah dikeluarkan pada 3 Mei 2011. CNC dikeluarkan pada 23 Jun 2011. Sungguhpun kelewatan berlaku pada tarikh Sijil dikeluarkan, namun tarikh kuatkuasa LAD masih mengikut tarikh siap asal yang tidak dapat dipatuhi oleh BCSB iaitu pada 18 Jun 2011. Nilai LAD adalah RM19,008.75 sehari.* *Kementerian sentiasa memastikan syarat-syarat kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Dalam kes ini LAD dikenakan kepada kontraktor.* *i) BCSB* *LAD dikenakan berkuatkuasa daripada 18 Jun 2011 hingga 18 Mac 2012 (RM19,008.75 x 186 hari) berjumlah RM3,535,627.50.* *ii) IACESB* *LAD dikenakan berkuatkuasa daripada 15 Mac 2011 hingga 25 Mei 2011 (RM943.10 x 37 hari) berjumlah RM34,894.70.* Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan syarat-syarat kontrak dipatuhi bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Sebelum memuktamadkan akaun projek, Kementerian hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi mengutip LAD yang dikenakan.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.4.d

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.2.4.e.i	**Perakuan Siap Kerja - Bisraya Construction Sdn. Bhd.** Tarikh siap kerja pembinaan WP ATM adalah pada 19 Mac 2012 dan tarikh ambil milik oleh Kementerian pada 10 Mei 2012 manakala *DLP* bermula dari 20 Mac 2012 hingga 19 Mac 2014. Semakan Audit mendapati *CPC* telah dikeluarkan pada 16 Mei 2012 iaitu lewat 44 hari selepas *CCC* dikeluarkan oleh DBKL pada 19 Mac 2012. Manakala *CMGD* pula dikeluarkan pada 13 Oktober 2014 iaitu lewat selama 4 bulan dari tamat *DLP* iaitu 19 Mac 2014.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.4.e.iii
10.5.2.4.e.ii	**Ingenious Air Cycle Engineering Sdn. Bhd.** Tarikh siap kerja ialah 21 September 2011 dan tarikh ambil milik oleh Kementerian ialah 10 Mei 2012. *CPC* telah dikeluarkan pada 16 Mei 2012. *DLP* bermula dari 21 September 2011 hingga 20 September 2012. Tarikh *CMGD* dikeluarkan ialah 21 Januari 2013 iaitu lewat selama satu bulan dari tamat *DLP.*	
10.5.2.4.e.iii	**Menara Rezeki Sdn. Bhd.** Tarikh siap kerja ialah pada 9 Julai 2014 dan tarikh ambil milik oleh Kementerian ialah 30 Oktober 2014. *CPC* telah dikeluarkan pada 14 Oktober 2014. Tempoh *DLP* bermula dari 9 Julai 2014 hingga 8 Julai 2015. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *CMGD lewat dikeluarkan adalah kerana kontraktor lewat mengambil tindakan ke atas kecacatan projek dan mengemukakan dokumen siap bina dan manual operasi.* Pada pendapat Audit, kelewatan proses penyerahan bangunan kepada pihak pengguna adalah disebabkan oleh kegagalan kontraktor menghadiri pemeriksaan bersama bagi memastikan kerja yang telah disiapkan mengikut syarat kontrak.	
10.5.2.4.f.i	**Peranan Perunding** Pada bulan April 2012, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan lantikan perunding NRY Architects Sdn. Bhd. secara rundingan terus bagi kerja-kerja hiasan dalaman di WP ATM dengan kaedah bayaran Input Masa. Semakan Audit mendapati Surat Niat kepada perunding telah dikeluarkan	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.2.4.f.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pada 9 Mei 2012 dan Mesyuarat Rundingan Harga bagi kos yuran perkhidmatan Perunding diadakan pada 8 Januari 2013. Lembaga Perolehan 'A' telah memuktamadkan harga kos yuran perkhidmatan Perunding pada 29 Januari 2013 berjumlah RM0.98 juta dan SST kepada Perunding telah dikeluarkan pada 4 Februari 2013. Garis Panduan Rundingan Harga Perolehan yang diluluskan secara Rundingan Terus bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan bahawa keseluruhan proses rundingan harga ini hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak lebih dari 2 minggu. Syarikat tidak boleh melengahkan persetujuan harga bagi mempercepatkan pelaksanaan projek dan SST hendaklah dikeluarkan kepada syarikat dalam tempoh 1 hari selepas kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia atau Lembaga Perolehan Agensi. Semakan Audit mendapati keseluruhan proses rundingan harga ini mengambil masa 10 bulan sebelum SST dikeluarkan dan ia mengambil masa 6 hari selepas Lembaga Perolehan memuktamadkan harga. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Rundingan harga ialah berkaitan yuran perunding semata-mata yang tidak menjejaskan pelaksanaan projek secara langsung. Proses rundingan mengambil masa memandangkan rundingan harga adalah berdasarkan pengiraan input masa perunding dan ianya lebih rumit berbanding pengiraan scale of fees.* *Dalam masa yang sama Kementerian juga berhasrat untuk merundingkan harga ke paras berpatutan dan munasabah serta menguntungkan pihak Kerajaan. Namun, dalam beberapa siri perbincangan yang diadakan pihak perunding enggan untuk mengurangkan harga. Rundingan terus diadakan sehingga pada 18 Januari 2013 mencapai persetujuan dikedua-dua pihak dengan harga yang berpatutan selaras dengan konsep best value for money.* *Walaupun mengambil masa 10 bulan, namun Kementerian telah berjaya membuat penjimatan sejumlah RM1,875,752.17 (65%) daripada RM2,855,525.20 kepada RM979,773.03.* *<u>Langkah Pencegahan</u>* *Kementerian akan memastikan setiap rundingan harga di masa hadapan dilaksanakan dalam tempoh sebulan;* *Kementerian akan mohon pengecualian sekiranya rundingan projek dijangka*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	akan mengambil masa yang lama berdasarkan keperluan (case by case); *Kementerian akan memastikan cadangan pihak Audit sekiranya persetujuan enggan/tidak dicapai, syarikat lain akan diberi peluang untuk mengemukakan tawaran harga.* Pada pendapat Audit, kelewatan proses rundingan harga ini boleh menjejaskan pelaksanaan projek dan menyebabkan projek lewat disiapkan. Oleh itu bagi projek lain yang akan dilaksanakan pada masa hadapan, tempoh masa persetujuan syarikat/kontraktor perlu ditetapkan supaya sekiranya persetujuan enggan/tidak dicapai, syarikat lain akan diberi peluang untuk mengemukakan tawaran harga.	
10.5.3.1	**Kualiti Pembinaan - Kerja Pembinaan Kurang Berkualiti** Mengikut Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004, pelaksanaan projek pembangunan antaranya adalah untuk menyediakan kemudahan yang berkualiti. Setiap kerja pembinaan hendaklah dilaksanakan dengan kemas dan pada tahap piawaian yang boleh diterima pakai supaya bangunan dan ruang yang dibina boleh digunakan secara optimum, selamat dan kondusif. Lawatan Audit mendapati kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor adalah kurang berkualiti dan telah diambil tindakan.	
10.5.3.2	**Kerja Mekanikal Dan Elektrikal Tidak Dilaksanakan/Diselesaikan Dengan Sempurna** Kerja mekanikal dan elektrikal perlu dilaksanakan oleh kontraktor selaras dengan ketetapan kontrak serta mematuhi peraturan dan piawaian yang ditetapkan bagi memastikan pengguna mendapat kemudahan yang terbaik dan tahap keselamatannya terjamin. Pemeriksaan Audit di WP ATM mendapati kerja mekanikal dan elektrikal tidak dilaksanakan dengan sempurna dan masih belum diambil tindakan. Pada pendapat Audit, kualiti kerja adalah memuaskan. Bagaimanapun masih terdapat ketidaksempurnaan, kecacatan dan kerosakan yang perlu diambil tindakan sewajarnya. Pemantauan rapi perlu bagi memastikan segala kecacatan yang dilaporkan oleh Lembaga Ambil Alih diambil tindakan pembaikan oleh kontraktor semasa dalam *DLP*. Rekod berkaitan hendaklah dikemas kini supaya tindakan sewajarnya boleh diambil sekiranya pembaikan tidak disempurnakan dan mengakibatkan kos tambahan kepada Kerajaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.4.a	**Konsep Pengendalian Dan Pengoperasian** VPSB perlu menjelaskan bayaran sewa dapur WP ATM secara bulanan dan *profit sharing* kepada Sekretariat Markas ATM di bawah nama Ketua Akauntan Kementerian Pertahanan. Semakan Audit mendapati pada 20 Februari 2013, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah meluluskan kadar sewaan dapur sejumlah RM28,400 sebulan. VPSB mula membayar sewaan tersebut pada bulan Februari 2014 dan sehingga Oktober 2014 jumlah bayaran bagi sewaan dapur adalah berjumlah RM0.25 juta. Sewaan bulanan ini merangkumi ruang masak dan stor termasuk peralatan. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan KP 2.4/2013 menetapkan bahawa sebarang penggunaan aset Kerajaan hendaklah mematuhi peraturan seperti berikut:- i. majlis rasmi sahaja; ii. mengikut fungsi sebenar seperti yang terdapat dalam Manual Pengguna; iii. dikendali oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan jika perlu; iv. hendaklah direkodkan penggunaannya; dan v. aduan mengenai kerosakan aset hendaklah dilaporkan menggunakan borang kerosakan KEW.PA-9. Merujuk kepada surat MATM/JKEM (WPK)/1026 bertarikh 31 Julai 2013 memutuskan bahawa penggunaan peralatan yang menggunakan Lambang ATM tidak dibenarkan bagi majlis tidak rasmi (majlis individu). Semakan Audit selanjutnya mendapati sewaan yang dikenakan kepada VPSB ini adalah termasuk *tableware and cutlery* (*Officer Mess*) yang mempunyai logo ATM. Pada pendapat Audit, *tableware and cutlery* yang berlogo ATM tidak seharusnya digunakan di majlis tidak rasmi kerana ia merupakan inventori Kerajaan dan sebarang kerosakan dan kehilangan akan melibatkan proses tatacara kehilangan dan hapuskira aset Kerajaan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Pihak pengurusan Wisma Perwira ATM telah mengambil tindakan serta merta ke atas perkara ini dengan mengeluarkan surat arahan bertarikh 30 Januari*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.4.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2015 kepada syarikat Virgin Properties Sdn. Bhd. (VPSB) supaya tidak menggunakan peralatan termasuk tableware and cutlery (Officer Mess) yang mempunyai logo ATM berkuatkuasa serta merta.	
10.5.5.2.a	**Pelantikan Kontraktor** i. VPSB mempunyai hubungan baik dengan Kementerian melalui penempatan pegawai-pegawai dalam dan luar negara yang mengikuti kursus Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) dan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) yang ditempatkan di Lanai Gurney Corporate Suite sejak tahun 2008 hingga kini. ii. VPSB juga telah menyempurnakan kontrak dengan Kementerian daripada tahun 2008 hingga 2011 dan Kementerian telah melanjutkan kontrak penempatan pegawai-pegawai yang berkursus MTAT dan MPAT. Semakan Audit selanjutnya mendapati VPSB masih belum mendaftar kod bidang kawalan keselamatan seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.	Kementerian telah mendapat pengeculian daripada Kementerian Kewangan pada 27 Februari 2015 untuk syarikat Virgin Properties Sdn Bhd daripada berdaftar di bawah kod bidang 220801 (kawalan keselamatan).
10.5.5.2.b	Mesyuarat Rundingan Harga diadakan pada 27 Mei 2013 yang dipengerusikan oleh Timbalan KSU semasa itu yang memuktamadkan harga pengendalian dan pengoperasian WP ATM berjumlah RM39.30 juta bagi tempoh 3 tahun iaitu RM13.10 juta setahun (RM1.10 juta sebulan). Hasil mesyuarat tersebut dibentangkan kepada Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' Kementerian pada 18 Julai 2013, namun hanya pada 4 Oktober 2013, Kementerian Kewangan Malaysia meluluskan harga tersebut. VPSB telah dilantik untuk melaksanakan pengendalian dan pengoperasian WP ATM bermula 1 November 2013 sehingga 31 Oktober 2016 berdasarkan SST pada 14 Oktober 2013. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *VPSB masih dalam tindakan untuk mendapatkan lesen kod bidang keselamatan dari Kementerian Kewangan Malaysia. Kelewatan adalah kerana pihak VPSB perlu memperoleh lesen keselamatan daripada Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, langkah proaktif yang diambil, VPSB telah melantik syarikat keselamatan iaitu Azam Armada Security Sdn. Bhd. untuk keselamatan WP ATM pada 1 Jun 2014.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian telah mendapat pengecualian daripada Kementerian Kewangan Malaysia pada 27 Februari 2015 untuk VPSB daripada berdaftar dengan kod bidang 220801 (Kawalan Keselamatan). Pada pendapat Audit, Kementerian hendaklah memastikan bahawa kontraktor yang dicadangkan hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kelas/kod bidang, kepala dan sub-kepala yang bertepatan dengan perolehan yang dibuat dan tempoh pendaftaran tersebut sentiasa sah (*valid*).	
10.5.5.3	**Perjanjian Kontrak Penyenggaraan** SST yang dikeluarkan pada 14 Oktober 2013 menyatakan tarikh bermulanya kontrak ini adalah pada 1 November 2013 sehingga 31 Oktober 2016. Sehingga ke tarikh pengauditan selesai pada November 2014, tiada kontrak formal ditandatangani. Bagaimanapun skop kerja yang perlu dilaksanakan oleh VPSB tertakluk kepada kehendak WP ATM melalui surat MATM/JKEM (WPK)/4020 bertarikh 7 Februari 2014. Semakan Audit mendapati walaupun di dalam SST tidak menyatakannya, WP ATM telah mengenakan bayaran *profit sharing* sebanyak 8% dan sewaan dapur kepada VPSB. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Kontrak antara Kementerian dan VPSB telah ditandatangani pada 4 Disember 2014.* *<u>Langkah Pencegahan</u>* *Kementerian akan memastikan proses mewujudkan dokumen kontrak dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.* *Kementerian akan mohon pengecualian sekiranya proses memuktamadkan kontrak dijangka akan mengambil masa yang lama berdasarkan keperluan (case by case) sepertimana kontrak pengoperasian dan pengendalian ini merupakan kontrak pertama yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian.* Pada pendapat Audit, setiap Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab dalam memastikan semua urusan perolehan hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan dan prinsip-prinsip serta dasar perolehan Kerajaan yang ditetapkan. Sebarang pelanggaran terhadap peraturan yang	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.5.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	ditetapkan hendaklah diambil tindakan sewajarnya seperti yang ditetapkan dalam peraturan kewangan. Kementerian gagal mewujudkan kontrak formal dan menandatangani kontrak dengan segera bagi memastikan kepentingan Kerajaan terjamin dalam tempoh yang ditetapkan.	
10.5.6.1.a	**Pelaksanaan Penyenggaraan - Rekod Penyenggaraan - Penyenggaraan Pembaikan** Penyenggaraan pembaikan merupakan penyenggaraan yang dijalankan setelah berlakunya kegagalan atau kerosakan. Ia bertujuan mengembalikan fungsi sesuatu item yang rosak atau gagal kepada fungsi asalnya seperti yang ditetapkan. Ia adalah sebahagian daripada jenis penyenggaraan tidak terancang. Penyenggaraan jenis ini turut melibatkan penyenggaraan kecemasan yang perlu diberikan perhatian dengan segera untuk mengelakkan kerosakan yang lebih serius berlaku. Kerja pembaikan (*corrective*) hendaklah dilaksanakan mengikut aduan kerosakan dan siap dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap laporan kerosakan bagi bulan November 2014 mendapati masih ada kerja yang dilaporkan pada bulan September, Oktober dan November yang belum siap atau dilaksanakan. Bagaimanapun sebab-sebab kerja berkenaan belum siap atau belum dilaksanakan tidak dinyatakan dalam laporan berkenaan. Kesan daripada kerja pembaikan yang belum disiapkan atau dilaksanakan menyebabkan peralatan berkenaan tidak dapat digunakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada tempoh masa atau norma yang ditetapkan bagi kerja pembaikan yang dilaporkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Pengurusan Wisma Perwira ATM telah mendapatkan nasihat dari MK ATM-BPKP sebagai Expert Adviser dalam hal-hal yang berkaitan dengan kerja-kerja pembaikan.* *Sebelum ini, Pengurusan Wisma Perwira ATM menetapkan jadual bagi kerja-kerja pembaikan kerosakan bernilai bawah RM10,000 supaya diselesaikan dalam masa 7 hari. Manakala kerosakan yang melibatkan nilai RM10,000 keatas tempoh pembaikan adalah tertakluk kepada jenis kerosakan dan perolehan alat ganti yang kebiasaannya akan mengambil masa yang lebih panjang.* *Bagi penyenggaraan peralatan mekanikal ianya adalah mengikut jadual yang ditetapkan dalam manual operasi yang dikeluarkan oleh pembekal peralatan.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.6.1.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Manakala bagi kerosakan-kerosakan lain tempoh pembaikan akan diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa KPI yang diadakan secara berkala pada setiap minggu pertama setiap bulan. Pengurusan Wisma Perwira ATM akan merangka satu jadual lain yang mempunyai masa dan norma yang lebih terperinci supaya proses senggaraan dan pembaikan akan lebih baik. Keutamaan pembaikan akan diberikan melibatkan bilik penginapan, Bilik Mesyuarat, Bilik Seminar, Bilik Bincang, Dewan makan, Dewan Perkasa dan Penthouse. Pemantauan oleh staf Wisma Perwira ATM pada sebilang masa dan begitu juga oleh AJK Wisma.	
10.5.6.1.b	**Penyenggaraan Pencegahan** Penyenggaraan pencegahan merupakan penyenggaraan yang dilaksanakan mengikut masa dan prestasi sesuatu item sebagaimana yang ditetapkan. Tujuan utamanya adalah untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya sebarang kerosakan. Sekiranya tindakan penyenggaraan pencegahan ini tidak diambil, kemungkinan boleh menyebabkan kerosakan kepada item-item bangunan yang lain. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan bagi *Generator* 180 KVA dan KVA 500 yang sepatutnya disenggara pada bulan September 2014 masih belum dilaksanakan. Pada pendapat Audit, WP ATM perlu menambahbaik penyenggaraan rekod pembaikan bagi memastikan kerja tersebut tidak mengambil masa yang lama dan menetapkan norma tempoh pembaikan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Denda atau penalti dikenakan kepada VPSB sekiranya VPSB gagal menyiapkan kerja-kerja penyenggaraan seperti yang telah ditetapkan. Kegagalan kerja penyenggaraan Generator 180 KVA dan 500 KVA yang dinyatakan oleh Audit telah diambil tindakan dimana pihak syarikat telah dikenakan penalti berjumlah RM2,200 pada bulan Oktober 2014. Generator tersebut telah berfungsi pada 17 Disember 2014.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.6.1.b
10.5.7.1	**Kawalan Keselamatan - Kod Bidang Kawalan Keselamatan** WP ATM merupakan penginapan yang diduduki oleh Pegawai tentera dan pelbagai majlis rasmi negara diadakan. Oleh itu kawalan keselamatan yang ketat perlu diwujudkan. Skop kerja bagi pengoperasian dan pengendalian ada ditetapkan di dalam Konsep Pengendalian dan Pengoperasian yang	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.7.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dipersetujui oleh Kementerian dan VPSB. Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan secara bersyarat kepada VPSB untuk mempunyai kod bidang kawalan keselamatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia iaitu 220801. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2014, VPSB masih belum memberi maklumat tentang pendaftaran kod kawalan keselamatan walaupun telah diberi peringatan oleh Kementerian. Bagi membolehkan VPSB beroperasi mengikut syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia, VPSB telah menandatangani satu perjanjian dengan Syarikat Azam Armada Security Sdn. Bhd. pada 1 Februari 2014 bagi menggunakan lesen syarikat Keselamatan Azam Armada Security Sdn. Bhd. dengan bayaran RM2,000 sebulan + *government tax* 6% minimum selama 6 bulan.	
10.5.7.2	**Sistem Kawalan Litar Tertutup (CCTV)** Sistem Kawalan Tertutup (CCTV) adalah sistem pengawasan yang mengandungi kamera dan peralatan yang berkaitan untuk pemantauan, transmisi dan pengawasan zon keselamatan tertentu. Semasa lawatan Audit ke WP ATM mendapati sebanyak 80 *CCTV* dibekalkan bagi mengawasi keselamatan persekitaran luar dan dalam bangunan WP ATM. Bagaimanapun terdapat 7 *CCTV* tidak berfungsi dan mengalami kerosakan semenjak bulan Ogos 2014. Semakan Audit terhadap Laporan Keselamatan *CCTV* Bulan Oktober 2014 oleh WP ATM mendapati *CCTV* ini masih belum disenggarakan. Pada pendapat Audit, kegagalan Kementerian memastikan pihak syarikat mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia telah menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dijaga. Kawalan keselamatan yang ketat perlu diambil kerana WP ATM kerap mengadakan majlis-majlis rasmi negara yang melibatkan Pemerintah Negara. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Syarikat VPSB telah melantik kontraktor khas iaitu Univisual Intergrated Sdn Bhd untuk menyenggara semua CCTV di WP ATM pada 1 Disember 2014 sehingga 30 November 2016. Semua CCTV telah dibaikpulih dan disenggara serta berfungsi dengan baik. Baikpulih telah dilaksanakan pada 13 Disember 2014.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
10.5.8	**Perjawatan Wisma Perwira ATM** Pengurusan dan pengoperasian WP ATM dikawal selia mengikut keperluan perkhidmatan dan diurus berkonsepkan tradisi ketenteraan. Oleh itu, keperluan perjawatan tetap dan hakiki amat diperlukan. Markas Angkatan Tentera Malaysia (MATM) telah mengemukakan kertas cadangan perjawatan Unit Pengurusan WP ATM pada Julai 2013 sebanyak 14 perjawatan yang diketuai oleh Pengurus berpangkat Leftenan Kolonel (Lt Kol) dan setaraf. Keperluan ini berdasarkan pelbagai majlis rasmi negara atau tidak rasmi. Selain itu, keupayaan untuk mentadbir organisasi khas ini dan akauntabiliti di dalam menentukan aset kerajaan yang bernilai melebihi ratusan juta juga di ambilkira. Semasa pengauditan dijalankan, semua perjawatan di WP ATM adalah merupakan jawatan sementara yang dipinjamkan dari pelbagai unit. Pada Disember 2013, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan Waran Perjawatan Bil. K3 Tahun 2014 bertarikh 27 Disember 2013 sebanyak 7 perjawatan yang diketuai oleh pengurus berpangkat Kapten (ZA18) dan dibantu oleh 6 perjawatan Lain-lain Pangkat. Semakan Audit mendapati pada Mac 2014, Kementerian membuat rayuan semakan semula kertas cadangan perjawatan tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) disebabkan oleh perjawatan yang diluluskan kurang kesesuaian dan memberi kesan negatif terhadap imej ATM. Pada pendapat Audit, jawatan yang diluluskan tidak sesuai bagi menguruskan WP ATM memandangkan penglibatan pelbagai majlis rasmi atau tidak rasmi yang akan dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong, Sultan-sultan, Raja-raja, orang kenamaan dan duta serta perwakilan asing. Oleh itu pertimbangan semula terhadap perjawatan ini wajar dilakukan. Maklumbalas Kementerian Yang Diterima Pada 23 Februari 2015 *Markas ATM (MATM) telah memajukan kertas kerja perjawatan WP ATM kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada 25 Julai 2013 di mana memerlukan pegawai berpangkat Leftenan Kolonel bagi mengetuai WP ATM dan dibantu oleh 2 pegawai serta 11 anggota Lain-lain Pangkat (LLP). Bagaimanapun, pada 27 Dis 2013, Waran Perjawatan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk seorang pegawai berpangkat Kapten dan 6 LLP. Pada 17 Mac 2014, MATM telah mengemukakan rayuan kepada JPA supaya perjawatan tersebut dikaji semula bagaimanapun permohonan ini telah ditolak oleh JPA. Oleh itu, laporan Audit ini juga akan dijadikan dokumen*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 10.5.8

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sokongan bagi pihak MATM memajukan semula rayuan supaya perjawatan sepertimana kertas kerja permohonan asal di pertimbangkan semula oleh JPA.	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Perenggan 11 : Pengurusan Prasarana Dan Kemudahan Wisma Transit Kuala Lumpur

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.1.a	**Prestasi Projek - Prestasi Fizikal Projek Pembinaan** WTKL ini dibina di atas tapak seluas 5.178 hektar di Lot 5398 Mukim Setapak bersama dengan 2 unit lain iaitu Rejimen 515 Askar Wataniah dan Badan Kesenian Tentera Darat dengan kos pembinaan keseluruhan RM66 juta dan termasuk kos untuk WTKL berjumlah RM32.44 juta. Mengikut perancangan awal, pembinaan WTKL dijangka akan disiapkan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh mula projek pada 8 November 1998. Bagaimanapun WTKL hanya siap dibina dalam tempoh 10 tahun iaitu pada 11 September 2008 dan mula beroperasi sepenuhnya pada 8 Januari 2009. Pembinaan WTKL merangkumi blok penginapan 11 tingkat (blok penginapan lelaki dan wanita), pejabat Kem Transit, dewan makan, pejabat kenderaan, balai pengawal transit, pondok pengawal dan rumah pam. Semakan Audit terhadap dokumen yang dikemukakan mendapati blok penginapan 11 tingkat yang dibina menempatkan 287 bilik yang terdiri daripada 44 bilik pegawai (28 bujang dan 16 keluarga) dan 243 bilik lain-lain pangkat (150 bujang dan 93 keluarga) dari tingkat 1 hingga 9. Manakala tingkat 10 dan 11 digunakan untuk menempatkan motor lif dan tangki air seperti yang dirancang mengikut *Layout Plan*. Sehingga November 2014, 95 (33%) bilik yang dikenal pasti tidak boleh digunakan kerana mengalami kerosakan pada siling, lantai bilik mandi dan dinding yang telah diresapi air serta berkulat.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 11.5.1.1.c.iii
11.5.1.1.b	Laporan Pemeriksaan Pra Ambil Alih WTKL telah menyenaraikan 915 lokasi mengalami pelbagai kerosakan yang memerlukan pembaikan yang dijalankan oleh Bakti Kausar Development Sdn. Bhd. (BKDSB) dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP). Walau bagaimanapun, BKDSB gagal melaksanakan pembaikan yang dikenalpasti menyebabkan Bahagian Perkhidmatan dan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) mengeluarkan 6 surat peringatan. Surat peringatan terakhir kepada BKDSB memaklumkan tindakan mencairkan RM760,000 daripada nilai bon senggaraan berjumlah RM3.3 juta bagi tujuan membaiki kerosakan yang dikenal pasti sehingga 16 Mac 2010. Kegagalan BKDSB membaiki kerosakan dan kecacatan yang dikenal pasti	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mengakibatkan WTKL beroperasi sehingga kini di bawah tahap maksimum.	
11.5.1.1.c.i	**Kerosakan Bilik Penginapan** WTKL diserahkan oleh pemaju kepada ATM melalui Tim Projek WTKL pada bulan September 2008. Semakan Audit pada 6 November 2014 terhadap kerosakan yang dilaporkan mendapati dinding berkulat, air bertakung, lantai bocor dan siling rosak akibat resapan air adalah masalah utama yang dihadapi menyebabkan bilik penginapan tidak dapat digunakan dan ditutup oleh pengurusan WTKL.	
11.5.1.1.c.ii	Pemeriksaan fizikal di beberapa bilik penginapan yang telah dikategorikan sebagai rosak oleh WTKL mendapati keadaan fizikal siling, dinding, lantai dan bilik mandi serta keretakan.	
11.5.1.1.c.III	WTKL telah melaksanakan kerja pembaikan dan naik taraf ke atas 4 buah bilik bagi setiap kategori bilik iaitu bilik pegawai berkeluarga, pegawai bujang, LLP berkeluarga dan LLP bujang tanpa melibatkan penggantian perabot dengan kos keseluruhan berjumlah RM260,442 sebagai bilik contoh untuk pembaikan yang akan dijalankan. Pembaikan yang dilaksanakan meliputi pembaikan terhadap *water proofing* di bilik mandi, penggantian siling, pemasangan lantai jubin, sistem paip sanitari serta pendawaian elektrik. Bagi merealisasikan cadangan menaik taraf bilik penginapan selebihnya, pengurusan WTKL telah mengemukakan cadangan kepada MK Log TD untuk melaksanakan kerja pembaikan dan naiktaraf kesemua bilik penginapan di WTKL melibatkan anggaran perbelanjaan berjumlah RM15,168,289. Pada pendapat Audit, cadangan WTKL untuk melaksanakan kerja pembaikan dan naik taraf terhadap kerosakan bilik penginapan perlu diambil perhatian sewajarnya oleh pihak Kementerian agar penggunaannya dapat dioptimakan. Bagaimanapun Kementerian perlu memastikan kerja pembaikan ke atas sistem perpaipan dan *"water proofing"* di WTKL dilaksanakan terlebih dahulu kerana kerosakan-kerosakan yang dikenal pasti telah menyebabkan bilik penginapan tidak dapat digunakan berpunca daripada kebocoran dan resapan air dari lantai serta dinding bilik mandi. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Bagi mengatasi masalah ini, BPKP telah melaksanakan kerja senggaraan dan pembaikan kerosakan secara inden (requisition) dan sebut harga. Peruntukan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sejumlah RM100,000 sehingga RM300,000 yang disediakan oleh MkTD untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan bagi membolehkan WTKL digunakan walaupun penggunaannya tidak ke tahap maksimum. Justeru, bagi memaksimumkan penggunaan, pihak pengurusan WTKL telah mengambil tindakan untuk melaksanakan kerja pembaikan dan peningkatan menyeluruh ke atas semua jenis bilik. MkTD telah mengeluarkan Sijil Pengesahan Peruntukan (SPP) pada 9 Februari 2015 bernilai RM15.9 juta untuk mewujudkan kontrak baik pulih bagi 282 bilik. Waran peruntukan di bawah Dasar Sedia Ada dan Dasar baru akan dikeluarkan secara berperingkat berjumlah RM7.27 juta pada tahun 2015 dan RM7.9 juta bagi tahun 2016. Tender akan diiklankan pada Mac 2015 seterusnya proses tender, penjadualan, penilaian dan kelulusan Lembaga Perolehan akan dibuat pada April dan Mei 2015. Pelantikan kontraktor akan dibuat pada Jun 2015. Skop kerja pembaikan dan menaik taraf adalah termasuk kerja memasang lapisan water proofing, menjubin lantai dan tandas, mengganti siling, mengganti paip dan peralatan sanitari, pendawaian elektrik, penyenggaraan alat penghawa dingin dan kerja-kerja berkaitan.	
11.5.2.1	**Pengurusan Kontrak - Bon Senggaraan** *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan pada 11 September 2008 di atas akujanji BKDSB bertarikh 27 Ogos 2008 di mana BKDSB berjanji untuk melaksana dan membaiki sebarang kecacatan yang akan diajukan oleh pihak Kerajaan dalam tempoh *Defect Liability Period* (DLP). Selain itu, BKDSB juga berjanji untuk mengemukakan *design bond guarantee* dalam tempoh 5 tahun dan *maintenance bond guarantee* dalam tempoh 2 tahun setelah CPC dikeluarkan. BKDSB juga bersetuju untuk Kerajaan mencairkan bon berkenaan sekiranya tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak BKDSB selepas 21 hari notis bekerja dikeluarkan. Sehingga tamat DLP pada 10 September 2010, BKDSB gagal melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan senggaraan seperti mana disenaraikan dalam senarai kecacatan dan kerosakan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian. Lanjutan daripada pandangan Jabatan Peguam Negara dan Bahagian Undang-Undang Kementerian Pertahanan, Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan telah mengemukakan 3 surat kepada Al Hidayah Investment Bank (Labuan) Ltd. masing-masing bertarikh 25 Ogos 2010, 5 Oktober 2010 dan 1 November 2011 memohon untuk mencairkan sebahagian daripada *maintenance bond* bernilai RM760,000. Bagaimanapun sehingga kini tiada maklum balas diterima daripada Al Hidayah Investment Bank (Labuan) Ltd. Maklum balas dari Bank Negara memaklumkan bahawa	**Maklumbalas terkini pada 24 Mac 2015** Notis tuntutan mencairkan *maintenance bond* kepada Al Hidayah Investment Bank (Labuan) akan dikeluarkan oleh Bahagian Undang-Undang Kementerian pada 24 Mac 2015. Jika tuntutan ini juga tidak mendapat maklumbalas dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaannya, aduan rasmi akan dikemukakan kepada LOFSA kerana Bank tersebut tertakluk di bawah akta berkenaan. Semua Bank *Guarantee* yang terdapat di Bahagian Pembangunan telah disemak untuk memastikan ia dikeluarkan oleh bank yang berdaftar dengan Akta BAFIA 1989 supaya perkara seperti ini tidak berulang pada masa hadapan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bank ini tidak berdaftar di bawah Akta *BAFIA 1989.* Pada pendapat Audit bagi mengelakkan kerugian dan menjamin kepentingan Kerajaan, Kementerian hendaklah meneruskan tindakan perundangan terhadap BKDSB. Selain itu, Kementerian juga perlu memastikan setiap bank penjamin bagi setiap kontrak yang ditandatangani pada masa akan datang didaftarkan di bawah Akta *BAFIA 1989* supaya tindakan boleh diambil sekiranya kontraktor gagal memenuhi kehendak kontrak. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 Dan 5 Mac 2015 *BKDSB telah mengemukakan maintenance bond bernilai RM3.3 juta kepada Kementerian pada 28 Ogos 2008 sebelum CPC dikeluarkan pada 11 September 2008. Mengikut Perjanjian Kontrak, BKDSB perlu melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan senggaraan seperti mana disenaraikan dalam senarai kecacatan dan kerosakan yang dikemukakan oleh pihak Kementerian. Memandangkan sehingga kini BKDSB ingkar dalam mematuhi Perjanjian Kontrak tersebut, Kementerian berpandangan syarikat bukan sahaja telah memecah kontrak tetapi juga dianggap melakukan penipuan. Memandangkan surat-surat ulangan yang dihantar kepada syarikat tidak mendapat maklum balas, pihak Kementerian telah membuat Laporan polis dengan Rpt No. JLN TUN RAZAK/001343/15 pada 17 Februari 2015 dan akan meneruskan tindakan perundangan terhadap BKDSB. Selain itu Kementerian juga telah mengemukakan surat bertarikh 18 Februari 2015 kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk menyenarai hitamkan syarikat BKDSB. Semakan yang teliti akan dibuat pada masa hadapan ke atas semua bank guarantee (BG) yang dikemukakan oleh kontraktor bagi memastikan BG yang dikeluarkan adalah daripada bank yang didaftarkan di bawah Akta BAFIA 1989.*	
11.5.2.2	**Pengemukaan Dokumen Dokumen Lukisan Siap Bina Dan Buku Servis Manual Bagi Peralatan Mekanikal Dan Elektrikal Tidak Dikemukakan** Klausa 32.11 *"return of documents relating to the said project"* kepada *Kontrak Privatisation Agreement Of The Army Transit Camp And Regiment 502 Askar Wataniah Camp,* menghendaki *The Company shall within twelve (12) months from the date Certificate of Practical Completion return all up date document relating to the said Project including tracing and as built drawings to the Government.* Semakan pasukan Audit mendapati ketika pengambil alihan	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 11.5.2.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	WTKL daripada BKDSB, dokumen lukisan siap bina dan buku servis manual bagi peralatan mekanikal dan elektrikal tidak dikemukakan seperti yang dikehendaki dalam klausa 32.11. Ketiadaan Lukisan Siap Bina menyebabkan kerja-kerja pembaikan kerosakan yang dilaksanakan oleh WTKL dan BPKP menjadi rumit dan sukar. Selain itu, ketiadaan buku servis manual bagi peralatan mekanikal dan elektrikal juga menyebabkan rancangan senggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan betul seperti yang disarankan oleh pengeluar peralatan tersebut. Pada pendapat Audit, BKDSB mesti mengemukakan lukisan siap bina kepada Kementerian dan salinan kepada pihak yang berkenaan. Tanpa lukisan siap bina ini Kementerian tidak dapat menentukan binaan sebenar dan perubahan pada pelan asal terutama dari aspek mekanikal dan elektrikal akibatnya menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan. Usaha berterusan perlu dilakukan bagi mendapatkan lukisan siap bina dan buku servis manual peralatan mekanikal yang dibekalkan supaya kerja-kerja penyenggaraan dapat dilaksanakan dengan mudah dan mengikut jadual. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *BPKP telah mengeluarkan surat peringatan kepada BKDSB untuk mengemukakan dokumen lukisan siap bina dan buku servis manual operasi mekanikal dan elektrikal sejak 23 Oktober 2008. Selanjutnya, surat-surat peringatan telah dihantar sebanyak 10 kali kepada kontraktor. Bagaimanapun BKDSB sehingga kini gagal mengemukakan lukisan siap bina dan buku servis manual operasi mekanikal dan elektrikal kepada Kementerian. Selain itu Kementerian juga telah mengambil inisiatif dengan menghubungi pihak perunding mekanikal dan elektrikal (M&E) projek tetapi gagal. Ketiadaan lukisan siap bina sememangnya menyukarkan kerja-kerja senggaraan namun begitu ianya tidak menghalang sepenuhnya kerja senggaraan daripada diteruskan. Memandangkan peruntukan untuk mewujudkan kontrak bermasa berjumlah RM6 juta telah diluluskan oleh MkTD pada 7 Mei 2014, pihak Kementerian dalam proses penyediaan tender bagi kontrak penyenggaraan tersebut.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.3.1	**Pencapaian Impak - Prestasi Penggunaan Kemudahan Penginapan WTKL** WTKL disediakan dengan kemudahan 287 bilik penginapan pelbagai jenis dan ditempatkan dalam 9 tingkat bangunan yang mampu untuk digunakan oleh 764 bilangan pengguna pada tahap maksimum pada satu masa tertentu. Bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2014 WTKL telah menyediakan penginapan kepada seramai 297,172 pengguna dengan kekerapan penggunaan bilik penginapan sebanyak 116,495 kali. Analisis terhadap statistik pengunaan penginapan di WTKL mendapati masa puncak adalah pada cuti hari perayaan seperti cuti Hari Raya, Krismas dan cuti sekolah. Bagaimanapun berdasarkan kepada statistik yang dikemukakan, pasukan Audit mendapati berlaku penurunan dari segi kekerapan penggunaan bilik dan bilangan pengguna setiap tahun. Keadaan ini disebabkan berlaku kekurangan bilik penginapan akibat kerosakan yang dialami. Pada pendapat Audit, bilik penginapan yang telah rosak perlu dibaiki segera bagi memaksimumkan kemudahan yang ada di WTKL.	
11.5.4.1	**Penyenggaraan - Tiada Kontrak Senggaraan** Pembinaan WTKL merangkumi pembekalan peralatan mekanikal dan elektrikal seperti sistem penyaman udara berpusat, sistem pencegahan kebakaran, sistem bekalan air, kemudahan lif, peralatan memasak, generator dan peralatan-peralatan elektrikal serta pelbagai jenis pam dan motor. Peralatan-peralatan ini perlu diselenggara secara berjadual dan diperbaiki serta merta apabila berlaku kerosakan. Kerosakan pada peralatan mekanikal dan elektrikal kerap berlaku disebabkan senggaraan berjadual tidak dilaksanakan dan kerosakan komponen sesuatu sistem merebak ke bahagian yang lain kerana pembaikan serta merta tidak dibuat. Kerja-kerja sivil juga diperlukan kerana bilik-bilik penginapan pengguna sering mengalami kerosakan dan memerlukan senggaraan dari semasa ke semasa. Bagi melaksanakan pembaikan terhadap kerosakan yang dialami WTKL perlu mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan kelewatan pembaikan serta merta ke atas kerosakan yang dilaporkan dan mengganggu operasi WTKL terutama sekali semasa waktu puncak dan musim perayaan kerana ketiadaan kontrak senggaraan. Selain itu, WTKL juga tidak dibekalkan dengan manual peralatan tersebut ketika penyerahan bangunan menyebabkan kesukaran mengenalpasti kerosakan yang berlaku.	**Maklum balas pada 23 Mac 2015** Proses pewujudan kontrak senggaraan bermasa masing-masing bagi Kerja-kerja Awam, kerja-kerja Mekanikal dan Kerja-kerja Elektrikal Wisma Transit Kuala Lumpur Bagi tempoh 3 Tahun sedang diuruskan. Iklan dijangka dapat disiarkan pada bulan April apabila segala dokumen tender dan juga Sijil Pengesahan Peruntukan dikemukakan oleh pihak pengguna kepada Kementerian. Pelantikan kontraktor dijangka akan dibuat pada bulan Julai 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, kontrak penyenggaraan perlu diwujudkan bagi memastikan penyenggaraan berjadual dan pembaikan kerosakan dapat dilakukan serta merta bagi menjamin peralatan mekanikal dan elektrikal berfungsi sepenuhnya. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Kementerian telah siap menyediakan dokumen tender bagi mewujudkan kontrak senggaraan bermasa masing-masing bagi Kerja-kerja Awam, Kerja-kerja Mekanikal dan Kerja-kerja Elektrikal Wisma Transit Kuala Lumpur Bagi Tempoh 3 Tahun. Tender akan diiklankan pada Mac 2015 seterusnya proses tender, penjadualan, penilaian dan kelulusan Lembaga Perolehan akan dibuat pada April dan Mei dan pelantikan kontraktor akan dibuat pada Jun 2015.*	
11.5.4.2.a	**Bumbung Dan Tempat Penyimpanan Tangki Air** Tangki air bagi setiap blok bangunan penginapan WTKL ditempatkan di Tingkat 11. Semakan pasukan Audit mendapati tangki air di Blok B mengalami kebocoran menyebabkan air bertakung di lantai bangunan. Selain itu *honeycomb* pada *plinth* juga dibina dengan tidak kemas. Keadaan kebocoran ini boleh mengakibatkan berlakunya penyerapan selain akan merapuhkan simen lantai. Semakan lanjut pihak Audit juga mendapati Bumbung blok B mengalami kebocoran menyebabkan ruang penyimpanan tangki air terdedah kepada hujan manakala siling berdekatan dengan *gutter* di tingkat 7 blok B, juga telah terbuka kerana kayu penahan reput. Keadaan ini boleh mengakibatkan kemalangan sekiranya siling ini jatuh dan tidak dibaiki segera.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 11.5.4.2.c
11.5.4.2.b	**Tangki Penyejuk (*Cooling Tank*)** Paip air ke *cooling tank* tidak menggunakan *bracket* yang sesuai. Namun penambahbaikan telah dilaksanakan.	
11.5.4.2.c	**Turapan Jalan** Keadaan jalan yang rosak akibat turapan yang tidak mengikut spesifikasi namun turapan telah dibuat bagi menutup lubang sebelum ini. Pada pendapat Audit, berlaku kerosakan yang serius pada sistem paip bangunan di mana pembaikan yang menyeluruh (sistem paip air dalaman, sistem paip sanitari, sistem penghawa dingin) perlu di laksanakan segera	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	untuk mengelakkan kerosakan yang lebih serius berlaku sehingga menyebabkan kerosakan pada struktur dan kemasan bangunan. Sistem kalis air juga didapati perlu dibaiki atau di pasang semula memandangkan sistem sedia ada sudah tidak efisien dalam menghalang air/lembapan dari meresap ke dinding/ lantai. Selain itu terdapat struktur lantai konkrit yang telah terjejas disebabkan oleh masalah kebocoran paip dan kegagalan sistem kalis air. Sehubungan itu, langkah pembaikan hendaklah di laksanakan dengan segera. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Kerja pembaikan terhadap struktur bumbung dan pemasangan bracket kepada cooling tank telah selesai dijalankan pada 12 Disember 2014 dan kerja penurapan jalan di bahagian hadapan WTKL telah siap sepenuhnya pada 24 Disember 2014. Selain itu peruntukan sejumlah RM80,000 telah diluluskan oleh MkTD, Caw. Log bagi tujuan menggantikan tangki FRP lengkap dengan sistem perpaipan serta sensor dan kerja yang berkaitan. Pelantikan kontraktor telah dibuat pada 28 Januari 2015 dan kerja dijangka siap pada 28 Februari 2015.*	
11.5.5	**Tidak Hadir Dalam Penerbangan (THDP)** Selain menyediakan penginapan kepada pengguna, WTKL melalui Sel Pergerakan, juga menguruskan perjalanan menggunakan perkhidmatan catar antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Kementerian telah menandatangani kontrak KP/PERO-6/A/RT149(A)/2011/OE bagi menggunakan perkhidmatan penerbangan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan KP/PERO-6/A/RT264/ 2012/OE untuk syarikat penerbangan AIRASIA. Setiap penerbangan yang telah ditempah akan dibayar sepenuhnya melalui MK Log TD apabila bil/inbois diterima dari Sel Pergerakan WTKL. Bagaimanapun berdasarkan kepada statistik yang telah dikemukakan dan semakan pasukan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2011 hingga September 2014, sebanyak 1,138 pengguna telah tidak hadir dalam penerbangan pada saat akhir penerbangan. Daripada jumlah tersebut sel pergerakan WTKL berjaya mencari 59 penumpang gantian bagi anggota yang tidak dapat mengikuti penerbangan bagi tahun 2014, manakala bagi tahun 2013 dan 2012 tiada maklumat dikemukakan. Sejumlah 1,079 pengguna yang tidak dapat diganti telah mengakibatkan Kerajaan kerugian sejumlah RM375,262 iaitu 0.3% daripada keseluruhan pembayaran berjumlah RM112,284,293 yang telah dibuat kepada pihak MAS dan AIRASIA. Ketidakhadiran ini menimbulkan masalah kepada pengurusan serta kerugian	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 11.5.5

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kepada Kerajaan kerana kos ini tetap akan dibayar. Butiran ketidakhadiran dalam penerbangan adalah seperti carta bar di bawah. Mengikut maklumat yang diperolehi antara sebab ketidakhadiran ini adalah kerana membatalkan penerbangan tanpa memaklumkan WTKL, tersilap terminal penerbangan, kelewatan membuat pendaftaran masuk, terlibat dalam kemalangan serta disebabkan masalah kesihatan. Pada pendapat Audit, tindakan surcaj hendaklah dikenakan kepada anggota yang tidak hadir penerbangan tanpa sebab yang munasabah kerana Kerajaan terpaksa menanggung kerugian akibat bayaran tempahan penerbangan yang telah dibuat. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 5 Mac 2015 *Markas Logistik, TD bersama – sama Wisma Transit Kuala Lumpur (WTKL) telah membuat semakan secara terperinci berkaitan dengan statistik Tidak Hadir Dalam Penerbangan (THDP) anggota ATM dan keluarga serta anggota awam Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) melibatkan 1,079 anggota. Daripada jumlah tersebut sebanyak 85 anggota telah dikenakan tindakan surcaj berjumlah RM22,780. Sebanyak 60 anggota masih dalam siasatan, 11 mempunyai alasan yang kukuh dan 14 anggota THDP kerana kesilapan syarikat penerbangan. Manakala baki sebanyak 909 anggota lagi masih belum menerima maklum balas daripada pasukan. Markas ini juga telah mewujudkan task force pada 3 Mac 2015 yang mana ahli-ahli terdiri dari setiap perkhidmatan dan memberi maklumbalas kepada Bahagian Kewangan dan Jabatan Audit Negara tindakan yang diambil ke atas baki seramai 909 orang THDP sebelum 30 Julai 2015. Pihak Markas Logistik TD juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak syarikat penerbangan MAS dan Air Asia pada 3 Mac 2015 di mana syarikat telah bersetuju untuk tidak mengenakan caj kepada pihak ATM sekiranya THDP berlaku disebabkan oleh insiden kecemasan.*	
11.5.6	**Perjawatan WTKL** Perjawatan WTKL merupakan gabungan perjawatan 673 Kem Transit, 573 Pasukan Pelabuhan Klang dan *ad hoc* Tim projek Transit TD yang telah dibubarkan. Perjawatan ini telah diluluskan melalui nombor perjawatan FED(M)4011/1/66 (pind 1/2008)(sementara) berkuat kuasa 7 April 2008 dengan kekuatan berjumlah seramai 80 orang yang terdiri daripada 12 pegawai dan 64 anggota lain-lain pangkat (LLP) serta 4 anggota awam	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 11.5.6

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	seperti di jadual berikut. Bagaimanapun perjawatan ini merupakan perjawatan pinjaman dari pasukan luar dan boleh ditarik semula pada bila-bila masa diperlukan. Selain itu, dari jumlah perjawatan sedia ada 20% terlibat dengan kursus, tumpangan/tugas luar dan cuti/dalam rawatan. Cadangan untuk menubuhkan perjawatan tetap telah dimajukan dan masih lagi dalam perbincangan untuk dibentangkan kepada Bahagian Perancangan & Pembangunan (P&P). Pada pendapat Audit, memandangkan perjawatan penempatan secara pentadbiran ini telah digunakan sejak penubuhan WTKL lagi iaitu sejak tahun 2008, tindakan memindahkan butiran perjawatan perlu dilakukan segera bagi mempercepatkan perjawatan WTKL yang tetap bagi memastikan perjalanan dan pengurusan WTKL tidak terganggu. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Perjawatan Sementara Wisma Transit Kuala Lumpur telah diluluskan melalui nombor perjawatan FED(M)4011/1/66(pind 1/2008) (sementara) berkuat kuasa 7 April 2008. Penubuhan pasukan ini secara ad hoc melalui kaedah redeployment perjawatan dalam TD adalah disebabkan pembekuan perjawatan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada tahun 2008 melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2008 yang masih berkuat kuasa sehingga sekarang. Hasil perbincangan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam semasa mesyuarat pada 6 Ogos 2012, kelonggaran telah diberi kepada TD untuk menstruktur semula organisasi sedia ada melalui kaedah penempatan semula (redeployment) dan memansuhkan perjawatan untuk menjadikan sumber trade off. Ekoran itu, TD telah mengambil ketetapan untuk menstruktur secara menyeluruh dengan mengambil kira Pelan Pembangunan Strategik Army 2 10 Plus 10. Kementerian akan melaksanakan pindahan butiran perjawatan kepada WTKL tanpa melibatkan pertambahan jawatan.*	
11.5.7	**Pengesahan Kerja** Mengikut Perintah Tetap Wisma Transit Kuala Lumpur Seksyen 4 - No. 3 menyatakan antara tugas Pegawai Senggaraan adalah memeriksa setiap kerja senggaraan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kontraktor supaya dilaksanakan dengan betul dan membuat pengesahan ke atas kerja-kerja yang telah siap. Semakan pasukan Audit terhadap 8 baucar bayaran bernilai RM209,650 dari tahun 2012 hingga 2014 melibatkan pelaksanaan kerja di WTKL yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik dan dibuat pembayaran	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 11.5.7

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	oleh BPKP mendapati pengesahan kerja yang dibuat ditandatangani oleh pegawai BPKP dan bukan pegawai senggaraan WTKL seperti yang dinyatakan dalam perintah tetap WTKL. Pada pendapat Audit, setiap kerja penyenggaran dan pembaikan yang dijalankan di WTKL perlu disahkan oleh pegawai senggaraan WTKL bagi memastikan kerja yang dijalankan adalah mengikut kehendak, keperluan pengguna dan kerja-kerja yang telah dilaksanakan dibuat dengan sempurna oleh pihak kontraktor. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *BPKP adalah pengurus projek yang telah dilantik dan bertanggungjawab dalam mengurus, menyelia dan memantau pelaksanaan kerja senggaraan yang dibuat di WTKL. BPKP juga bertanggungjawab untuk mengesahkan setiap kerja yang telah siap dilaksanakan oleh pihak kontraktor bagi tujuan pembayaran. Sebagai PTJ yang dilantik, BPKP juga bertanggungjawab untuk melantik kontraktor bagi sesuatu kerja senggaraan yang dimohon oleh pengguna dengan peruntukan yang disediakan oleh MkTDa. Berdasarkan prosedur semasa di dalam PATM Jilid III Bab 13, pengguna akan menandatangani Sijil Laporan Siap Kerja-kerja Senggaraan yang mengesahkan kerja-kerja telah siap dilaksanakan dengan memuaskan. Sekiranya terdapat sebarang ulasan tentang mutu kerja, pihak pengguna perlu mengemukakan ulasan tersebut di dalam Sijil Laporan Siap Kerja-kerja Senggaraan. Pengesahan kerja oleh Pegawai Senggaraan Pasukan adalah menepati PATM.*	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Perenggan 12 : Pengurusan Pembinaan Kolej Tentera Udara (KTU) Di Kepala Batas, Kedah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.2.a	**Prestasi Projek Pembinaan - Pencapaian Fizikal Projek - Pencapaian Kewangan Projek** Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan pembinaan Kompleks KTU di bawah peruntukan *Private Finance Initiative* (PFI) dengan siling peruntukan berjumlah RM80 juta melalui RMKe-9. Siling ini adalah berdasarkan kos anggaran Kementerian semasa perancangan pada tahun 2002. Bagaimanapun, pada tahun 2009 harga anggaran jabatan bagi perolehan tender terbuka berjumlah RM122.87 juta dan harga *cut-off* projek yang ditetapkan berjumlah RM96.89 juta. Ini menunjukkan bahawa Kementerian telah meneruskan pelaksanaan projek ini walaupun menyedari tidak mempunyai siling peruntukan yang mencukupi.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.1.2.d
12.5.1.2.b	Harga kontrak yang dimuktamadkan bagi pembinaan projek ini berjumlah RM96.07 juta, manakala kos perunding adalah berjumlah RM10.57 juta dan ini menjadikan kos keseluruhan nilai projek berjumlah RM106.64 juta yang telah melebihi siling projek yang ditetapkan. Kementerian telah memohon peruntukan tambahan berjumlah RM25.97 juta dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada November 2011, menjadikan siling peruntukan projek ini berjumlah RM105.97 juta. Seterusnya, Kementerian juga telah mendapat kelulusan tambahan peruntukan daripada UPE sejumlah RM16 juta yang diperolehi melalui notis perubahan (NOC) daripada 7 projek di bawah pembiayaan PFI iaitu Kolej Tentera Darat Port Dickson (RM2 juta); Pembinaan Kompleks IPDA Negeri Sembilan (RM0.36 juta); Pembinaan Wisma Perwira Tentera Darat, Sungai Besi (RM5.86 juta); Pembangunan KD Sri Tawau (RM2.8 juta); Projek Pembangunan KD Sri Sandakan Fasa 3 (RM1 juta); Asrama Bujang Lumut (RM2.5 juta); dan BSPP Bangunan 92 ATCK, Genting Klang (RM1.49 juta). Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan kewangan bagi projek ini bernilai RM121.97 juta.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.2.c	Sehingga November 2014, sebanyak 30 bayaran interim berjumlah RM95.03 juta telah dibayar kepada Syarikat Keindah. Manakala bayaran kos yuran perunding berjumlah RM9.92 juta.	
12.5.1.2.d	Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan memaklumkan bahawa kos projek yang akan dimuktamadkan adalah meningkat sehingga RM106.16 juta yang mengambil kira anggaran kos perubahan kerja, pelarasan harga kontrak dan pelarasan harga turun naik barang (VOP) berjumlah RM12.21 juta. Bagaimanapun, jumlah bagi anggaran arahan perubahan kerja dan pelarasan harga kontrak masih belum disahkan oleh pihak perunding. Manakala, kos yuran perunding berjumlah RM10.57 juta yang menjadikan anggaran kos keseluruhan projek berjumlah RM116.73 juta. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Sehingga 30 Januari 2015, anggaran kos bagi pembinaan projek KTU adalah sejumlah RM119.42 juta. Kementerian Pertahanan sentiasa memastikan nilai kos projek yang dibayar adalah selaras dengan kerja-kerja pembinaan. Kerja-kerja pengukuran semula telah dibuat pada 26 hingga 28 November 2014 dan kini pihak Kementerian sedang membuat semakan terperinci secara fizikal bersama dengan pihak perunding di kawasan pembinaan bagi mengesahkan lukisan siap bina adalah bersamaan dengan tuntutan yang dibuat dan dijangka siap pada 30 Mac 2015. Kementerian Pertahanan mensasarkan akaun bagi projek ini akan dimuktamadkan pada 30 April 2015.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan nilai kos projek yang dibayar adalah selaras dengan kerja-kerja pembinaan. Kementerian juga perlu membuat semakan terperinci secara fizikal di kawasan pembinaan bagi mengesahkan lukisan siap bina bersamaan dengan tuntutan yang dibuat sama ada secara pengukuran semula, menyemak kualiti penggunaan bahan binaan serta kerja-kerja pembinaan sebelum memuktamadkan akaun projek.	
12.5.1.3.a	**Pencapaian *Outcome*** Perakuan Siap Kerja bagi Kompleks Bangunan KTU telah dikeluarkan pada 22 Julai 2013 dan semua komponen bangunan yang dibina telah diserahkan kepada pihak KTU melalui lembaga ambil alih pada 30 Julai 2013 yang merangkumi Kompleks Teknologi Aerospace, Asrama Bujang Lelaki, Kompleks Markas Kolej Tentera Udara, Pejabat Garaj Kenderaan, Bengkel & Pam Petrol, Kompleks Markas Pusat Latihan Pegawai, Bangunan Akademik,	**Maklumat terkini pada 23 Mac 2015** Kementerian memang memberi perhatian ke atas kenaikan kos bahan binaan bagi projek ini. Oleh kerana Peruntukan asal Wang Peruntukan Sementara (WPS) bagi kelengkapan perabot untuk keseluruhan kompleks KTU hanyalah berjumlah

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pusat Latihan Pegawai, Bahagian Akademik KTU/UTM, Stor Peluru, Makmal, dan Stor Kerusi Anjal. Lawatan Audit pada 13 hingga 17 Oktober 2014 mendapati semua bangunan telah siap dibina bagaimanapun masih terdapat bangunan tidak diduduki sepenuhnya iaitu Kompleks Markas KTU, Tingkat 3 Kompleks Markas Pusat Latihan Pegawai (PLP), Makmal Pusat, Stor Kerusi Anjal dan Stor Peluru & Senjata yang disebabkan oleh masalah tiada kelengkapan perabot dan penyambungan kabel telekom dari sistem PABX kompleks baru ke rangkaian kompleks lama yang belum dilaksanakan menyebabkan sistem komunikasi tidak berfungsi. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kos untuk perolehan kelengkapan perabot dan infrastruktur telah diperuntukkan di bawah *prime cost sum (PCS)* tetapi peruntukan tersebut telah digunakan bagi menampung kenaikan kos projek. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Peruntukan asal Wang Peruntukan Sementara (WPS) untuk kelengkapan perabot untuk keseluruhan kompleks KTU adalah RM1,488,350 sahaja. Semasa pelaksanaan projek, kos tersebut dianggarkan akan meningkat kepada RM4 juta sekiranya perabot hendak dibekalkan keseluruhan kompleks KTU. Implikasi kekangan peruntukan, persetujuan antara semua pihak telah dicapai melalui Mesyuarat Koordinasi Prime Cost dan Provisional Sum pada 5 Disember 2012 yang mana peruntukan PCS ini hanya digunakan untuk membiayai perolehan perabot bagi dua (2) Blok Asrama Bujang sahaja dan tidak digunakan untuk menampung kos projek. Manakala lain-lain bangunan akan menggunakan perabot yang dipindahkan daripada bangunan sedia ada. Kelengkapan perabot bagi Kompleks Markas KTU telah dibekalkan pada 1 Disember 2014 dengan kos RM200,000. Skop asal bagi sistem komunikasi PABX di KTU hanya merangkumi pemasangan Sistem PABX/telefon di bangunan Kompleks KTU yang baru dibina sahaja dan tidak termasuk penyambungan rangkaian ke bangunan sedia ada. Pihak Markas Tentera Udara (MTU) telah mendapat peruntukan di bawah anggaran belanja mengurus (ABM) tahun 2015 berjumlah RM1 juta untuk pemasangan kabel telefon bagi menghubungkan bangunan lama dan baru dan ICT di bilik operasi di Kompleks Markas KTU. Kerja ini akan dilaksanakan oleh TELEKOM Malaysia pada bulan Mac 2015. Tempoh siap dijangka adalah selama 4 bulan.* Pada pendapat Audit, memandangkan kes kenaikan harga projek kerap kali berlaku dalam tempoh pembinaan, Kementerian sepatutnya mengambil kira kadar kenaikan kos bahan binaan dan kos bagi elemen kemudahan seperti perabot dan infrastruktur semasa penentuan nilai projek.	RM1,488,350 sahaja, dan kos tersebut dianggarkan akan meningkat kepada RM4 juta sekiranya perabot hendak dibekalkan keseluruhan kompleks KTU, maka. dengan kekangan peruntukan kewangan tersebut, Mesyuarat Koordinasi *Prime Cost dan Provisional Sum* pada 5 Disember 2012 telah bersetuju supaya peruntukan PCS ini hanya akan digunakan untuk membiayai perolehan perabot bagi dua (2) Blok Asrama Bujang sahaja. Manakala lain-lain bangunan akan menggunapakai semula perabot-perabot yang dipindahkan daripada bangunan sedia ada. Kelengkapan perabot bagi Kompleks Markas KTU telah dibekalkan pada 1 Disember 2014 dengan kos RM200,000. Peruntukan WPS tidak digunakan untuk menampung kos projek. Skop asal bagi sistem komunikasi PABX di KTU hanya merangkumi pemasangan Sistem PABX/telefon di bangunan Kompleks KTU yang baru dibina sahaja dan tidak termasuk penyambungan rangkaian ke bangunan sedia ada. Pihak Markas Tentera Udara (MTU) telah mendapat peruntukan di bawah anggaran belanja mengurus (ABM) tahun 2015 berjumlah RM1 juta bagi pemasangan kabel telefon untuk menghubungkan bangunan lama dengan bangunan baru dan ICT di bilik operasi di Kompleks Markas KTU. Memandangkan kerja-kerja ini memerlukan kepakaran, pihak Kementerian mencadangkan supaya projek ini dilaksanakan oleh Telekom Malaysia secara rundingan terus. Bahagian Perolehan, Kementerian Pertahanan sedang menguruskan cadangan perolehan ini dan Projek dijangkan akan dilaksanakan pada bulan Jun 2015 nanti sekiranya mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.3.b	Pembinaan makmal di ITAS dibina bagi tujuan sesi pembelajaran secara latihan praktikal yang melibatkan modul sistem *avionic, instrument*, elektrikal pesawat serta kerja praktikal yang lain termasuk enjin dan badan pesawat untuk anggota lain-lain pangkat. Semakan Audit mendapati ruang makmal yang dibina adalah terhad dan tidak boleh menempatkan peralatan latihan praktikal daripada makmal ITAS yang lama. Makmal yang dibina juga tidak mempunyai kemudahan yang lengkap seperti kuasa bekalan elektrik yang mencukupi untuk menampung penggunaan bahan elektrik yang berkuasa tinggi, tiada kemudahan meja *workbench* yang dilengkapi dengan 3 pin plug, tiada sistem pengudaraan dan *emergency shower* bagi tujuan keselamatan. Oleh yang demikian, sesi pembelajaran bagi latihan praktikal telah menggunakan makmal sedia ada yang sudah usang dan makmal ini juga pernah ditenggelami banjir serta keseluruhan struktur bumbung makmal ini telah bocor dan ini boleh menjejaskan keselamatan. Bahagian ITAS juga telah mengeluarkan laporan keadaan berbahaya (*hazard report*) berkaitan kerosakan di makmal kepada unit keselamatan KTU bagi memohon tindakan pembaikan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Komponen blok makmal Avionic ITAS telah dibatalkan semasa peringkat penyediaan reka bentuk dan makmal Avionic sedia ada akan terus digunakan disebabkan siling peruntukan asal tidak mencukupi. Makmal yang dipersetujui untuk dibina adalah hanya Makmal Mekanikal dan Makmal Latihan Staf. Bagaimanapun disebabkan masalah banjir, pihak KTU telah memindahkan sebahagian peralatan elektronik daripada makmal Avionic di makmal ITAS sedia ada ke makmal baru yang telah disiapkan secara sementara. Manakala peralatan untuk enjin dan badan pesawat masih diletakkan di makmal ITAS sedia ada. Kedua-dua bangunan ini masih digunakan untuk sesi pembelajaran oleh pelatih bagi kursus-kursus di ITAS. Justeru, perkara ini tidak menjejaskan sesi pembelajaran para pelatih ini.* Pada pendapat Audit, keadaan bilik makmal yang terhad dan tidak boleh menempatkan peralatan latihan praktikal boleh menjejaskan sesi pembelajaran untuk pelatih di ITAS.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.1.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.2.a	**Pelantikan Perunding** Projek ini dilaksanakan secara konvensional di mana Kerajaan melantik perunding bagi memantau pelaksanaan kerja semasa tempoh pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan. Kementerian telah melantik 7 syarikat perunding melibatkan empat bidang yang bertanggungjawab sebagai memantau pelaksanaan projek melalui mesyuarat tapak, mengawal kemajuan kerja pembinaan serta memastikan kualiti pembinaan projek yang telah dijalankan oleh kontraktor menepati piawaian yang ditetapkan. Selain itu perunding juga melaporkan kemajuan kerja dan Kementerian akan memantau projek yang lewat jadual dan bermasalah berdasarkan laporan tersebut.	
12.5.2.2.b	Kos perkhidmatan perunding termasuk bayaran imbuhan, penyelia pengawasan tapak dan cukai perkhidmatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada bulan Ogos 2009.	
12.5.2.2.c	Seterusnya pada Februari 2012, Kementerian telah melantik syarikat ZZM Architect Sdn. Bhd. sebagai perunding arkitek bagi projek ini bagi menggantikan Arkitek Zul disebabkan kematian pemilik. Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan pelantikan dengan mengambil kira baki 27% daripada keseluruhan perkhidmatan perunding terdahulu dan kos perunding. Semakan Audit mendapati sehingga bulan November 2014, Kementerian telah membayar RM9.92 juta kepada pihak perunding dan dijangka meningkat sehingga RM12.78 juta berdasarkan kos keseluruhan projek. Bagaimanapun, jumlah peningkatan bagi pembayaran yuran kos perunding termasuk penyelia pengawasan tapak belum dimuktamadkan kerana nilai keseluruhan projek belum diselaraskan lagi oleh Kementerian. Pada pendapat Audit, pelantikan juruperunding telah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan, bagaimanapun Kementerian perlu memastikan perunding melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan bersesuaian dengan kos yang ditanggung oleh Kerajaan.	
12.5.2.3.a	**Pentadbiran Kontrak - Perjanjian Kontrak** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Tarikh kuat kuasa kontrak hendaklah dinyatakan sebagai tarikh Surat Setuju Terima ditandatangani oleh petender yang berjaya.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.2.3.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 22 Januari 2010. Bagaimanapun, Dokumen Kontrak yang ditandatangani dengan Syarikat Keindah tidak menunjukkan tarikh kontrak ditandatangani. Namun, Dokumen Kontrak ini telah disetemkan pada 14 September 2011. Berdasarkan tarikh ini menunjukkan Dokumen Kontrak telah lewat disempurnakan selama 16 bulan selepas mengambil kira tempoh 4 bulan yang dibenarkan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Perkara ini disebabkan pihak Kementerian terpaksa mengambil masa bagi membuat semakan dan penyelarasan semula harga, meneliti draf kontrak serta lukisan kontrak yang disediakan oleh pihak perunding supaya kontrak yang disediakan itu teratur, mengikut peraturan Perolehan Kerajaan semasa dan menjamin hak dan kepentingan Kerajaan. Kementerian juga telah meletakkan tarikh pada dokumen kontrak sebagai tindakan pembetulan.* Pada pendapat Audit, memandangkan kes kelewatan menandatangani kontrak kerap berlaku, Kementerian perlu mewujudkan satu mekanisme untuk mengatasinya supaya menjamin kepentingan Kerajaan semasa pelaksanaan projek.	
12.5.2.3.b	**Arahan Perubahan Kerja** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007 menjelaskan bagi membuat perubahan kepada kerja atau pengukuran semula kerja berkaitan dengan pelan, spesifikasi atau senarai kuantiti yang terkandung dalam kontrak, kelulusan daripada Pegawai Penguasa yang dinamakan dalam kontrak atau jawatankuasa APK/Lembaga Perolehan hendaklah diperolehi sebelum sesuatu perubahan kerja dilaksanakan dan perubahan kerja hendaklah dikeluarkan dalam tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati sebanyak 5 jenis perubahan kerja dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM1.61 juta telah selesai dilaksanakan bagaimanapun, hanya kelulusan secara prinsip diperolehi tanpa kelulusan daripada Pegawai Penguasa. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kerja-kerja tersebut seperti kerja-kerja *underground mapping*, meroboh bangunan sedia ada, pengalihan kabel utiliti serta kerja-kerja membuang dan mengalihkan *underground services* mesti dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja binaan dapat diteruskan.	**Maklum balas terkini pada 23 Mac 2015** Pegawai Penguasa tidak dapat menandatangani Borang permohonan Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) pada waktu itu kerana salah satu syarat dalam borang perakuan KPK adalah perubahan itu benar-benar perlu dilaksanakan dan mempunyai peruntukan yang mencukupi. Memandangkan pada ketika itu peruntukan belum lagi di luluskan sedangkan perubahan itu benar-benar perlu dilaksanakan, maka kerja-kerja *underground mapping*, meroboh bangunan sedia ada, pengalihan kabel utiliti serta kerja-kerja membuang dan mengalihkan *underground services* mestilah dilaksanakan terlebih dahulu pada ketika itu supaya kerja-kerja pembinaan seterusnya dapat dilaksanakan demi untuk mengelakkan kelewatan berterusan. Perubahan Kerja ini telah diperakui melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja pada 24 Oktober 2014 dan seterusnya dibentangkan kepada Lembaga Perolehan A pada 19 Disember 2014. Kementerian ini telah menghantar kertas perakuan tersebut ke Kementerian Kewangan Malaysia pada 24 Disember 2014 untuk kelulusan seterusnya. Walau bagaimanapun Kementerian kewangan telah memohon beberapa maklumat

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Pegawai Penguasa tidak dapat menandatangani Borang permohonan Kelulusan Perubahan Kerja (KPK) pada waktu itu kerana salah satu perakuan bagi KPK adalah perubahan itu benar-benar perlu dilaksanakan dan mempunyai peruntukan yang mencukupi. Memandangkan pada ketika itu peruntukan belum lagi di luluskan sedangkan perubahan itu benar-benar perlu dilaksanakan, maka kerja-kerja underground mapping, meroboh bangunan sedia ada, pengalihan kabel utiliti serta kerja-kerja membuang dan mengalihkan underground services mestilah dilaksanakan terlebih dahulu pada ketika itu supaya kerja-kerja pembinaan seterusnya dapat dilaksanakan. Perubahan Kerja ini telah diperakui melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perubahan Kerja pada 24 Oktober 2014 dan seterusnya dibentangkan kepada Lembaga Perolehan A pada 19 Disember 2014 untuk diperakukan, Kementerian ini telah menghantar kertas perakuan ke Kementerian Kewangan Malaysia pada 24 Disember 2014 untuk kelulusan.* Pada Pendapat Audit, Kementerian telah mendapat kerjasama yang baik daripada kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut sebelum kelulusan diperolehi bagi memastikan tidak berlaku kelewatan tempoh penyiapan projek kerana proses kelulusan APK memerlukan tempoh masa yang lama. Oleh itu bagi kes kerja-kerja yang perlu seperti di atas, Kementerian hendaklah mencari satu mekanisme untuk mempercepatkan proses kelulusan APK supaya kelulusan diperoleh terlebih dahulu sebelum kerja tersebut dilaksanakan.	tambahan dan maklumat-maklumat tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada 23 Mac 2015.
12.5.3.b	**Reka Bentuk Pembinaan** Kerja pembinaan longkang merupakan item *surface water drainage* di bawah peruntukan *external works* dengan kos yang ditetapkan dalam kontrak bernilai RM5.94 juta. Longkang dibina untuk saliran air ke tempat selamat seperti tasik, kolam, sungai, atau laut tanpa menjejaskan struktur-struktur lain dan menjamin keselamatan. Berdasarkan spesifikasi dalam kontrak, longkang yang perlu dibina adalah jenis *U-shape* dan *half round drain* mengikut kesesuaian lokasi seperti di lukisan asal. Syarikat Keindah telah memohon kepada perunding supaya semua longkang di tapak pembinaan dibina dari jenis *U-shape drain* kerana lanya lebih kukuh dan mudah dipasang. Pemasangan longkang tersebut dipersetujui oleh Unit Teknikal, Bahagian Pembangunan dengan syarat kerja-kerja yang dijalankan tidak melibatkan sebarang penambahan kos serta pembinaan longkang ini boleh menampung kapasiti saluran air. Lawatan fizikal Audit mendapati semua longkang yang	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dibina adalah berdasarkan dari jenis *U-shape drain*. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan tuntutan yang dibuat oleh kontraktor sama ada longkang jenis *U-shape* atau *half round drain* kerana pihak Kementerian belum lagi memuktamadkan nilai sebenar kerja binaan tersebut. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Cadangan asal longkang bersaiz 600mm, 750mm dan 900mm adalah jenis half round drain. Namun pada 21 Jun 2010 pihak kontraktor telah mencadangkan untuk menggantikan cadangan parit tersebut kepada jenis precast U drain. Memandangkan cadangan pemasangan longkang jenis precast U drain lebih mudah dan cepat serta kukuh berbanding half round drain, Pihak Perunding Fajar Sdn. Bhd. tiada halangan terhadap cadangan tersebut. Permohonan kelulusan longkang jenis U-Shape juga telah dibincangkan di dalam Minit Mesyuarat Teknikal Bil. 04/2010 dan laporan perunding telah disediakan. Pihak Kementerian sedang menyediakan dokumentasi Pelarasan Harga Kontrak (PHK) berkaitan dalam memuktamadkan semula nilai dan bahan sebenar kerja binaan longkang tersebut disasarkan siap pada 30 Mac 2015 dan penjimatan keseluruhan kerja-kerja longkang dianggarkan sebanyak RM1,064,210.23.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memastikan nilai kos projek yang dibayar adalah selaras dengan kerja-kerja pembinaan. Kementerian juga perlu membuat semakan terperinci secara fizikal di kawasan pembinaan bagi mengesahkan lukisan siap bina bersamaan dengan tuntutan yang dibuat sama ada secara pengukuran semula, menyemak kualiti penggunaan bahan binaan serta kerja-kerja pembinaan sebelum memuktamadkan akaun projek.	
12.5.4	**Pagar Keselamatan Stor Peluru Dan Stor Senjata** Perintah Am Tentera Darat Keluaran No. 1 Tahun 1990 di bawah perkara Arahan Keselamatan Gudang Peluru antaranya menyatakan bahawa pagar keselamatan perlu dibina sekurang-kurangnya 150 kaki dari bangunan gudang peluru termasuk lampu keselamatan bagi mengelakkan pencerobohan; letupan; sabotaj; kebakaran; kehilangan jiwa dan ancaman lain. Mengikut lukisan asal di dalam dokumen kontrak, Stor Peluru dan Senjata dilengkapi dengan pagar jenis *chainlink*. Bagaimanapun arahan daripada Markas Tentera Udara telah menetapkan kawasan stor peluru dan senjata perlu dilengkapi dengan pagar jenis *anti-cut* dan *anti-climb* bagi menjamin keselamatan. Cadangan pembinaan pagar jenis ini telah dimajukan melalui permohonan	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Arahan Perubahan Kerja dengan anggaran kos berjumlah RM166,600. Bagaimanapun permohonan perubahan kerja ini telah dibatalkan kerana kekurangan peruntukan. Lawatan fizikal mendapati stor peluru dan senjata tidak dapat digunakan kerana kawasan sekeliling stor ini tidak dilengkapi pagar keselamatan. Gambar berikut menunjukkan keadaan Stor Peluru dan Stor Senjata yang tidak dilengkapi dengan pagar keselamatan. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Peruntukan bagi pembinaan bagi pagar keselamatan bagi Stor Peluru dan Stor Senjata jenis Anti Cut dan Anti Climb ini telah diluluskan dalam ABM 2015 di bawah Dasar Baru dan telah disalurkan kepada Agensi Penyenggaraan (JKR). Perkara ini dijangka akan ditender pada penghujung April 2015 dan kerja-kerja tersebut mengambil masa selama 6 bulan untuk disiapkan.* Pada pendapat Audit, Kementerian perlu memberi keutamaan dari aspek keselamatan terhadap kemudahan yang dibina supaya aset ketenteraan terjamin.	
12.5.5	**Kualiti Pembinaan** Mengikut Pekeliling Am Bil. 5 Tahun 2004, pelaksanaan projek pembangunan antaranya adalah untuk menyediakan kemudahan yang berkualiti. Kerja pembinaan perlu dilaksanakan dengan kemas dan berada pada tahap piawaian yang boleh diterima serta memenuhi standard kualiti bagi menjamin keselamatan bangunan dan memastikan penggunaan secara optimum dapat digunakan secara berterusan. Semakan Audit mendapati sebahagian kerja binaan yang dilaksanakan kurang berkualiti; kemasan lantai kurang memuaskan; wayar elektrik dibiarkan terdedah, kerja elektrikal dan mekanikal tidak sempurna dan kemasan di tangga tertanggal. Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 12 Februari 2015 *Secara keseluruhannya, semua bangunan telah mencapai tahap layak diduduki dan digunakan tanpa menjejas fungsi bangunan, dimana kecacatan bangunan yang kecil telah disenaraikan sewaktu Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 12 bulan. Kerja-kerja pembinaan yang kurang berkualiti dan kurang memuaskan telah diambil tindakan sepenuhnya oleh pihak kontraktor.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 12.5.5

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pihak pelanggan dan JKR perlu melaporkan kecacatan kerja dan kerosakan tersebut kepada kontraktor dengan segera dan memastikan kontraktor mengambil tindakan pembaikan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan demi keutuhan bangunan, keselamatan dan keselesaan pengguna.	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis Diraja Malaysia

Perenggan 13 : Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembangunan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am Simpang Renggam, Johor

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.1	**Prestasi Perolehan - Bayaran Dibuat Sebelum Perabot Dibekalkan (*Improper Payment*)** Perenggan 2, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 20 Tahun 1980 menjelaskan sesuatu pembayaran adalah *improper* jika pembayaran itu dibuat dengan tidak sewajar sama ada bertentangan dengan peruntukan undang-undang, peraturan atau tidak mengikut syarat-syarat, kaedah atau amalan lazim yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran. Semakan Audit mendapati perolehan dan pembayaran perabot bagi Kem Batalion 5 PGA Simpang Renggam yang diuruskan oleh PGA Briged Tengah telah dibuat pembayaran penuh berjumlah RM760,150 pada 24 dan 27 Disember 2013 walaupun tiada sebarang perabot dibekalkan sebelum atau pada tarikh tersebut. Penerimaan perabot oleh PGA Simpang Renggam hanya dibekal antara 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 Dan 9 Mac 2015 *Perolehan perabot bagi Kem Batalion 5 mula dilaksanakan apabila waran peruntukan bertarikh 14 Jun 2013 diterima oleh Briged Tengah. Disebabkan Pakej 1 Zon B dijangka siap pada Mac 2015 dan kemajuan projek tidak menentu, pihak Briged pada asalnya berpandangan perolehan perabot tidak sepatutnya dibuat pada tahun 2013. Bagaimanapun, Komander Briged Tengah telah mengarahkan perolehan perabot ini dilaksanakan disebabkan waran peruntukan telah diterima pada 27 Jun 2013. Satu mesyuarat pengurusan perolehan telah diadakan pada 23 Ogos 2013 dan perancangan perolehan dengan lebih teliti dapat dibuat setelah pelan bangunan Kem Batalion 5 diperoleh daripada arkitek PBLT pada 18 Oktober 2013. Selepas mengambil kira saiz dan keperluan, perolehan sebenar hanya dapat dibuat*	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.1.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pada 18 Oktober 2013 dengan mengeluarkan iklan sebut harga. *Susulan daripada proses perolehan yang lambat dimulakan dan mengambil kira waran peruntukan yang diterima pada tahun 2013 akan luput sekiranya tidak dibelanjakan mengikut pemahaman Komander pada masa itu, Komander Briged Tengah mengakui dengan mengambil kira ketidakmampuan pembekal membuat pembekalan sepenuhnya pada tahun 2013, pembekal telah memberi aku janji untuk membekalkan perabot apabila tempahan siap. Pihak syarikat pembekal dalam surat aku janji memberi jaminan kepada Komander Briged Tengah akan membuat penghantaran, membekal dan memasang perabot serta peralatan-peralatan apabila bangunan siap tanpa sebarang kos.* *Komander Briged Tengah telah membuat perakuan bahawa Projek Pakej 2 dan Pakej 3 telah siap dan sekiranya peruntukan ini tidak dibelanjakan, pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) Briged Tengah tidak akan dapat menerima peruntukan perabot ini pada masa akan datang. Bahagian Bangunan, Bukit Aman dimaklumkan peruntukan hendaklah dibelanjakan sepenuhnya mengikut tatacara yang telah ditetapkan apabila waran dikeluarkan kelak melalui Mesyuarat Penyelarasan Perolehan Perabot PDRM 2013 yang diurusetiakan oleh Bahagian Pembangunan, KDN pada 16 Januari 2013. Urusan bayaran telah dibuat pada 24 dan 27 Disember 2013 dengan menyediakan perakuan terimaan bersandarkan aku janji yang diberi oleh pembekal. Kesemua perabot telah diterima di Batalion 5, Simpang Renggam antara 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014.* Pada pendapat Audit, pembayaran bagi pengurusan perolehan ini tidak mengikut peraturan kerana telah berlaku *improper payment*. Di dalam Surat Setuju Terima (SST) telah dinyatakan dengan jelas bahawa pembayaran hanya boleh dilakukan sekiranya perkhidmatan dan bekalan telah diterima sepenuhnya. Tambahan pula, surat aku janji yang dinyatakan oleh pihak Kementerian tidak dinyatakan langsung dalam SST berkenaan.	
13.5.1.2.a	**Prestasi Penerimaan Perabot** Semakan Audit mendapati bayaran telah dibuat pada 24 dan 27 Disember 2013 manakala item perabot diterima secara berperingkat bermula pada 30 Disember 2013 yang melibatkan 8 item perabot sehinggalah penghantaran yang terakhir dibuat pada 16 April 2014. Tempoh masa yang diambil oleh pembekal bagi penghantaran perabot tersebut selepas bayaran disempurnakan adalah antara 4 hingga 109 hari.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.1.2.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.2.b	Pemeriksaan Audit yang dijalankan pada 1 April 2014 mengesahkan masih terdapat perabot yang belum diterima daripada satu pembekal. Malahan beberapa item perabot seperti peralatan elektrik dan audio dihantar pada masa pemeriksaan Audit sedang dijalankan.	
13.5.1.2.c	Selain itu, berdasarkan Laporan Penerimaan Barang Pembangunan Baru bagi Batalion 5 PGA Simpang Renggam juga memperakui sehingga tarikh pemeriksaan Audit, sebanyak 7 jenis item melibatkan 243 unit barangan bernilai RM22,420 masih belum diterima. Mengikut salinan Nota Penghantaran yang diterima selepas pemeriksaan Audit, semua item berkenaan telah diterima pada 16 April 2014. Pada pendapat Audit, semua aset sepatutnya diterima sebelum akhir tahun dan sebelum pembayaran dibuat pada tahun semasa. Amalan melaksanakan perolehan perabot pada penghujung tahun akan menyebabkan perabot lewat diterima dan tidak dihantar oleh pembekal. Sehubungan itu, perancangan awal, pelaksanaan yang teratur dan pemantauan yang berkesan perlu dilaksanakan oleh jabatan. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 *Komander Briged Tengah mengakui bahawa penerimaan perabot telah diterima bermula pada 30 Disember 2013 hingga 16 April 2014 daripada pembekal dengan kelewatan sebagaimana yang telah dilaporkan oleh pihak Audit iaitu antara 4 hingga 109 hari. Kelewatan penerimaan disebabkan oleh pelantikan pembekal dibuat pada akhir tahun dengan Pesanan Kerajaan dikeluarkan pada 29 November 2013 hingga 10 Disember 2013 dan pihak pembekal memaklumkan pembekalan tidak dapat dibuat kerana tempahan-tempahan yang dibuat masih belum siap dan diterima. Bagaimanapun, barang-barang perabot telah diterima sepenuhnya pada 16 April 2014 dan telah didaftarkan sebagai aset serta disimpan di tempat yang selamat.* *Perolehan perabot ini adalah perolehan pertama yang dibuat oleh pihak Briged Tengah yang melibatkan nilai perolehan yang besar. Pihak Briged mengakui tidak mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam menguruskan perolehan sebegini. Bagi mengelakkan perkara yang sama berulang, pihak Jabatan Logistik telah mengeluarkan peringatan kepada semua PTJ pada 30 Oktober 2014 di bawah kawalannya. Kursus juga akan diberikan kepada semua PTJ dan Ketua Jabatan Logistik (KJL) yang melaksanakan urusan perolehan. Bagi tindakan pembetulan, sebanyak 7 item perabot berjumlah 243*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	unit bernilai RM22,420 telah diterima oleh Kem Batalion 5 Simpang Renggam pada 16 April 2014 dan telah disahkan penerimaannya oleh Pegawai Bekalan Batalion dan telah didaftarkan.	
13.5.1.3.a	**Dokumen Palsu Bagi Tujuan Penyelesalan Pembayaran** Pihak Audit mendapati kesemua pembayaran perolehan ini telah disokong dengan invois yang telah diperakui bahawa barang-barang telah diterima dengan sempurna oleh Pegawai Turus Logistik (Bekalan) PGA Briged Tengah. Baucar bayaran telah disokong dengan dokumen sokongan yang lain seperti nota penghantaran daripada pembekal dan nota penerimaan barangan yang dijana daripada sistem ePerolehan. Bagaimanapun, pada tarikh pembayaran disempurnakan tiada perabot telah dihantar ke Batalion 5 PGA Simpang Renggam.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.1.3.b
13.5.1.3.b	Semakan Audit di PGA Simpang Renggam pada 1 April 2014 pula mendapati nota penghantaran yang dikemukakan pembekal adalah berdasarkan item perabot yang sebenar diterima pada masa penghantaran dibuat dan telah diperakui oleh Pegawai Bekalan. Semakan Audit selanjutnya terhadap nota penghantaran yang diterima di PGA Briged Tengah dan PGA Simpang Renggam mendapati nota penghantaran yang berbeza telah dikemukakan oleh pembekal bagi penghantaran item perabot. Pihak Audit mendapati sejumlah 12 nota penghantaran telah diterima di PGA Simpang Renggam berbanding 5 nota penghantaran yang diterima di PGA Briged Tengah untuk tujuan pembayaran. Ini menunjukkan pemalsuan dan penipuan terhadap dokumen pembayaran telah berlaku dalam pengurusan perolehan perabot. Pada pendapat Audit, kawalan dalaman bagi pengurusan perolehan perabot adalah sangat lemah dan menyebabkan berlakunya pemalsuan dokumen sokongan dalam pembayaran dan *improper payment.* Sehubungan itu, pihak KDN/PDRM perlu menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi menyiasat perkara ini. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 Dan 9 Mac 2015 *Bagi membolehkan pembayaran dibuat, pihak Briged telah menerima 5 nota penghantaran daripada pembekal bersekali dengan surat aku janji memberi jaminan kepada Briged Tengah akan membuat penghantaran, membekal dan memasang perabot serta peralatan-peralatan apabila bangunan siap tanpa*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebarang kos. Sebagai tindakan pencegahan, Jabatan Logistik, PDRM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Oktober 2014 kepada semua PTJ supaya memastikan bayaran dibuat setelah bekalan dan perkhidmatan telah diterima. Kementerian juga mencadangkan supaya peruntukan disertakan bersekali kos projek bagi memudahkan perancangan perolehan dibuat termasuk peruntukan yang telah disediakan. *Hasil daripada penemuan Audit, siasatan awal telah dijalankan oleh Urusetia (Pematuhan) Jabatan Logistik mendapati bahawa memang terdapat kelemahan dan ketidakpatuhan dalam tatacara menguruskan proses perolehan dan pembayaran perabot. Kes ini telah dirujuk kepada Jabatan Integriti Pematuhan Standard (JIPS) pada 28 Oktober 2014 bagi menjalankan siasatan lebih lanjut dari sudut tindakan tatatertib.* *Jawatankuasa Siasatan yang telah ditubuhkan dan dilantik oleh Ketua Setiausaha, KDN masih menjalankan kajian terhadap hasil siasatan awal yang dilaporkan oleh Urusetia (Pematuhan) Jabatan Logistik. Sehubungan itu, penyediaan draf akhir bagi pelaporan berkenaan dijangka akan dikeluarkan pada penghujung bulan Mac 2015.*	
13.5.2.1	**Perancangan Perolehan Perabot Kurang Teliti** Perancangan perolehan merupakan aspek yang paling asas dan penting dalam pengurusan perolehan Kerajaan. Perancangan perolehan yang baik boleh mengawal kos dan menangani masalah sesuatu perolehan. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Bil. 12 Tahun 2012 pada 24 Disember 2012, PDRM dan Bahagian Pembangunan KDN telah diminta agar menyelaras keperluan perabot bagi projek PFI dan projek PBLT yang dijangka siap pada tahun 2013. Satu mesyuarat penyelarasan perolehan perabot PDRM kemudiannya telah diadakan pada 16 Januari 2013 di mana PDRM memaklumkan perancangan perolehan perabot pada tahun 2013 adalah berjumlah RM11.10 juta dan Kem Batalion 5 PGA Simpang Renggam, Johor telah diperuntukkan sejumlah RM1 juta. Pada 10 Mei 2013, Jabatan Logistik, Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman telah memohon kepada Bahagian Kewangan, KDN untuk mendapatkan peruntukan berjumlah RM800,000 kepada Komander PGA Briged Tengah dengan disalinkan kepada Bahagian Pembangunan, KDN. Berdasarkan surat permohonan tersebut, pihak Jabatan Logistik turut memaklumkan bangunan telah siap sebahagian dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan September 2013.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.2.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.2.2	Bahagian Pembangunan, KDN melalui memo kepada Bahagian Kewangan, KDN bertarikh 11 Jun 2013 pula memaklumkan bahawa semakan telah dibuat terhadap permohonan tersebut. Sehubungan itu, waran peruntukan berjumlah RM800,000 telah diluluskan oleh Bahagian Kewangan, KDN pada 14 Jun 2013. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 Dan 9 Mac 2015 *Perancangan peruntukan perolehan perabot Kem Batalion 5 PGA Simpang Renggam telah dirancang bersama 13 projek pembinaan di bawah PDRM lain yang telah siap dan sedang dalam pembinaan bagi tahun 2013. Sehubungan itu, peruntukan adalah diberikan secara menyeluruh bagi 14 projek. Projek yang belum disiapkan turut disenaraikan dalam perancangan memandangkan butiran perabot tidak diwujudkan pada tahun 2014.* *Semasa permohonan peruntukan bagi projek Kem Batalion 5 Simpang Renggam dikemukakan ke KDN, kesemua pembinaan di PGA Simpang Renggam akan selesai pada 11 Mac 2015 iaitu komponen di bawah Pakej 1 Zon B. Sementara itu, pakej lain dijangka siap dibina selewat-lewatnya pada 11 September 2013. Mengambil kira faktor ini, peruntukan untuk perolehan perabot dibuat bersekali dengan 13 projek pembinaan yang lain.* *Selain itu, berdasarkan kepada Mesyuarat Penyelarasan Bajet Pembangunan dan Mengurus Kementerian Dalam Negeri Bil. 5/2013 dan Bil. 6/2013 bertarikh 3 Oktober 2013 dan 14 November 2013, KDN telah beberapa kali memaklumkan agar semua jabatan/agensi membuat perolehan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Sekiranya jabatan/agensi gagal membelanjakan peruntukan atau prestasi projek kurang memuaskan/projek lewat, jabatan/agensi hendaklah mengembalikan semula peruntukan kepada Bahagian Kewangan, KDN.*	
13.5.2.3	Namun demikian, semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Projek No. 6 (Bulanan) bagi tempoh 15 September 2011 (pada tarikh milik tapak) hingga 26 Oktober 2011 oleh Lestari Nilam Suria Synergy JV mendapati Pakej 1 dinyatakan akan siap sepenuhnya pada 11 Mac 2015. Sementara itu, Kemajuan Projek No. 83 (Mingguan) pada 19 April 2013 iaitu tarikh sebelum permohonan peruntukan dikemukakan oleh Jabatan Logistik, PDRM Bukit Aman juga menyatakan tarikh siap bagi Pakej 1 adalah sehingga 11 Mac 2015. Pihak Audit mendapati laporan kemajuan yang disediakan	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.2.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tersebut menunjukkan pencapaian sebenar bagi keseluruhan Pakej 1 adalah 35%. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 Dan 9 Mac 2015 *Pihak Briged Tengah menyedari tahap peratusan kemajuan projek semasa permohonan peruntukan dibuat. Ini kerana semasa permohonan waran peruntukan oleh Bahagian Bangunan Bukit Aman PDRM ke Bahagian Pembangunan KDN pada 10 Mei 2013, pihak Bridged Tengah telah mengambil kira maklumat kemajuan projek pada akhir bulan April 2013 di Pakej 1 Zon A sepatutnya telah mencapai 70% tetapi pencapaian sebenar hanya 41%.* *Pada masa akan datang, semua projek fizikal yang dibuat bersaingan dengan perolehan perabot hendaklah dirancang perolehan perabot dengan tempoh 6 bulan sebelum projek fizikal siap sepenuhnya. Kementerian akan memastikan pemantauan dan perancangan yang lebih rapi bagi projek fizikal yang dibuat berasingan dengan perolehan perabot.*	
10.5.2.4	Lawatan Audit pada 1 April 2014 juga mendapati kerja menanam cerucuk bangunan pentadbiran dan pembinaan bangunan Mes Pegawai Kanan sedang dilaksanakan. Kemajuan tapak mengesahkan bangunan masih belum mencapai peratusan siap yang mewajarkan perolehan perabot dibuat.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.2.5
13.5.2.5	Semakan Audit selanjutnya mendapati 86.0% keperluan perabot adalah untuk kegunaan bangunan di bawah Pakej 1. Ini menunjukkan kelemahan dari segi perancangan perolehan perabot kerana kemajuan fizikal bangunan yang dibina hanya mencapai 56% pada 14 Mac 2014. Tambahan pula berdasarkan Laporan Kemajuan Projek No. 130 (Mingguan) pada 14 Mac 2014 telah dinyatakan terdapatnya lanjutan masa (EOT 1) kepada 4 September 2015. Sehubungan itu, pihak Audit berpendapat keputusan perolehan perabot pada tahun 2013 adalah kurang tepat kerana tarikh siap bangunan yang akan menempatkan sebahagian besar perabot adalah pada tahun 2015. Pada pendapat Audit, semua pihak yang terlibat perlu membuat perancangan perolehan dengan lebih teliti dan sentiasa dinilai dari semasa ke semasa bagi memastikan keputusan dibuat dengan tepat. Semakan terhadap kemajuan projek perlu dilakukan di samping pemantauan berterusan ke atas pelaksanaan projek. Bahagian Pembangunan KDN sepatutnya meneliti	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	permohonan peruntukan dengan lebih terperinci sebelum peruntukan diluluskan dan diagihkan kepada PTJ. Hal ini penting bagi memastikan projek yang telah dibangunkan oleh Kerajaan dapat berfungsi dan beroperasi dengan baik seterusnya meningkatkan imej PDRM dan Kerajaan. Selain itu, 1PP PK 2/2013 (Kaedah Perolehan Kerajaan) juga menetapkan bahawa agensi hendaklah membuat perancangan perolehan bagi mengawal kos dan menangani masalah dalam melaksanakan sesuatu perolehan. Amalan untuk menghabiskan peruntukan di penghujung tahun adalah tidak dibenarkan. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 *Permohonan waran dan proses perolehan dilaksanakan berdasarkan keperluan perabot bagi bangunan yang telah siap dan jangkaan tempoh siap bagi Pakej 1 Zon A. Sebagai tindakan pencegahan, Kementerian juga mencadangkan supaya peruntukan disertakan bersekali dengan kos projek bagi memudahkan perancangan perolehan dibuat termasuk peruntukan yang telah disediakan.*	
13.5.3.1	**Pengurusan Perolehan - Perolehan Secara Sebut Harga - Sebut Harga Tidak Dipelawa Daripada Kontraktor Tempatan** Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 telah menjelaskan mengenai pengurusan sebut harga dalam kalangan 5 pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod berkaitan dan nilai antara RM50,000 hingga RM500,000. Semakan Audit mendapati sebut harga telah diuruskan oleh Ibu Pejabat PGA Briged Tengah, Cheras melalui panggilan 5 sebut harga yang berlainan. Semakan Audit juga mendapati syarikat yang ditawarkan sebut harga adalah daripada syarikat yang beralamat di Bangi, Selangor; Shah Alam, Selangor dan Kuala Terengganu, Terengganu. Pada pendapat Audit, pembuat/pembekal tempatan di Johor juga boleh dipelawa menyertai sebut harga memandangkan pemilihan syarikat yang berdekatan dengan pengguna akhir iaitu Kem Batalion 5, PGA Simpang Renggam adalah lebih berkesan dan mengurangkan harga jualan. Ini kerana kos penghantaran, kos pemasangan, kos membaiki kecacatan dan khidmat selepas jualan yang tinggi disebabkan oleh faktor jarak lokasi akan diserap oleh syarikat ke dalam harga jualan yang menyebabkan peningkatan harga	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.3.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	jualan. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 *Sebagai tindakan pencegahan, pegawai bertanggungjawab telah didedahkan pengetahuan berkaitan perolehan dan kewangan melalui kursus dan latihan yang diberikan. Jabatan Logistik, PDRM telah mengeluarkan surat peringatan bertarikh 31 Oktober 2014 kepada semua PTJ supaya memastikan bayaran dibuat setelah bekalan dan perkhidmatan telah diterima.*	
13.5.3.2	**Perolehan Perabot Tidak Dibuat Melalui Kontrak Pusat Sistem Panel** Mengikut AP 178.1(b), Perbendaharaan menetapkan barangan dan perkhidmatan tertentu yang diperoleh melalui Kontrak Pusat Sistem Panel (Kontrak Panel) hendaklah dibuat daripada panel pembekal yang telah dilantik oleh Perbendaharaan. Selain itu, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) berkenaan Kontrak Panel menghendaki Jabatan membuat perolehan mengikut tatacara perolehan semasa di kalangan syarikat panel pembekal yang dilantik sahaja. Agensi tidak dibenarkan memperolehi daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit mendapati PGA Briged Tengah telah membuat perolehan perabot berasaskan kayu, perabot berasaskan logam dan katil di kalangan pembekal bukan Kontrak Panel dan kebenaran Perbendaharaan Malaysia tidak diperoleh terlebih dahulu bagi perolehan tersebut. Nilai keseluruhan item perabot yang dibuat di luar kontrak pusat berjumlah RM370, 238. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 *Briged Tengah mengakui perolehan perabot tidak dibuat melalui Kontrak Pusat Sistem Panel. Briged Tengah mengakui kelemahan kekurangan pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan perolehan ini. Ini merupakan perolehan kali pertama melibatkan projek pembangunan dan jumlah besar yang diuruskan PTJ Briged Tengah.* *Sebagai tindakan pencegahan, Jabatan Logistik PDRM memberi penekanan berkenaan perolehan berkaitan sistem panel dalam kursus dan latihan pengurusan kewangan dan perolehan. Pegawai bertanggungjawab juga telah didedahkan pengetahuan berkaitan perolehan dan kewangan melalui kursus dan latihan yang diberikan.*	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.3.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.3.3	**Spesifikasi Khusus Tidak Ditentukan Semasa Tawaran Sebut Harga** Perenggan 4, Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009 menyatakan spesifikasi bagi bekalan atau perkhidmatan hendaklah dinyatakan dalam dokumen sebut harga. Semakan Audit mendapati tawaran sebut harga yang dilaksanakan oleh PGA Briged Tengah tidak menyatakan secara terperinci spesifikasi item yang diperlukan seperti kapasiti, ukuran, jenis/material dan kuantiti. Antara pembelian yang terlibat ialah peti sejuk, *freezer*, televisyen, set sofa, tilam, bantal, PA *System*/LCD *Projector*, *vertical blind,* set pinggan mangkuk dan set *buffet.* Spesifikasi yang tidak dinyatakan secara khusus menyebabkan pengesahan barangan tidak dapat dilakukan bagi memastikan barang yang diterima adalah mengikut keperluan pembelian, perbandingan harga pasaran tidak dapat dilaksanakan, penentuan kos sebenar tidak dapat dibuat serta jaminan kualiti barangan tidak dapat ditentukan. Pada pendapat Audit, pelawaan sebut harga secara *lump sum* perlu dielakkan. Spesifikasi item perlu dinyatakan dengan jelas dalam dokumen tawaran sebut harga/tender bagi memastikan peralatan yang dibekalkan memenuhi keperluan pengguna/Jabatan, memudahkan pengesahan terhadap barangan dilaksanakan dan mengurangkan risiko penyelewengan. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 *Briged Tengah mengakui kelemahan bahawa tiada spesifikasi yang khusus bagi senarai 54 item peralatan perabot dan hanya berdasarkan keperluan standard. Bagi vertical blind kuantiti yang dibeli secara lump sum adalah berdasarkan pelan lantai yang diperolehi daripada arkitek pada 18 Oktober 2013. Bagi menjaga kepentingan Kerajaan pihak kontraktor bersetuju dan memberikan aku janji akan membuat pemasangan vertical blind apabila bangunan siap dibina. Perkara ini diakui berlaku dan berpunca daripada kelemahan kekurangan pengetahuan dan pengalaman pegawai. Arahan Jabatan Logistik PDRM Bil. 71 bertarikh 20 Januari 2012 telah dikeluarkan bagi memberi panduan kepada semua PTJ yang menguruskan perolehan.*	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.3.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.3.4	**Peralatan Belum Dipasang/Diuji** Pemeriksaan fizikal Audit pada 1 dan 2 April 2014 mendapati perabot seperti kabinet senjata api, meja mesyuarat, katil, kerusi pegawai, kerusi pelawat, *vertical blind, LCD projector* dan skrin telah diterima tetapi masih belum dipasang/diuji dengan sempurna kerana bangunan masih belum siap dibina. Sehubungan itu pegawai penerima tidak dapat memastikan semua peralatan perabot tersebut boleh digunakan dan berfungsi dengan baik/sempurna. Pada pendapat Audit, item perabot yang tidak dipasang/diuji boleh menyebabkan pembaziran kerana perabot boleh usang, rosak, tidak padan, berkarat dan melebihi tempoh waranti. Maklum Balas Daripada KDN Yang Diterima Pada 30 Oktober 2014 *Pegawai Pemerintah Kem Batalion 5 Simpang Renggam telah membuat pengujian pada 21 Jun 2014 terhadap Projektor LCD dan skrin digunakan dalam majlis rasmi BN5, mendapati kesemua peralatan tersebut berfungsi dengan baik. Perabot-perabot lain telah disimpan di tempat yang selamat bagi mengelakkan daripada berlakunya kelusangan, rosak dan berkarat. Tindakan yang telah diambil oleh pihak Kem Batalion 5 PGA adalah seperti berikut:-* *i. Kesemua aset yang diperoleh telah didaftarkan mengikut TPA Bil. 5 Tahun 2007;* *ii. Semua perkakasan dan perabot yang disimpan di tiga lokasi iaitu di Tingkat 1 Blok Dahlia Kem Batalion 5 PGA, Dewan Serbaguna Stor 6 dan Bilik Utiliti Blok Anggerik/Bakawali/Cempaka adalah selamat, berkunci dan terlindung daripada keadaan cuaca semasa serta masih sempurna;* *iii. Pengujian item seperti khemah, kerusi bankuet, televisyen telah diuji dan diguna pakai dalam majlis rasmi Batalion 5; dan* *iv. Bagi kabinet senjata api dan Vertical Blind akan diuji setelah bangunan disiapkan.*	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.3.4

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis Diraja Malaysia

Perenggan 14 : Pengurusan Kuarters Polis Diraja Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.1.1.a	**Prestasi Pengurusan Kuarters - Pengisian Kuarters** Pada bulan Disember 2014, bilangan unit kuarters PDRM bagi semua kawasan perumahan di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan kontinjen sebanyak 46,589 unit kuarters. Daripada jumlah ini, sebanyak 43,239 (92.8%) unit telah diisi, manakala sebanyak 2,860 (6.1%) unit didapati tidak sesuai diduduki kerana telah rosak.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.1.1.b
14.5.1.1.b	Analisis Audit terhadap 9,519 data kuarters yang diperoleh daripada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 4 kontinjen yang dilawati mendapati 8,439 (88.7%) unit kuarters telah diisi, 468 (4.9%) unit kosong dan boleh diisi serta 534 (5.6%) unit rosak. Selain itu, analisis Audit juga mendapati sebanyak 78 unit kuarters antaranya telah dijadikan sebagai rumah transit, kegunaan oleh Persatuan Keluarga Polis DiRaja Malaysia (PERKEP), surau, tadika, pejabat dan stor. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 6 Februari 2015 *Kuarters yang masih kosong tetapi tidak diisi (rosak dan baik) sebanyak 468 unit sebenarnya mempunyai kerosakan seperti masalah kumbahan, pendawaian elektrik yang tidak berfungsi dan paip yang berkarat. Ini menyebabkan pemohon menolak untuk mendiami kuarters yang bermasalah dan berhasrat menunggu kuarters yang boleh diduduki tanpa perlu ada sebarang kos pembaikan yang ditanggung oleh pemohon. Kebanyakan kerosakan di kuarters memerlukan perbelanjaan yang besar kerana kerja pembaikan turut melibatkan rumah berpenghuni lain yang mempunyai masalah sama. Selain itu, peruntukan yang diterima tidak mencukupi bagi menangani kos pembaikan secara menyeluruh dan menyebabkan kuarters*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	terbiar dan tidak boleh diduduki. Perbelanjaan kewangan diutamakan kepada pembaikan kecil sahaja.	
14.5.1.2.a	**Prestasi Kewangan** Penyenggaraan kuarters PDRM diurus dan diselia di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan menggunakan perbelanjaan mengurus kod Objek Lanjut (OL28101) - Penyenggaraan Bangunan Kediaman (termasuk berek/asrama dan rumah rehat) di bawah pecahan Kod Objek Sebagai (OS28000) - Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli. Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2014, PDRM hanya membelanjakan sejumlah RM52.63 juta iaitu antara 6.4% hingga 9.2% di bawah OL28101 daripada peruntukan yang diluluskan di bawah OS28000 berjumlah RM707.46 juta bagi tempoh tersebut.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.1.2.b
14.5.1.2.b	Analisis Audit juga mendapati PDRM telah menerima peruntukan di bawah dasar *One Off* di bawah bajet pembangunan bagi tujuan pembaikan kuarters bagi tahun 2013 dan 2014 yang berjumlah RM10 juta dan RM13 juta masing-masing. Bagi tahun 2013, dua kontinjen iaitu Pulau Pinang dan Johor telah menerima peruntukan berjumlah RM6 juta dan RM4 juta masing-masing dan semua peruntukan telah dibelanjakan. Bagi tahun 2014, semakan Audit mendapati Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 6 kontinjen iaitu Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah telah menerima peruntukan *One Off* berjumlah RM3.99 juta, RM1.25 juta, RM1 juta, RM0.5 juta, RM0.68 juta, RM4.57 juta dan RM1 juta masing-masing. Analisis Audit mendapati IPK Pulau Pinang, IPK Kedah dan Sabah telah membelanjakan kesemua peruntukan yang diterima manakala Ibu Pejabat Polis Bukit Aman telah membelanjakan 96.1%. IPK Selangor telah membelanjakan 99.4% diikuti dengan Negeri Sembilan dan Johor masing-masing telah membelanjakan 99.9% dan 90.0%. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 6 Februari 2015 *Peruntukan di bawah Kod Objek 28000 bukan hanya bagi kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan bangunan sahaja tetapi ia juga meliputi kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan, kenderaan, penyelenggaraan CCTV, dan peralatan komunikasi/teknologi maklumat, termasuk juga kontrak penyelenggaraan dan pembersihan kuarters dan pejabat dan ia diagihkan oleh Bahagian Kewangan Bukit Aman. Walaupun demikian, peruntukan yang*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	diterima setiap tahun dalam ABM kurang daripada nilai sebenar yang dipohon. Situasi peruntukan yang amat terhad ini menyebabkan pembaikan kuarters tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan menjejaskan keselesaan bagi penginapan pegawai dan anggota PDRM. Peruntukan kewangan bagi kerja pembaikan/ penyenggaraan hanya digunakan untuk keperluan mendesak dan yang diberi keutamaan sahaja. Bagi kod OS32000 untuk pembaikan besar fasiliti PDRM tahun 2012 hingga 2014, PDRM telah memohon peruntukan berjumlah RM408.7 juta. Bagaimanapun, bagi tempoh tersebut PDRM hanya diluluskan peruntukan berjumlah RM132.4 juta. Manakala permohonan di bawah kod OS28000 dibuat oleh PTJ masing-masing dan kemudiannya dimajukan ke Bahagian Kewangan Bukit Aman untuk diselaraskan. Peruntukan di bawah kod OS28000 diguna sama untuk semua jenis penyelenggaraan, pengangkutan dan komunikasi. Anggaran Jabatan Kerja Raya bagi penyelenggaraan seluruh unit kuarters PDRM adalah berjumlah RM230.27 juta setahun.	
14.5.1.3.a	**Usia Kuarters** Berdasarkan rekod usia kuarters pada tahun 2014 yang disediakan oleh Bahagian Bangunan Jabatan StaRT, Ibu Pejabat Bukit Aman menunjukkan 72.1% usia kuarters PDRM di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan kontinjen adalah berusia melebihi 10 tahun. Bilangan kuarters yang melebihi 20 tahun adalah sebanyak 19,079 unit (41.0%) daripada jumlah keseluruhan iaitu sebanyak 46,589 unit. Selain itu, sebanyak 14,495 unit (31.1%) kuarters lagi berusia antara 11 hingga 20 tahun.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.1.3.b
14.5.1.3.b	Analisis Audit selanjutnya mendapati IPK Kuala Lumpur mempunyai bilangan kuarters yang terbanyak berusia melebihi 10 tahun iaitu sebanyak 4,540 unit (87.1%) dan diikuti dengan IPK Johor, Selangor dan Kedah sebanyak 3,591 unit (73.2%); 3,327 unit (67.8%); dan 3,262 unit (91.3%) masing-masing. Pada pendapat Audit, peruntukan kewangan berkaitan penyenggaraan kuarters adalah terlalu rendah kerana hanya kurang daripada 9.15% dibelanjakan untuk kuarters berbanding keseluruhan peruntukan di bawah kod OS28000 (Penyenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli). Ianya tidak mencukupi untuk menyenggara kuarters PDRM di mana 72.1% bilangan kuarters melebihi 10 tahun. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian sememangnya sedar bahawa peruntukan belanja mengurus bagi penyenggaraan kuarters amat kecil bagi menampung keperluan keseluruhan kuarters PDRM, khususnya yang telah mencapai usia melebihi 10 tahun. Namun mulai tahun 2015, Kementerian berharap peruntukan pembangunan sejumlah RM100 juta (One Off) yang disediakan dapat dimanfaatkan bagi membaiki/menyenggara kuarters PDRM yang uzur.	
14.5.2.1.a	**Pengurusan Kuarters PDRM - Peraturan Dan Garis Panduan** Pengurusan kuarters tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Perintah-Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan) di samping pekeliling lain yang berkuat kuasa. PDRM turut menyediakan garis panduan/tatacara bagi memastikan pengurusan kuarters PDRM diuruskan dengan teratur, cekap dan sistematik dan antaranya seperti berikut:- i. Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) Bahagian C109 - Peraturan Mendiami Rumah Kediaman Yang Disediakan Oleh Kerajaan/Pasukan Dan Bekalan Perabot; ii. Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bab A117 - Pemeriksaan Balai, Kit Dan Berek; iii. Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bab C302 - Penyelenggaraan Bangunan PDRM; iv. Ketua Polis Negara 3 (11.04.1981) - Garis Panduan Peraturan Pembahagian Rumah Khas Jabatan/Rumah Kerajaan Untuk Pegawai Kanan Dan Anggota Pangkat Rendah Polis; v. Arahan Pentadbiran PDRM Bil.17/2009 - Kebersihan Di Kompleks Perumahan PDRM; dan vi. Surat KPN 145/6 (16.09.1995) - Penyelenggaraan Bangunan Dan Kawasan Kediaman PDRM Serta Tujuan Jawatankuasa Penghuni Kompleks Perumahan Ditubuhkan.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.2.1.d
14.5.2.1.b	Semakan Audit mendapati peraturan/garis panduan/pekeliling yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Polis Bukit Aman untuk menguruskan kuarters tidak diguna pakai sepenuhnya di peringkat kontinjen dan daerah yang dilawati. Bagi IPK dan IPD di Sarawak hanya Perintah-Perintah Am Bab E dan pekeliling berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang berkuat kuasa diguna pakai sebagai panduan dalam pengurusan kuarters. Semakan Audit selanjutnya mendapati Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 3 IPK iaitu Kuala Lumpur, Kedah serta Johor turut mengeluarkan peraturan masing-masing. Penggunaan garis panduan yang berbeza menyebabkan pelaksanaan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pengurusan kuarters di peringkat kontinjen dan daerah tidak seragam antaranya berkaitan proses permohonan pengisian/pengosongan kuarters; proses aduan kerosakan dan penyenggaraan kuarters; kaedah pembayaran bil utiliti dan kenaan caj; serta rekod bagi daftar aset dan inventori.	
14.5.2.1.c	Berdasarkan sampel yang dipilih mendapati di peringkat kontinjen, urusan kemasukan ke kuarters telah diuruskan oleh Kem Komandan, Bahagian Pengurusan. Bagaimanapun di peringkat daerah dan balai, tanggungjawab adalah berbeza-beza di mana diuruskan oleh Bahagian Logistik, Bahagian Pengurusan atau pengurusan balai.	
14.5.2.1.d	Temu bual dan semakan Audit terhadap buku log latihan bagi pegawai/anggota yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kuarters bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2014 mendapati tiada sebarang latihan atau pendedahan berkaitan pengurusan kuarters yang diberikan. Pelaksanaan pengurusan kuarters adalah berdasarkan pengalaman dan prosedur yang dipraktikkan sebelum ini. Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengurusan kuarters PDRM perlu diselaraskan kerana peraturan, garis panduan dan tanggungjawab adalah berbeza bagi kontinjen, daerah dan balai serta terdapat IPK/IPD/Balai yang tidak mengguna pakai peraturan yang dikeluarkan. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015 *PDRM tidak sepenuhnya mengguna pakai arahan, perintah tetap, garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan. Pengurusan kuarters adalah lebih kepada amalan dan arahan secara lisan di peringkat IPK, IPD dan Balai. Kementerian dan PDRM akan menyelaras dan memperkemaskan garis panduan bagi menyeragamkan pengurusan kuarters sama ada di peringkat ibu pejabat, kontinjen, daerah dan balai sebagaimana teguran Audit. Jabatan Pengurusan PDRM telah mengadakan Bengkel Pengurusan Kuarters PDRM pada 9 hingga 13 Februari 2015 bertujuan menyelaras dan menambah baik prosedur pengurusan kuarters PDRM bagi keseluruhan formasi PDRM.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.2.2.a	**Prosedur Pengisian Dan Pengosongan Kuarters** Perintah-Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan), menggariskan perkara yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan dalam menguruskan kuarters yang diperuntukkan antaranya seperti perlu melengkapkan borang permohonan kuarters, surat akuan masuk kuarters dan menandatangani surat perjanjian atau aku janji menduduki kuarters. Selain itu, pihak pengurusan kuarters perlu memastikan kunci kuarters diserahkan dalam keadaan sempurna apabila pegawai mengosongkan kuarters dan rekod kawalannya perlu disediakan.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.2.2.d
14.5.2.2.b	Bagi tujuan pengosongan kuarters, Perkara 3.10 Bahagian C109, Perintah Tetap Ketua Polis Negara menyatakan "Apabila penghuni kuarters hendak mengosongkan kuarters yang didiaminya, pegawai/anggota tersebut hendaklah memaklumkan kepada pegawai pemerintah atau pegawai yang bertanggungjawab yang mana akan memastikan satu pemeriksaan dijalankan ke atas kuarters berkenaan bersama-sama penghuni berkaitan. Segala kerosakan ke atas bangunan hendaklah dicatatkan untuk tindakan sewajarnya. Kuarters tersebut hendaklah dibersihkan sebelum diserahkan." Pemeriksaan bersama penghuni perlu dilaksanakan bagi memastikan perabot/kelengkapan masih ada dan berkeadaan baik, kuarters dibersihkan dan semua barang penghuni lama dikeluarkan sebelum Surat Akuan Keluar kuarters dikeluarkan.	
14.5.2.2.c	Berdasarkan senarai nama penghuni kuarters yang dipilih, 5 IPD tidak dapat kemukakan maklumat berkaitan borang permohonan, kelulusan menduduki, arahan menduduki dan sijil akuan masuk oleh pegawai penyelaras perumahan. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya Ibu Pejabat Polis Bukit Aman telah menubuhkan Jawatankuasa Penempatan Perumahan bagi tujuan kelulusan menduduki kuarters manakala di peringkat kontinjen dan daerah permohonan menduduki kuarters telah diluluskan oleh Jabatan/Bahagian Pengurusan atau Jabatan/Bahagian Logistik.	
14.5.2.2.d	Berdasarkan rekod akuan keluar yang disediakan, terdapat IPK dan IPD yang tidak menyediakan rekod berkaitan pengosongan kuarters. Tiada rekod atau bukti semakan kuarters telah diperiksa dan kunci diserahkan serta kuarters telah dibersihkan oleh penghuni semasa pengosongan kuarters. Ini antaranya telah menyebabkan kuarters dijadikan stor oleh penghuni lain, bil utiliti tertunggak dan menjadi tempat pembuangan sampah. Pada pendapat Audit, proses pengisian dan pengosongan kuarters PDRM	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	adalah tidak memuaskan kerana tidak mengikut prosedur/peraturan yang ditetapkan. Borang permohonan dan perjanjian/aku janji menduduki kuarters perlu disediakan dengan lengkap sebelum pegawai dibenarkan menduduki kuarters. Jawatankuasa memproses permohonan dan pengagihan kuarters perlu diwujudkan bagi menilai urusan permohonan serta kelulusan menduduki kuarters. Selain itu, aspek keselamatan/ kawalan kunci kuarters perlu diberi perhatian khususnya terhadap kuarters kosong. Surat Akuan Keluar hanya dikeluarkan setelah pemeriksaan ke atas kuarters dijalankan dan bil utiliti telah dijelaskan. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015 *Prosedur pengisian dan pengosongan kuarters PDRM adalah kurang memuaskan disebabkan oleh tindakan pengisian dan pengosongan kuarters dilaksanakan secara amalan yang tidak sistematik tanpa merujuk kepada arahan dan garis panduan yang telah ditetapkan di peringkat awal. Ini menyebabkan masalah pengurusan kuarters berlanjutan sehingga kini. Tumpuan pegawai PDRM yang menguruskan kuarters turut terlibat dengan hal kawalan keselamatan dan ketenteraman awam. Tugasan secara multi tasking ini masih kurang diberi perhatian; tiada sebarang latihan atau pendedahan berkaitan pengurusan kuarters yang diberikan; dan tiada lantikan Pegawai Perumahan di peringkat Ibu Pejabat Bukit Aman/IPK/IPD/Balai.* *PDRM mengambil langkah penambahbaikan seperti mengadakan Bengkel Pengurusan Kuarters PDRM; memperkemas prosedur pengisian dan pengosongan kuarters di setiap IPK/IPD/Balai secara telus, seragam dan konsisten; memastikan setiap Ibu Pejabat Bukit Aman/IPK/IPD/Balai menubuhkan Jawatankuasa Perumahan dan melantik Pegawai Perumahan seperti di bawah Perintah Am Bab E; memastikan Pegawai Perumahan yang dilantik didedahkan latihan mengenai pengurusan kuarters; memastikan rekod berkaitan pengisian dan pengosongan serta maklumat senarai menunggu kuarters dikemas kini; dan mengemas kini polisi PDRM sedia ada berkaitan pengurusan kuarters.*	
14.5.2.3.a	**Pengurusan Pembayaran Imbuhan Tetap Perumahan Dan Bil Utiliti** Perbandingan maklumat penghuni kuarters di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPK Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Kedah dengan maklumat daripada Bahagian Perkhidmatan Unit Sistem Gaji Bukit Aman menunjukkan 9 daripada	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.2.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	450 orang penghuni kuarters yang disemak telah menerima ITP dan tidak dikenakan bayaran sewa rumah yang berjumlah RM32,620 bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Jun 2014 walaupun telah menduduki kuarters. Ini disebabkan maklumat kemasukan kuarters bagi penghuni yang terlibat tidak dimaklumkan kepada Unit Gaji untuk tujuan pemberhentian bayaran ITP.	
14.5.2.3.b	Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat pegawai dan anggota yang perlu membuat bayaran balik ITP yang telah diterima kerana menduduki kuarters Kerajaan. Ini disebabkan Unit Gaji Bahagian Kewangan tidak dimaklumkan mengenai kemasukan ke kuarters. Berdasarkan maklumat daripada Unit Gaji Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman menunjukkan sejumlah RM186,363 perlu dibayar oleh 5 orang pegawai untuk bayaran balik ITP antara tempoh bulan September 2007 hingga Februari 2014. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015 *Bagi pegawai dan anggota yang perlu membuat pembayaran balik ITP, Unit Gaji Bahagian Kewangan Bukit Aman telah membuat kutipan semula daripada anggota terbabit. Perkara ini berlaku adalah kerana pihak pentadbiran yang menguruskan kuarters/berek tidak memaklumkan kepada Unit Gaji masing-masing untuk tujuan pemberhentian bayaran. Ini menyebabkan ITP dibayar kepada mereka yang terlibat walaupun menduduki kuarters. Unit Pematuhan Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT), PDRM akan mengambil tindakan tatatertib melalui Jabatan Integriti Pematuhan Standard (JIPS) jika tunggakan tidak dapat dikutip.*	
14.5.2.3.c	Bagi pengurusan pembayaran bil utiliti, semakan Audit terhadap prosedur pembayaran bil utiliti di 40 perumahan PDRM yang dilawati mendapati 8 kawasan perumahan menggunakan meter pukal bagi perkhidmatan bekalan air. Bagi perumahan di bawah pentadbiran IPK Kuala Lumpur dan IPD Kuala Muda, bil air dibilkan kepada Ketua Polis Kuala Lumpur dan Ketua Polis Daerah Kuala Muda masing-masing secara pukal berdasarkan maklumat diperoleh daripada meter utama oleh pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dan Syarikat Air Darul Aman (SADA). Penghuni kemudiannya perlu membayar balik kepada bahagian kewangan pejabat masing-masing di IPK atau IPD terlibat mengikut kadar bayaran yang telah ditetapkan atau dibilkan oleh IPK atau IPD mengikut meter individu di kuarters penghuni masing-masing. Semakan terhadap pengurusan pengebilan bil air secara pukal	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.2.3.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mendapati terdapat perbezaan dari aspek proses caj penggunaan air dan kutipan daripada penghuni iaitu dibayar dengan jumlah yang tetap dan dibayar berdasarkan bacaan meter yang dilakukan. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015 *Perbezaan caj penggunaan air bagi meter pukal dan meter individu adalah disebabkan penetapan kadar ini telah lama wujud dan dilaksanakan sejak sekian lama. Kadar ini telah ditetapkan oleh Kem Komandan dan persatuan penduduk di bahagian pengurusan perumahan masing-masing.*	
14.5.2.3.d	Perbandingan telah dijalankan terhadap maklumat bil air secara pukal bagi Kawasan Perumahan Desa Tasik, Desa Aman 1 & 2, Perumahan Balai Polis Kepong dan Perumahan IPD Kuala Muda yang dibilkan oleh pihak SYABAS dan SADA dengan bayaran yang dibuat oleh penghuni berdasarkan Laporan Akaun Hasil dan resit pembayaran. Pihak Audit mendapati terdapat perbezaan bil air yang dibilkan dan telah dibayar oleh PDRM berbanding yang dibayar oleh penghuni berjumlah RM1,779,704 sehingga bulan Ogos 2014. Pada pendapat Audit, pihak PDRM perlu mengambil tindakan segera untuk memberhentikan bayaran ITP kepada setiap anggota yang menduduki kuarters. PDRM juga perlu menyelaraskan pembayaran bil air yang telah dibayar oleh PDRM dengan bayaran yang patut dikutip daripada penghuni. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 6 Februari 2015 *PDRM sedang mengambil tindakan dan berusaha untuk mengutip bil tertunggak daripada penghuni kuarters yang terlibat. Sehingga bulan Januari 2015, tunggakan bil air bagi kuarters tersebut adalah berjumlah RM1.55 juta. Selain itu Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi (StaRT), Jabatan Pengurusan, IPK Kuala Lumpur dan IPK Kedah telah mengambil tindakan seperti mengeluarkan Arahan Pemantauan Pengurusan Ke Atas Kuarters PDRM [No.Ruj: KPN (LOG) 145, bertarikh 27 Januari 2014]; Surat Arahan Pengurusan Sistem Bekalan Air di Kuarters PDRM Desa Aman 2 [No.Ruj: KPN 145, bertarikh 27 Januari 2014]; Arahan Tindakan Ke Atas Penghuni Yang Tidak Layak Tetapi Masih Menduduki Kuarters Polis DiRaja Malaysia (PDRM) [No.Ruj: KPN (LOG) 145, bertarikh 21 Februari 2014]; Permohonan waran peruntukan bagi kerja-kerja migrasi akaun air pukal kepada akaun*	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.2.3.d

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bekalan air meter individu di perumahan PDRM, Desa Aman 2, Pantai Dalam, Kuala Lumpur [No.Ruj: 3/4, bertarikh 7 Mei 2014]; Surat kepada SADA berkenaan pencerahan berhubung arahan bacaan meter secara pukal bagi kuarters Kerajaan Jabatan PDRM Kontinjen Kedah [No.Ruj: 145/6, bertarikh 29 Disember 2014]; Arahan Keluar Dari Perumahan Polis [No.Ruj: KPN 3, bertarikh 6 Januari 2015]; dan Jabatan Pengurusan Bukit Aman PDRM telah mengambil tindakan awal untuk mengadakan Bengkel Pengurusan Kuarters PDRM bertujuan menyelaras dan penambahbaikan prosedur pengurusan kuarters PDRM bagi keseluruhan formasi PDRM.	
14.5.2.4.a	**Penyenggaraan Kuarters** Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2014, PDRM hanya membelanjakan RM52.63 juta iaitu antara 6.4% hingga 9.2% di bawah peruntukan OL28101 (Penyenggaraan Kuarters) daripada peruntukan yang diluluskan di bawah OS28000 berjumlah RM707.46 (Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli). Oleh itu, penyenggaraan berjadual secara keseluruhan terhadap kuarters tidak disediakan sama ada di peringkat kontinjen/daerah/balai berkenaan sebaliknya penyenggaraan dilakukan secara *adhoc* atau berdasarkan aduan daripada penghuni. Ini menyebabkan kerosakan kuarters semakin kritikal dan berlanjutan yang memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi untuk kerja pembaikan. Kadang kala penyenggaraan secara *adhoc* tersebut juga tidak dapat dilakukan disebabkan tiada peruntukan. Kesannya PDRM tidak dapat melaksanakan penyenggaraan berkala menyebabkan Jabatan/Bahagian Logistik terpaksa mendahulukan unit yang rosak dan berpenghuni berbanding unit kuarters yang rosak dan tidak berpenghuni kerana kekangan peruntukan.	
14.5.2.4.b	Semakan Audit terhadap maklumat pengisian kuarters di 40 kawasan perumahan PDRM mendapati sebanyak 534 unit adalah berstatus kosong dan tidak boleh diduduki. Lawatan Audit ke IPD Johor Bahru Utara; IPD Bau; Perumahan Tunku Husna, IPD Kota Setar dan IPD Kuala Muda telah mengenal pasti sebanyak 150; 71; 143; dan 88 unit kuarters masing-masing mengalami kerosakan teruk. Kerosakan tersebut antaranya adalah disebabkan masalah resapan air di dalam kuarters; tangki air utama bocor; tekanan air rendah; bumbung tingkat atas bocor; serangan haiwan perosak seperti anai-anai; dan juga kesan daripada bencana banjir. Selain itu, kuarters yang kosong dan rosak ini tidak diurus dengan baik menyebabkan binaan kelengkapan dalaman kuarters seperti pintu, tingkap dan cermin rosak, dicuri serta dibiarkan berselerak dengan sampah sarap dan barangan peninggalan penghuni terdahulu. Keadaan ini telah menimbulkan persekitaran yang tidak	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	selesa kepada penghuni lain.	
14.5.2.4.c	Lawatan Audit juga mendapati kuarters yang rosak dan terbiar kosong telah disalah guna oleh penghuni daripada tujuan asal. Ia telah dijadikan tempat pembuangan sampah, penyimpanan barang persendirian dan aktiviti vandalisme. Keadaan ini telah menimbulkan persekitaran yang tidak selesa kepada penghuni lain.	
14.5.2.4.d	Pemeriksaan Audit juga mendapati kawasan persekitaran kuarters tidak diurus dengan baik iaitu lalang tumbuh meliar, longkang tersumbat, kuarters dijadikan tempat simpanan barang kes (kenderaan) yang tidak tersusun dan sampah sarap di kuarters tidak dibersihkan. Keadaan ini boleh menjejaskan imej PDRM di samping mengundang kepada permasalahan lain seperti pembiakan nyamuk Aedes dan boleh menggalakkan kehadiran binatang liar seperti ular dan serangga berbisa. Selain itu, sikap penghuni yang tidak prihatin terhadap amalan menjaga kebersihan persekitaran dan aset Kerajaan juga menyumbang kepada permasalahan ini.	
14.5.2.4.e	Kerja pembersihan kawasan kuarters secara berkala/berjadual hanya dilaksanakan di beberapa kawasan perumahan di kontinjen dan daerah. Manakala bagi kawasan perumahan yang tidak mempunyai kontrak, kerja pembersihan dilaksanakan sama ada secara gotong royong atau menggunakan kontraktor pembersihan yang dibayar melalui persatuan penduduk. Bayaran senggara yang dibayar oleh penghuni kuarters kepada persatuan penduduk bukan sahaja digunakan untuk menyenggara kuarters tetapi juga digunakan untuk aktiviti berfaedah yang dijalankan bersama penghuni. Semakan Audit mendapati kadar bayaran adalah berbeza iaitu antara RM5 hingga RM40 di antara kawasan perumahan dan ada juga tidak dikenakan bayaran.	
14.5.2.4.f	Beberapa kemudahan awam seperti taman permainan, dewan serbaguna, taska/KAFA dan surau ada disediakan di sebahagian kuarters yang dilawati. Kemudahan ini kebanyakannya disenggara oleh persatuan penduduk masing-masing dan didapati ada yang disenggara dengan baik seperti di Perumahan Desa Aman 1 dan 2, IPK Kuala Lumpur; Kelompok Jerinjit, Ibu Pejabat Bukit Aman dan Perumahan Kolam Air, IPD Kota Setar. Namun di kawasan perumahan lain, kemudahan ini tidak disenggarakan dengan baik antaranya disebabkan kekangan peruntukan kewangan. Keadaan ini boleh mendatangkan kecederaan kepada mereka yang menggunakan kemudahan tersebut khususnya kanak-kanak.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, akibat daripada peruntukan yang terhad maka penyenggaraan kuarters PDRM tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Ia telah menjejaskan penyenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*) mahupun penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*). Selain itu, PDRM juga perlu memastikan penghuni kuarters lebih bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan kediaman mereka dan sekitarnya serta mengaktifkan jawatankuasa penghuni bagi membantu PDRM mengurus kemudahan awam di kawasan kuarters.	
14.5.2.5.a	**Penyelenggaraan Rekod Kuarters Dan Aset** Tiada unit di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman yang bertanggungjawab menyelenggara rekod keseluruhan kuarters PDRM. Maklumat berkaitan kuarters PDRM tidak dapat diperoleh secara terus di mana ia menyukarkan pemantauan.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.2.5.d
14.5.2.5.b	Daftar/rekod penghuni telah diwujudkan di semua kontinjen, daerah dan balai yang dilawati. Bagaimanapun, rekod tersebut tidak lengkap dan kemas kini serta maklumat penghuni terdahulu tidak disediakan kecuali bagi pengurusan kuarters IPK Sarawak dan IPK Kuala Lumpur di mana rekod disediakan mengikut unit perumahan. Rekod maklumat kuarters yang disimpan juga tidak seragam dan hanya berdasarkan amalan pegawai sebelumnya manakala rekod sejarah penyenggaraan dan pembaikan kuarters pula tidak diselenggarakan di lokasi yang dilawati.	
14.5.2.5.c	Rekod aduan kerosakan kuarters yang dibuat oleh penghuni bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2014 tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit bagi 17 (42.5%) daripada 40 kawasan perumahan di IPK/IPD/balai yang dilawati. Aduan kerosakan hanya dibuat secara lisan tanpa borang aduan/rekod rasmi. Bagi IPK/IPD/balai yang menyediakan borang aduan kerosakan, didapati ia tidak mempunyai format yang seragam. Tanpa menyelenggarakan rekod/daftar aduan kerosakan mengenai kuarters, adalah sukar untuk menentukan jenis kerosakan, tindakan yang telah diambil, perancangan pembaikan dan penyenggaraan kuarters serta perancangan bajet tahunan.	
14.5.2.5.d	Semakan Audit juga mendapati tiada maklumat perabot/perkakasan/ kelengkapan di kuarters yang didaftarkan dalam daftar aset dan inventori di IPK/IPD/balai. Kebanyakan perabot yang dibekalkan telah dipindahkan atau dibiarkan di luar kuarters masing-masing kerana penghuni telah memiliki perabot sendiri dan ruang simpan yang terhad. Aset/kelengkapan di kuarters	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tidak direkod kerana pihak yang menguruskan kuarters tidak mempunyai maklumat aset dari awal kuarters diduduki. Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod kuarters dan aset serta rekod penyenggaraan/pembaikan adalah kurang memuaskan kerana tidak lengkap dan kemas kini. Selain itu, daftar aduan kerosakan juga tidak diselenggarakan. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015 *Kelemahan penyelenggaraan rekod kuarters dan aset serta rekod penyenggaraan/pembaikan adalah kurang memuaskan kerana tidak lengkap dan kemas kini antaranya disebabkan seperti aduan lisan kerosakan kecemasan yang dibuat selepas waktu pejabat dan pada hujung minggu; rekod aduan kerosakan yang tidak seragam; rekod aduan kerosakan tidak disimpan oleh Unit Pengurusan Perumahan; rekod aduan kerosakan yang tidak sistematik dari peringkat awal menyebabkan masalah pengurusan kuarters berlanjutan sehingga kini; tiada pemantauan oleh Bahagian Pengurusan Perumahan di peringkat Ibu Pejabat/IPK/IPD/Balai; dan tumpuan pegawai PDRM adalah mengenai hal kawalan keselamatan dan ketenteraman awam. Selain itu tugasan secara multi tasking termasuk pengurusan kuarters masih kurang diberi perhatian. PDRM telah mengambil tindakan penambahbaikan antaranya mengemaskini rekod pendaftaran merangkumi proses permohonan menduduki/keluar kuarters yang telah dibangunkan dalam Sistem HRMIS pada 14 Ogos 2014; menyeragamkan format borang aduan kerosakan kuarters; dan Sistem Kerosakan Bersepadu telah dicadangkan untuk dibangunkan dengan anggaran kos sejumlah RM0.50 juta oleh Bahagian Telekomunikasi dan Sistem Maklumat kerana modul yang dibangunkan oleh HRMIS dan MySPATA tiada proses penyelenggaraan aset.*	
14.5.2.6.a	**Pemantauan** Setiap penghuni kuarters PDRM adalah tertakluk pada peraturan yang telah ditetapkan. Aktiviti pemantauan daripada pihak pengurusan adalah penting bagi memastikan peraturan yang ditetapkan dipatuhi dan dapat dikuatkuasakan. Surat KPN 19/30 bertarikh 29 Julai 2013 telah menetapkan pemeriksaan kit dan berek kediaman anggota PDRM dilaksanakan semula sebagai salah satu langkah bagi memastikan semua peralatan yang telah dibekalkan dijaga dengan baik dan boleh digunakan setiap masa. Selain itu ia juga dapat membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh anggota	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.2.6.c.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	PDRM terutama dalam aspek kebajikan. Bagi tujuan pemeriksaan berek, pegawai pemeriksa boleh memasuki berek untuk menentukan peraturan kebersihan dan keselamatan dipatuhi.	
14.5.2.6.b	Semakan Audit ke atas kawasan perumahan yang dilawati mendapati tiada mekanisme pemantauan secara berkala diwujudkan terhadap penghuni kuarters. Semakan Audit mendapati pada tahun 2013 hanya Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, IPD Johor Bahru Utara, IPD Kuala Muda, Balai Polis Kampung Gajah dan Balai Polis Bintawa telah selesai menjalankan pemeriksaan berek manakala pada tahun 2014 (sehingga bulan September) hanya IPD Johor Bahru Utara telah selesai menjalankannya.	
14.5.2.6.c.I	Beberapa unit kuarters kosong telah diubah statusnya menjadi pejabat, bilik kelas, tadika, rumah tamu dan pengubahsuaian unit yang mana bertentangan dengan tujuan asal pembinaannya tanpa dokumen yang menunjukkan penukaran status ini mendapat kebenaran dan kelulusan.	
14.5.2.6.c.II	Pemeriksaan Audit juga mendapati terdapat penghuni yang menggunakan bekalan air dan elektrik secara tidak sah dan penghuni yang memelihara binatang ternakan seperti ayam, burung dan kucing di kawasan perumahan. Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penghuni kuarters PDRM masih kurang berkesan dan perlu diambil tindakan yang lebih cekap dan tegas dengan melaksanakan pemeriksaan kit dan berek secara kerap dan menyeluruh. Pihak PDRM juga perlu mewujudkan satu bahagian untuk memantau keseluruhan kuarters PDRM. Laporan secara berkala bagi mengenal pasti status dan keadaan kuarters perlu dikemukakan kepada pihak pengurusan bagi memudahkan pemantauan dan perancangan peruntukan sekiranya diperlukan. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015 *Pemantauan kuarters oleh PDRM ada dilaksanakan berdasarkan arahan Ketua Polis Negara dalam surat arahan bertarikh 29 Julai 2013 yang telah mengarahkan Pemeriksaan A117 (Pemeriksaan Balai, Kit dan Berek) dijalankan. Bagi tahun 2014 IPK Kuala Lumpur telah melakukan pemeriksaan A117 bertujuan untuk mengenal pasti penghuni yang tidak sepatutnya menduduki kuarters dan telah mengambil tindakan sewajarnya berkenaan perkara ini. Bahagian Perumahan IPK juga ada menjalankan pemantauan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dengan mengambil tindakan mengarahkan penghuni yang gagal mematuhi peraturan perumahan untuk membayar ganti rugi dengan membuat potongan gaji. *Selain itu, PDRM juga telah mengalami pertambahan perjawatan, pewujudan jabatan baru dan IPD baru serta menaik taraf pondok polis kepada balai polis yang menyebabkan pihak PDRM mengalami masalah penempatan pejabat baru dan kekurangan ruang pejabat yang mencukupi bagi menampung pertambahan kekuatan dan perjawatan baru tersebut, oleh itu kuarters jabatan terpaksa digunakan sebagai pejabat.*	
14.5.3.a	**Penilaian Terhadap Kepuasan Penghuni Kuarters** 51.6% responden menyatakan petak parkir yang disediakan adalah tidak mencukupi. Ini berikutan terdapat penghuni yang memiliki lebih dari sebuah kenderaan bagi setiap unit. Manakala sebanyak 28.4% responden berpuas hati dengan kemudahan petak parkir yang disediakan.	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 14.5.3.e
14.5.3.b	48.5% responden mengadu kerosakan lif sering berlaku di kuarters disebabkan tiada penyenggaraan berkala.	
14.5.3.c	47.7% responden mendakwa aduan kerosakan tidak diambil tindakan sewajarnya oleh pihak pengurusan menyebabkan penghuni menanggung sendiri kos pembaikan.	
14.5.3.d	35.6% responden tidak berpuas hati dengan tahap keselamatan penghuni. Ini berikutan pengawal keselamatan tidak disediakan dan lokasi kuarters yang berisiko tinggi untuk berlaku pencerobohan. Hasil aduan penghuni mendapati kecurian seperti pecah masuk rumah dan curi motosikal seringkali berlaku di kuarters.	
14.5.3.e	Sebanyak 456 (47.7%) daripada 956 responden telah memberikan maklum balas berbentuk aduan dan cadangan penambahbaikan untuk perhatian dan tindakan pihak pengurusan PDRM. Antara isu dan maklum balas yang dibangkitkan bagi tujuan penambahbaikan adalah kerja pembaikan lewat diambil tindakan, menambah bilangan parkir kenderaan dan mengubahsuai kuarters daripada 2 bilik menjadi 3 bilik. Pada pendapat Audit, pengagihan unit kuarters adalah baik kerana telah diagihkan kepada pemohon dalam tempoh yang singkat. Bagaimanapun, PDRM perlu memberi perhatian terhadap isu berkenaan penyenggaraan,	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pemantauan dan pengawasan, keselamatan serta penyediaan kemudahan awam. Selain itu, pihak PDRM hendaklah mengambil tindakan terhadap cadangan penambahbaikan oleh penghuni. Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 19 Januari 2015 *PDRM mengambil maklum perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit berdasarkan analisis yang telah dijalankan, namun PDRM ingin menekankan antara masalah di kuarters PDRM adalah masalah parkir yang disebabkan penghuni mempunyai lebih daripada sebuah kereta dan motosikal walaupun konsep yang dilaksanakan adalah 'satu rumah, satu parkir'; kekangan peruntukan kewangan juga menyebabkan lif tidak dapat diganti atau pembaikan lif menjadi lambat walaupun kontrak penyelenggaraan lif ada diwujudkan, kekangan peruntukan juga menyebabkan kerja pembaikan tidak dapat dilaksanakan dengan menyeluruh; dan tiada perjawatan khas untuk mengawal keselamatan kuarters, sekiranya melantik syarikat luar ia memerlukan peruntukan di bawah kod OS 29000 yang amat terhad. Ini menyebabkan tanggungjawab menjaga keselamatan kuarters perumahan dilaksanakan oleh persatuan penduduk malahan terdapat juga persatuan penduduk yang menggunakan perkhidmatan pengawal keselamatan persendirian dan membayar perkhidmatan tersebut menggunakan wang kutipan dari penghuni kuarters.* *Selain itu PDRM mengakui kelemahan dalam pengurusan kuarters. Dari sudut pentadbiran, tindakan awal untuk memperkemaskan pengurusan kuarters dan ia telah dibincangkan dalam bengkel yang akan diadakan pada 9 hingga 13 Februari 2015. Masalah pengurusan kuarters ini adalah ekoran dari kekangan kewangan. Disarankan Kerajaan menyediakan peruntukan yang mencukupi sebagaimana anggaran disediakan oleh JKR berjumlah RM230.27 juta setahun untuk penyelenggaraan berkala secara kontrak komprehensif bagi keseluruhan kuarters PDRM. Peruntukan ini dijangkakan dapat menyelesaikan masalah penyelenggaraan dan kerosakan kuarters. PDRM juga telah memutuskan bahagian yang bertanggungjawab untuk mengurus, memantau dan menyelaras pengurusan keseluruhan kuarters PDRM di peringkat Ibu Pejabat Polis Bukit Aman adalah Kem Komandan, Jabatan Pengurusan; Ibu Pejabat Polis Kontinjen adalah Kem Komandan, Jabatan Pengurusan Kontinjen; dan bagi IPD serta Balai adalah Ketua Bahagian Pengurusan Daerah.*	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Jabatan Imigresen Malaysia

Perenggan 15 : Pengurusan Kuarters Di Jabatan Imigresen Malaysia

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.1.a	**Prestasi Pengurusan Kuarters - Prestasi Pengisian Kuarters** Sehingga bulan Jun 2014, JIM memiliki sebanyak 1,969 unit kuarters yang dibina, dibeli atau diambil alih daripada Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara. Pihak Audit mendapati tidak semua kuarters yang disediakan oleh JIM telah diduduki. Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan 1,969 unit kuarters yang dimiliki oleh JIM, sebanyak 1,438 (73.0%) unit telah diisi, 376 (19.1%) unit adalah kosong (namun masih baik dan boleh diduduki) manakala bakinya sebanyak 155 (7.9%) unit adalah kosong disebabkan kerosakan. JIM Negeri Johor mempunyai bilangan kuarters yang tertinggi iaitu sebanyak 751 (38.1%) unit. Ini adalah kerana jumlah perjawatan JIM di negeri ini adalah tertinggi iaitu seramai 2,860 (31.5%) orang pegawai daripada keseluruhan 9,093 perjawatan JIM di seluruh negara. JIM Negeri Melaka mempunyai bilangan kuarters yang terendah iaitu sebanyak 19 (1.0%) unit kuarters. Selain itu di Negeri Sarawak, terdapat unit kuarters yang terbanyak dalam keadaan baik namun tidak diduduki iaitu sebanyak 166 (44.1%) daripada 376 unit kuarters yang masih kosong.	
15.5.1.1.b	Daripada analisis Audit yang dijalankan terhadap data yang dikemukakan oleh JIM negeri bagi 8 kawasan kuarters yang dilawati mendapati jumlah keseluruhan kuarters bagi kawasan tersebut adalah sebanyak 811 unit. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 598 (73.7%) unit kuarters telah diduduki, 161 (19.9%) unit kuarters adalah kosong (namun dalam keadaan baik dan boleh diduduki) manakala 52 (6.4%) unit kuarters didapati telah rosak dan tidak boleh diduduki. Adalah didapati sebanyak 161 (19.9%) unit kuarters yang baik tetapi kurang mendapat permintaan antaranya disebabkan oleh faktor kuarters yang usang, kadar sewa rumah di sekitar kuarters lebih rendah berbanding jumlah elaun yang dipotong apabila pegawai menduduki kuarters, aduan kerosakan yang dilaporkan lewat atau tidak diambil tindakan disebabkan kekurangan atau tiada peruntukan. Selain itu, JIM juga tidak	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	menyediakan penyenggaraan berjadual, masalah kekurangan kemudahan asas seperti sekolah, bekalan air bersih; komunikasi dan pengangkutan.	
15.5.1.1.c	Pemeriksaan Audit selanjutnya terhadap 8 kawasan kuarters yang dilawati mendapati kuarters milik JIM turut didiami oleh seramai 19 orang pegawai Kerajaan dari pelbagai agensi iaitu Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Perhilitan, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Semakan Audit mendapati potongan gaji pegawai terlibat seperti Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Elaun Perumahan Wilayah (EPW) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) telah diuruskan oleh agensi berkaitan. Pihak JIM sebagai *lead agency* perlu memastikan potongan tersebut serta potongan lain yang berkaitan dipantau dan diambil tindakan oleh agensi masing-masing. Potongan ITP dan BSH berkaitan seharusnya dikembalikan kepada JIM untuk tujuan penyenggaraan. Pada pendapat Audit, secara keseluruhan pengisian kuarters adalah memuaskan kerana 73.0% unit kuarters telah diduduki. Bagaimanapun, JIM perlu berusaha untuk mendapat peruntukan bagi menjalankan penyenggaraan berjadual supaya kuarters yang kosong dan usang dapat diduduki sama ada oleh pegawai JIM atau agensi lain.	
15.5.1.2.a	**Prestasi Kewangan Bagi Penyenggaraan Kuarters** Penyenggaraan kuarters diurus dan diselia di peringkat Kementerian Dalam Negeri, Ibu Pejabat JIM dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di JIM negeri masing-masing dengan menggunakan peruntukan perbelanjaan mengurus (OS28000) Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli. Peruntukan penyenggaraan bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Ogos 2014 berjumlah RM32.82 juta, manakala sejumlah RM29.16 juta (88.8%) telah dibelanjakan. Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, hanya sejumlah RM3.01 juta (10.3%) merupakan perbelanjaan di bawah kod objek Lanjut (28101) iaitu bagi penyenggaraan bangunan kediaman termasuk berek, asrama serta rumah rehat manakala sejumlah RM2.95 juta adalah di bawah Objek Sebagai (OS38000) iaitu pembaikan dan ubah suai.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 15.5.1.2.b
15.5.1.2.b	Analisis Audit ke atas peruntukan dan perbelanjaan penyenggaraan mendapati jumlah peruntukan untuk penyenggaraan kuarters bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 berjumlah RM3.01 juta (9.18%) daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM32.82 juta. Adalah didapati walaupun berlaku penambahan peruntukan penyenggaraan pada tahun 2014 tetapi peruntukan untuk penyenggaraan kuarters didapati semakin berkurangan dari setahun ke	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	setahun. Keadaan ini berlaku kerana tiada bajet khusus diperuntukkan bagi tujuan kerja pembaikan dan penyenggaraan kuarters dalam peruntukan mengurus dari tahun 2012 hingga 2013 kecuali pada tahun 2014 di mana JIM telah menerima sejumlah RM5 juta bagi penyenggaraan kuarters secara Dasar Baru. Di samping itu, semakan Audit juga mendapati penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) tidak dilaksanakan disebabkan ketiadaan peruntukan, sebaliknya hanya peruntukan penyenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*), naik taraf dan kerja pembaikan kuarters diberikan keutamaan. Pada pendapat Audit, penyediaan peruntukan khusus untuk penyenggaraan kuarters termasuk penyenggaraan pencegahan perlu diberi keutamaan oleh JIM dan berusaha untuk mendapat peruntukan tambahan kerana kurang daripada 11% daripada keseluruhan peruntukan Penyenggaraan dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli dibelanjakan untuk penyenggaraan kuarters. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 12 Januari 2015 Dan 3 Mac 2015 *JIM telah diluluskan peruntukan di bawah bajet pembangunan, bagi butiran 38000 (Pembaikan Dan Ubahsuai) iaitu sejumlah RM9.92 juta, RM3.0 juta dan RM2.67 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Namun begitu, daripada jumlah peruntukan pembangunan yang diluluskan hanya sejumlah RM1.40 juta bagi tahun 2012 dan RM1.54 juta bagi tahun 2013 diperuntukan bagi pembaikan kuarters. Bagi tahun 2014 pula, JIM hanya diluluskan peruntukan di bawah bajet mengurus sejumlah RM5.0 juta (penyelenggaraan pejabat dan kuarters) dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM4.5 juta diberikan kepada JIM negeri untuk penyenggaraan kuarters.* *Manakala bagi tahun 2014 dan 2015, Unit Perancang Ekonomi, JPM (EPU, JPM) telah menggariskan bahawa peruntukan pembaikan dan ubah suai kecil tidak boleh dipohon di bawah bajet Pembangunan. JIM telah diluluskan peruntukan sejumlah RM1.2 juta di bawah OS32000 (Bangunan dan Pembaikan Bangunan) pada tahun 2015. Bagaimanapun peruntukan ini termasuklah untuk kegunaan pembaikan lain di JIM.* *Bahagian Kewangan JIM telah mengeluarkan surat bertarikh 7 Januari 2015 kepada negeri-negeri untuk memaklumkan keperluan penyenggaran bagi tahun 2015. Untuk menjadikan penyenggaraan lebih terancang pada tahun hadapan, Bahagian Kewangan juga telah mengedarkan surat bertarikh 9*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Januari 2015 kepada Pejabat Negeri berkaitan keperluan di bawah OS32000 untuk penyenggaraan tahun 2016.	
15.5.1.3.a	**Usia Kuarters** Berdasarkan rekod usia kuarters yang disediakan oleh Ibu Pejabat JIM Putrajaya, sehingga bulan Jun 2014 JIM mempunyai 5 (6.2%) kawasan kuarters yang berusia antara satu hingga 5 tahun; 19 (23.8%) kawasan kuarters yang berusia antara 6 hingga 10 tahun; 12 (15.0%) kawasan kuarters yang berusia antara 11 hingga 20 tahun dan 44 (55.0%) kawasan kuarters yang melebihi 20 tahun.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 15.5.1.3.b
15.5.1.3.b	Analisis Audit selanjutnya mendapati JIM Negeri Johor mempunyai bilangan kawasan kuarters yang terbanyak iaitu sebanyak 26 kawasan kuarters yang berusia antara 2 hingga 79 tahun. Kuarters Jalan Ariffin, Johor Bahru yang dibina pada tahun 1935 telah mencapai usia 79 tahun. Pada pendapat Audit, memandangkan lebih daripada 70% kuarters JIM telah melebihi usia 10 tahun maka peruntukan untuk menaik taraf dan membaiki kuarters yang rosak dan usang hendaklah diberi keutamaan jika peruntukan untuk pembaikan dan penyenggaraan diperoleh setiap tahun. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 12 Januari 2015 Dan 3 Mac 2015 *Sepanjang Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), JIM telah memohon bagi pembinaan kuarters baharu kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertujuan untuk menggantikan kuarters sedia ada yang sudah tidak ekonomik untuk diperbaiki lagi. Daripada 11 permohonan hanya 5 permohonan yang telah diluluskan.* *Bagi tahun 2015, JIM telah diluluskan pembaikan kuarters dibawah peruntukan pembaikan kuarters one off Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan program My Beautiful Malaysia (MyBM) bagi pembaikan dan pengindahan perumahan Kerajaan kendalian Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berjumlah RM11.33 juta melibatkan 15 lokasi. JIM akan terus memohon bagi pembaikan dan pengindahan perumahan Kerajaan di bawah program MyBM kerana program ini merupakan program yang berterusan. Pada tahun 2015 juga, JIM telah diluluskan peruntukan one-off KDN sejumlah RM11.18 juta yang melibatkan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	21 lokasi untuk pembaikan dan penyenggaraan kuarters. Selain itu, JIM juga telah mengemukakan satu permohonan cadangan pembinaan kuarters di Jawi, Pulau Pinang di bawah Rolling Plan 1 (RP1), RMKe-11. *Bagi RMKe-11, JIM akan memohon kerja pembaikan dan pengubahsuaian bangunan JIM seluruh negara. Bangunan JIM ini termasuklah pembaikan kuarters imigresen sedia ada. Namun begitu, kelulusan permohonan ini tertakluk kepada amaun maksimum yang telah ditetapkan oleh EPU, JPM iaitu RM100 juta.*	
15.5.2.1.a	**Pengurusan Kuarters - Garis Panduan Dan Prosedur Kerja** Pengurusan kuarters tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat) di samping pekeliling lain yang berkaitan. Semakan Audit di 8 kawasan kuarters yang dilawati mendapati garis panduan dan prosedur dalaman berkaitan dengan proses pembaikan, naik taraf, baik pulih, permohonan/kelulusan, pengagihan, penyenggaraan, pengawasan dan pemantauan kuarters tidak disediakan.	**Maklumbalas Tambahan bertarikh 18.03.2015** Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters Bil. 1 Tahun 2015 telah diadakan pada 10 Mac 2015 yang dipengerusikan oleh YBrs. Tuan TKP(P).
15.5.2.1.b	JIM tidak menyediakan garis panduan dalaman terhadap pengurusan kuarters sebagai panduan kepada pegawai yang bertanggungjawab dan terlibat dengan pengurusan kuarters. Pegawai JIM hanya merujuk kepada Perintah Am Bab E dan pekeliling berkaitan yang berkuat kuasa sebagai panduan semasa mengurus kuarters di bawah jagaan masing-masing. Ketiadaan garis panduan yang seragam telah menyebabkan pelaksanaan pengurusan kuarters di peringkat negeri tidak seragam antaranya berkaitan proses permohonan pengisian dan pengosongan kuarters; pemotongan elaun yang tidak seragam dan teratur; pengurusan kuarters dilaksanakan oleh pelbagai Bahagian/Unit; pelbagai kaedah berkaitan pembayaran bil utiliti serta tiada daftar aset dan inventori diwujudkan.	
15.5.2.1.c	Semakan Audit selanjutnya juga mendapati tiada bahagian/unit khusus yang menguruskan kuarters. Pengurusan kuarters diuruskan oleh pelbagai Bahagian dan Unit antaranya Bahagian Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pembangunan di Ibu Pejabat JIM negeri masing-masing. Pihak Audit turut menemu bual pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kuarters dan mendapati tiada sebarang latihan atau pendedahan berkaitan pengurusan kuarters yang diberikan. Pelaksanaan pengurusan kuarters adalah berdasarkan pengalaman dan prosedur yang dipraktikkan sebelum ini. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab mengurus kuarters juga kurang didedahkan dengan aspek pengurusan kuarters melalui kursus	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	atau latihan yang sepatutnya. Pada pendapat Audit, garis panduan dalaman perlu disediakan sebagai garis panduan dan diguna pakai di semua peringkat secara seragam agar pelaksanaannya dapat berjalan dengan lancar dan cekap. Tanggungjawab pengurusan kuarters perlu diselaras dan diseragamkan di semua peringkat JIM. Bagi tujuan ini, unit dan perjawatan hendaklah diwujudkan khusus bagi tujuan pengawalan, pengawasan, penyenggaraan, pelupusan dan pemantauan terhadap semua kuarters yang dimilikinya. Pegawai yang ditugaskan bagi pengurusan kuarters perlu diberi latihan berkaitan pengurusan kuarters daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 3 Mac 2015 *Kementerian dan JIM mengambil maklum akan kelemahan yang ditegur oleh pihak Audit berhubung tiada garis panduan berkaitan pengurusan kuarters. Tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:-* *a. Bengkel Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Kuarters JIM* *Bengkel telah dilaksanakan pada 11 hingga 12 Februari 2015 dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), JPM. Bengkel ini telah menyediakan garis panduan, prosedur kerja, borang keluar/masuk kuarters, borang aduan kerosakan dan borang pengesahan siap kerja penyenggaraan. Garis panduan, prosedur kerja dan borang ini diguna pakai di seluruh negeri.* *b. Penubuhan Unit Pengurusan Kuarters dan Jawatankuasa Pengurusan Kuarters* *Penubuhan Unit Pengurusan Kuarters dan Jawatankuasa Pengurusan Kuarters telah diluluskan pada 9 Januari 2015. Unit ini berfungsi untuk mengawal, mengawas, menyenggara dan memantau kuarters manakala Jawatankuasa Pengurusan Kuarters bertanggungjawab memantau dan memutuskan isu-isu pengurusan kuarters yang tidak dapat diputuskan di peringkat Unit.* *Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters peringkat Ibu Pejabat akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dengan ahlinya terdiri daripada setiap Pengarah Bahagian di Ibu Pejabat dan pengarah-pengarah negeri. Mesyuarat akan diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun. *c. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters* *Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters akan dibuat pada 10 Mac 2015 dan surat panggilan mesyuarat bertarikh 3 Mac 2015 telah dikeluarkan.*	
15.5.2.2.b	**Jawatankuasa Perumahan** Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Perumahan telah ditubuhkan di semua negeri yang dilawati. Bagi JIM Negeri Sarawak ianya dikenali sebagai Lembaga Perumahan Imigresen yang mempunyai fungsi yang sama dengan Jawatankuasa Perumahan. Semakan Audit selanjutnya di 8 kawasan kuarters yang dilawati mendapati proses kelulusan dan pengagihan kuarters dilakukan oleh pejabat JIM Negeri/Daerah tanpa melalui Jawatankuasa Perumahan seperti mana fungsi Jawatankuasa Perumahan yang telah ditetapkan. Ini kerana terdapat lebihan kuarters yang kosong di 8 kawasan kuarters yang dilawati dan tiada senarai nama menunggu bagi permohonan untuk menduduki kuarters. Oleh yang demikian, tidak wujud sebarang masalah berhubung dengan proses pengagihan kuarters kepada pegawai yang ingin menduduki kuarters. Pada pendapat Audit, walaupun permohonan untuk menduduki kuarters adalah kurang di 8 kawasan kuarters yang dilawati, pihak pengurusan perlu memastikan pengagihan kuarters dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan serta mengikut kelayakan pegawai terbabit. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 3 Mac 2015 *Jawatankuasa Pengurusan Kuarters telah ditubuhkan pada 9 Januari 2015 dan semua yang melibatkan permohonan dan kelulusan menduduki kuarters akan melalui Jawatankuasa tersebut.*	**Maklumbalas Tambahan bertarikh 18.03.2015** Organisasi telah diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters pada 10 Mac 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.3.a	**Prosedur Pengisian Dan Pengosongan Kuarters - Borang Permohonan Kuarters/Surat Kelulusan Menduduki Kuarters/Sijil Akuan Masuk Rumah Dan Surat Perjanjian Menduduki Kuarters** Semakan Audit telah dijalankan terhadap 162 sampel Audit dan mendapati maklumat berkaitan borang permohonan, surat kelulusan menduduki kuarters, sijil akuan masuk rumah dan surat perjanjian tidak dapat dikemukakan untuk pemeriksaan Audit. Daripada 162 sampel Audit, 68 (42.0%) borang permohonan menduduki kuarters, 66 (40.7%) surat kelulusan menduduki kuarters, 42 (25.9%) sijil akuan masuk dan 121 (74.7%) surat perjanjian gagal dikemukakan untuk pengesahan Audit. Tanpa dokumen tersebut ianya akan menyukarkan pihak JIM untuk mendapatkan maklumat dan membuat semakan status penghuni kuarters.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.2.3.b.iii
15.5.2.3.b.i	**Proses Pengosongan Kuarters** Berdasarkan Sijil Akuan Keluar Rumah didapati bahawa penghuni yang mengosongkan kuarters telah mengemukakan Sijil Akuan Keluar Rumah dan telah diperakui oleh pegawai yang bertanggungjawab. Sijil Akuan Keluar Rumah tersebut turut mencatatkan perakuan penghuni bahawa rumah tersebut telah diserahkan dalam keadaan baik dan teratur.	
15.5.2.3.b.ii	Semakan Audit mendapati pegawai yang bertanggungjawab telah mengesahkan Sijil Akuan Keluar Rumah berada dalam keadaan baik dan teratur sewaktu proses pengosongan kuarters walaupun didapati proses pengosongan kuarters kurang memuaskan kerana pegawai yang bertanggungjawab mengesahkan Sijil Akuan Keluar Rumah tanpa membuat pemeriksaan ke kuarters yang terlibat.	
15.5.2.3.b.iii	Semakan Audit selanjutnya mendapati kuarters ditinggalkan tanpa dikunci dan tidak dibersihkan serta terdapat penghuni yang telah mengecat kuarters mengikut warna yang berbeza sewaktu proses memasuki kuarters dan tidak mengecat semula kuarters tersebut seperti warna asal ketika mengosongkan kuarters. Di samping itu terdapat juga penghuni kuarters yang tidak menamatkan bekalan elektrik dan air sewaktu proses mengosongkan kuarters. Kecuaian pegawai dalam memastikan pematuhan berhubung dengan proses pengosongan kuarters telah menyebabkan kuarters disalahgunakan oleh penghuni lain, bil utiliti tertunggak, peralatan dan pendawaian elektrik telah dicuri dan kuarters dijadikan tempat pembuangan sampah. Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap prosedur pengisian dan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pengosongan kuarters adalah kurang memuaskan. Borang permohonan kuarters/sijil akuan masuk rumah dan surat perjanjian menduduki kuarters perlu disediakan dengan lengkap dan teratur sebelum pegawai dibenarkan menduduki kuarters. Bagi tujuan pengosongan kuarters, pemeriksaan bersama penghuni perlu dilaksanakan bagi memastikan perabot/kelengkapan masih dalam keadaan baik, kuarters dibersihkan, bekalan elektrik dan air ditamatkan dan semua barang penghuni lama dikeluarkan. Surat Akuan Keluar hanya akan dikeluarkan sekiranya ketetapan tersebut telah dipatuhi. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 3 Mac 2015 *Garis Panduan Pengurusan Kuarters meliputi prosedur pengisian dan pengosongan kuarters telah disediakan. Garis panduan tersebut telah diedarkan kepada setiap negeri pada 4 Mac 2015.*	
15.5.2.4.a	**Pengubahsuaian Status Kuarters** Kuarters Kerajaan adalah merupakan aset tidak alih dan hendaklah diuruskan dengan sempurna sebagaimana yang telah ditetapkan oleh peraturan Kerajaan. Oleh itu, sebarang pengubahsuaian terhadap kuarters perlu mendapat kelulusan pihak pengurusan tertinggi dan sekiranya pengubahsuaian tersebut melibatkan tambahan dan pindaan kepada mana-mana bahagian dalam atau luar rumah, kelulusan daripada Jabatan Kerja Raya tempatan perlu diperoleh seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Am Bab E.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.2.4.c
15.5.2.4.b	Lawatan Audit ke 8 kawasan kuarters di 4 negeri mendapati pihak JIM telah menukar status unit kuarters yang kosong dengan menjadikan kuarters tersebut antaranya sebagai stor penyimpanan dokumen, tempat kenderaan sitaan, surau, rumah transit dan sebagai rumah tumpangan anti pemerdagangan orang yang mana ianya jelas bertentangan dengan tujuan asal pembinaannya kecuali mendapat kelulusan pihak berkuasa berkenaan/Kementerian. Pihak Audit juga mendapati pengubahsuaian tersebut dibuat tanpa pengetahuan, makluman dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi/JKR. Tambahan pula, tiada dokumen yang menunjukkan penukaran status ini mendapat kebenaran dan kelulusan pihak pengurusan/Kementerian.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.4.c	Lawatan Audit ke kuarters Tasek Utara juga mendapati terdapat 64 unit rumah yang telah diubah suai daripada kelas H (2 bilik) kepada kelas F (3 bilik) dengan cara menggabungkan 2 unit rumah menjadi satu unit rumah. Pihak Audit masih belum menerima sebarang dokumen kelulusan pengubahsuaian tersebut daripada pihak JIM Negeri Johor walaupun telah dimohon semasa pengauditan dijalankan. Di samping itu, terdapat tambahan struktur pada bangunan dilakukan di JIM Negeri Johor dan JIM Negeri Kelantan tanpa mendapat kelulusan. Antaranya seperti pembinaan kedai makan dan parkir kenderaan dijadikan stor individu penghuni kuarters dan ini boleh menyebabkan berlakunya risiko kebakaran dan ketidakseragaman malah menjejas kelas rumah berkaitan. Pada pendapat Audit, JIM perlu memberi perhatian terhadap penukaran status bangunan/unit kuarters kepada kegunaan lain dengan memastikan kelulusan diperoleh terlebih dahulu daripada pihak berkuasa berkenaan supaya ianya teratur dan boleh dimanfaatkan untuk pelbagai tujuan yang munasabah. Pihak JIM juga perlu memastikan penghuni kuarters mematuhi peraturan berhubung dengan peraturan mendiami kuarters sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Perintah Am Bab E. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 3 Mac 2015 *Permohonan pertukaran fungsi kuarters telah diluluskan secara dalaman oleh pengarah negeri. Semua permohonan ini akan dibawa untuk diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters Peringkat Ibu Pejabat pada 10 Mac 2015.*	
15.5.3.1.a	**Pengurusan Pembayaran Imbuhan Tetap Perumahan Dan Bantuan Sara Hidup - Imbuhan Tetap Perumahan** Semakan Audit ke atas 162 sampel penghuni kuarters di 8 kawasan kuarters berdasarkan maklumat daripada Bahagian Kewangan JIM Negeri yang dilawati mendapati seramai 28 (17.3%) pegawai telah menerima lebihan bayaran ITP. Semakan selanjutnya mendapati lebihan bayaran ITP tersebut adalah bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Mei 2014 berjumlah RM38,400. Perkara ini berlaku disebabkan maklumat kemasukan kuarters bagi pegawai yang terlibat tidak dimaklumkan kepada Unit Gaji untuk tujuan pemberhentian ITP.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan15.5.3.1.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.3.1.b	**Bantuan Sara Hidup** Semakan Audit juga mendapati seramai 29 (17.9%) pegawai yang diperuntukkan rumah Kerajaan telah menerima BSH melebihi had yang ditetapkan menyebabkan sejumlah RM26,700 telah terlebih bayar bagi tempoh dari bulan Januari 2012 hingga Mei 2014. Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran ITP dan BSH masih perlu dikaji bagi mereka yang menduduki kuarters kerana terdapat lebihan bayaran elaun tersebut. Pihak JIM hendaklah mewujudkan satu mekanisme untuk memastikan bayaran ITP diberhentikan sebaik sahaja pegawai mendiami atau mengosongkan kuarters serta BSH dibayar mengikut kadar yang ditetapkan. JIM hendaklah menjalankan semakan secara menyeluruh untuk memastikan tidak berlaku sebarang lebihan bayaran ITP dan BSH kepada pegawai yang menduduki kuarters. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 12 Januari 2015 *JIM mengambil perhatian akan teguran Audit dan semakan serta tindakan lanjut telah dilaksanakan oleh JIM Negeri yang berkaitan dengan cara merujuk kepada bahagian Kewangan masing-masing bagi tujuan pengiraan ITP; ITP yang terlebih bayar telah selesai dikutip melalui potongan gaji kakitangan dan bayaran secara tunai; kutipan bayaran balik bagi BSH pegawai berkenaan telah dilaksanakan; surat tuntutan semula dibuat secara berperingkat untuk mengutip semula bantuan sara hidup melebihi had ditetapkan daripada pegawai berkenaan dan mengambil tindakan untuk membuat kutipan semula. Di samping itu, langkah pencegahan diambil bermula tahun 2015, semua penghuni baru dikehendaki mengemukakan slip pertama pemotongan ITP ke unit kuarters untuk menyemak sama ada potongan telah dibuat.*	
15.5.4.1	**Pengurusan Bayaran Bil Utiliti** Berdasarkan Perintah Am Bab E, setiap pegawai yang menduduki kuarters adalah bertanggungjawab untuk membayar sendiri semua deposit dan bil utiliti seperti perkhidmatan sampah, pembetungan, elektrik dan air. Semakan Audit terhadap prosedur pembayaran bil utiliti di kuarters yang dilawati mendapati 3 kawasan kuarters iaitu kuarters Kota Bharu, Depot Bekenu dan CIQ Sg. Tujoh menggunakan meter pukal bagi perkhidmatan bekalan air. Bagi kuarters di bawah pentadbiran JIM Negeri Kelantan dan JIM Negeri Sarawak, bil air bagi	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.4.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kawasan kuarters tersebut dibilkan secara pukal di mana meter utama dibilkan oleh pihak Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) dan Lembaga Air Kawasan Utara (LAKU). Bil air tersebut perlu dibayar oleh JIM negeri yang terlibat dan tuntutan semula akan dibuat ke atas penghuni kuarters oleh Bahagian Kewangan pejabat masing-masing berdasarkan bacaan meter individu oleh pegawai yang dilantik oleh pihak pengurusan.	
15.5.4.2	Semakan Audit ke atas bayaran bil air oleh penghuni kuarters di Kuarters Kota Bharu mendapati JIM Negeri Kelantan telah melantik seorang pegawainya untuk membuat bacaan meter air. Adalah didapati bahawa pegawai yang dilantik untuk membaca meter air telah tersilap membuat pengiraan. Pegawai yang membaca meter hanya merekodkan 4 digit yang terawal pada meter tersebut dan ini telah menyebabkan penghuni kuarters tidak dikenakan sebarang caj atas alasan tiada perubahan bacaan meter di setiap rumah penghuni kuarters.	
15.5.4.3	Berdasarkan rekod pembayaran bil oleh pihak JIM Negeri kepada syarikat bekalan air dan rekod kutipan bayaran bil air daripada penghuni kuarters yang disediakan oleh pihak JIM Negeri Kelantan dan Sarawak mendapati tunggakan bil air berjumlah RM6,775 yang melibatkan kuarters Kota Bharu. Manakala sejumlah RM87,284 bagi kuarters CIQ Sg. Tujoh dan Depot Bekenu telah dibayar oleh pihak JIM Negeri namun tidak dikutip semula daripada penghuni kuarters sebagai hasil kutipan bayaran bil air.	
15.5.4.4	Bagi kuarters Depot Bekenu, meter pukal ini dikongsi bersama dengan depot tahanan dan ianya menimbulkan kesukaran untuk mengenakan bayaran bil air kepada setiap penghuni manakala bagi kuarters CIQ Sg. Tujoh, walaupun menggunakan meter pukal namun meter individu telah disediakan bagi setiap penghuni kuarters. Namun demikian, tiada kutipan dibuat di kuarters tersebut. Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran bil utiliti adalah kurang memuaskan kerana terdapat tunggakan bil utiliti dan kutipan bil utiliti tidak dibuat terhadap penghuni kuarters. Pihak JIM juga perlu mengambil langkah segera bagi memastikan caj penggunaan air dikenakan mengikut kadar yang sepatutnya dan memasang meter bekalan air secara individu bagi setiap unit kuarters serta didaftarkan di atas nama penghuni. Tindakan tegas perlu diambil oleh pihak JIM bagi memastikan penghuni menjelaskan semua tunggakan bil air bagi mengelakkan kerugian kepada Kerajaan. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	12 Januari 2015 *Pihak JIM akan melaksanakan bayaran bil secara individu dan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Bagi Pemerhatian Audit Pengurusan Kuarters pada 7 Januari 2015 telah bersetuju agar setiap negeri yang terlibat perlu memohon daripada pihak syarikat air negeri bagi bayaran bil secara individu. Bagi bil tunggakan pula mesyuarat menetapkan supaya bayaran balik bil air yang tertunggak oleh penghuni kuarters perlu dibuat secara potongan gaji. Ibu Pejabat JIM telah meminta semua JIM negeri untuk mengambil tindakan dengan mengemukakan permohonan kepada syarikat air negeri untuk membekalkan meter air berasingan bagi setiap penghuni kuarters.*	
15.5.5.a	**Penyenggaraan Pencegahan Dan Pemulihan** Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 menetapkan jabatan/agensi hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan terancang yang dibahagikan kepada 2 jenis iaitu penyenggaraan pemulihan (*corrective maintenance*) dan penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*). Empat aspek penting iaitu struktur, mekanikal, elektrikal dan persekitaran termasuk kawalan keselamatan, kawalan serangan anai-anai dan serangga perlu diberi perhatian. Bagi memastikan kuarters disenggara dengan baik, penghuni juga bertanggungjawab menjaga kebersihan di dalam dan di luar kediamannya. Penghuni dilarang daripada memelihara binatang ternakan di mana-mana bahagian dalam rumah atau kawasan sekitarnya. Di samping itu, kemudahan awam yang disediakan hendaklah disenggara dengan baik bagi membolehkan penghuni kuarters dan keluarga mereka dapat melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan riadah serta mengeratkan silaturahim sesama penghuni.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.5.c
15.5.5.b	Semakan Audit mendapati berdasarkan peruntukan di bawah kod OS28000 yang digunakan untuk pembaikan kuarters, peruntukan untuk kerja pembaikan dan penyenggaraan kuarters kurang diberi perhatian oleh pihak JIM disebabkan peruntukan yang diluluskan adalah kecil dan lebih tertumpu kepada penyenggaraan pejabat dan kenderaan. Oleh itu, penyenggaraan berjadual secara keseluruhan terhadap kuarters tidak disediakan sebaliknya penyenggaraan dilakukan secara *adhoc* atau setelah mendapat aduan daripada penghuni. Ini menyebabkan kerosakan kuarters semakin kritikal dan berlanjutan yang memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi untuk kerja pembaikan. Kadangkala penyenggaraan secara *adhoc* tersebut juga tidak dapat dilakukan disebabkan tiada peruntukan. Kesannya JIM tidak dapat melaksanakan penyenggaraan berkala menyebabkan Jabatan terpaksa memberi keutamaan kepada unit kuarters yang rosak dan berpenghuni	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berbanding unit kuarters yang rosak dan tidak berpenghuni kerana masalah kekangan peruntukan.	
15.5.5.c	Semakan Audit juga mendapati penyenggaraan berjadual dan pelan operasi secara keseluruhan terhadap kuarters tidak disediakan. Penyenggaraan untuk kawalan serangga perosak seperti anai-anai tidak dijalankan secara berjadual dan menyeluruh di semua kuarters yang dilawati khususnya yang melibatkan bahagian struktur kuarters yang dibina daripada kayu yang sememangnya memerlukan penjagaan rapi. Tanpa penyenggaraan berjadual menyebabkan struktur kuarters menjadi rosak seperti berlakunya resapan air di dinding kuarters, keretakan pada bangunan, kerosakan pada pagar, kebocoran saluran paip dan sistem pendawaian elektrik yang usang. Semakan Audit selanjutnya mendapati kuarters yang rosak dan kosong ini tidak diurus dengan baik menyebabkan binaan kelengkapan dalaman kuarters seperti pintu, tingkap dan cermin rosak dan dicuri serta dibiarkan berselerak dengan sampah sarap serta barangan peninggalan penghuni terdahulu. Pada pendapat Audit, JIM hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan yang dirancang secara berkala dengan memberi perhatian terhadap penyenggaraan pemulihan dan penyenggaraan pencegahan seperti yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995. Langkah ini dapat memelihara harta Kerajaan daripada mengalami kerosakan dan memastikan keadaan rumah sentiasa baik dan selamat. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 12 Januari 2015 *Kementerian dan JIM mengakui terdapat kuarters yang dilawati pihak Audit memerlukan penyenggaraan. Sehubungan itu, JIM ingin menjelaskan bahawa kuarters tersebut telah mendapat peruntukan pembaikan di bawah Program MyBM dan peruntukan one off di bawah bajet pembangunan pada tahun 2015.*	
15.5.6.1	**Persekitaran Dan Keselamatan Kuarters** Adalah menjadi tanggungjawab pegawai yang menduduki kuarters Kerajaan untuk memastikan keadaan di dalam dan di luar kediaman sentiasa bersih, termasuk kerja-kerja memotong rumput dan membuang sampah. Semakan Audit mendapati kawasan persekitaran kuarters tidak diurus dengan baik di mana didapati longkang tersumbat, tumbuhan liar dan sampah sarap dibiar tanpa dibersihkan. Adalah didapati juga kenderaan seperti kereta dan	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.6.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	motosikal lama dan rosak ditinggalkan di dalam kawasan kuarters. Keadaan ini boleh menjejaskan imej jabatan di samping mengundang kepada masalah lain seperti penularan penyakit berjangkit dan wabak denggi.	
15.5.6.2	Aspek keselamatan juga hendaklah diberi perhatian yang serius oleh penghuni dan pihak pengurusan bagi memastikan kuarters Kerajaan serta penghuninya sentiasa berada dalam keadaan selamat daripada kemalangan dan kecederaan. Semakan Audit di kuarters Taman Kenanga mendapati pagar kuarters telah patah dan hanya diikat dengan tali bagi mengelakkan daripada penghuni kuarters terjatuh terutamanya kepada kanak-kanak. Keadaan ini merbahaya dan boleh menyebabkan kematian sekiranya tindakan segera tidak diambil oleh pihak pengurusan. Di samping itu, adalah didapati pagar yang mengelilingi kuarters telah roboh serta rosak dan ini boleh menyebabkan orang luar bebas untuk memasuki kawasan kuarters dan sekaligus memberikan ancaman keselamatan kepada penghuni kuarters. Pihak Audit mendapati terdapat juga penghuni yang memelihara binatang ternakan seperti burung dan ayam dan ini jelas bertentangan dengan Perintah Am Bab E. Pada pendapat Audit, pihak JIM perlu memastikan penghuni kuarters sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan dan mengeluarkan surat amaran kepada penghuni yang melanggar peraturan menduduki kuarters. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 12 Januari 2015 *Bagi tahun 2015, JIM akan melaksanakan kerja pembaikan kuarters menggunakan peruntukan MyBM dan one off KDN. Garis Panduan Pengurusan Kuarters dan Peraturan juga akan diperkukuhkan dengan menyatakan bahawa perkara larangan dan etika menduduki kuarters. Garis panduan ini akan disiapkan pada Mac 2015.*	
15.5.7.1	**Kemudahan Awam Bagi Kuarters JIM** Pihak JIM turut menyediakan kemudahan awam bagi memastikan setiap penghuni tinggal di kuarters dengan lebih selesa dan dapat beriadah bersama keluarga. Kemudahan awam seperti taman permainan, gelanggang futsal, gelanggang badminton, surau dan pusat komuniti ada disediakan di sebahagian kuarters yang dilawati. Semakan Audit mendapati terdapat beberapa kemudahan yang disediakan tidak disenggara dengan baik seperti	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.7.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	taman permainan dan dewan serbaguna. Kemudahan yang tidak disenggara dengan baik boleh mendatangkan kecederaan kepada mereka yang menggunakan kemudahan tersebut khususnya kanak-kanak dan boleh menjejaskan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan semangat kejiranan serta kemasyarakatan di kalangan penghuni.	
15.5.7.2	Semakan Audit selanjutnya juga mendapati penghuni kuarters turut menyalahgunakan kemudahan yang disediakan bagi tujuan peribadi seperti parkir kenderaan, bilik utiliti, ruangan pili bomba dan ruangan tempat pembuangan sampah dijadikan stor peribadi penghuni. Pada pendapat Audit, penyenggaraan kuarters termasuk kemudahan awam tidak diberi keutamaan disebabkan peruntukan yang terhad. Oleh itu, JIM tidak dapat melaksanakan penyenggaraan pembaikan (*corrrective maintenance*) dan penyenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*). Selain itu, penghuni kuarters perlu bertanggungjawab menjaga kebersihan kediaman dan sekitarnya serta mengaktifkan jawatankuasa penghuni bagi membantu Kerajaan mengurus kemudahan awam di kawasan kuarters. Manakala pihak yang bertanggungjawab perlu memantau bagi memastikan pegawai yang mendiami kuarters patuh kepada peraturan dan mengeluarkan surat amaran kepada penghuni yang melanggar peraturan menduduki kuarters. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 12 Januari 2015 *Pada tahun 2014, JIM telah diluluskan peruntukan di bawah peruntukan Dasar Baru bagi Bajet Mengurus sejumlah RM5 juta (Penyelenggaraan Pejabat dan Kuarters) dan peruntukan tersebut diguna pakai untuk penyenggaraan kuarters. Bagi tahun 2015, JIM akan melaksanakan kerja pembaikan kuarters menggunakan peruntukan MyBM dan one off KDN. Dengan adanya Garis Panduan Pengurusan Kuarters dan Peraturan-peraturan yang ditetapkan terhadap penghuni kuarters yang perlu dipatuhi, ia merupakan salah satu kaedah bagi memastikan kemudahan kuarters akan dapat dijaga.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.8.1	**Daftar Penghuni Dan Aset/Inventori Kuarters** Pengurusan kuarters yang baik, cekap dan teratur antaranya memerlukan penyelenggaraan rekod/dokumen berkaitan dengan lengkap serta kemas kini. Aset dan kelengkapan yang disediakan di kuarters Kerajaan perlu didaftar, disenarai dan disahkan bersama oleh pegawai yang bertanggungjawab dengan penghuni semasa mendaftar masuk dan keluar kuarters. Daftar kuarters Jabatan perlu mengandungi maklumat seperti nama penghuni, tarikh masuk dan keluar kuarters serta rekod berkaitan kerja pembaikan/penyenggaraan kuarters yang telah dijalankan. Selain itu, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menyatakan semua perolehan aset Kerajaan sama ada dibeli atau disewa dengan wang Kerajaan yang diterima melalui sumbangan, hadiah atau diperoleh melalui proses perundangan hendaklah didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.8.3
15.5.8.2	Semakan Audit mendapati daftar kuarters bagi tahun 2014 telah diwujudkan di semua 4 negeri yang dilawati, namun daftar tersebut tidak diselenggara dengan kemas kini di mana terdapat maklumat berhubung penghuni kuarters masih tidak direkodkan antaranya tiada tarikh menduduki kuarters. Maklumat penghuni kuarters sebelum tahun 2014 hanya disediakan di kuarters Bukit Kayu Hitam dan CIQ Sg. Tujoh, manakala daftar penyenggaraan kuarters tidak disediakan di semua 4 negeri yang dilawati.	
15.5.8.3	Semakan Audit selanjutnya berhubung dengan pengurusan aset dan inventori mendapati kuarters Taman Putra Ria, Bukit Kayu Hitam, Depot Bekenu dan CIQ Sg. Tujoh telah dibekalkan dengan aset dan inventori antaranya seperti almari dan *settee* di setiap unit kuarters. Bagi kuarters yang disediakan dengan aset dan inventori, pihak JIM tidak dapat mengemukakan daftar harta modal atau inventori untuk semakan pihak Audit. Oleh yang demikian, maklumat mengenai bilangan, usia dan nilai aset dan inventori sebenar yang dibekalkan tidak dapat dipastikan. Selain daripada itu, adalah didapati setiap aset dan inventori tidak diletakkan dengan nombor siri dan dilabelkan dengan Hak Milik Kerajaan. Surat perakuan penerimaan dan penyerahan aset juga tidak disediakan sewaktu proses masuk dan keluar kuarters. Semakan juga mendapati kebanyakan perabot yang dibekalkan telah dipindahkan dan dibiarkan di luar kuarters masing-masing kerana penghuni telah memiliki perabotnya sendiri disebabkan saiz rumah yang terhad. Pada pendapat Audit, daftar kuarters yang mengandungi maklumat berkaitan penghuni seperti rekod keluar dan masuk penghuni dan sejarah	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	penyenggaraan hendaklah disediakan dengan lengkap serta kemas kini. Penyelenggaraan daftar ini akan memudahkan pihak pengurusan memantau rekod keluar dan masuk penghuni kuarters, meneliti kos yang telah diperuntukkan bagi kerja pembaikan dan penyenggaraan serta memudahkan perancangan kerja pembaikan atau pelupusan pada masa hadapan. Di samping itu, aset dan inventori yang dibekalkan hendaklah direkodkan di dalam daftar aset dan inventori serta dilabelkan dengan nombor siri dan Hak Milik Kerajaan. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 3 Mac 2015 *Daftar Penghuni dan Rekod Aset/Inventori Kuarters telah diwujudkan di peringkat negeri. Namun demikian, JIM akan membincangkan perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters pada 10 Mac 2015 untuk menambahbaik daftar dan rekod terlibat agar ia lebih mantap dan berkesan.*	
15.5.9.1	**Pemantauan** Pemantauan yang teratur dapat membantu meningkatkan kecekapan pengurusan kuarters. Di peringkat JIM Negeri dan daerah beberapa mesyuarat telah diadakan untuk memantau aktiviti pengurusan kuarters. Antara mesyuarat yang diadakan oleh JIM bagi membincangkan permasalahan kuarters ialah mesyuarat Jawatankuasa Perumahan dan Mesyuarat Lembaga Perumahan Imigresen. Mesyuarat ini membincangkan permasalahan berkaitan kuarters untuk diambil tindakan. Selain daripada itu, beberapa perkara berhubung dengan pengurusan kuarters turut dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus serta di dalam mesyuarat pengurusan yang dipengerusikan oleh Pengarah Imigresen Negeri bertujuan untuk membincangkan sebarang perkembangan dan permasalahan yang berbangkit berhubung dengan pengurusan kuarters.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.9.2
15.5.9.2	Pihak Audit juga mendapati walaupun pelbagai mesyuarat telah diadakan bagi memantau pengurusan kuarters namun, masih terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberikan perhatian oleh pihak JIM antaranya seperti proses keluar dan masuk penghuni kuarters, pembayaran bil utiliti serta pengurusan rekod aset dan inventori. Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan kuarters JIM masih	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kurang memuaskan. Pemantauan yang lebih berkesan perlu dilakukan ke atas keseluruhan pengurusan kuarters di bawah JIM. Laporan secara berkala bagi mengenal pasti status dan keadaan kuarters perlu dikemukakan kepada pihak pengurusan bagi memudahkan pemantauan dan perancangan peruntukan sekiranya diperlukan. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 3 Mac 2015 *JIM telah diluluskan penubuhan Unit Pengurusan Kuarters di Peringkat Ibu Pejabat dan Negeri. Unit tersebut akan menjalankan pengurusan dan pemantauan hal ehwal kuarters secara tetap. Hasil daripada pemantauan tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters di peringkat Ibu Pejabat dan negeri.*	
15.5.10.1	**Penilaian Tahap Kepuasan Penghuni Kuarters** Bagi menilai tahap kepuasan penghuni terhadap pengurusan kuarters, sebanyak 267 borang soal selidik telah diedarkan di 8 kawasan kuarters yang dilawati. Daripada 267 borang selidik yang telah diedarkan, sebanyak 192 (71.9%) borang soal selidik telah dikembalikan dan hasil analisis terhadap maklum balas mendapati perkara seperti berikut:- a. Secara keseluruhannya, responden amat berpuas hati dengan beberapa perkara antaranya berkaitan dengan perkhidmatan bekalan elektrik yang disediakan, keadaan ruang dalam rumah yang selesa dan pengurusan permohonan kuarters diluluskan dalam tempoh yang ditetapkan/mengikut giliran; b. Sebanyak 45.7% responden memohon disediakan kemudahan asas seperti surau, dewan, taska, taman permainan kanak-kanak serta tong sampah dan 39.1% responden memohon kerosakan yang dibaiki menggunakan bahan/alat ganti yang berkualiti supaya kerosakan sama tidak berulang; dan c. Aspek keselamatan perlu diambil perhatian di mana sebanyak 33.5% responden memohon untuk peralatan anti kebakaran disediakan.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 15.5.10.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.10.2	Antara cadangan penambahbaikan yang diterima adalah seperti mengambil tindakan segera terhadap aduan kerosakan; menyediakan parkir untuk penghuni kuarters; meningkatkan tahap kebersihan di kawasan kuarters; meningkatkan tahap keselamatan kuarters; memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa disenggara dan berada dalam keadaan baik. Pada pendapat Audit, JIM perlu mengkaji cadangan penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan yang telah dicadangkan oleh penghuni supaya pengurusan kuarters dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur. Maklum Balas Daripada Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 3 Mac 2015 *Semua cadangan hasil Audit akan dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kuarters.*	

(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN)

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

Perenggan 17 : Pengurusan Perbadanan Nasional Berhad

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.1.a.I	**Prestasi Aktiviti - Prestasi Pembiayaan - Prestasi Skim Pembiayaan Francais Dan Pembiayaan Lain-Lain** Mulai tahun 2011, PNS mula menawarkan skim pembiayaan berdasarkan konsep pembiayaan Islam iaitu *Bay Al-Inah* yang terdiri daripada 2 skim iaitu Skim Pembiayaan Francais dan Pembiayaan Lain-Lain yang mengandungi 8 jenis produk.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.2.1.a.ii
17.5.2.1.a.ii	Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan November 2014, sejumlah 867 permohonan berjumlah RM201.48 juta di bawah Skim Pembiayaan Francais telah diterima dengan purata 289 permohonan setahun bagi tempoh 3 tahun. Daripada jumlah tersebut, bilangan permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 675 dengan nilai pembiayaan berjumlah RM137.93 juta. Jumlah permohonan yang diluluskan didapati menurun sebanyak 30.8% iaitu daripada 286 kelulusan pada tahun 2012 kepada 198 kelulusan pada tahun 2013. Bagi bulan Januari hingga November 2014, sebanyak 191 permohonan dengan jumlah RM41.24 juta telah diluluskan. Selain itu, peratusan kelulusan berbanding permohonan juga menunjukkan penurunan iaitu dari 77.7% bagi tahun 2012 dan 71.5% bagi tahun 2013. Bagaimanapun peratusan ini meningkat kepada 86.0% bagi tempoh Januari hingga November 2014. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Penurunan permohonan dan kelulusan pada tahun 2013 dan 2014 adalah disebabkan dana untuk Skim Pembiayaan Kecil Francais bagi pembiayaan RM50,000 berkurangan. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2013 PNS telah berjaya memperkenalkan skim baru yang dinamakan Skim BIT (Business in Transformation). PNS membuat pemantauan agar skim tersebut*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	berjaya mencapai objektifnya. Sehubungan dengan itu, setiap permohonan dan kelulusan yang dibuat diteliti dan disemak agar pinjaman yang diberikan adalah kepada mereka-mereka yang berpotensi untuk berjaya. Sebagai inisiatif penambahbaikan, kajian tahap kompetitif produk pembiayaan PNS dikaji semula agar lebih menarik dan mesra pelanggan.	
17.5.2.1.b.i	**Prestasi Skim Pembiayaan Lain-Lain** Pada tahun 2009, PNS mula melaksanakan Skim Pembiayaan Lain-Lain dengan produk Pembiayaan Kontrak. Pada tahun 2014, PNS telah memperkenalkan dua produk baru, iaitu Pembiayaan Pelesenan (Lisensee dan Lisensor) dan Pembiayaan Pemfaktoran (*Factoring*). Sepanjang tempoh tahun 2012 hingga bulan November 2014, sejumlah 46 permohonan Skim ini telah diterima dengan jumlah pembiayaan berjumlah RM50.06 juta dan sebanyak 28 (60.8%) permohonan berjumlah RM8.93 juta telah diluluskan. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Pembiayaan Lisensi kurang mendapat sambutan kerana kurang Bumiputera yang memohon. Kebanyakannya Lisensor Bukan Bumiputera. Pembiayaan Kontrak PNS tidak kompetitif berbanding yang ditawarkan oleh agensi pembiayaan lain Kerajaan atau swasta. Ketiadaan kepakaran dalam pembiayaan pemfaktoran. Oleh yang demikian, PNS telah menggunakan khidmat luar bagi menawarkan khidmat tersebut menerusi pelaburan yang dibuat di dalam Ikhtiar Factoring Sdn. Bhd.* *Sebagai inisiatif penambahbaikan, PNS menggalakkan Lisensor Bumiputera supaya lebih ramai Lisensi Bumiputera memohon pembiayaan, mengenalpasti perniagaan-perniagaan Bumiputera yang berpotensi memfrancaiskan perniagaan mereka untuk ditawarkan pembiayaan, menawarkan pembiayaan kepada IKS terpilih, mempercepatkan proses pengeluaran pembiayaan yang lebih efisien dan minima kepayahan pelanggan dan membuat kajian bagi melihat produk kewangan yang bersesuaian dengan keadaan semasa.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.2.1.b.i
17.5.2.1.c	**Pengeluaran Dan Bayaran Balik Pembiayaan** PNS telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM89.06 juta bagi 2 skim pembiayaan bagi tempoh tahun kewangan 2012 hingga bulan November 2014. Jumlah pengeluaran pembiayaan meningkat dengan RM5.23 juta	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.2.1.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	(21.9%) daripada RM23.85 juta pada tahun 2012 kepada RM29.08 juta pada tahun 2013. Bagi tempoh sehingga bulan November 2014, sejumlah RM36.13 juta, pengeluaran pembiayaan telah dikeluarkan kepada peminjam. Bagi tempoh yang sama, terimaan bayaran balik daripada kedua-dua skim pembiayaan telah meningkat setiap tahun. Pada tahun 2012, bayaran balik yang diterima berjumlah RM13.36 juta meningkat kepada RM15.10 juta (13.0%) pada tahun 2013. Manakala bagi tempoh bulan Januari hingga November 2014, sejumlah RM16.60 juta bayaran balik pembiayaan telah diterima. Pada pendapat Audit, bagi memastikan pembiayaan kedua-dua skim ini berdaya maju dan permohonan pembiayaannya meningkat setiap tahun, pengurusan PNS perlu mengkaji rancangan promosi syarikat yang bersesuaian supaya dapat meningkatkan jumlah permohonan pembiayaan. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Pengurusan PNS telah merangka strategi promosi melalui perancangan yang di buat pada setiap tahun. Di antara strategi yang dijalankan adalah seperti berikut:-* *1. Pembahagian syarikat-syarikat francaisor di kalangan para Pengurus Akaun di bawah Jabatan Perniagaan dan pejabat-pejabat Wilayah PNS seluruh negara bagi menawarkan perkhidmatan terus kepada pelanggan khususnya francaisor dan bakal-bakal francaisi mereka. Melalui kaedah ini francaisor mempunyai pegawai khas PNS yang akan berurusan dengan mereka bagi memenuhi keperluan khidmat nasihat dan pembiayaan francais yang diperlukan.* *2. PNS sentiasa aktif menyertai pameran-pameran serta ekspo-ekspo yang diadakan oleh KPDNKK, agensi-agensi kerajaan lain serta anjuran pihak swasta bagi mempromosi perkhidmatan yang ditawarkan.* *3. Kerjasama dengan Kerajaan negeri serta agensi-agensi peringkat negeri dalam menganjurkan taklimat juga sentiasa diadakan bagi mewar-warkan perkhidmatan PNS.* *4. Berita perkembangan terkini melalui akhbar-akhbar tempatan telah meningkatkan tahap kesedaran umum dan pengetahuan tentang PNS dan perkhidmatan yang ditawarkan.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	5. Pertanyaan serta maklum balas pelanggan juga kerap diterima di samping pertambahan bilangan pengunjung yang direkod oleh laman sesawang PNS dari sehari ke sehari. *6. Saluran menerusi media sosial seperti Facebook dan Twitter juga digunakan bagi tujuan hebahan aktiviti-aktiviti terkini yang dijalankan.* *7. Promosi ke luar negara juga dilakukan dengan penyertaan PNS bersama KPDNKK dan para francaisor ke pameran-pameran francais antarabangsa pada setiap tahun. Kerjasama bersama pihak MATRADE juga giat dijalankan.*	
17.5.2.2.i	**Prestasi *Non Performing Finance* (NPF)** Mengikut *Guidelines And Procedures For Recovery of Franchise Financing Facilities* para 5.0, sesuatu akaun pembiayaan akan diklasifikasikan sebagai NPF apabila bayaran balik pembiayaan tertangguh atau tidak berbayar melebihi tempoh 6 bulan dari tarikh tunggakan yang pertama atau berlakunya peristiwa keingkaran (event of default). Selanjutnya akan diikuti dengan tindakan Pemulihan Akaun dan Pendakwaan. Bagi akaun NPF yang tidak mempunyai peluang untuk dibuat pemulihan, maka akaun ini akan dihapus kira (written-off) dan penyerahan tugasan kepada ejen kutipan hutang. Tempoh maksimum bayaran pembiayaan yang ditetapkan adalah sehingga 60 bulan (5 tahun) bagi Francaisi dan 120 bulan (10 tahun) bagi Francaisor berdasarkan pakej, penilaian dan kelulusan pembiayaan oleh PNS.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.2.2.v
17.5.2.2.ii	Sehingga bulan November 2014, jumlah pembiayaan yang dikategorikan sebagai NPF adalah berjumlah RM46.70 juta (231 peminjam). Semakan Audit mendapati berlaku peningkatan pembiayaan menjadi NPF iaitu daripada 122 akaun pembiayaan pada tahun 2012 kepada 241 akaun pembiayaan pada tahun 2013. Bagaimanapun bagi tempoh bulan Januari hingga November 2014, berlaku penurunan kepada 231 akaun pembiayaan berjumlah RM46.70 juta telah dikategorikan sebagai NPF. Nilai NPF didapati meningkat dari RM20.89 juta pada tahun 2012 kepada RM50.40 juta pada tahun 2013 dan menurun kepada RM46.70 juta bagi tempoh bulan Januari hingga November 2014.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.2.iii	Antara faktor pembiayaan menjadi NPF adalah masalah aliran tunai akibat dari prestasi jualan yang kurang memuaskan, penamatan perniagaan oleh pihak francaisor, prestasi francaisor yang tidak stabil, berlaku penipuan dalam perniagaan dan lokasi perniagaan yang tidak strategik.	
17.5.2.2.iv	Semenjak tahun 2006 sehingga bulan November 2014, sebanyak 1,111 akaun pembiayaan berstatus NPF berjumlah RM180.78 juta. Daripada jumlah ini, pihak PNS telah mengambil tindakan pemulihan terhadap 902 akaun pembiayaan berjumlah RM133.03 juta di mana sebanyak 827 (RM109.28 juta) akaun pembiayaan daripadanya masih aktif dan menjalankan operasi perniagaan. Bagaimanapun, akaun pembiayaan di atas adalah di dalam proses *restructuring* atau *restructured* di mana peminjam akan berstatus *performing* sekiranya bilangan bulan tunggakan bayaran balik kurang dari 7 bulan. Manakala 37 (3.33%) akaun pembiayaan berjumlah RM7.50 juta dalam proses tindakan undang-undang sementara 172 (15.48%) akaun berjumlah RM40.25 juta telah dihapus kira.	
17.5.2.2.v	Tindakan hapus kira (written-off) dibuat setelah usaha-usaha PNS untuk mengutip semula tunggakan tersebut tidak berjaya melalui pelbagai cara seperti mengemukakan surat peringatan, notis tuntutan dalaman, notis tuntutan undang-undang, cadangan penstrukturan/penjadualan semula serta tuntutan saman. Pada pendapat Audit, peningkatan bilangan akaun menjadi NPF akan mendedahkan PNS terhadap risiko kegagalan pencapaian objektifnya iaitu untuk meningkatkan usahawan francais. Pemantauan yang lebih baik dan kriteria pemilihan pinjaman yang lebih berkesan dapat mengurangkan kadar NPF. Di samping itu, pihak pengurusan PNS perlu menyediakan prosedur spesifik bagi memantau fungsi dan peranan francaisor supaya aktiviti perniagaan francaisi dapat beroperasi dengan baik. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *PNS tidak mempunyai Locus Standi untuk memantau fungsi dan peranan francaisor melainkan francaisor terbabit mempunyai perjanjian bersama PNS sebagai penjamin korporat terhadap pembiayaan francaisi-francaisinya. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, PNS ada menetapkan syarat bagi francaisor terbabit untuk bertindak sebagai penjamin kepada para francaisi mereka. Dalam keadaan tersebut, legal recourse atau pun tindakan perundangan boleh diambil ke atas francaisor yang berkenaan (atas kapasiti*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sebagai penjamin) sekiranya terdapat pelanggaran terma pembiayaan yang dilakukan oleh francaisi-francaisinya. *Ketika ini, pemantauan yang dilakukan ke atas para francaisor lebih kepada bentuk penarafan (dari skala 1 sehingga 5) bagi menilai tahap urus tadbir syarikat mereka dan juga keutuhan dari segi kewangan syarikat. Penarafan minima yang dibenarkan adalah taraf 2. Sekiranya kurang daripada taraf 2, pembiayaan tidak akan diberikan kepada para francaisi mereka. Seterusnya, francaisor juga dipantau dari segi prestasi bayaran pembiayaan para francaisinya kepada PNS. Sekiranya terdapat banyak bilangan akaun francaisinya yang tidak berbayar, PNS tidak akan memberi pertimbangan untuk meluluskan permohonan pembiayaan para francaisi yang seterusnya sehinggalah akaun-akaun tidak berbayar tersebut dipulihkan. Selain daripada di atas, PNS sentiasa mengadakan perbincangan bersama francaisor bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan status perniagaan mahu pun bantuan untuk mendapatkan bayaran daripada francaisi mereka yang mempunyai akaun tertunggak.*	
17.5.2.3.i	**Prestasi Pelaburan** Aktiviti pelaburan PNS merangkumi pelaburan di dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, pelaburan jangka pendek dan pelaburan lain. Sehingga 31 Disember 2013, pelaburan terkumpul PNS berjumlah RM432.15 juta. Jumlah ini telah meningkat sejumlah RM81.16 juta (23.1%) berbanding RM350.99 juta yang dicatatkan pada tahun 2012. Berbanding dengan tahun 2011, terdapat juga peningkatan sejumlah RM9.05 juta (2.6%) yang mencatatkan nilai pelaburan berjumlah RM341.94 juta.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.2.3.iv
17.5.2.3.ii	Analisis Audit mendapati pada tahun 2011, 2012 dan 2013, nilai saksama pelaburan (fair value) lebih rendah berbanding nilai kos di mana menurun antara RM59.02 juta (12.7%) hingga RM70.46 juta (18.7%). Penurunan ketara tersebut antaranya disumbang oleh nilai pelaburan dalam 2 buah syarikat subsidiari iaitu penurunan nilai saksama di antara 51.6% hingga 53.7% berbanding kos bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013.	
17.5.2.3.iii	Sepanjang tempoh 3 tahun, tiada pendapatan dividen direkodkan daripada pelaburan dalam syarikat Subsidiari.	
17.5.2.3.Iv	PNS membuat pelaburan lain-lain yang merupakan pelaburan terbesar dari jumlah keseluruhan pelaburan PNS sama ada dalam bentuk pelaburan ekuiti langsung, pelaburan portfolio, pelaburan emas dan pemfaktoran.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pendapatan dividen, untung penjualan saham dan *placement of fund* menunjukkan peningkatan pada setiap tahun iaitu dari 5.4% hingga 9.1%. Namun begitu, adalah wajar polisi dan prosedur pelaburan sedia ada sentiasa dikaji dari semasa ke semasa supaya pulangan pelaburan yang dibuat oleh PNS mendapat pulangan yang maksimum serta risiko pelaburan dapat dikurangkan. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Pihak PNS mengambil maklum saranan supaya polisi dan prosedur pelaburan sedia ada sentiasa dikaji dari semasa ke semasa. Susulan itu, kami kini telah memulakan kajian dan mensasarkan untuk menyiapkan garis panduan yang baru pada suku ketiga 2015.*	
17.5.2.4	**Prestasi Pembangunan Hartanah** PNS melaksanakan 2 jenis skim pelaburan hartanah iaitu Skim Penyewaan dan Pemilikan Hartanah Industri Francais (PPHIF) dan Skim Pembelian Hartanah Pelaburan (PHP). Skim PPHIF bertujuan untuk membantu usahawan industri francais dengan menyediakan ruang perniagaan dan pemilikan hartanah. Melalui strategi ini, PNS akan dapat memperoleh hartanah di lokasi yang strategik bagi tujuan pembangunan serta dijual/disewa kepada usahawan francais pada harga yang berpatutan. Skim PHP merupakan satu bentuk pelaburan hartanah bagi menjana pendapatan dan mengukuhkan pemilihan harta kepada PNS dengan jaminan pulangan pelaburan (Return On Investment) pada kadar purata 7% setahun. Sehingga 31 Disember 2013, jumlah pelaburan hartanah PNS adalah berjumlah RM246.94 juta iaitu penurunan sejumlah RM5.42 juta (2.1%) berbanding tahun 2012. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Bagi tempoh Januari hingga November 2014, nilai pelaburan pembangunan hartanah PNS berjumlah RM49.97 juta yang melibatkan perolehan hartanah melalui pembelian satu bidang tanah pertanian, 5 buah unit kedai dan 2 buah bangunan kilang di beberapa lokasi iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.2.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.5.i	**Pencapaian *Key Performance Indicator*** PNS telah menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) sebagai asas penilaian terhadap pencapaian prestasi tahunan Syarikat. Sebagai mekanisme pengukuran produktiviti, Lembaga Pengarah PNS telah meluluskan agar pencapaian prestasi Syarikat hendaklah memenuhi sekurang-kurangnya 85% sasaran KPI yang selari dengan penetapan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pengurusan PNS telah mewujudkan 5 elemen utama KPI iaitu pembangunan peringkat nasional; keperluan undang-undang dan peraturan; pembentukan nilai; tumpuan prestasi dan pengurusan Kementerian; Kerajaan dan *Stakeholder*. Secara keseluruhan, pencapaian KPI syarikat adalah baik di mana pada setiap tahun PNS memperoleh 86.9% hingga 94.7%. Adalah didapati pada setiap tahun hanya 1 hingga 2 elemen yang memperoleh skor kurang dari 2.0. Pada pendapat Audit tahap pencapaian KPI PNS adalah baik dan sebahagian besar adalah memuaskan. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Bagi mencapai matlamat Pelan Strategik 5 tahun yang diluluskan, PNS telah mempertingkatkan usaha dengan mempelbagaikan sumber pendapatan melalui pelaburan hartanah, ekuiti dan pembiayaan francais. Selain itu, bagi tujuan untuk meningkatkan standard dan kecekapan modal insan program Eksekutif Francais Bertauliah (CFE) dan Pengurus Francais Bertauliah (CFM) telah berjaya mencapai matlamat dengan penglibatan lebih 100 orang francaisi dan francaisor. Melalui program seperti ini serta beberapa program-program yang telah dirancang khususnya melalui Akademi PNS akan menjadikan PNS sebagai pusat kecemerlangan industri francais tempatan.* *Jabatan Perancangan Perniagaan, di bawah Bahagian Perancangan Korporat bertanggungjawab memantau pencapaian PNS dan melaporkan prestasi syarikat pada setiap suku tahun kepada Kementerian Kewangan. Bagi tahun 2014, Kementerian Kewangan Malaysia telah menetapkan prestasi pencapaian Syarikat-Syarikat di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan hendaklah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 90%. Pencapaian keseluruhan syarikat bagi tahun berakhir 2014 adalah 93.14%.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.2.5.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.3.1.a.i	**Pengurusan Aktiviti - Pengurusan Pembiayaan Francais - Kriteria Penilaian Permohonan Pembiayaan Yang Kurang Jelas** Polisi kredit PNS para 2.3.5 (a) dan (b) menetapkan beberapa kriteria berhubung kriteria penilaian di dalam menentukan keupayaan kewangan dan komitmen bakal peminjam. Antara kriterianya adalah peminjam perlu mempunyai modal dana dan syarikat mempunyai kedudukan nilai bersih yang positif. Selain itu juga, PNS akan mengenal pasti dan menilai sumber bayaran pinjaman dan kebolehpercayaan (*reliability*) serta kemampuan (*capacity*) pengurusan untuk menguruskan syarikat.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.1.a.iv
17.5.3.1.a.ii	Semakan Audit mendapati, kriteria yang ditetapkan bagi penilaian keupayaan kewangan bakal peminjam adalah kurang jelas antaranya PNS tidak menetapkan sebarang kadar jumlah minimum modal berbayar syarikat kepada bakal peminjam di samping tidak menetapkan tempoh minimum syarikat mempunyai pengalaman dalam menjalankan operasi perniagaan.	
17.5.3.1.a.iii	Semakan Audit mendapati daripada 45 sampel pinjaman/pembiayaan yang diluluskan, 31 (68%) peminjam merupakan syarikat yang merekodkan modal berbayar yang rendah, iaitu RM2 hingga RM100 dan merupakan syarikat yang baru ditubuhkan iaitu kurang dari satu tahun. Namun amaun pembiayaan yang dikeluarkan adalah berjumlah RM185,000 hingga RM500,000. Ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap sumber hutang bagi memulakan perniagaan (gearing ratio yang tinggi). Ia akan mendedahkan kepada risiko ketidakmampuan syarikat membuat bayaran hutang pembiayaan.	
17.5.3.1.a.iv	Semakan Audit mendapati sehingga 31 Jun 2014, sebanyak 23 daripada 45 peminjam (51%) yang mempunyai jumlah modal berbayar RM2 dan RM100 telah dikategorikan sebagai NPF manakala baki 8 peminjam masih aktif dengan baki pinjaman/pembiayaan masing-masing berjumlah RM7.04 juta dan RM4.33 juta. Pada pendapat Audit, PNS perlu menetapkan syarat yang lebih jelas supaya hanya syarikat peminjam yang berkualiti dapat diluluskan pembiayaan di samping mengambil kira mandat yang diberikan iaitu untuk membantu usahawan francais. Ini kerana ia dapat mengurangkan risiko akaun menjadi NPF. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Polisi pembiayaan PNS tidak menetapkan syarat minima modal berbayar syarikat yang memohon pembiayaan daripada PNS. Ini kerana peranan PNS selaku agensi pembangunan francais yang bertanggungjawab membantu kaum Bumiputera melibatkan diri dalam perniagaan francais. PNS menawarkan margin pembiayaan 70% dan pemohon perlu menyumbang 30% modal daripada kos pelaburan francais. Modal berbayar syarikat juga adalah mengikut jumlah paling minima yang disyaratkan oleh SSM. Setelah pembiayaan dikeluarkan, pemohon akan meningkatkan modal berbayar syarikat dengan mengkapitalisasikan modal sendiri yang telah dikeluarkan sebanyak 30%. *Dari segi tempoh pengoperasian, syarikat tidak perlu mempunyai tempoh perniagaan kerana syarikat francaisi adalah sebuah syarikat yang baru ditubuhkan tanpa apa-apa pengalaman perniagaan. Ini adalah kelebihan yang ditawarkan oleh PNS berbanding institusi kewangan lain yang memerlukan syarikat atau perniagaan yang telah beroperasi. Bagi menjamin pembiayaan oleh usahawan, PNS meletakkan syarat jaminan korporat daripada pemegang saham dan pengarah syarikat dan debentur ke atas aset-aset tetap dan terapung milik syarikat tersebut.* *Sebagai sebuah organisasi pembangunan usahawan (Entrepreneur Development Organization), salah satu kaedah menambah bilangan usahawan ialah dengan mengenalpasti usahawan baru. Francais adalah suatu pilihan perniagaan yang sesuai untuk usahawan baru. Dalam usaha membangunkan industri francais, kebanyakan francaisi adalah syarikat baru. Bagi mengawal agar setiap pembiayaan PNS diberikan kepada peminjam berkualiti kaedah berikut telah dilaksanakan iaitu laporan Credit Bureau dan semakan CCRIS dan CTOS peminjam, Sistem Penarafan Francaisor dan laporan penilaian risiko daripada Jabatan Pengurusan Risiko, meningkatkan pemantauan kredit bagi mengurangkan risiko akaun menjadi NPF, melakukan semakan dengan Jabatan Insolvensi oleh panel peguam PNS sebelum pengeluaran pembiayaan dibuat serta menjalinkan hubungan baik dengan francaisor bagi memastikan francaisi yang dipilih adalah berkualiti.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.3.1.b	**Pemantauan Terhadap Prestasi Peminjam** Kajian semula tahunan bertujuan untuk mengkaji kedudukan kewangan peminjam, pematuhan *condition precedent* yang ditetapkan dalam surat tawaran pembiayaan, prestasi perniagaan yang dilaksanakan oleh peminjam serta memantau sekiranya terdapat perubahan pada profil risiko pinjaman. Namun begitu, semakan Audit terhadap 50 sampel pembiayaan mendapati pihak PNS ada menjalankan kajian semula tahunan terhadap 2 peminjam. Pada pendapat Audit, kajian semula tahunan adalah wajar dilaksanakan terhadap semua peminjam di dalam tempoh yang bersesuaian bagi mengetahui kemampuan peminjam membuat bayaran pinjaman. Kajian semula tahunan yang dibuat mengikut tempoh yang bersesuaian bagi membolehkan pihak pengurusan PNS dapat mengesan status atau prestasi setiap peminjam dengan sewajarnya dan tindakan susulan yang lebih awal dapat dilaksanakan. Kekerapan ini boleh dilaksanakan mengikut keperluan sekiranya akaun peminjam perlu dibuat pemantauan yang lebih. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Kajian semula tahunan (annual review) yang dijalankan lebih merupakan lawatan tapak yang dijalankan setiap tahun ke atas premis-premis perniagaan bagi mendapatkan maklumat prestasi jualan dan keadaan perniagaan. Maklumat didokumenkan di dalam laporan lawatan untuk tindakan susulan pegawai pemantauan. Hasil daripada maklumat pemantauan akan di analisis sama ada pembiayaan pelanggan perlu di jadual semula, distrukturkan atau dipantau seperti biasa. Pemantauan yang dibuat adalah secara pro aktif bagi mencegah akaun menjadi NPF. Di samping lawatan tapak yang dijalankan, pemantauan akaun dan pembayaran juga dilakukan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Pemantauan Kredit.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.1.b
17.5.3.2.i	**Polisi Insurans Bagi Pemblayaan Oleh PNS - Pemblayaan Tanpa Perlindungan Insurans** Sebanyak 4 peminjam tidak mengambil perlindungan insurans am (*general insurans*) terhadap perolehan aset atau peralatan dan pengubahsuaian yang dibiayai oleh PNS.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.2.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Bagi 4 fail peminjam, salinan tersebut tiada di dalam simpanan PNS. PNS telah pun menghubungi francaisi-francaisi yang terlibat berhubung dengan perlindungan Takaful Am yang dinyatakan di dalam penemuan Audit.* *Mereka diberi masa selama 14 hari untuk menyerahkan salinan polisi Takaful Am kepada PNS. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan pendebitan terus ke akaun mereka bagi tujuan mendapatkan perlindungan Takaful Am. Untuk mengelakkan perkara ini daripada berulang, berkuatkuasa serta merta salinan cover note/polisi untuk insurans am akan diperolehi terlebih dahulu sebelum pengeluaran dana pembiayaan sepenuhnya dikeluarkan.* Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Nota perlindungan Takaful Am masih belum diterima. PNS telah mengeluarkan surat peringatan pada 6 Mac 2015 kepada pelanggan-pelanggan terbabit. Sekiranya nota perlindungan tersebut gagal disediakan selewat-lewatnya pada 20 Mac 2015, PNS akan membayar premium perlindungan tersebut dan akan mendebitkan akaun pembiayaan mereka.*	
17.5.3.2.ii	**Insurans Peminjam Yang Telah Tamat Tempoh Perlindungan (*Insurance Coverage*)** Sebanyak 2 polisi insurans peminjam telah tamat tempoh perlindungan dan tiada dokumen menunjukkan polisi ini diperbaharui. Semakan lanjut mendapati peminjam tersebut masih aktif tetapi polisi insurans telah tamat sejak dari bulan September 2012 hingga Januari 2013. Kesemua peminjam terlibat masih mempunyai baki tempoh pinjaman sehingga 5 tahun dari tarikh insurans tamat. Penamatan tempoh perlindungan insurans boleh menjejaskan kepentingan PNS sekiranya peminjam tidak mampu untuk membuat bayaran pinjaman serta terdapat kehilangan/kerosakan terhadap aset/peralatan yang dibiayai oleh PNS. Pada pendapat Audit, pemantauan rapi hendaklah dilaksanakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap tempoh perlindungan insurans oleh syarikat peminjam bagi memastikan semua akaun pembiayaan mempunyai perlindungan insurans yang mencukupi.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.2.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Dua polisi insurans peminjam di bawah perlindungan takaful yang telah tamat tempoh, PNS mengambil maklum berhubung perkara ini. PNS telah menghubungi pelanggan berkenaan untuk mendapatkan salinan pembaharuan perlindungan takaful sehingga tarikh tamat pembiayaan. Tindakan susulan ke atas pelanggan di buat sehingga salinan tersebut diperolehi.* *PNS telah pun pada 25 Februari 2015 mengeluarkan surat peringatan kepada dua syarikat di atas bagi mendapatkan nota atau polisi perlindungan Takaful Am bagi tahun berikutnya sehingga tarikh luput pembiayaan. PNS akan membuat bayaran dan pendebitan akaun pelanggan bagi memperbaharui perlindungan Takaful tersebut sekiranya tiada maklum balas pada atau sebelum 24 Mac 2015 iaitu 30 hari dari tarikh notis.*	
17.5.3.3.iii.a	**Pengurusan Geran Dari Kerajaan - Terma Dan Syarat Geran** Pemberian geran hendaklah disokong dengan terma dan syarat geran yang menjelaskan objektif geran, penggunaan geran dan kaedah pemantauan geran. Semakan Audit mendapati satu daripada lapan geran yang disemak iaitu Geran Promosi Francais tidak mempunyai terma dan syarat yang jelas daripada KPDNKK yang mengakibatkan beberapa kelemahan berikut telah dikenal pasti: • **Tiada Penetapan Had dan Jenis Perbelanjaan Geran** Hasil analisis Audit berdasarkan sampel baucar bayaran dari tahun 2011 hingga 2013 mendapati PNS telah membuat bayaran sejumlah RM2.0 juta bagi pihak KPDNKK seperti kos sewaan dewan seminar, sewaan tapak program, kos penganjuran expo francais, kos penerbitan sitkom francais, kos penyediaan visa bagi pegawai Kementerian, kos penginapan dan makan minum bengkel francais. Perbelanjaan yang dibuat adalah di antara RM400 hingga RM600,000 di mana semakan lanjut terhadap butiran perbelanjaan mendapati jenis perbelanjaan yang dilibatkan adalah merupakan aktiviti/program yang dilaksanakan oleh Kementerian.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.3.iii.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, pengurusan geran di peringkat perancangan dan pemantauan perlu dipertingkatkan. Kelemahan dalam perancangan geran menyebabkan terma dan syarat geran tidak disediakan yang mengakibatkan geran diurus mengikut keadaan tanpa sebarang panduan yang jelas. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Kementerian telah diluluskan Program Pembangunan Francais di bawah Peruntukan Pembangunan. Peruntukan Pembangunan Francais disalurkan kepada PNS untuk melaksanakan program-program Pembangunan Francais yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia (RMKe-9 dan RMKe-10) termasuk program promosi seperti Ekspo Francais, Francais Komuniti, Kursus Pemantapan Francaisor dan Ekspo Tahunan Franchise International Malaysia (FIM). Kementerian telahpun menyediakan Terma Rujukan (TOR) termasuk TOR yang mengandungi peruntukan dan penambahbaikan terma dan syarat-syarat bagi penggunaan peruntukan Program Promosi Francais. Dalam TOR tersebut, satu TOR yang jelas akan diwujudkan bagi mana-mana penyaluran peruntukan yang ingin disalurkan kepada pihak luar termasuklah agensi di bawah Kementerian iaitu PNS sendiri.* *Kementerian juga akan sentiasa melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa agar TOR yang jelas dalam penyaluran peruntukan dipatuhi. Setiap peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian akan mengambil kira secara terperinci jumlah perbelanjaan yang akan dibuat berdasarkan inbois-inbois yang akan dikemukakan oleh pihak PNS (sekiranya kerja dibuat terdahulu) atau laporan lengkap berkenaan pelaksanaan satu-satu program contohnya program latihan yang melibatkan kerjasama Kementerian dan memerlukan penyaluran peruntukan terlebih dahulu. Setiap program yang telah ditetapkan telah disediakan satu kertas konsep yang mempunyai objektif yang jelas serta impak pelaksanaan setiap program tersebut seperti Misi Promosi Francais Malaysia ke Luar Negara bagi program antarabangsa.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.3.3.iii.b	**Pembayaran Yang Tidak Teratur** • **Baucar Bayaran Tanpa Dokumen Sokongan Dan Pengesahan/ Perakuan Kerja/Perkhidmatan Telah Sempurna** Semakan Audit mendapati 8 daripada 35 sampel baucar bayaran Geran Promosi Francais berjumlah RM1.436 juta yang disemak tidak dilampirkan dengan invois dan perakuan oleh pegawai yang bertanggungjawab. Adalah didapati pembayaran dibuat berdasarkan Surat Arahan Pembayaran dan Minit Ceraian daripada KPDNKK. Pihak Audit tidak dapat memastikan kewajaran pengesahan untuk bayaran di atas kerana dokumen sokongan tidak lengkap. Di samping itu pengesahan sama ada butiran perbelanjaan dilaksanakan dengan sempurna mengikut skop kerja yang diluluskan juga tidak dapat dipastikan. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 Dan 6 Mac 2015 *Sebahagian inbois-inbois yang disenaraikan oleh pihak Audit telahpun dikemukakan kepada pihak PNS. Kementerian mengambil maklum berkenaan perkara ini dan bagi tujuan penambahbaikan pembayaran atau penyaluran peruntukan hanya akan melibatkan program-program yang melibatkan kerjasama dengan pihak PNS. Dokumen-dokumen sokongan yang lengkap akan disertakan bersama pengesahan perkhidmatan oleh pegawai Kementerian. Kementerian telah memutuskan SOP dilakukan bersama-sama dengan pihak PNS.* *Bagi menggelakkan perkara ini dari berulang pihak KPDNKK dan PNS bersetuju untuk memastikan setiap arahan bayaran disertakan dengan inbois asal. Sekiranya ketiadaan inbois asal, salinan inbois yang telah disah dan diperakui diperlukan, pengesahan perkhidmatan/kerja dilakukan oleh pegawai KPDNKK dan membuat semakan ke atas SOP PNS berhubung tuntutan pembayaran yang dibuat kepada Kementerian. Oleh demikian, SOP pembayaran PNS ini akan digunakan sebagai rujukan pembayaran oleh Kementerian dan PNS. Mesyuarat antara KPDNKK, PNS telah diadakan pada 16 Februari 2015 dan PNS telah menyerahkan SOP pembayaran pada hari yang sama. Pada masa yang sama pihak PNS masih berusaha untuk mencari invois-invois asal yang lain dan dijangka akan selesai pada akhir bulan Mac ini.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.3.iii.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, bayaran tanpa disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap adalah tidak teratur dan bercanggah dengan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.	
17.5.3.3.III.c	**Pelaksanaan Skim Dana Bantuan Pembangunan Francais (DBPF) Dan Program Pembangunan Produk Francais Tempatan (PPFT)** Skim dana bantuan DBPF dan PPFT merupakan sebahagian daripada program bantuan yang ditetapkan di dalam rancangan pembangunan Kerajaan. Penemuan Audit bagi 2 geran bantuan francais yang disemak ialah seperti dalam perenggan berikut:- • **Skim Dana Bantuan Pembangunan Francais (DBPF)** Dana bantuan ini disediakan sebagai insentif bagi menggalakkan usahawan tempatan untuk menukar perniagaan konvensional kepada perniagaan francais. Melalui dana ini, francaisor layak memohon geran dalam bentuk bayaran balik sehingga 90% dari kos yang digunakan untuk membangunkan perniagaan francais dengan had maksimum RM100,000. Antara syarat bantuan ini adalah syarikat francaisor masih beroperasi dan mempunyai sekurang-kurangnya satu francaisi menjalankan perniagaan francais mereka. Semakan Audit mendapati kesemua 85 syarikat francaisor masih aktif beroperasi dan telah mempunyai satu atau lebih francaisi semasa menerima dana bantuan. Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut berkenaan prestasi dan status syarikat pada tarikh pengauditan mendapati perkara seperti berikut: • 68 syarikat francaisor masih aktif dan mempunyai bilangan francaisi di antara 1 hingga 75 syarikat. • 10 syarikat francaisor masih aktif tetapi PNS tidak memperoleh status maklumat francaisi daripada francaisor. • 7 syarikat francaisor termasuk francaisi di bawahnya tidak lagi aktif. Pada pendapat Audit, ketiadaan terma dan tanggungjawab bagi urusan pemantauan terhadap penerima geran boleh menyebabkan tujuan geran yang disalurkan tidak mencapai objektifnya.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.3.iii.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Dalam merangka program pemantauan pemberian geran tersebut, kementerian dan PNS sentiasa memastikan bahawa syarat-syarat yang telah ditetapkan dipatuhi. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengkaji daya maju (viability) sesuatu perniagaan sebelum pemberian geran diluluskan melalui Jawatankuasa Induk Pembangunan Produk (JIPP). Keahlian bagi jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan yang mempunyai kepakaran seperti Kementerian Kewangan Malaysia, Unit Perancangan Ekonomi, SME Bank, MARA, TEKUN, PUNB dan lain-lain. Selepas pemberian geran, pemantauan akan dilakukan oleh pihak jawatankuasa sepertimana yang termaktub dalam terma rujukan. Di dalam terma rujukan ini juga dinyatakan secara jelas agihan peruntukan diagihkan mengikut fasa pelaksanaan dan keahlian jawatankuasa seperti yang dinyatakan di atas.* *Walau bagaimanapun, bagi tujuan penambahbaikan Kementerian bersama-sama pihak PNS akan mengkaji semula TOR sedia ada dan kaedah pelaksanaan dana supaya lebih efektif dan bersesuaian dengan keperluan semasa. Kementerian akan turut menyediakan satu mekanisme yang lebih lengkap bagi tujuan pemantauan dan laporan kemajuan perniagaan oleh francaisor yang telah diberikan kemudahan ini.*	
17.5.3.4.II.a	**Pengurusan Aktiviti Pelaburan Lain - Tiada Prosedur Dan Kriteria (SOP) Bagi Skim Pelaburan *Start-Up* Dan Lain-Lain (*Others*)** • Sehingga 30 Jun 2014, pelaburan langsung PNS telah dibahagikan kepada 5 skim iaitu *Start-Up, Mezzanine, Pre-IPO,* Francais dan Lain-Lain. Bagaimanapun dua daripada lima skim pelaburan iaitu skim *Start-Up* dan Lain-Lain adalah tidak tertakluk kepada prosedur dan kriteria yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah seperti objektif skim, kriteria syarikat yang dipilih, struktur pegangan saham pelaburan, tempoh pelaburan, amaun dan jenis saham. • Semakan Audit mendapati pengurusan PNS tidak menetapkan sebarang prosedur dan kriteria bertulis dengan jelas bagi skim pelaburan *Start-Up* dan Lain-Lain. Sebaliknya kriteria pelaburan bagi syarikat di bawah skim ini berdasarkan kertas cadangan yang dikemukakan oleh *proponent* dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Perkara ini menyebabkan pihak Audit	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.4.II.a

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tidak dapat mengesahkan sama ada pelaburan langsung PNS di dalam kedua-dua skim ini adalah mengikut kriteria terbaik seperti skim pelaburan yang lain. • Semakan Audit selanjutnya mendapati PNS telah meluluskan satu pelaburan di bawah skim *Start-Up* dan dua pelaburan Skim Lain-Lain (Others) kepada syarikat yang tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh seperti mencatatkan kerugian hampir setiap tahun pelaburan, tidak mempunyai rekod operasi dan tahap prestasi syarikat yang kurang memuaskan. Hanya satu syarikat di bawah pelaburan Skim Lain-Lain yang merekodkan prestasi kewangan yang baik. Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan PNS boleh ditambah baik dengan menyediakan prosedur dan kriteria bagi kedua-dua skim pelaburan langsung tersebut. Ini bagi memastikan pengurusan pelaburan yang berkesan dapat dilaksanakan dan mencapai objektif pelaburan. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 Dan 6 Mac 2015 *Pelaburan "Start-Up" merupakan pelaburan baru di PNS. PNS telah menggunapakai garis panduan dan kriteria kelayakan berdasarkan "Skim Mezzanine" dalam membuat penilaian kecuali syarat rekod keuntungan syarikat selama 3 tahun berturut-turut tidak digunapakai dan cadangan ini diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah. Manakala bagi skim pelaburan Lain-Lain (termasuk pelaburan 'Private Placement' di dalam syarikat yang disenaraikan di dalam Bursa Malaysia) adalah berpandukan polisi dan garis panduan di bawah skim pelaburan "Mezzanine" atau Pra-IPO dimana garis panduan bagi pemprosesan, penilaian, kriteria, tempoh, struktur pegangan saham, pulangan pelaburan dan proses kelulusan adalah berdasarkan garis panduan sedia ada. PNS akan menyediakan garis panduan berhubung lain-lain pelaburan dengan menyatakan kriteria yang diperlukan. Sasaran garis panduan disiapkan pada suku ketiga 2015. Untuk permulaan, pihak PNS telah mengemaskini prosedur sedia ada dan semua penambahbaikan akan dibentangkan kepada pihak pengurusan di dalam Mesyuarat Pengurusan yang akan datang.* *Satu pelaburan di bawah skim Start-Up adalah pelaburan pertama di dalam usaha untuk membantu syarikat Start-Up. PNS berpendapat bahawa syarikat tersebut perlu dibantu kerana syarikat tersebut adalah satu-satunya syarikat*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pengeluar makanan kucing berstatus halal dan milik Bumiputera. Kertas Cadangan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah dengan jumlah pelaburan berjumlah RM1.0 juta. Namun begitu, syarikat tersebut gagal membayar balik pinjaman dan PNS telah mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat dan ahli lembaga pengarah syarikat. Manakala 2 pelaburan di bawah pelaburan Skim Lain-Lain (Others) adalah salah satu pelaburan "Private Placement" yang diluluskan berpandukan garis panduan pelaburan Mezzanine yang sedia ada. Di samping itu, pihak PNS tidak lagi mempertimbangkan sebarang permohonan bagi pelaburan penyenaraian di luar negara.	
17.5.3.4.ii.b	**Pencapaian Objektif Pelaburan Langsung** • PNS telah menetapkan objektif pelaburan di dalam *Investment Policies and Guidelines* untuk memberi panduan dan menetapkan kumpulan sasaran yang akan memperoleh manfaat pelaburan. Objektif pelaburan merangkumi dua aspek iaitu bagi memperoleh pulangan pelaburan dan membantu penglibatan usahawan Bumiputera dalam bidang perniagaan. Selain itu, ia juga bertujuan membangunkan usahawan Bumiputera di dalam industri Francais melalui syarikat Francaisor yang telah berjaya. • Sehingga 30 Ogos 2014, semakan Audit terhadap 6 daripada 9 sampel syarikat yang dilabur oleh PNS mendapati objektif pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah masih belum tercapai sepenuhnya. Adalah didapati empat daripada enam syarikat yang dilabur tidak membuat bayaran dividen kepada PNS semenjak tahun pertama pelaburan sehingga tarikh pengauditan. Manakala baki dua syarikat lagi hanya membuat bayaran dividen di peringkat awal pelaburan sahaja. Di samping itu, matlamat PNS untuk melahirkan bilangan Francaisi Bumiputera baru melalui strategi pelaburan dengan syarikat Francaisor belum berjaya dilaksanakan walaupun tempoh pelaburan telah mengambil masa 3 hingga 4 tahun sehingga tarikh pengauditan. • Perkara ini berlaku kerana prestasi kewangan syarikat yang dilabur yang kurang memuaskan menyebabkan tiada pembayaran dividen kepada pelabur dibuat serta proses tindakan susulan untuk melaksanakan terma pelaburan masih di peringkat PNS lagi. Pada pendapat Audit, memandangkan pelaburan yang dibuat tidak mendapat pulangan yang sewajarnya, pengurusan dan Lembaga Pengarah perlu menilai kembali keberkesanan pelaburan. Selain itu, pemantauan oleh pengurusan	Pihak PNS mengambil maklum berhubung pendapat audit. Sehubungan itu, PNS akan membuat kajian berhubung keberkesanan pelaburan yang akan dibuat pada masa hadapan disamping mengkaji semula prosedur pemantauan terhadap syarikat investee bagi tujuan penambahbaikan. Sasaran kajian semula ini akan disiapkan pada suku ke-tiga 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	syarikat perlu dipertingkatkan.	
17.5.3.4.ii.b	• Semakan Audit juga mendapati PNS ada membuat pelaburan dalam syarikat optometri yang berjumlah RM7.95 juta. Berdasarkan surat tawaran pelaburan oleh syarikat berkenaan, syarikat pelabur dan PNS akan bekerjasama untuk melaksanakan *Franchaise Development Programe* (FDP). Maklumat terperinci bagi program ini akan dibuat melalui satu perjanjian berasingan bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan program. Pemeriksaan mendapati tiada sebarang perjanjian FDP dibuat di antara kedua-dua pihak. Sehingga tarikh pengauditan, program ini masih belum dijalankan lagi dan pihak Audit tidak memperoleh maklumat berkaitan bentuk dan mekanisme pelaksanaan FDP antara PNS dan syarikat yang dilabur. • Selain itu, PNS juga turut membuat pelaburan berjumlah RM4.0 juta dalam satu syarikat yang terlibat di dalam industri besi. Antara objektifnya adalah untuk melahirkan francaisi Bumiputera bagi produk *metalworks* di bawah jenama Grilles.my. Oleh demikian, perjanjian pelaburan (subcription agreement) telah ditandatangani pada bulan Jun 2012 antara PNS dan pengurusan syarikat pelabur. Semakan Audit mendapati tiada klausa di dalam perjanjian yang menjelaskan tentang mekanisme dan pelan tindakan yang seharusnya diambil oleh syarikat pelabur untuk mencapai objektif pelaburan PNS. Di samping itu, pihak Audit tidak dapat memastikan tahap keberkesanan penggunaan dan perbelanjaan dana pelaburan oleh syarikat yang dilabur oleh PNS bagi melaksanakan program pembangunan francais. Ini kerana tiada Francaisi Bumiputera baru diwujudkan di bawah jenama Grilles.my. dari tarikh pelaburan sehingga kini walaupun ia telah mengambil masa hampir 30 bulan. Pada pendapat Audit, PNS perlu menandatangani perjanjian yang lengkap dan jelas bagi setiap pelaburan projek serta memperincikan tanggungjawab serta tindakan pihak yang terlibat. Ini untuk memastikan pelaburan yang dibuat mendapat pulangan sewajarnya, seterusnya dapat membangunkan usahawan francais negara. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.4.ii.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Syarikat Optometri* *PNS sedia maklum bahawa tiada perjanjian berasingan bagi pelaksanaan program FDP. Walau bagaimanapun, kerjasama lain yang diwujudkan ialah menerusi program "Job Placement" yang sedang dijalankan oleh PNS Academy bersama-sama syarikat optometri. Sehingga kini, syarikat optometri ini telah mengambil seorang sebagai pekerjanya di bawah program tersebut pada tahun 2014. Di samping itu, PNS telah membuat pembiayaan ke atas 5 francaisi yang lain dengan jumlah kelulusan RM3.6 juta. Pembiayaan ini sebahagian daripada program pembangunan francais (FDP).* • *Syarikat Besi (Metalworks & Grill)* *Di antara Ogos 2011 dan Februari 2012, PNS telah membiayai 11 francaisi Bumiputra bagi syarikat metalworks. Pada Jun 2012 PNS telah membuat pelaburan ekuiti di dalam syarikat metalworks bagi tujuan melaksanakan program pembangunan francais melalui skim francais. Namun, pakej francais yang ditawarkan itu tidak menunjukkan prestasi yang baik dan kesemua francais telah menutup perniagaan mereka. Oleh yang demikian, PNS tidak lagi memberi pembiayaan kepada francaisi syarikat metalworks. Syarikat metalworks perlu menyediakan model perniagaan yang lebih baik bagi bakal francaisi sebelum PNS boleh menimbangkan semula pembiayaan kepada francaisi-francaisi baru. PNS akan mengadakan perbincangan dengan syarikat metalworks berhubung perkara ini.*	
17.5.3.4.ii.c	**Aktiviti Jualan Balik Saham Bagi Pelaburan Portfolio** Mengikut Manual Operasi Pelaburan Portfolio di dalam transaksi urusniaga *sharetrading* menetapkan jualan balik saham yang melibatkan kerugian atas jualan balik tidak melebihi *stop loss limit* yang ditetapkan iaitu 10% bagi sesuatu pelaburan portfolio. Semakan Audit terhadap 110 sampel transaksi *sharetrading* bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Julai 2014 mendapati 21 (20%) transaksi jualan saham yang melebihi *stop loss limit* dan mengalami kerugian antara melebihi 10% hingga 15% dari harga belian dengan nilai kerugian di antara RM1,000 hingga RM40,000. Antara faktor berlakunya transaksi ini akibat dari transaksi jualan saham yang tiada penawaran belian saham oleh pelabur ketika harga pasaran saham semakin menurun. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.4.ii.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pengurus Dana akan memantau prestasi syarikat (saham) yang dipegang di mana jika kejatuhan nilai saham adalah bersifat sementara disebabkan faktor-faktor luar yang tidak boleh dikawal akan tetapi syarikat (saham) masih boleh memberi dividen kepada pelabur dan menjangka harga saham akan pulih maka Pengurus Dana cuba tidak melupuskan saham syarikat tersebut yang boleh mengakibatkan kerugian nyata kepada pelaburan portfolio.	
17.5.3.4.II.d	**Tindakan Terhadap Pinjaman Tidak Berbayar Bagi Produk Pembiayaan Untuk Pelaburan Langsung** PNS menyediakan kemudahan pinjaman kepada syarikat peminjam yang ingin membuat pelaburan langsung dalam bentuk perolehan saham/ekuiti, *loan stock* atau pinjaman perolehan aset. Bagaimanapun, mulai tahun 2006 aktiviti pinjaman pembiayaan terus ditumpukan hanya kepada bentuk perolehan saham/ekuiti dengan prosedur yang lebih ketat. Berdasarkan Laporan Akaun Pelaburan Legasi PNS sehingga bulan Julai 2014 (Status of Litigation Files/High Profile Litigation Case Report), PNS telah menguatkuasakan tindakan undang-undang terhadap 19 syarikat peminjam bagi tempoh tahun 1996 sehingga 2006 yang mempunyai tunggakan amaun bayaran balik pinjaman berjumlah RM210.40 juta. Hasilnya 7 kes di mana PNS tidak atau belum mengambil tindakan undang-undang, 9 kes di dalam proses undang-undang dan 4 daripada 9 kes ini telah mendapat keputusan mahkamah (Judgement Debtor) di mana peminjam diarahkan untuk membayar amaun pinjaman kepada PNS. Manakala 3 kes dalam proses tindakan penggulungan/kebankrapan. Pemeriksaan lanjut terhadap 19 syarikat tersebut sehingga tarikh pengauditan mendapati 12 syarikat masih aktif dan 7 syarikat tidak lagi beroperasi (dormant).	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 17.5.3.4.ii.e
17.5.3.4.ii.e	**Pemantauan Terhadap Aktiviti Pelaburan Lain** • Sebagai sebuah syarikat di mana salah satu aktiviti utamanya adalah melaksanakan pelaburan, PNS perlu mengurus dan memantau semua pelaburan yang dibuat. Untuk tujuan berkenaan, PNS telah menggariskan prosedur dan pemantauan pelaburan dalam *Investment Monitoring Procedure Manual* PNS. • Semakan Audit terhadap sampel laporan pemantauan mendapati ia telah disediakan oleh *Investment Monitoring Department* (IMD). Laporan ini juga telah dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan dan Lembaga	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pengarah secara berkala. Bagaimanapun, keberkesanan kaedah pemantauan harus dipertingkatkan terutamanya di dalam skim pelaburan francais. Pada pendapat Audit, pihak PNS perlu menjalankan analisis yang menyeluruh terhadap semua pelaburannya supaya pulangan yang munasabah dapat diperoleh berbanding kos pelaburan yang tinggi. Selain itu, semua pelaburan perlu dipastikan mencapai objektif asal penubuhan PNS, iaitu untuk meningkatkan industri francais negara. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Pihak PNS mengambil maklum berhubung pendapat audit. Untuk itu akan mengkaji semula prosedur pemantauan terhadap syarikat investee bagi tujuan penambahbaikan. Sasaran kajian semula ini akan disiapkan pada suku ke-tiga 2015.*	
17.5.4	**Pengurusan Syarikat Subsidiari** Sehingga 31 Disember 2013, prestasi kedua-dua syarikat subsidiari PNS adalah kurang memuaskan di mana pelaburan PNS dalam syarikat subsidiari telah mengalami pengurangan nilai dan mencatatkan peningkatan kerugian terkumpul setiap tahun. Nilai saksama pelaburan syarikat mencatatkan sejumlah RM29.66 juta berbanding kos pelaburan berjumlah RM61.33 juta (termasuk Pendahuluan berjumlah RM27.83 juta). Subsidiari PNS iaitu Visi Anugerah Sdn. Bhd. telah memberhentikan operasi (*dormant*) sejak tahun 2011, manakala Malaysia International Franchise Sdn. Bhd. (MyFranchise) masih beroperasi dan mencatatkan kerugian terkumpul sehingga 31 Disember 2013 berjumlah RM43.67 juta. Pada pendapat Audit, prestasi syarikat subsidiari PNS yang masih aktif perlu dipertingkatkan lagi serta mengkaji semula pelaburannya di dalam syarikat subsidiari yang tidak aktif. Ini bagi memastikan pelaburan yang dibuat dapat memberi pulangan terbaik kepada PNS. Maklum Balas Perbadanan Nasional Berhad Yang Diterima Pada 27 Januari 2015 *Kerugian terkumpul sehingga Disember 2013 adalah berjumlah RM43.67 juta,*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dengan itu kerugian terkumpul telah dapat dikurangkan sejumlah RM0.45 juta berbanding RM44.12 juta pada tahun 2012. Jumlah kerugian pada tahun 2007 hingga 2012 adalah disebabkan peruntukan bagi semua pelaburan telah dibuat ke atas anak syarikat MyFranchise sejajar dengan pengamalan FRS 139. Peruntukan ke atas pelaburan dalam Forest'Secret Sdn. Bhd., Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd., Benua Harapan Sdn. Bhd. adalah berjumlah RM23.0 juta. Peruntukan pelaburan lain seperti Nineteen O One Sdn. Bhd. berjumlah RM4.10 juta, Rich Pace Sdn. Bhd. berjumlah RM0.3 juta dan Jom Malaysia berjumlah RM2.50 juta serta perbelanjaan pentadbiran yang lain berjumlah RM10.3 juta. Namun begitu, pada tahun 2013, jumlah kerugian tersebut telah dikurangkan melalui hasil penjualan anak syarikat iaitu Forest'Secret Sdn. Bhd. berjumlah RM1.0 juta. *Bagi tempuh tahun kewangan 2007 hingga Oktober 2014, MyFranchise tidak mempunyai pendapatan secara langsung. Bagaimanapun, MyFranchise memperolehi lain-lain pendapatan iaitu faedah daripada simpanan tetap (fixed deposit) dan hasil sewaan pejabat. Analisis kerugian menunjukkan pada tahap pembangunan perniagaan (5 tahun pertama) Myfranchise bagi tahun bermula dari 2007 hingga 2011 telah mengalami kerugian terkumpul sejumlah RM42.32 juta. Bagaimanapun pada tahun 2011 dan 2012 inisiatif konsolidasi perniagaan telah dijalankan yang telah memberi kesan secara positif dari segi kerugian bersih semasa. Perniagaan MyFranchise seterusnya pada tahun 2013 dan 2014 telah mencapai titik pulangan keuntungan yang minima.*	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

Perenggan 18 : Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.1.1.a	**Prestasi Kewangan - Analisis Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi** TPM Biotech memperoleh pendapatan melalui bayaran daripada usahawan untuk perkhidmatan makmal dan kemudahan pembuatan bagi produk herba dan *nutraceutical* daripada sumber semula jadi serta perkhidmatan pakar runding reka bentuk proses bioteknologi. Pendapatan lain terdiri daripada bayaran perkhidmatan pakar runding teknikal dan latihan kepada usahawan serta orang perseorangan. Perbelanjaan utama TPM Biotech meliputi kos operasi, pembelian bahan mentah dan perbelanjaan lain.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.1.1.c
18.5.1.1.b	TPM Biotech merekodkan prestasi kewangan yang tidak konsisten di mana pada tahun 2011 dan 2013, syarikat mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM0.11 juta dan RM0.02 juta tetapi pada tahun 2012 syarikat mengalami kerugian bersih berjumlah RM4.74 juta. Analisis Audit mendapati faktor berlakunya kerugian yang signifikan pada tahun 2012 adalah disebabkan penurunan pendapatan operasi berjumlah RM2.05 juta (40.6%) berbanding tahun 2011 dan peningkatan perbelanjaan lain (311.7%) iaitu pelupusan hutang lapuk dan ragu serta pelupusan inventori yang usang.	
18.5.1.1.c	Analisis Audit selanjutnya mendapati TPM Biotech mempunyai nisbah jumlah perbelanjaan yang tinggi berbanding pendapatan iaitu 97.8%, 258.0% dan 99.6% pada tahun 2011, 2012 dan 2013 yang merangkumi pembayaran gaji pekerja, penyenggaraan peralatan dan pembelian peralatan makmal. Perbelanjaan ini berjumlah RM2.00 juta, RM1.90 juta dan RM2.91 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013 masing-masing. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini

	6 Mac 2015
	
	• *TPM Biotech adalah sebuah syarikat yang diberi mandat oleh Lembaga Pengarah untuk menjalankan perkhidmatan pengilangan produk berasaskan herba, memberi perkhidmatan analisa makmal, analisa produk dan halal, tisu kultur, pembangunan dan formulasi produk, pendaftaran produk, perundingan dan latihan dalam bidang berkaitan kepada usahawan;*
	
	• *Prestasi kewangan yang tidak konsisten adalah kerana pengilangan secara kontrak (contract manufacturing) amat bergantung kepada permintaan pasaran (market demand) untuk menjana pendapatan;*
	
	• *Peningkatan dan penurunan pendapatan serta keuntungan syarikat juga banyak bergantung kepada perubahan permintaan produk dari usahawan yang sentiasa berubah mengikut trend dan kehendak pasaran; dan*
	
	• *Polisi pembayaran wang pendahuluan yang rendah daripada usahawan telah menyebabkan usahawan mudah membatalkan pesanan yang mengakibatkan peningkatan jumlah hutang (bad debt) dan peningkatan inventori.*
	
	<u>Tindakan penambahbaikan</u>
	
	Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak syarikat untuk menambah pendapatan ialah dengan mempelbagaikan perkhidmatan seperti berikut:-
	
	• *Pengilangan kontrak kekal sebagai aktiviti utama syarikat. Selain daripada itu, syarikat juga memperolehi sumber pendapatan daripada:*
	  • *Analisa produk*
	  • *Tisu kultur*
	  • *Pembangunan dan formulasi produk*
	  • *Pendaftaran produk*
	  • *Latihan*
	  • *Konsultansi*
	  • *Penjualan dan pengedaran produk*
	  • *Analisa halal sebagai panel lab JAKIM*
	
	<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>
	• *Kepelbagaian sumber pendapatan telahpun bermula sejak tahun 2012*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan akan diteruskan mengikut permintaan dari industri dan usahawan.	
18.5.1.3.a	**Prestasi Aliran Tunai** Penyata Aliran Tunai memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat menjana dan menggunakan tunainya daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti perbelanjaan.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.1.3.d
18.5.1.3.b	Analisis terhadap aliran tunai syarikat mendapati aliran tunai TPM Biotech mencatatkan jumlah yang positif iaitu RM0.08 juta pada tahun 2011, meningkat menjadi RM0.26 juta pada tahun 2012 dan 2013.	
18.5.1.3.c	Selain itu, modal kerja dari aktiviti operasi mencatatkan peningkatan berjumlah RM2.22 juta (169.5%) pada tahun 2012 berbanding tahun 2011. Bagaimanapun, modal kerja menurun kepada RM1.07 juta (117.6%) untuk tahun 2013 berbanding tahun 2012.	

18.5.1.3.d	Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan pada tahun 2011, 2012 dan 2013 merupakan pembelian peralatan makmal dan pejabat.
	
	Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015
	
	• *Aliran tunai syarikat menunjukkan prestasi positif. Kestabilan aliran tunai adalah didorong oleh pelaksanaan tindakan strategik skim pembayaran baru yang dikenakan kepada pelanggan seperti berikut:-*
	
	  • *50% - bayaran pendahuluan (dahulunya 30%).*
	  • *30% - bayaran semasa penerimaan barang siap.*
	  • *20% - bayaran selepas 30 hari barang diterima.*
	
	Pembaharuan pada skim pembayaran oleh usahawan telah dibentangkan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada 18 Julai 2013.
	
	<u>Tindakan penambahbaikan</u>
	
	Tindakan penambahbaikan telah dilakukan seperti berikut:
	
	• *TPM Biotech akan mengekalkan polisi sedia ada yang diperkenalkan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	pada tahun 2013 dan akan dijalankan secara berterusan kerana terbukti telah membantu peningkatan aliran tunai syarikat. Pada pendapat Audit, prestasi kewangan TPM Biotech adalah baik namun menunjukkan kenaikkan dan penurunan yang ketara disebabkan oleh kelemahan dalam pengurusan aktiviti syarikat. Pihak syarikat perlu memberi perhatian untuk mengurangkan kos pentadbiran serta meningkatkan pengurusan inventori yang lebih sistematik.	
18.5.2.1.a	**Prestasi Aktiviti Syarikat - Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** Pihak pengurusan TPM Biotech telah menetapkan 5 elemen utama sebagai petunjuk prestasi utama (KPI) untuk dicapai bagi tempoh 2012 dan 2013 manakala 6 elemen utama bagi tahun 2014. Elemen yang dikenal pasti adalah berdasarkan pencapaian pendapatan, keuntungan sebelum cukai, peningkatan bilangan usahawan baru setiap tahun, peningkatan pembangunan produk baru yang dikeluarkan dan berjaya dipasarkan. Selain itu, bilangan perkongsian dan kerjasama yang strategik dengan agensi Kerajaan, syarikat swasta atau institut penyelidikan.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.2.1.d
18.5.2.1.b	Semakan Audit terhadap tahap elemen pencapaian KPI mendapati secara keseluruhannya TPM Biotech belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2012 dan 2013 hanya 3 elemen KPI yang mencapai sasaran manakala 3 lagi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Sehingga bulan Disember 2014 hanya 4 elemen KPI memenuhi sasaran manakala 3 elemen tidak dapat memenuhi sasaran yang ditetapkan. Laporan KPI ini ada dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan dikemukakan pencapaiannya kepada TPM dan MOSTI pada setiap suku tahun.	
18.5.2.1.c	Mengikut laporan KPI, pencapaian sasaran pendapatan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 adalah rendah daripada yang ditetapkan. TPM Biotech hanya memperoleh pendapatan berjumlah RM3.0 juta (50.9%) pada tahun 2012 dan RM5.59 juta (79.9%) pada tahun 2013. Bagaimanapun, pendapatan syarikat telah meningkat pada tahun 2014 berjumlah RM 5.51 juta (91.80%) berbanding sasaran yang ditetapkan.	
18.5.2.1.d	TPM Biotech telah mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM4.74 juta (1,529%) pada tahun 2012. Bagaimanapun, pada tahun 2013 syarikat telah memperoleh keuntungan berjumlah RM0.02 juta (5.6%) dan pada tahun 2014 telah mencapai keuntungan berjumlah RM0.02 juta (18.1%) berbanding sasaran yang ditetapkan pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Walaupun	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	syarikat telah mencapai keuntungan pada tahun 2013 dan 2014, syarikat masih tidak dapat memenuhi sasaran keuntungan yang telah ditetapkan. Pada pendapat Audit, pihak pengurusan TPM Biotech perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap elemen tidak dapat dicapai. Selain daripada pembentangan KPI kepada Lembaga Pengarah, satu pelan tindakan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi meningkatkan pencapaian prestasi setiap KPI. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Elemen utama petunjuk prestasi utama (KPI) adalah selari dengan KPI TPM Corporation di mana KPI syarikat induk perlu menyokong pencapaian KPI di peringkat kementerian. Terdapat beberapa halangan utama yang dikenal pasti mempengaruhi pencapaian KPI dan ianya adalah seperti berikut:-* • *Model perniagaan yang dilaksanakan adalah untuk membantu usahawan kecil dan sederhana yang tidak mendapat sebarang pembiayaan dan bergantung pada modal sendiri. Keadaan ini mendedahkan syarikat kepada pelbagai risiko seperti hutang yang tidak berbayar, usahawan yang tidak berdaya tahan dan permintaan pasaran yang tidak menentu.* • *Pengilangan dan pengeluaran produk adalah mengikut permintaan pelanggan yang berbeza-beza (jobbing) dalam kuantiti yang kecil dan tidak berskala besar dan tidak berterusan.* • *Keupayaan modal kewangan usahawan yang sedikit dan terhad untuk membiayai perkilangan produk secara berterusan dan memenuhi permintaan pasaran.* *KPI bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 (sebelum audit) menunjukkan trend pencapaian yang semakin baik berbanding tahun sebelumnya.* *<u>Tindakan penambahbaikan</u>* *Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Penggunaan model perniagaan yang baru telah menunjukkan prestasi syarikat yang lebih baik. Perubahan ini melibatkan perkara-perkara seperti berikut:- • *Skim pembayaran pendahuluan yang dinaikkan dari 30% kepada 50% sejak tahun 2013 (new term of payment) terhadap usahawan telah dapat menarik minat usahawan yang sebenar (genuine) dan berkeupayaan.* • *Pemilihan usahawan yang berkualiti dan berdaya tahan telah menyumbang kepada penambahan pesanan produk, aktiviti perkilangan dan makmal.* • *Lanjutan daripada perlantikan syarikat sebagai ahli panel makmal halal JAKIM pada 4 Februari 2015, pendapatan syarikat akan bertambah.* • *Prestasi KPI akan diteliti setiap tiga bulan sebagai langkah pemantauan.*	
18.5.2.2.b.i	**Pencapaian Sebenar Aktiviti Berbanding Sasaran** Pada tahun 2012, syarikat telah berjaya mencapai bilangan usahawan baru seramai 164 orang (273.3%) dan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 60 orang. Bagaimanapun pada tahun 2013 bilangan usahawan baru berkurangan sebanyak 100 (61%) daripada tahun 2012. Pada tahun 2014, bilangan usahawan baru yang dapat dibangunkan meningkat sebanyak 10 (15.6%) orang berbanding tahun 2013.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.2.2.b.iii
18.5.2.2.b.ii	Semakan Audit selanjutnya mendapati pembangunan produk baru yang dikeluarkan juga turut berkurangan pada setiap tahun. Laporan bagi produk siap diproses dan dikeluarkan bagi tahun 2013 menunjukkan penurunan dengan kadar 38.5% berbanding tahun 2012. Pada tahun 2014, sebanyak 75 produk baru dapat dikeluarkan.	
18.5.2.2.b.iii	Antara sebab sasaran dan KPI tidak dapat dicapai adalah pelaksanaan aktiviti tidak mengikut pelan perniagaan yang dirancang; kegagalan mengutip semula hutang dan pelupusan stok yang tinggi akibat daripada kelemahan dalam perancangan pembelian bahan mentah/asli; dan kurangnya aktiviti dalam promosi. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	6 Mac 2015 *Pelan perniagaan syarikat adalah berkait secara langsung kepada syarikat induk iaitu TPM Corporation, bagi menyokong sasaran pencapaian di peringkat Kementerian. Pencapaian sasaran dan unjuran syarikat dipengaruhi oleh faktor-faktor berikut:-* • *Perubahan pada terma pembayaran dari 30% ke 50% telah mengurangkan jumlah usahawan pada tahun 2013 kerana kurang berkemampuan. Walau bagaimanapun, bilangan usahawan yang berkualiti telah dapat ditingkatkan dengan pendekatan dan promosi yang efektif pada tahun 2014. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, pencapaian KPI untuk Bilangan Usahawan Baru dan Pembangunan Produk telah melebihi sasaran yang ditetapkan.* • *Permintaan pasaran (market demand) dan trend produk (market trend) yang sentiasa berubah.* *<u>Tindakan penambahbaikan</u>* *Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:* • *Promosi yang berterusan untuk menarik minat usahawan baharu dalam bidang perniagaan produk biotek.* • *Taklimat dan seminar kepada usahawan akan dijalankan sebagai pendekatan untuk memahami kehendak usahawan.* • *Pembangunan dan penambahan produk baharu yang memenuhi kehendak pasaran akan menarik minat usahawan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan produk biotek.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *Tindakan penambahbaikan telah dilakukan pada tahun 2013 akan dilakukan secara berterusan dan pemantauan akan dilakukan secara teliti.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
18.5.2.3.b	**Prestasi Aktiviti Pemasaran/Promosi** TPM Biotech telah menyediakan peruntukan pada setiap tahun bagi melaksanakan aktiviti pemasaran/promosi berjumlah RM102,000 pada tahun 2012, RM98,400 pada tahun 2013 dan RM65,000 pada tahun 2014. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya hanya 34.2% dibelanjakan untuk 3 tahun yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM90,884. Pada tahun 2012, kos perbelanjaan bagi aktiviti pemasaran berjumlah RM2,847 iaitu hanya 2.8% daripada keseluruhan peruntukan yang disediakan. Pada tahun 2013 sebanyak 54.6% telah dibelanjakan dengan kos berjumlah RM53,757. Manakala sehingga bulan Disember 2014 sejumlah RM34,280 (52.7%) telah dibelanjakan untuk aktiviti pemasaran/promosi. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Aktiviti promosi yang dijalankan oleh syarikat adalah berdasarkan matching concept, mengikut garis panduan syarikat induk iaitu TPM Corporation Sdn Bhd. Strategi sebegini adalah untuk mengimbangi perbelanjaan mengikut kaedah 'cost & benefit analysis' untuk memberi impak yang menyeluruh kepada program promosi TPM. Pendekatan ini telah dapat menjimatkan kos promosi dan pemasaran. Langkah yang diambil adalah seperti berikut:-* • *Penyertaan dalam aktiviti promosi dan pameran yang berimpak tinggi seperti MAHA, Halal Fest, MIHAS, Bio Malaysia dan SDSI (peringkat negeri dan nasional)* *<u>Tindakan penambahbaikan</u>* *Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:-* • *Mulai tahun 2013, promosi perkhidmatan syarikat telah dilaksanakan dengan penyertaan usahawan-usahawan untuk mempromosi produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh TPM Biotech.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.2.3.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Syarikat telah menganjurkan program 'Hari Bersama Usahawan' di Raub dan Perlis pada setiap bulan bagi tujuan mendekatkan masyarakat dengan peluang perniagaan produk herba dan bahan asli.* • *Penglibatan syarikat dalam program radio, televisyen, media sosial dan media cetak telah dimulakan.* *Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan* *Program promosi secara konsisten telah dijalankan sejak awal tahun 2014 dan akan dilakukan secara berterusan.* Pada pendapat Audit, pihak pengurusan perlu menilai semula keberkesanan aktiviti pemasaran dan faktor berkaitan yang menyumbang kepada halangan penyaluran maklumat aktiviti syarikat kepada usahawan dan bakal usahawan.	
18.5.2.4.b	**Prestasi Aktiviti Perkilangan** Semakan Audit mendapati dalam aktiviti perkilangan di Pusat Biotek Herba Raub dan Perlis tidak konsisten yang menyebabkan aktiviti perkilangan syarikat mengalami kerugian berjumlah RM0.38 juta pada tahun 2012 dan RM0.18 juta pada tahun 2013. Pada tahun 2014, syarikat berjaya menjana keuntungan berjumlah RM0.35 juta. Penurunan dan peningkatan bilangan sebut harga, arahan kerja dan keuntungan daripada aktiviti perkilangan memberi kesan kepada pendapatan syarikat secara keseluruhan. Pada pendapat Audit, secara umumnya aktiviti perkilangan menunjukkan *trend* penurunan yang berterusan dan ia akan memberi kesan jangka panjang terhadap pencapaian objektif utama syarikat. Adalah perlu pihak pengurusan harus merangka semula strategi perniagaan yang mengambil kira pengurusan perkilangan yang lebih berkesan. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Model perniagaan syarikat adalah memberi perkhidmatan kepada usahawan secara kontrak meliputi pengilangan produk, analisa produk dan halal, tisu kultur, pembangunan dan formulasi produk, pendaftaran produk, perundingan*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.2.4.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan latihan dalam bidang berkaitan. Sebagai contract manufacturer, aktiviti perkilangan adalah bergantung sepenuhnya kepada permintaan dari usahawan- usahawan. Lanjutan daripada penambahbaikan kepada penggunaan model perniagaan yang lebih efektif dan berkesan, aktiviti perkilangan sudah menunjukkan peningkatan. *Penurunan bilangan sebut harga (quotation) dan aktiviti pengilangan seperti yang dimaksudkan telah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:-* • *Aktiviti perkilangan di syarikat bergantung sepenuhnya kepada permintaan daripada usahawan yang bergantung sepenuhnya pada permintaan pasaran.* • *Kenaikan bayaran pendahuluan dari 30% kepada 50% telah mengurangkan usahawan yang tidak mempunyai daya saing. Usaha ini akan memberi kesan positif untuk jangka panjang di mana usahawan yang cekal, tulen dan berdaya saing akan dapat memberi pulangan yang konsisten kepada syarikat.* • *Kekurangan modal pusingan oleh usahawan telah menyebabkan penghasilan produk yang tidak berterusan.* • *Trend permintaan produk yg berubah dan keupayaan teknologi dan fasiliti pembuatan produk yang terhad telah turut menyumbang kepada penurunan permintaan.* • *Permintaan pasaran (market demand) yang semakin canggih dan saintifik menyebabkan penurunan permintaan terhadap perkhidmatan perkilangan produk yang sedia ada.* • *Bilangan pesaing (competitor) di kalangan agensi Kerajaan dan juga swasta yang meningkat sejak 3 - 5 tahun yang lepas memberi tekanan kepada syarikat untuk lebih kompetitif.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>:* • *Untuk terus berdaya saing dan memberi perkhidmatan yang terkini kepada usahawan-usahawan produk herba, pihak syarikat mencadangkan fasiliti yang sedia ada ditambah dengan mesin peralatan yang moden dan terkini supaya lebih banyak produk dapat dihasilkan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	untuk memenuhi permintaan pasaran. • *Pembangunan dan penyelidikan produk baharu yang lebih spesifik dan saintifik (bio-pharmaceutical product, disease oriented product) akan ditingkatkan untuk memenuhi permintaan domestik dan juga antarabangsa.* • *Syarikat akan memastikan setiap pesanan daripada pelanggan bukan sahaja dapat dipenuhi dalam masa yang ditetapkan malah menepati kualiti produk mengikut spesifikasi pelanggan.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* *Penambahbaikan di atas telah dilakukan sejak tahun 2013 dan akan dilakukan secara berterusan.*	
18.5.2.5.a	**Prestasi Pendaftaran Usahawan** Sumber pendapatan TPM Biotech banyak bergantung pada peningkatan bilangan pesanan pembangunan produk sama ada daripada usahawan baru atau lama mendaftar untuk mendapatkan perkhidmatan perkilangan, perkhidmatan makmal, pembangunan produk dan khidmat latihan. Semakan Audit mendapati bilangan usahawan baru yang mendaftar bagi mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan oleh TPM Biotech berkurangan pada tahun 2013 sebanyak 24.6%. Bagaimanapun, bilangan usahawan baru meningkat sebanyak 51% pada tahun 2014.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.2.5.b
18.5.2.5.b	Bagaimanapun, pada tahun 2013 terdapat peningkatan dalam mengulangi pesanan (*repeat order*) sebanyak 60.6% dan pendapatan berjumlah RM1.77 juta dapat dijana oleh TPM Biotech. Setakat bulan Disember 2014, seramai 148 usahawan yang mengulangi pesanan perkhidmatan dengan TPM Biotech. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Penurunan bilangan pendaftaran usahawan baharu adalah bergantung kepada keupayaan kewangan usahawan. Permintaan pasaran mempengaruhi penurunan permintaan terhadap perkhidmatan perkilangan dan pembuatan produk di TPM Biotech.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Seramai 148 usahawan telah mengulangi pesanan belian (repeat order) bagi tempoh Januari sehingga Disember 2014. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, pencapaian KPI untuk Bilangan Usahawan Baru adalah melebihi sasaran yang ditetapkan dan meningkat sebanyak 15% berbanding dengan hanya 98 pada tahun 2013. *<u>Tindakan penambahbaikan</u>* *Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:* *Bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan syarikat di kalangan usahawan dan meningkatkan bilangan usahawan baharu yang berterusan, langkah-langkah berikut telah dilakukan:* • *Meneruskan pemilihan usahawan yang lebih selektif.* • *Menambah produk baharu yang menarik minat usahawan seperti produk-produk kecantikan.* • *Mengadakan pemadanan perniagaan (business matching) antara usahawan dan pasar raya (AOEN Big) untuk memberi ruang pada produk usahawan tempatan.* • *Mengadakan kerjasama strategik dengan pengilang yang lain bagi membolehkan produk usahawan dapat diproses dan dikilangkan oleh syarikat.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *Aktiviti ini telah dilakukan sejak Julai 2014 dan akan dilakukan secara berterusan oleh syarikat.*	
18.5.3	**Pengurusan Aktiviti Syarikat** Sumber pendapatan utama syarikat adalah daripada aktiviti perkhidmatan perkilangan, penyelidikan makmal, pembangunan *tissue culture,* pembangunan produk, pendaftaran dan perundangan serta latihan dan khidmat nasihat. Analisa Audit mendapati sehingga tahun 2011 syarikat	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	memperoleh pendapatan utama dijana daripada aktiviti perkhidmatan perkilangan berjumlah RM3.09 juta (61.3%). Bagaimanapun, pada tahun 2012, 2013 dan 2014 berlaku perubahan kepada pendapatan utama syarikat di mana pendapatan utama syarikat dijana daripada aktiviti latihan dan khidmat nasihat berjumlah RM2.19 juta (73%), RM2.72 juta (48.7%) dan RM2.39 (43.3%) masing-masing. Ini memberi kesan kepada hala tuju syarikat daripada keutamaan pembangunan produk bagi membantu usahawan kepada aktiviti latihan dan khidmat nasihat yang lebih menguntungkan. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 • *Pendapatan utama syarikat adalah daripada aktiviti pengilangan kontrak, perkhidmatan analisa makmal dan Halal, pembangunan kultur tisu, formulasi dan pembangunan produk, pendaftaran produk yang ditawarkan kepada usahawan kecil dan sederhana.* • *Dengan kepakaran dan fasiliti yang sedia ada pihak syarikat berkebolehan untuk memberi latihan kepada bakal graduan dan usahawan baharu yang ingin menceburi dalam bidang pembuatan produk herba dan kesihatan serta memberi kefahaman tentang industri bio processing, pembuatan produk kesihatan, nutraceutical dan kosmetik.* • *Dengan strategi ini pihak syarikat dapat menjana pendapatan sampingan dengan mengekalkan pendapatan aktiviti utama syarikat.* *<u>Tindakan penambahbaikan</u>* *Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:-* • *Mengadakan kerjasama strategik dengan UNIMAP, UiTM, USIM, UMT, UPM, MARDI, MARA, PUNB, PNS, TEKUN, SME CORP dan FAMA bagi meningkatkan penyertaan usahawan dalam pembuatan produk herba dan kesihatan.* • *Lebih banyak produk prototype akan dihasilkan untuk dikomersilkan oleh usahawan. Strategi pemasaran ini akan membantu*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	mempercepatkan proses pengkomersilan produk ke pasaran. • *Memberi latihan berkaitan teknikal dan pemasaran, bagi meningkatkan kebolehan dan pengetahuan staf untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada usahawan.* *Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan* • *Kerjasama strategik dengan rakan industri telah bermula sejak tahun 2013 akan dijalankan secara berterusan.* • *Sebanyak 14 produk prototype telah dihasilkan sehingga Februari 2015 untuk dikomersilkan.* • *Staf-Staf syarikat yang berkaitan akan diberi latihan yang berkaitan untuk memantapkan lagi pengetahuan dari segi teknikal dan teknik pemasaran yang efektif antaranya seperti 'Effective Communication Skills, Effective Marketing Strategy dan Jaw Dropping Presention Skills.* Pada pendapat Audit, penurunan yang berterusan dalam pendapatan daripada aktiviti utama syarikat perlu diberi perhatian oleh Lembaga Pengarah bagi menyediakan perancangan strategik yang boleh meningkatkan semula pendapatan daripada aktiviti perkilangan, perkhidmatan makmal, pembangunan *tissue culture* dan pembangunan produk. Ia bagi memastikan pelaburan Kerajaan untuk menambah bilangan usahawan bio tercapai.	
18.5.3.1.a.i	**Pengurusan Kontrak Perkilangan - Pengurusan Bahan Mentah - Pembelian Bahan Mentah Tidak Teratur** Bahan mentah merupakan bahan utama dalam pembangunan dan pengilangan produk yang perlu diuruskan dengan teratur kerana ia merupakan kos kepada syarikat. Bahan mentah yang dibeli daripada pembekal akan disimpan dalam stor pusat di Ibu Pejabat TPM Biotech sebelum dihantar ke kilang bagi pemprosesan produk. Setiap bahan mentah yang dibeli dan diterima hendaklah disimpan dan direkodkan mengikut jenis. Pemeriksaan berkala hendaklah dilaksanakan bagi menentukan kuantiti dan kualiti bahan sentiasa terjaga dan berkeadaan baik. Lawatan Audit ke stor penyimpanan dan rekod pembelian bahan mentah di Pusat Herba Biotek Raub, Pahang pada 10 September 2014 dan Pusat Herba Biotek Kangar, Perlis pada	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.3.1.a.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	24 September 2014 mendapati perkara berikut:- • pembelian bahan mentah adalah tidak teratur kerana tidak mengikut keperluan penggunaannya. Rekod pembelian bahan mentah menunjukkan sebanyak 17 jenis bahan mentah yang dibeli antara bulan Disember 2012 hingga Disember 2013 telah disimpan dalam stor penyimpanan bagi tempoh 473 hingga 645 hari. • peratusan penggunaan bahan mentah yang dibeli kurang daripada 42% dan ada bahan mentah yang tidak digunakan seperti Sodium Benzoate yang dibeli pada bulan Disember 2012. • Laporan bulanan stok ada disediakan dan dihantar oleh Pusat Biotek ke Ibu Pejabat TPM Biotech mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu pada akhir setiap bulan. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 • *Peratusan penggunaan bahan mentah yang rendah adalah disebabkan pembelian bahan mentah adalah berdasarkan kepada permintaan pembuatan dan perkilangan produk daripada usahawan sendiri. Berdasarkan kepada model perniagaan yang lama pembelian bahan mentah adalah oleh syarikat bagi membantu usahawan mendapatkan bahan mentah.* • *Pengilangan produk secara kontrak (jobbing) dengan kuantiti yang kecil telah menyumbang kepada lebihan bahan mentah yang dibeli.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* • *Dengan penggunaan ERP yang akan dilaksanakan pada 1 April 2015, pengurusan pembelian bahan mentah akan lebih tersusun. Aplikasi yang berintergrasi ini berupaya mengumpul, menyimpan, mengurus dan menterjemah data daripada kesemua aktiviti syarikat yang melibatkan jadual penerimaan bahan mentah, jenis bahan mentah, kos pengangkutan, bilangan pekerja yang diperlukan, tarikh produk perlu siap dan penghantaran produk kepada usahawan.* • *Pemantauan melalui Production Planning & Control telah menunjukkan*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kesan positif kepada pengurusan pembelian dan penggunaan mentah Oleh itu pihak pemasaran, pembeli dan pengilang dapat menentukan kuantiti yang optimal untuk mengelak sebarang pembaziran bahan mentah yang mengikut jadual dapat dilaksanakan. *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *Penggunaan aplikasi ERP akan bermula 1 April 2015 akan membantu dalam pengurusan bahan mentah dengan lebih efisyen dan tersusun.*	
18.5.3.1.a.ii	**Bahan Mentah Luput Tarikh** Setiap bahan mentah yang dibeli mempunyai tarikh akhir sah pengunaannya. Semakan Audit ke atas rekod stok dan penyata kewangan tahun 2012 mendapati sebanyak 59 jenis bahan mentah bernilai RM1.77 juta telah dilupuskan. Lembaga Pengarah TPM Biotech melalui mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2012 bertarikh 25 April 2012, telah memberi kelulusan untuk melupuskan stok tersebut. TPM Biotech memaklumkan bahawa pelupusan perlu dibuat kerana stok telah disimpan terlalu lama, telah usang, tidak boleh digunakan lagi dan telah luput tarikh sah penggunaannya. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 • *Apabila usahawan tidak mampu dan membatalkan pesanan, bahan mentah yang dibeli khas untuk usahawan tersebut tidak dapat digunakan untuk produk-produk lain dan terpaksa dilupuskan apabila tamat tempoh hayat (expiry date). Pelupusan bahan mentah tersebut telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* *Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:* • *Penggunaan bahan mentah yang khusus dibekalkan oleh usahawan sendiri.* • *Pemilihan usahawan yang lebih selektif dan berkualiti.* • *Menaikkan wang pendahuluan dari 30% kepada 50%.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.3.1.a.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u> *Tindakan penambahbaikan telah dilakukan sejak tahun 2013 dan akan dilakukan secara berterusan.*	
18.5.3.1.a.iii	**Penggunaan Kad Stok** Kad stok perlu disediakan bagi merekod perihal barang, lokasi, kuantiti, tarikh terima, pergerakan keluar masuk stok dan baki oleh penjaga stor. Ini memudahkan penjaga stor memastikan sama ada kuantiti atau paras stok mencukupi untuk menampung keperluan pengeluaran produk dan kilang dapat terus beroperasi. Semakan Audit terhadap 30 kad stok bahan mentah di Stor Utama Bukit Jalil mendapati perkara berikut:- • kad stok tidak diisi dengan lengkap; • kuantiti dan status bahan mentah tidak dapat dipastikan; • tidak dinyatakan timbangan berat stok sama ada dalam gram, kilo atau unit; • tiada nombor rujukan nota penghantaran; • tiada rekod pergerakan stok keluar masuk; dan • bahan mentah menjadi usang dan rosak. Semakan Audit selanjutnya terhadap kad stok di Pusat Biotek Herba Raub, Pahang dan Pusat Biotek Herba Kangar mendapati perkara berikut:- • kad stok tidak kemas kini dan tidak lengkap; • pergerakan stok keluar dan masuk tidak direkodkan dengan teratur dan tidak mengikut sistem FIFO/LIFO ; • tiada nombor penghantaran (*delivery order*); dan • kad stok tidak diletakan di tempat yang sesuai dan hanya diletakan di atas bahan mentah yang boleh menyebabkan kad tersebut hilang. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 2015 *Penggunaan stok kad secara manual telah menyumbang kepada masalah yang dibangitkan.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.3.1.a.iii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<u>Tindakan Penambahbaikan</u> *Tindakan penambahbaikan yang diambil oleh syarikat adalah seperti berikut:* *Pengurusan stok melalui ERP yang akan di laksanakan pada April 2015 akan dapat menyelesaikan masalah pengurusan stok dan bahan mentah. Aplikasi yang berintegrasi ini berupaya mengumpul, menyimpan, mengurus dan menterjemah data daripada kesemua aktiviti syarikat yang melibatkan jadual penerimaan bahan mentah, jenis bahan mentah, kos pengangkutan, bilangan pekerja yang diperlukan, tarikh produk perlu siap dan penghantaran produk kepada usahawan.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *Perlaksanaan ERP akan bermula pada 1 April 2015 dan akan banyak membantu syarikat dalam menguruskan aktiviti dan proses perniagaan syarikat.*	
18.5.3.1.c.i	**Pengurusan Peralatan Kilang - Aset / Peralatan Kilang Tidak Digunakan** Semakan Audit terhadap 40 sampel peralatan utama pemprosesan yang diserahkan kepada Pusat Biotech Herba Raub dan Kangar mendapati sebanyak 5 buah aset/peralatan tidak pernah digunakan langsung manakala sebanyak 7 aset/peralatan digunakan antara satu hingga 10 kali sepanjang tempoh 2 tahun dari tahun 2013 hingga 2014. Keseluruhan penggunaan peralatan berkenaan adalah di antara 1 hingga 88 kali setahun. Pada pendapat Audit, peralatan kilang perlu digunakan secara optimum supaya pelaburan yang dibuat dapat memberi pulangan yang sewajarnya. Jika tiada keperluan, ia boleh disewa kepada agensi lain atau dijual daripada menjadi usang dan lusuh. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 *Peralatan dan mesin yang terdapat di kedua-dua tempat ini adalah bagi kegunaan pemprosesan produk-produk usahawan. Ini berdasarkan trend permintaan industri dan usahawan. Di antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini adalah seperti berikut:*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.3.1.c.i

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Penggunaan mesin adalah bergantung kepada permintaan pelanggan dan jenis produk yang akan diproses mengikut spesifikasi setelah rundingan dan persetujuan dicapai. Setakat Disember 2014, 5 buah mesin tersebut telah digunakan untuk produk usahawan.* • *Mesin-mesin yang tidak kerap dipakai masih di peringkat percubaan untuk mencapai spesifikasi produk sementara menunggu Job Order' dan Confirm Order daripada usahawan.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* *Tindakan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:* • *Mengadakan kerjasama strategik dengan UNIMAP, UiTM, Politeknik di Negeri Perlis, MARDI dan FAMA bagi menambah pengilangan produk.* • *Mengadakan perbincangan dan kerjasama strategik dengan Persatuan Peniaga Muslim Thailand untuk mengutilisasikan mesin-mesin tersebut.* • *Kajian "reinvestment" untuk menggantikan mesin-mesin tersebut dengan mesin terkini secara "trade off" contoh : mesin untuk softgel dan liquid sachet berdasarkan permintaan pasaran terkini.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *Perbincangan dengan prospek industri telah dilakukan dan untuk penyewaan aset-aset tersebut sedang dibuat sejak Jun 2013.*	
18.5.3.1.c.ii	**Penyediaan Pelan Penyenggaraan Dan Pemantauan Peralatan Kilang** • **Aset Masih Dalam Penyenggaraan** Sehingga 12 September 2014 sebanyak 5 mesin/peralatan kilang TPM Biotech Raub dan 18 mesin/peralatan TPM Biotek Kangar masih dalam tempoh penyenggaraan. Tempoh penyenggaraan adalah di antara 141 hingga 780 hari. Tempoh penyenggaraan yang panjang mengakibatkan peralatan tersebut tidak dapat digunakan, mengganggu operasi kilang dan menyebabkan pelanggan/usahawan lewat menerima produk mereka. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.3.1.c.ii

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Penyenggaraan yang berjadual belum dilaksanakan disebabkan kadar penggunaan mesin yang masih rendah. Tempoh yang panjang untuk sesetengah mesin untuk diselenggara adalah disebabkan kerosakan kecil yang tidak menjejaskan keseluruhan operasi mesin tersebut.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* *Tindakan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:* • *TPM Biotech akan melakukan penyenggaraan mesin secara berkala.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *Jadual penyenggaraan mesin akan disediakan pada bulan April 2015 dan perbincangan dengan pembekal telah pun diadakan.* Pada pendapat Audit, perancangan penyenggaraan yang berkesan termasuk penyenggaraan preventif boleh mengurangkan risiko kerosakan mesin. Pihak pengurusan perlu merancang menyediakan pelan penyenggaraan bagi setiap mesin/aset di kilang supaya tidak mengganggu perjalanan operasi kilang yang boleh menjejaskan pendapatan syarikat.	
18.5.3.2.b	**Latihan dan Khidmat Nasihat** Semakan Audit selanjutnya mendapati TPM Biotech juga menyediakan khidmat perundingan yang menyumbang kepada pendapatan syarikat. Bagi semua perkhidmatan perundingan ini satu perjanjian kontrak telah dimeterai dan satu laporan mengenai perkhidmatan ini telah dikeluarkan. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 • *Syarikat bersetuju dengan saranan audit yang mana selari dengan tujuan dan aktiviti penubuhan syarikat. Khidmat nasihat, bimbingan dan latihan adalah amat penting bagi melahirkan usahawan yang berjaya.* *<u>Tindakan Penambahbaikan</u>* *Tindakan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.3.2.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	• *Meningkatkan promosi syarikat secara menyeluruh. Perkhidmatan syarikat bukan sahaja kepada masyarakat usahawan kecil dan sederhana tetapi kepada penyelidik dan industri berkaitan supaya aktiviti perkilangan berterusan dan berskala besar dapat terus mencari penyumbang utama pendapatan syarikat.* *Memandangkan penerimaan pasaran terhadap latihan dan khidmat nasihat yang ditawarkan oleh TPM Biotech amat memberangsangkan, TPM Biotech akan menjadikan peluang perniagaan ini sebagai penambahan kepada 'core business' yang sedia ada bagi memastikan pendapatan syarikat sentiasa konsisten.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *TPM Biotech telah memasarkan servis ini bermula tahun 2013 dan akan dijalankan secara berterusan.* Pada pendapat Audit, perkhidmatan perundingan dan latihan boleh menjadi antara penyumbang terbesar pendapatan kepada syarikat dengan memberi fokus kepada pembangunan usahawan bio negara. Namun begitu pendapatan aktiviti perkilangan juga perlu di beri perhatian yang merupakan sebahagian objektif utama penubuhan syarikat.	
18.5.4.1	**Pengurusan Akaun Belum Terima** Kawalan kutipan bayaran dari pelanggan/usahawan penting bagi memastikan perniagaan dapat diteruskan dan berdaya maju. Inisiatif dan keberkesanan proses kutipan perlu diterapkan. Semakan Audit terhadap penyata kewangan syarikat mendapati sejumlah RM4.81 juta RM3.90 juta dan RM3.75 juta penghutang masing-masing dilaporkan dalam penyata kewangan syarikat pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Maklum Balas Pengurusan TPM Biotech Sdn. Bhd. Yang Diterima Pada 6 Mac 2015 • *Terdapat usahawan-usahawan yang mengalami masalah kewangan dan telah diberi kelonggaran oleh pihak syarikat. Namun masih terdapat usahawan yang gagal melunaskan hutang kepada syarikat.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 18.5.4.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<u>Tindakan Penambahbaikan</u> *Tindakan yang diambil oleh pihak syarikat adalah seperti berikut:-* • *Pihak pengurusan telah mengambil tindakan undang-undang dan juga menggunakan khidmat ejen pengutip hutang untuk memastikan setiap hutang dapat dikutip. Dengan tindakan ini baki hutang setakat 31 Disember 2014 telah menurun kepada 2.73 juta.* • *Syarikat akan lebih selektif dalam pemilihan usahawan dan penggunaan sistem ERP dijangka akan banyak membantu di dalam mengawal akaun-akaun penghutang.* *<u>Tarikh / tempoh jangkaan selesai tindakan</u>* • *Perlaksanaan ERP akan bermula pada 1 April 2015 dan akan banyak membantu syarikat dalam menguruskan aktiviti dan proses perniagaan syarikat.*	

MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 1 TAHUN 2014

KEMENTERIAN KEWANGAN

Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan

Perenggan 19 : Pengurusan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.3.a	**Prestasi Aliran Tunai** Penyata aliran tunai memberikan maklumat mengenai keupayaan syarikat untuk menjana aliran tunai daripada operasinya serta penggunaan untuk menampung perbelanjaan.	<u>**Maklum Balas Sehingga 20 Mac 2015**</u> Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, KMP mencatat keuntungan selepas cukai sebanyak RM3.65 juta. Setakat 31 Disember 2014, KMP juga telah membayar balik pinjaman Kerajaan sebanyak RM45.0 juta. Jumlah bayaran balik ini adalah mengikut perjanjian jadual bayaran balik pinjaman.
19.5.1.3.b	Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, KMP merekodkan defisit aliran tunai dari aktiviti operasi. Bagaimanapun, defisit ini berkurangan daripada RM6.90 juta pada tahun 2011 kepada RM2.53 juta pada tahun 2013. Bagi aktiviti pelaburan, KPM merekodkan pulangan positif aliran tunai bagi tiga tahun berturut-turut. Aliran tunai positif bagi aktiviti pelaburan disumbang oleh perolehan dividen pelaburan serta keuntungan pelupusan pelaburan. Aktiviti pembiayaan pada tahun 2013 juga menunjukkan pulangan positif kerana mendapat suntikan dana modal teroka Elektronik dan Elektrik daripada Kerajaan berjumlah RM50 juta. Pada akhir tahun kewangan 2013, syarikat mempunyai tunai dan persamaan tunai berjumlah RM56.78 juta yang terdiri daripada deposit tetap berjumlah RM4.65 juta serta tunai di tangan dan bank berjumlah RM52.13 juta. Manakala pada akhir tahun kewangan 2010 dan 2011, tunai dan persamaan tunai syarikat masing-masing berjumlah RM17.78 juta dan RM8.07 juta. Secara keseluruhannya, aliran tunai KMP masih menunjukkan kedudukan yang positif bagi 3 tahun berturut-turut. Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KMP bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013 berada pada tahap baik di mana syarikat merekodkan peningkatan keuntungan bersih syarikat berjumlah RM6.34 juta (152.8%) pada tahun 2012 dan RM4.07 juta (185.8%) pada tahun 2013. Sebahagian besar nisbah kewangan adalah memuaskan dan syarikat ini berupaya beroperasi walaupun dengan hanya menggunakan dana pembiayaan daripada Kerajaan. Secara keseluruhan KMP mempunyai baki tunai dan persamaan tunai yang kukuh pada tahun 2013 iaitu berjumlah	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RM56.78 juta terutama aliran tunai masuk daripada pinjaman yang diperoleh untuk Dana Elektronik dan Elektrik (*E & E) Fund* dan juga tunai daripada pelupusan pelaburan. Maklum Balas KMP Yang Diterima Pada 28 November 2014 *Setakat 30 September 2014, KMP telah merekodkan keuntungan sejumlah RM3.14 juta. Aliran tunai positif dari aktiviti pelaburan dari tahun 2011 hingga 2013 disebabkan KMP telah melupuskan sebahagian pegangan pelaburan bagi tujuan bayaran balik pinjaman Kerajaan. Setakat ini, KMP telah membayar balik pinjaman Kerajaan sejumlah RM40 juta berdasarkan jadual bayaran balik.*	
19.5.2.1.d	**Prestasi Aktiviti - Aktiviti Pembangunan / Perpindahan Teknologi** Bagi mengukur aktiviti pembangunan/perpindahan teknologi daripada syarikat portfolio hasil daripada pelaburan modal teroka, KMP telah menyenaraikan 8 kategori iaitu pertukaran lokasi Ibu Pejabat ke Malaysia, penubuhan cawangan di Malaysia, kerjasama penyelidikan, latihan, pemasaran, *outsourcing,* teknologi (IP) dan kerjasama perniagaan. Bagi mempengaruhi proses perpindahan teknologi dalam syarikat portfolio, KMP mempunyai kekangan kewangan untuk melabur sejumlah dana yang besar. Bagaimanapun, dengan dana yang terhad, KMP menyenaraikan pengukuran pencapaian perpindahan teknologi hasil daripada pelaburan dana modal teroka dalam syarikat portfolio sebagai ukuran pencapaian. Pada tahun 2011, KMP telah menyempurnakan 24 aktiviti perpindahan teknologi di mana 6 syarikat portfolio bagi aktiviti kerjasama penyelidikan, *outsourcing* dan teknologi (IP); 5 syarikat portfolio berjaya menjalinkan kerjasama perniagaan serta satu syarikat berjaya memasarkan produk. Aktiviti ini berkurangan dengan hanya 13 aktiviti pada tahun 2012 dan 9 aktiviti pada tahun 2013. Sehingga bulan Julai 2014, 4 aktiviti melibatkan 2 syarikat disenaraikan bagi aktiviti pembangunan teknologi (IP). Maklum Balas KMP Yang Diterima Pada 28 November 2014 *Aktiviti perpindahan teknologi berkurangan memandangkan tiada dana baru yang disalurkan kepada pihak KMP kecuali E&E Fund pada awal tahun 2014.*	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 19.5.2.1.d

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.2.1.e.i	**Pencapaian KPI** Jumlah keseluruhan pencapaian KPI syarikat berdasarkan peratusan pada tahun 2011, 2012, 2013 dan sukuan kedua tahun 2014 adalah baik di mana ia telah melebihi pencapaian minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan daripada sasaran KPI iaitu sekurang-kurangnya 80% (2011), 85% (2012 dan 2013) dan 90%(2014).	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 19.5.2.1.e.iii
19.5.2.1.e.ii	Penilaian pencapaian KPI secara individu bagi setiap elemen mendapati pada tahun 2011, pihak KMP tidak berjaya mencapai kesemua elemen yang telah ditetapkan. Bagi tahun 2012, hanya 1 elemen yang mencapai sasaran yang ditetapkan manakala 3 elemen tidak memenuhi sasaran. Bagi tahun 2013 hanya 2 elemen yang mencapai sasaran manakala 2 elemen lain tidak memenuhi sasaran yang ditetapkan. Manakala satu elemen telah berjaya dicapai bagi sukuan kedua tahun 2014. Pencapaian keseluruhan KPI telah meningkat dari tahun 2011 hingga sukuan kedua 2014. Bagaimanapun, pihak pengurusan KMP perlu menilai semula faktor yang menyebabkan KPI bagi setiap elemen tidak dicapai.	
19.5.2.1.e.iii	Laporan pencapaian KPI bagi tahun 2011 telah diluluskan dalam Resolusi Pengarah (*Directors Resolution*) pada 20 Januari 2012, sementara laporan pencapaian KPI tahun 2012 telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah kali yang ke 40 pada 23 Januari 2013. Laporan pencapaian KPI tahun 2013 dan 2014 telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah kali yang ke 43 pada 9 Januari 2014. Sementara pindaan KPI bagi tahun 2014 telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah kali yang ke 44 pada 10 Jun 2014. Kesemua KPI yang telah diluluskan telah dikemukakan kepada MKD pada setiap suku tahun. Pada pendapat Audit, prestasi pelaburan dana modal teroka KMP yang diuruskan secara langsung berada pada tahap memuaskan kerana berdasarkan rekod industri, dana modal teroka yang dilabur khususnya dalam fasa awal serta pengembangan akan mengambil masa secara purata 7 hingga 10 tahun bagi menjana pulangan yang memberangsangkan. KMP telah berjaya melupuskan 5 syarikat portfolio menerusi tawaran awam permulaan dengan keuntungan modal berjumlah RM2.97 juta dan satu menerusi pelaksanaan *Put Option* dalam tempoh yang munasabah. Dua dana modal teroka iaitu Perdana *Fund* dan Plug & Play *Fund* mencatatkan pulangan positif pelaburan keseluruhan portfolio. Namun begitu, pelaburan menerusi Perdana International *Fund* telah merekodkan defisit pulangan pelaburan dengan 3 syarikat portfolio bersamaan kos pelaburan berjumlah RM11.82 juta.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pelaburan ini telah dibuat peruntukan rosot nilai pelaburan sepenuhnya di mana KMP melabur secara terus dalam syarikat portfolio luar negara. Kerugian ini terpaksa ditanggung oleh syarikat atas risiko pulangan dana modal teroka yang dibuat. Bagi pelaburan secara *funds of funds*, pulangan daripada FCC belum diperoleh sepenuhnya memandangkan pelaburan tersebut matang pada tahun 2014 dengan pelanjutan 2 tahun tambahan manakala bagi dana HTVC, KMP hanya akan mendapat pulangan pelaburan setelah penyelesaian secara timbang tara dipatuhi oleh kedua-dua pihak. Maklum Balas KMP Yang Diterima Pada 28 November 2014 *Pada masa ini, pihak pengurusan KMP menumpukan aktiviti pelaburan berkaitan dengan dana yang baru diterima pada awal tahun 2014 iaitu E&E Fund. Bagi dana terdahulu iaitu Perdana Fund, Plug & Play Fund dan Perdana International Fund yang diurus secara langsung, pihak KMP menumpukan kepada aktiviti pelupusan pelaburan untuk pembayaran balik pinjaman Kerajaan. Tiada pelaburan baru yang akan dibuat melalui dana tersebut. Pihak pengurusan KMP menjangkakan kesemua pelaburan ini akan dapat dilupuskan dalam masa tiga tahun akan datang (2015 hingga 2017).* *Bagi pelaburan secara funds of funds iaitu Flagship Fund, pihak KMP bersama pelabur lain (Asian Development Bank, Shamil Bank of Bahrain dan UOB Bank Singapore) telah melantik pengurus dana yang baru berdasarkan prestasi pengurus dana sebelum ini. Objektif utama ialah untuk melupuskan kesemua pelaburan menjelang tahun 2017.*	
19.5.2.2.a	**Pengurusan Aktiviti - Sumber Dana Aktiviti Modal Teroka Awam** Bagi menjalankan aktiviti modal teroka, KMP telah menerima sejumlah RM287.5 juta peruntukan dalam bentuk pinjaman daripada Kerajaan di mana sejumlah RM30 juta daripada pinjaman mudah fasiliti pertama telah ditukar kepada suntikan ekuiti Kerajaan pada tahun 2009 memandangkan KMP menghadapi kekangan aliran tunai. Pinjaman fasiliti pertama ini sepatutnya mula dibayar pada tahun 2007. Bagaimanapun, bayaran balik distruktur sebanyak 2 kali bagi mengurangkan beban KMP membayar semula komitmen kepada Kerajaan berdasarkan jangkaan pulangan pelaburan. Sehingga bulan Ogos 2013, KMP telah membayar sejumlah RM40 juta pinjaman berdasarkan jadual bayaran balik yang diluluskan.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 19.5.2.2.b

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.2.2.b	**Pengurangan Saiz Dana Modal Teroka Daripada Kerajaan** Sebagai syarikat pengurusan modal teroka awam, suntikan dana daripada Kerajaan merupakan sumber utama penggerak aktiviti pelaburan KMP bagi menjayakan mandat objektif penubuhannya. Sumber dana pelaburan modal teroka daripada KMP bergantung sepenuhnya daripada Kerajaan menerusi peruntukan yang disalurkan secara pinjaman. Mulai tahun 2001 hingga bulan Disember 2013, KMP telah diberi mandat untuk menguruskan sejumlah RM287.5 juta bagi memperkembangkan pembangunan teknologi melalui model dana modal teroka. Dana pertama sejumlah RM190 juta disalurkan menerusi RMKe-8 pada tahun 2001 manakala dana kedua berjumlah RM47.50 juta disalurkan menerusi RMKe-9 pada tahun 2006 bagi inisiatif dana modal teroka menerusi Flagship Capital Corporation. Seterusnya, pada akhir tahun 2013, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM50 juta kepada KMP sebagai pelaburan modal teroka dalam Sektor Elektronik dan Elektrikal. Adalah didapati, dana modal teroka yang diuruskan oleh KMP telah dilaburkan sepenuhnya. Peruntukan dana bagi Perdana *Fund*, Plug & Play *Fund* dan Perdana International *Fund* diperoleh melalui suntikan dana pada tahun 2001 berjumlah RM74.40 juta manakala pelaburan yang dibuat sehingga tahun 2014 berjumlah RM79.46 juta. KMP juga menggunakan sejumlah RM45.60 juta daripada peruntukan tahun 2001 sebagai komitmen pelaburan dalam dana HTVC. Pelaburan modal teroka yang menggunakan dana yang diperoleh pada tahun 2001 dalam fasa pelupusan di mana pulangan pelaburan tidak dilaburkan semula dan digunakan untuk membayar semula pinjaman Kerajaan. Selain itu, pelaburan awal dalam dana Flagship pada tahun 2004 dan penubuhan projek rekabentuk mikrocip sebagai pusat latihan yang dilaksanakan oleh Symmid Corporation Sdn. Bhd. juga menggunakan peruntukan daripada dana tahun 2001. Berdasarkan bajet KMP tahun 2014, hanya RM3 juta diperuntukkan bagi pelaburan baru menerusi dana Perdana dan Plug & Play memandangkan baki dana tersebut sehingga bulan Ogos 2014 hanya RM6.88 juta dan RM9.09 juta. Seterusnya, *management fee* tidak dikhususkan bagi pengurusan dana modal teroka pada tahun 2001. Kerajaan hanya memperuntukkan sejumlah RM7.6 juta bagi 5 tahun perbelanjaan operasi (2001 - 2005) dan sejumlah RM1.9 juta kontigensi. Sungguhpun KMP masih mempunyai lebihan daripada 3 dana pelaburan (termasuk rekupmen berjumlah RM22.45 juta) berjumlah RM17.38 juta pada akhir bulan Julai 2014, namun ekuiti syarikat pada akhir tahun 2013 menunjukkan defisit berjumlah RM17.41 juta. Selepas 12 tahun menerima peruntukan Kerajaan, KMP telah diluluskan peruntukan dana baru berjumlah RM50 juta pada bulan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Disember 2013 bagi menguruskan modal teroka dalam sektor Elektronik dan Elektrikal. Kekangan peruntukan daripada Kerajaan bagi menggerakkan projek dana modal teroka baru adalah disebabkan perkongsian dana modal teroka dengan syarikat modal teroka awam yang lain seperti MAVCAP, MTDC, Cradle Fund Sdn. Bhd. dan MDV serta perubahan polisi serta keutamaan Kerajaan bagi menjana ekonomi keseluruhan. Kesannya, KMP tidak aktif membuat pelaburan baru di mana bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, hanya 2 pelaburan baru dibuat iaitu RM1.5 juta (2012) dan RM0.50 juta (2013) serta hanya menumpukan kepada aktiviti pelupusan pelaburan bagi menjelaskan semula pinjaman daripada Kerajaan. Semakan Audit mendapati KMP juga telah membuat permohonan kepada pihak Kerajaan bagi menguruskan Dana Ekuiti Swasta dari bulan Mac 2011 sehingga bulan November 2013. Bagaimanapun, tiada keputusan daripada pihak Kerajaan berhubung perkara tersebut. Pada pendapat Audit, KMP hendaklah memastikan pencapaian syarikat memenuhi objektif penubuhan supaya terus mendapat mandat/kepercayaan Kerajaan menguruskan dana modal teroka awam. Selain itu, Kementerian Kewangan perlu meneliti segera cadangan KMP bagi mengurangkan kebergantungan sepenuhnya peruntukan dana Kerajaan dengan memastikan kepentingan Kerajaan dijaga agar inisiatif perluasan aktiviti modal teroka dapat dicapai. Maklum Balas KMP Yang Diterima Pada 28 November 2014 *Pihak KMP telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada bulan Oktober 2014 bagi menjalin kerjasama dengan Foundation for Global Advancement (FGA). Kerjasama ini melibatkan fund raising dan pengurusan dana modal teroka swasta. Pada masa ini, pihak KMP sedang berunding dengan pihak FGA mengenai perkara ini. Pihak KMP berharap Kementerian Kewangan dapat memberi kelulusan kepada KMP bagi menguruskan dana swasta secara umum untuk membolehkan/memudahkan proses perundingan antara pihak terbabit.*	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.2.2.c	***Mismatch* Antara Tempoh Matang Pelaburan Syarikat Portfolio Dengan Tempoh Bayaran Balik Pinjaman Kepada Kerajaan** Berdasarkan amalan terbaik, terma dan syarat pinjaman perlu dipadankan dengan jangkaan tempoh matang portfolio pelaburan bagi mengelakkan risiko padanan. Adalah didapati berlaku *mismatch* antara tempoh matang portfolio pelaburan dengan tempoh bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan di mana pelaburan portfolio jangka panjang dipadankan dengan pembayaran pinjaman jangka masa sederhana. Bayaran balik fasiliti pertama 2001 berjumlah RM190 juta adalah pada bulan Jun 2007 dengan bayaran ansuran pertama sejumlah RM38 juta. Bagaimanapun, aktiviti pelaburan modal teroka bagi dana HTVC dimulakan pada tahun 2004, iaitu 3 tahun lewat daripada sepatutnya disebabkan isu rundingan, penilaian *General Partner* serta struktur dana. Bagi pelaburan secara langsung pula, aktiviti pelaburan modal teroka menerusi 3 dana dibuat antara tahun 2005 hingga 2013 [Perdana *Fund* (2005 hingga 2009), Plug & Play *Fund* (2009 hingga 2013) dan Perdana International *Fund* (2005 hingga 2010)] dengan 46% daripada syarikat portfolio adalah pada fasa awal. Secara perbandingan industri modal teroka, syarikat portfolio yang berada pada fasa ini memerlukan 7 hingga 10 tahun untuk menjana pulangan pelaburan di mana pulangan pelaburan secara puratanya akan diperoleh pada tahun 2012. Sehingga bulan Ogos 2014, hanya 5 syarikat peringkat *mezzanine* berjaya dilupuskan sepenuhnya dengan keuntungan pelupusan berjumlah RM2.97 juta. Pelupusan pertama ekuiti adalah pada tahun 2010 melibatkan 2 syarikat. Disebabkan ketidakupayaan KMP menjana pendapatan bagi membayar pinjaman Kerajaan pada tahun 2007, Kementerian Kewangan meluluskan penstukturan pinjaman pertama pada bulan September 2009 di mana bayaran balik bermula pada bulan Disember 2010 dan menukarkan pinjaman sejumlah RM30 juta kepada ekuiti. Pada bulan Disember 2013, fasiliti ini distruktur bagi kali kedua dari segi tempoh dan amaun ansuran memandangkan kedudukan kewangan KMP masih belum stabil. Hal ini disebabkan kes perundangan HTVC yang berpanjangan dan masih dalam proses penyelesaian, KMP memperoleh pulangan yang rendah daripada kos pelaburan serta kesesuaian masa *exit* disebabkan perubahan pasaran (*market volatility*). Kesannya, aktiviti pelaburan semula/pelaburan baru dikurangkan bagi membayar semula pinjaman Kerajaan sekaligus memberi kesan kepada peluang pelaburan dana modal teroka kepada usahawan baru dalam bidang teknologi. Bagi dana E&E pula, berdasarkan perjanjian, bayaran balik bermula tahun	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 19.5.2.2.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	2017 manakala perancangan *exit* bagi syarikat portfolio sedia ada adalah pada tahun 2018. Terma perjanjian bagi dana ini juga tidak menepati struktur risiko modal teroka di mana 4% kadar faedah dikompaunkan dalam bayaran bermula pada tahun keempat iaitu pada tahun 2017. Ini menyebabkan KMP terpaksa menumpukan pelaburan dalam syarikat portfolio yang berada pada fasa pengembangan bagi memastikan memperoleh pulangan pelaburan dalam tempoh sekurang-kurangnya 4 tahun. Pada pendapat Audit, penetapan terma dan syarat pinjaman perlu bersesuaian dengan objektif dana modal teroka. Sekiranya tumpuan dana adalah bagi syarikat tahap awal, tempoh bayaran balik seharusnya bersesuaian dengan tempoh matang pelaburan. KMP juga perlu memastikan syarikat mempunyai pelan bersesuaian supaya jangka masa pelaburan yang dibuat adalah selari dengan terma pinjaman. Maklum Balas KMP Yang Diterima Pada 28 November 2014 *Pihak KMP bersetuju dengan syor Jabatan Audit Negara. Berdasarkan terma Dana E&E, pihak KMP akan lebih menumpukan pelaburan terhadap syarikat yang berada di tahap expansion berbanding tahap startup memandangkan pihak KMP akan mula membayar balik pinjaman Kerajaan pada tahun 2017.*	
19.5.2.2.d	**Risiko Portfolio** Portfolio pelaburan mengandungi beberapa pelaburan di syarikat berasingan di mana risiko pulangan pelaburan individu dapat dikurangkan. KMP membuat pelaburan dalam pelbagai sektor teknologi tinggi bagi memenuhi mandat perolehan teknologi. Oleh itu, wujud risiko di mana pulangan pelaburan daripada sesetengah syarikat penerima pelaburan adalah rendah/rugi. Adalah didapati, bagi Perdana *Fund*, 4 daripada 15 syarikat portfolio merekodkan kerugian modal berjumlah RM3.69 juta. Bagaimanapun, pelaburan di 2 syarikat portfolio tersebut telah dilupuskan sepenuhnya pada bulan Februari 2011 dan Mac 2012. Kerugian modal ini tidak memberi kesan yang signifikan kepada portfolio kerana ROI keseluruhan Perdana *Fund* pada bulan Ogos 2014 melebihi 100% dan tidak dipengaruhi oleh *capital loss* bagi 4 syarikat portfolio. Portfolio ini juga mempunyai pelaburan dana dalam 2 syarikat aktif dan menguntungkan. Bagi Plug & Play *Fund*, dana ini merekodkan sejumlah RM2.93 juta kerugian modal pada bulan Ogos 2014 di mana 2 syarikat portfolio telah dibuat peruntukan rosot nilai pelaburan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sepenuhnya manakala pelaburan dalam satu syarikat telah dilupuskan menerusi pelaksanaan *Put Option*. Kesannya, ROI keseluruhan dana Plug & Play pada bulan Ogos 2014 hanya mencapai 39.21% kesan kerugian daripada pelaburan bagi 3 syarikat penerima pelaburan. Antara faktor penyumbang kepada kerugian modal pelaburan dalam syarikat portfolio adalah kerana syarikat gagal membangunkan produk dan terpaksa ditutup menyebabkan pelaburan dalam subsidiari Malaysia ditukar kepada saham syarikat utama. Selain itu, keperluan dana yang besar bagi melaksanakan projek serta ketidakupayaan syarikat portfolio memenuhi perubahan industri. Pada pendapat Audit, risiko portfolio dapat dikurangkan sekiranya pelupusan pelaburan dibuat pada masa yang tepat, pemantauan berterusan dilaksanakan dari awal pelaburan dilaksanakan dan *disbursement* pelaburan dibuat secara berperingkat bagi syarikat portfolio yang masih belum stabil bagi mengurangkan risiko kerugiaan keseluruhan jumlah komitmen.	
19.5.2.3.i	***Venture Management System* (VMS)** Kontrak ditandatangani pada 26 Oktober 2010 iaitu 6 bulan selepas surat setuju terima ditandatangani (16 April 2010) oleh perunding.	Maklum balas adalah kekal seperti diperenggan 19.5.2.3.iii
19.5.2.3.ii	Pelan pengujian tidak disediakan bagi memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi kehendak pengguna, boleh digunakan dan berfungsi mengikut tujuan ia dibangunkan di mana tiada bukti laporan pengujian seperti *User Acceptance Test*, *Provisional Acceptance Test* (PAT), *Stress Test dan juga Final Acceptance Test* (FAT) dibuat. Selain itu, klausa pelan pengujian juga tidak dinyatakan dalam kontrak.	
19.5.2.3.iii	Data berkenaan maklumat bagi 6 syarikat portfolio yang telah dibuat pelupusan sepenuhnya tidak dikemas kini dalam medan berkaitan serta percanggahan data bilangan syarikat serta jumlah kos pelaburan. Berdasarkan data yang dikunci masuk dalam VMS, terdapat 27 syarikat portfolio pelaburan dengan kos pelaburan berjumlah RM31.34 juta. Bagaimanapun, data pemantauan secara *Excell* menunjukkan bilangan keseluruhan syarikat portfolio adalah 28 syarikat dengan kos pelaburan berjumlah RM80.96 juta. Pada pendapat Audit, sistem VMS merupakan pangkalan data yang menyimpan maklumat syarikat portfolio KMP. Terma utama pembangunan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sistem seharusnya dijelaskan dalam kontrak yang ditandatangani. Sistem ini juga seharusnya dikemas kini secara berterusan dan medan data yang disediakan perlu digunakan sepenuhnya bagi memastikan kesinambungan maklumat pelaburan. Maklum Balas KMP Yang Diterima Pada 28 November 2014 *Pihak KMP akan memastikan kesemua maklumat dikemas kini secara berterusan. Untuk makluman, perkara ini juga disebabkan oleh faktor perletakan jawatan beberapa kakitangan Bahagian Pelaburan (sokongan dan pengurusan) pada tahun 2014.*	
19.5.3.3	**Pelan Perniagaan** Syarikat perlu menyediakan pelan perniagaan dan menetapkan strateginya bagi mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Adalah didapati, rancangan korporat KMP - *Business Plan 2010-2015* telah diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, pelan perniagaan ini tidak dinilai semula pada tahun semasa di mana sasaran yang ditetapkan pada tahun 2010 tidak selari dengan keperluan semasa syarikat. Pada pendapat Audit, KMP perlu menilai semula pelan perniagaan yang disediakan supaya selari dengan aktiviti serta keperluan dana modal teroka dalam sektor Elektronik dan Elektrik. Pelan perniagaan jangka pendek perlulah jelas dan komprehensif bagi memastikan projek yang hendak dilaksanakan adalah menyeluruh, sistematik serta mencapai *outcome* dan objektif yang telah ditetapkan. Maklum Balas KMP Yang Diterima Pada 28 November 2014 *KMP bersetuju dengan syor Jabatan Audit Negara. KMP bercadang untuk membentangkan Rancangan Korporat KMP yang baru pada awal tahun 2015.*	Pengurusan KMP telah membentangkan draf Rancangan Korporat KMP bagi tahun 2015 kepada Lembaga Pengarah KMP pada 28 Januari 2015. Pihak Lembaga Pengarah telah mencadangkan beberapa tambahan kepada rancangan tersebut. Perkara ini akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah pada mesyuarat yang akan diadakan pada bulan April 2015.

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2015
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773